



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 14

Selasa

7 Ogos 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	9)
USUL-USUL:		
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	32)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	201)
- Melantik Sebuah Jawatankuasa Pemilih Bagi Tempoh Parlimen Ke-14	(Halaman	42)
- Memilih Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Bagi Majlis Parlimen Ke-14	(Halaman	44)
USUL MENTERI KEWANGAN:		
Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014	(Halaman	45)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018	(Halaman	48)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

Selasa, 7 Ogos 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta Perdana Menteri menyatakan bilakah laporan terakhir dan laporan tambahan Jawatankuasa Reformasi Institusi yang telah diserahkan kepada Majlis Penasihat (*Council of Eminent Persons*) dan Jabatan Perdana Menteri akan didedahkan kepada Ahli Parlimen dan orang awam.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, laporan terakhir Jawatankuasa Pembaharuan Institusi atau *Institutional Reforms Committee* (IRC) telah pun diserahkan kepada Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) pada 17 Julai tahun ini. Selanjutnya, laporan jawatankuasa tersebut telah pun diserahkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan ahli-ahli jawatankuasa tersebut telah pun berjumpa dengan Perdana Menteri pada 19 Julai tahun ini untuk menyampaikan cadangan-cadangan yang terkandung di dalam laporan akhir jawatankuasa tersebut. Dengan penyerahan laporan ini, Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa tersebut telah pun mencapai mandat ataupun *mandate* mereka sebelum tempoh 100 hari yang telah pun ditetapkan tamat.

Laporan terakhir ini mengandungi cadangan-cadangan pembaharuan yang merangkumi pelbagai institusi-institusi utama di negara kita. Jawatankuasa tersebut kini dalam proses menyampaikan laporan tambahan mereka yang akan diserahkan sebelum tempoh tersebut tamat.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, memandangkan laporan dan juga cadangan jawatankuasa ini berlandaskan kepada 60 janji jangka masa panjang yang terkandung di dalam Buku Harapan, maka kerajaan kini dalam proses meneliti laporan jawatankuasa ini sebelum sebarang keputusan diambil. Keputusan untuk mendedahkan laporan ini

secara umum akan dibuat setelah laporan ini dibincangkan secara terperinci oleh Jemaah Menteri dalam masa terdekat ini. Sekian, terima kasih.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Soalan tambahan, adakah dalam rancangan kerajaan untuk melibatkan dengan CSO akademik dan lain-lain pihak berkenaan untuk berbincang syor-syor yang disampaikan dan institusi mana yang akan diutamakan? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya atas soalan tambahan yang relevan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Petaling Jaya, penglibatan *civil society* ini ataupun NGO serta ahli-ahli akademik dan juga pihak-pihak yang berkepentingan ataupun orang awam yang berkenaan akan dilakukan apabila kerajaan ataupun Jemaah Menteri telah memutuskan hala tuju laporan ini. Seperti yang saya telah pun maklumkan tadi, laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi ini telah pun ditaklimatkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19 Julai 2018. Jadi buat masa ini, kerajaan kini sedang dalam proses meneliti laporan jawatankuasa ini sebelum sebarang keputusan diambil.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menerangkan secara ringkas proses kerja yang akan dilalui sekiranya keputusan dibuat untuk menyerahkan laporan jawatankuasa pembaharuan ini untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Jemaah Menteri boleh membuat keputusan untuk mengarahkan mana-mana pihak, Tuan Yang di-Pertua, atau kementerian berkenaan untuk melaksanakan cadangan-cadangan tersebut. Pada peringkat kementerian pula, cadangan tersebut akan diperincikan secara dasar dan akan diadakan konsultasi menyeluruh dengan pihak yang berkenaan seperti ahli-ahli akademik, *civil society organisations*, NGO, pakar industri, ahli-ahli pakar subjek ataupun *subject matter expert*, dengan izin, agensi kerajaan yang berkaitan, pusat pemikiran (*think tank*) dan juga pakar ekonomi dan kewangan. Jadi setelah sahaja selesai konsultasi tersebut, maka *stakeholder*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan juga kementerian akan memutuskan dasar atau *the policy directions of this matter*, dengan izin. Setelah perkara ini selesai, ia akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk diluluskan dan juga pihak Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Terima kasih.

■1010

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini dialu-alukan dan ia adalah penting. Dalam konteks tersebut adakah Yang Berhormat bercadang untuk memperakukan kepada Jemaah Menteri bahawa sebelum

dimuktamadkan, ia dirujuk kepada Parlimen, mungkin *Select Committee* di Parlimen supaya Ahli Parlimen dapat memberi input kepada jawatankuasa ini.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jeli. Cadangan daripada Yang Berhormat Jeli ini amatlah penting kerana selain daripada institusi yang telah pun dikemukakan termasuk juga reformasi di Parlimen ini, lapan institusi yang telah dikenal pasti untuk diteliti dicadangkan untuk pembaharuan ialah seperti Parlimen yang telah pun dicadangkan, termasuk juga pemisahan Peguam Negara dan juga Pendakwa raya dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi dan juga Suruhanjaya Pilihan raya.

Jadi dalam konteks Parlimen ini, mereka telah pun memberi cadangan yang sepenuhnya. Pihak kerajaan setakat ini dalam proses untuk meninjau seterusnya dan saya rasa laporan itu akan diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen di sini nanti dan saya akan mengambil maklum cadangan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat semua.

2. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah keseluruhan yang perlu dibayar kepada PDP untuk Projek LRT3; dan
- (b) Projek LRT3 dengan kadar baru serta spesifikasi juga telah berubah atau dikurangkan. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan akan membuka semula tender bagi projek ini?

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Kepala Batas. Tuan Yang di-Pertua, rakan pelaksana projek ataupun dengan izin, *Project Delivery Partner* (PDP) dilantik untuk projek LRT3 diberi fi sebanyak enam peratus daripada jumlah kontrak kerja atau *work packages* yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya dalam bidaan kontrak-kontrak kerja tersebut.

Semasa pentadbiran kerajaan terdahulu, fi asal PDP dianggarkan berjumlah sebanyak RM948 juta. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Pakatan Harapan telah meneliti semula kos projek tersebut dengan rapi memandangkan projek ini melibatkan jaminan kerajaan dan secara tidak langsung memberi implikasi kewangan kepada kerajaan. Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya mengurangkan

jumlah kos keseluruhan projek LRT3 daripada RM31.65 bilion kepada RM16.63 bilion atau penjimatan RM15 bilion, sebanyak 47 peratus daripada anggaran kos asal.

Antara langkah-langkah utama yang diambil untuk mengurangkan rasionalisasi kos projek ini termasuk:

- (i) mengurangkan jumlah tempahan daripada 42 set kereta api enam koc kepada 22 set kereta api tiga koc. Berdasarkan kajian pelaksanaan projek LRT3, 22 set kereta api tiga koc ini sudah memadai untuk menampung jumlah penumpang yang dijangkakan menggunakan perkhidmatan ini sehingga tahun 2035, sebelum sebarang penambahan jumlah set kereta api tiga koc dilaksanakan;
- (ii) mengurangkan saiz pembinaan pangkalan kereta api LRT berikutan bilangan kereta api LRT yang dikurangkan;
- (iii) mengubahsuai dan reka bentuk stesen LRT mengikut piawaian jajaran LRT Kelana Jaya dan bukannya mengikut saiz stesen MRT yang lebih besar;
- (iv) menangguhkan pembinaan lima stesen yang dijangkakan mempunyai jumlah penumpang yang rendah sehingga terdapat keperluan untuk membina stesen-stesen tersebut. Pembinaan stesen-stesen yang akan dibatalkan adalah Lien Ho, Temasya, SIRIM, Bukit Raja dan Bandar Botanik;
- (v) membatalkan pembinaan terowong sepanjang dua kilometer untuk laluan LRT dan stesen LRT bawah tanah di Persiaran Hishamuddin, Shah Alam;
- (vi) melanjutkan garis masa untuk menyiapkan projek LRT3 dari tahun 2020 ke 2024 untuk mengurangkan lagi kos pembinaan yang asalnya dinaikkan untuk mempercepatkan tempoh siap projek tersebut.

Sehubungan ini, kerajaan melalui Prasarana Malaysia Berhad telah memutuskan supaya projek LRT3 dirunding semula sebagai kontrak harga tetap atau *fix fee contract*. Ini akan memastikan bahawa harga akan terikat kepada harga yang ditetapkan. Dengan kata lain, fi yang dibayar di bawah enam peratus pada kadar lama kepada PDP, tidak wujud lagi. Oleh kerana kos pampasan dan bayaran adalah amat tinggi, tender ini tidak di cadang untuk di tender semula. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Saya lihat bahawa kos *overrun* ini bukan *entirely* ataupun disebabkan oleh syarikat Prasarana sahaja. Akan tetapi juga oleh kerana kegagalan syarikat PDP untuk melaksanakan obligasi *fiduciary* ataupun *fiduciary duty* termasuklah untuk dari segi untuk memantau projek, WPC nya kerana mengemukakan PCE dan juga yang paling penting ialah dia tandatangan kontrak untuk melaksanakan projek itu di bawah RM9 bilion. Ini bererti PDP gagal.

Jadi sebab itulah soalan saya, apakah kewajaran dengan skop kerja yang baru, dengan harga yang baru, dengan spesifikasi yang baru untuk terus mengekalkan PDP yang sama? Bukanlah lebih wajar untuk dibukakan tender bagi mendapatkan kontraktor-kontraktor yang lain yang jauh lebih kompetitif barangkali kerana mereka sudah gagal dan yang paling penting ia secara tidak langsung akan memberi proses perolehan yang dilihat lebih telus. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Sebenarnya seperti yang saya sebut tadi dari segi pampasan yang dibayar adalah melebihi RM4.2 bilion sekiranya kita hendak memanggil tender semula yang baru dan ini saya rasa satu kos yang terlalu berat untuk ditanggung oleh pihak kerajaan.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Akan tetapi PDP gagal *to comply*.

Tuan Lim Guan Eng: Ya tetapi gagal *to comply* itu satu, mengapa pula kerajaan lama bersetuju untuk menaikkan kos kerana seperti yang dimaklumkan sebelum ini, [*Tepuk*]... sungguhpun yang disebut oleh Yang Berhormat RM9 bilion tetapi bila ia melebihi RM9 bilion, ia telah diterima oleh kerajaan lama dan sampai RM15 bilion.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *But the failure of PDP to comply it.*

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukanlah cara untuk berbahas. Biar saya jawab dahulu kerana sampai RM15 bilion dan itu menunjukkan bahawa kalau sekiranya itu kegagalan dari pihak PDP mengapa pula apabila bulan Mac, Prasarana sendiri pun telah memohon untuk mendapat tambahan dari segi pinjaman kepada RM31.65 bilion. Bermakna sekiranya PDP *fail to comply*, kita harus berdepan dengan PDP, tidak. Ini diterima, sebaliknya kita pohon pinjaman ditambahkan lagi.

Oleh sebab itu dalam keadaan sedemikian, sungguhpun yang PDP siapa pilih? Saya rasa Yang Berhormat Kepala Batas akan tahu siapa pilih itu PDP. Ke arah sedemikian kita hanya boleh mengkaji semula supaya kita boleh kurangkan kos. Tidak

ada pilihan, kalau kita tidak teruskan itu adalah masalah, tidak ada LRT yang amat diperlukan. Kedua, kita kena bayar RM4.2 bilion. Itu lah sebab kita cari jalan tengah di mana kita tidak perlu bayar pampasan, kita boleh ada LRT3 untuk rakyat Lembah Klang dan pada masa yang sama dapat kurangkan kos sebanyak 47 peratus. Ini sebenarnya satu kejayaan yang besar kepada Kerajaan Pakatan Harapan. [*Tepuk*] RM15 bilion telah berjaya diselamatkan untuk rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Dahsyat!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, *can you say reducing the scope and reducing the project, as a result you* mengurangkan bajet. Adakah itu boleh dikatakan penjimatan? *You are not buying the same thing, you are buying a smaller thing, of course less budget.* Apa yang kita hendak tanya ini kebolehan kerajaan menjimatkan bajet?

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa sungguh pun Yang Berhormat tidak faham. Seperti yang saya telah jelaskan tadi, bahawa bila kita lihat tentang skop projek yang dilaksanakan. Kita mahu LRT3 boleh terus berjalan. Bila kita kurangkan, itu tidak bermakna keberkesanannya akan terjejas. [*Tepuk*]

■1020

Kita akan pastikan ia akan memenuhi standard piawaian yang ditetapkan. Apa yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat skop asal, ia LRT tetapi stesen macam MRT. Mengapa kita cakap kalau pakai baju ukur badan? Mengapa kita apabila buat LRT hendak stesen sebesar MRT? Apa maksudnya? Bukankah ini satu pembaziran yang kita tidak perlu tanggung buat masa ini?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh mencelah? Boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada dua minit 30 saat sahaja. Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh mencelah? [*Dewan riuh*] Boleh mencelah?

Tuan Lim Guan Eng: Mahu tidak mahu, kita kena ingat Tuan Yang di-Pertua bahawa apabila kita lihat tentang kapasiti penumpang yang wujud apabila MRT1 ataupun LRT1 dilaksanakan. Kita lihat dari segi kapasiti tidaklah mencapai unjuran yang dianggarkan. Oleh sebab itu, marilah kita lebih berhati-hati. Kita janganlah menyatakan bahawa "*Oh! Kita akan dapat 50,000 orang atau berapa ramai penumpang*". Kita buatlah seberapa yang kita dapat tampung.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *There are more futuristic.* Kita hendak jadi negara maju, *world class, first world!* Itu kita punya...

Tuan Lim Guan Eng: Oleh sebab itu kita buat dari segi aspek... *[Disampuk]* Sekiranya ada tambahan... *[Disampuk]* Ada tambahan penumpang, kita boleh tambah *coach* kemudian. Saya rasa ini lebih cermat, ini lebih berhati-hati dan saya rasa...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Pulau Pinang itu besar pula.

Tuan Lim Guan Eng: Cara berhemah ini bukan sahaja jimatkan wang tetapi hendak pastikan satu *cost effectiveness* yang lebih berkesan. Saya rasa yang lebih penting ialah kita masih boleh sampaikan atau kita masih boleh *deliver* dengan izin, boleh sampaikan satu sistem LRT untuk rakyat Lembah Klang dengan kos yang paling *economical*. So, itulah saya rasa hasrat pihak kerajaan supaya ia tidak merugikan rakyat tetapi merupakan *win-win situation* kepada semua pihak. Sekian, terima kasih.

3. Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan akan mengekalkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia atau tabung tersebut akan dimansuhkan serta diwujudkan Tabung Penyelenggaraan yang baharu. Serta apakah status projek penyelenggaraan pangsapuri LMC di Cameron Highlands yang telah diluluskan oleh kerajaan terdahulu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands untuk soalan pada pagi ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Cameron Highlands, peruntukan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia belum lagi dimansuhkan tetapi telah ditukarkan namanya. Kita gugurkan perkataan '1Malaysia'. Dia jadi Tabung Penyelenggaraan Malaysia.

Permintaan daripada Yang Berhormat Cameron Highlands mengenai skim ini, ketika ini masih lagi kita laksanakan sampai satu ketika apabila satu polisi perumahan yang baru keluar, *insya-Allah* mungkin ada rombakan dan perubahan. Akan tetapi yang saya dapati bahawa permintaan ini telah dimasukkan pada 24 April 2018 yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri yang dahulu.

Jadi, memandangkan kerajaan baru bertukar ketika itu dan juga kita dapati bahawa Tabung Penyelenggaraan ini sudah habis dan keadaan sekarang juga kita masih lagi menyemak keadaan kewangan KPKT. Jadi, kenapa peruntukan ini tidak seimbang dan sebagainya ialah kerana apabila saya teliti dari segi *distribution of* permintaan, permintaan peruntukan ini tidak ada satu *guideline*, tidak ada satu *capping*

untuk satu *state* atau sesuatu tempat maka ia tidak menyeimbangkan permintaan-permintaan ini.

Jadi, *insya-Allah* kami akan teliti. Walau bagaimanapun, kami akan teliti bajet penyelenggaraan sudah habis. Okey, kalau memandangkan isu ini adalah isu yang genting untuk masyarakat di LMC Cameron Highlands, kita akan pertimbangkan menggunakan bajet yang lain *insya-Allah*.

Dato' Sivarrajh Chandran [Cameron Highlands]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam rombakan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri akan meneruskan syarat permohonan Tabung Penyelenggaraan yang memerlukan pihak JMBMC dan PPP yang terpaksa membayar 10 peratus atau 30 peratus untuk rumah kos rendah dan sederhana. Kalau kita sedar bahawa mereka tidak mempunyai kekuatan kewangan sebegitu banyak. Saya harap dalam rombakan itu, adakah Yang Berhormat Menteri akan mempertimbangkan untuk *wave* syarat tersebut?

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Yang penting semangat yang diletakkan adalah untuk mewajibkan persatuan penduduk atau JMC atau JMB untuk mengeluarkan sebahagian daripada peruntukan ini adalah untuk semangat agar JMB atau JMC ini ada satu keupayaan *financial management* dalam pengurusan kewangan tempat mereka.

Walaupun bagaimanapun, KPKT di bawah kepimpinan yang baru menyedari bahawa kapasiti penduduk di kawasan-kawasan *low cost* ini mungkin tidak ada kebolehan untuk menguruskan penduduk-penduduk, menguruskan *financial management*, menguruskan program. Maka ada satu kemungkinan besar dalam rombakan baru ini kita juga ambil kira dari segi pengurusan rumah-rumah kos rendah yang *insya-Allah* akan distrukturkan dengan lebih efektif dan tidak membebankan penduduk-penduduk di kawasan kos rendah itu sendiri. Terima kasih.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tanya? Tuan Yang di-Pertua, sini. Terima kasih. Satu soalan. Adakah kerajaan bersetuju bahawa pilihan raya majlis tempatan juga boleh dilaksanakan di tempat misalnya Petaling Jaya, Shah Alam atau Subang kerana majlis bandar raya sudah matang dan boleh menjalankan sebagai *pilot test*. Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Walaupun soalan ini tidak berkaitan dengan rumah LMC Cameron Highlands... [*Ketawa*] Walau bagaimanapun, saya cuma hendak menjawab sedikit kepada Yang Berhormat Petaling Jaya. *Local government election* penting kerana kita mengamalkan demokrasi penuh. Jadi *first, second and third level*

government dengan izin. Walau bagaimanapun, kalau saya kaitkan dengan penduduk di rumah kos rendah ini satu program kesedaran awam harus kita laksanakan agar mereka ini juga faham apakah konsep *local government election*, apakah peranan mereka dan bagaimana mereka hendak buat pemilihan.

Jadi inilah saya perlukan masa untuk memberikan program-program kemasyarakatan agar penduduk-penduduk di kawasan *low cost* ini faham tentang konsep *local government*. Tempat-tempat yang matang seperti Petaling Jaya adalah komuniti yang sudah *mature*, mungkin boleh menerimanya lebih awal. Akan tetapi kita harus seragamkan dengan penduduk-penduduk yang kategori yang lain juga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi tamatlah pada ketika ini sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan merancang untuk membenarkan syarikat ramalan nombor Magnum, Sports Toto dan DaMaCai mengadakan cabutan khas pada setiap hari Selasa bagi tahun 2019 dan masa yang akan datang.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih Yang Berhormat Kluang dan juga Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan bercadang untuk mengurangkan bilangan hari cabutan khas pada tahun 2019 untuk semua syarikat nombor ramalan iaitu Magnum Corporations Sendirian Berhad, Sports Toto Sendirian Berhad, Pan Malaysian Pools Sendirian Berhad, DaMaCai, Sarawak Turf Club, Sandakan Turf Club dan Daily One Corporation Sendirian Berhad seperti yang diminta oleh masyarakat agar ia tidak menambahkan lagi bebanan kewangan kepada rakyat.

Dasar baru ini akan diumumkan dalam Belanjawan 2019 pada 2 November 2018. Cabutan khas diluluskan oleh kerajaan sebagai tambahan kepada cabutan biasa untuk mendapatkan sumber kewangan bagi tujuan-tujuan yang telah dipersetujui. Untuk tahun 2018, sebanyak 22 kali cabutan khas diluluskan dan diadakan pada tarikh yang serentak di seluruh negara.

Pengurangan bilangan cabutan khas ini adalah langkah awal kerajaan untuk mengurangkan bilangan hari perjudian agar aktiviti perjudian ini tidak mendatangkan masalah sosial seperti ketagihan judi melampau. Itulah sebabnya kerajaan tidak berniat untuk meluluskan sebarang lesen bagi menambahkan aktiviti perjudian seperti perjudian pertaruhan sukan kepada Ascot Sports Sendirian Berhad ataupun kepada mana-mana operator bagi menjalankan aktiviti ini.

■1030

Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, Kementerian Kewangan pernah bersetuju mengeluarkan semula lesen *bookie Ascot Sports Sdn. Bhd.* pada 13 Januari 2010. Walau bagaimanapun, kelulusan pembaharuan lesen tersebut ditarik balik pada 5 Oktober 2010. *Security deposit* yang dikemukakan oleh *Ascot Sports Sdn. Bhd.* sebanyak RM10 juta dalam bentuk *bank guarantee* pada 6 April 2010 juga telah dipulangkan secara keseluruhan kepada *Ascot Sports Sdn. Bhd.* pada 5 Oktober 2010 dan pihak kerajaan baharu tidak bercadang untuk mengulangi apa yang dibuat oleh kerajaan lama. Sekian, terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Kita faham bahawa cabutan khas yang di mula dengan tujuan tertentu ini sebenarnya adalah untuk dapat hasil yang lebih, untuk membantu mangsa wabak nipah pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, insiden itu pun sudah berlaku pada 19 tahun yang lalu. Maka, cabutan khas masih diteruskan hingga sekarang. Iaitu saya minta Menteri Kewangan menjelaskan berapa cukai dosa walaupun kita tak asingkan cukai ini, cukai perjudian ini daripada cukai lain. Cukai dosa, dengan izin, *sin tax* ini, berapa sudah dikutip di bawah cabutan khas setiap tahun pada 19 tahun yang lalu? Macam mana kerajaan dulu, kerajaan lama menggunakan cukai dosa ini pada masa yang lalu? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada awalnya apabila cabutan khas dimulakan pada tahun 1999, sebanyak RM80.4 juta telah dikutip. Untuk tahun 2017 adalah berlaku kenaikan, ia tambah kepada RM238 juta. Secara purata ialah dalam lingkungan sebanyak RM200 juta sejak tahun 1999 iaitu setiap tahun secara purata RM200 juta. Di sini, tujuan wang *account* ini adalah seperti berikut:-

- (i) menampung atau membiayai program, projek dan aktiviti sukan, kebajikan, sosial, kebudayaan dan kesihatan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara seperti dalam garis

panduan penggunaan wang akaun amanah sumber khas Kementerian Kewangan;

- (ii) menampung perbelanjaan penyelidikan, pembangunan dan latihan berkaitan aktiviti pengawalan perjudian;
- (iii) lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan tujuan akaun ini yang diperlukan oleh jawatankuasa akaun; dan
- (iv) pelaburan dalam simpanan tetap yang ditadbirkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan juga aktiviti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa mengurangkan jadual nombor ramalan ini adalah untuk mengurangkan masalah sosial. Akan tetapi sebenarnya jika itu matlamatnya pada ketika ini walaupun tidak ada tambahan kepada jadual ramalan nombor ini, kerajaan masih mengizinkan cabutan dua kali seminggu untuk semua *Toto*, *DaMaCai* dan *Magnum* ini. Maknanya, kalau tujuan untuk mengurangkan masalah sosial, ia tidak akan dapat mencapai matlamat sedemikian kerana adanya ramalan yang berjadual tanpa ramalan tambahan yang diluluskan oleh kerajaan.

Soalan saya sama ada kerajaan bercadang jika matlamat untuk mengurangkan masalah sosial, bercadang untuk membatalkan semua cabutan-cabutan bernombor ramalan ini untuk mencapai matlamat mengurangkan masalah sosial di kalangan rakyat Malaysia?

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat Beluran. Saya mengulangi jawapan yang saya buat tadi iaitu itu berkaitan dengan cabutan khas. Saya percaya Yang Berhormat semasa menjadi Timbalan Speaker pun ada dengar banyak ucapan daripada Ahli-ahli Parlimen. Berkaitan dengan cabutan khas, di mana ada banyak permintaan bahawa ia dapatlah dikurangkan. Seperti mana yang saya sebut tadi, ini adalah cadangan untuk mengurangkan cabutan khas yang akan diumumkan dalam belanjawan yang akan dibentangkan pada 2 November. So, di sini tentu Yang Berhormat tanya tadi mengapa tak buat sekarang? Kita adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Kita hendak berikan masa persiapan. Sekiranya Yang Berhormat begitu berminat, tentu kita akan tanya balik, mengapa semasa Yang Berhormat dalam Barisan Nasional dan kerajaan dulu, mengapa tidak buat permintaan sedemikian?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, dia tak jawab soalan Yang Berhormat.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua: Terlampau pagi untuk mengeluarkan kata-kata yang tak *parliamentary*. Ya, Yang Berhormat Kota Bharu, silakan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mungkin satu lagi.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Soalan tambahan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pada tahun 2016, amat teruja apabila membaca satu *report* di dalam *rocketkini.com* yang bertarikh 1 November 2016. Tajuk beritanya, "*DAP desak kerajaan henti cabutan khas judi nombor ramalan*". Ini dalam *rocketkini.com*. Dua orang Ahli Parlimen dalam parti Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Seremban, sekarang ini Menteri Pengangkutan dan mantan Yang Berhormat Kluang, membuat satu *press conference* di Parlimen ini, mendesak supaya kerajaan dulu menghentikan cabutan khas judi nombor ramalan ini dengan alasan untuk menghentikan amalan ketagihan perjudian.

Kedua, mengurangkan bebanan kewangan golongan berpendapatan rendah daripada terjebak ini di samping menghakis- perjudian ini sebenarnya kata dua orang pimpinan parti Yang Berhormat, membebankan rakyat, menghakis pendapatan boleh guna golongan berpendapatan rendah. Itu pada tahun 2016.

Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat lah selaku pimpinan kerajaan pada hari ini, daripada parti Yang Berhormat ini. Adakah- kalau Yang Berhormat kata Bajet 2019 ini akan masukkan perkara ini, adakah Yang Berhormat akan melaksanakan cadangan daripada parti Yang Berhormat pada tahun 2016 untuk menghentikan cabutan khas judi nombor ramalan ini? Mohon penjelasan, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat sepatutnya rasa gembira bahawa kerajaan baharu sedia untuk kurangkan cabutan khas, berbanding dengan kerajaan lama yang mengekalkan bilangan cabutan khas yang sedia ada. Akan tetapi tentulah mungkin atas kepentingan lain, cakap lain. Apa yang saya sebut sekarang ialah kita akan kurangkan. Ini adalah satu penambahbaikan dan tentulah apabila kita kurangkan, kita hendak lihat kemajuan dalam masa yang akan datang.

Seperti yang saya sebut tadi, kita hendak berikan persiapan kepada semua pihak. Kita tak mahu buat sesuatu yang tergesa-gesa dan sekarang kita menyatakan bahawa memang notis akan diberikan untuk mengurangkannya. Bukankah ini lebih baik daripada keadaan sebelum ini? Di mana ia dikekalkan, tidak dikurangkan langsung. Saya rasa Yang Berhormat sekiranya adalah seorang Yang Berhormat yang bersikap adil, haruslah memuji usaha dan tujuan murni Kerajaan Pakatan Harapan. *[Dewan tepuk]*

2. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta Menteri Pendidikan menyatakan status pelaksanaan projek gantian penuh SMK Muara Tuang, Kota Samarahan, bina baru SMK Sri Samarahan dan SK Pangkalan Kuap yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Tuan Yang di-Pertua, ketigatiga projek yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Samarahan ini adalah diluluskan dalam Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia Ke-11. Untuk makluman, kementerian sedang meneliti dan mengkaji semula senarai kesemua projek mengikut kategori keutamaan iaitu kritikal, kurang kritikal, tidak kritikal serta akan merujuk kepada Unit Perancangan Ekonomi selaras dengan surat Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 29 Jun 2018. Akan tetapi secara terperinci KPM telah melantik perunding dan kini kelulusan penuh pelan bangunan PD telah diterima pada 25 Julai 2018 untuk mulakan tender bagi SMK Muara Tuang.

■1040

Bagi SK Pengkalan Kuap pula, KPS sedang dalam proses mendapatkan kelulusan *state planning authority*, manakala kelulusan penuh pelan bangunan telah diperolehi pada 25 Julai 2018 ini. Proses tender bagi projek ini dijangka selesai pada bulan Oktober 2018.

Bagi projek SMK Kota Samarahan, telah diluluskan dalam Rolling Plan Pertama Rancangan Malaysia Kesebelas dengan kos projek bernilai RM50.1 juta. Projek ini dilaksanakan oleh JKR Sarawak. Skop projek melibatkan enam bilik darjah, sembilan unit rumah guru, asrama dan lain-lain kemudahan. Makmal mengurus nilai oleh KPM dan EPU telah juga diadakan pada 17 hingga 20 April 2018. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini sekarang tengah kita buat kajian dan akan dirujuk kepada EPU untuk mengenal pasti keutamaan projek ini. Sekian saja, terima kasih.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Untuk makluman, ketiga-tiga sekolah ini merupakan sekolah yang amat penting dan amat-amat diperlukan di kawasan Kota Samarahan masa ini. Pada masa ini senario di Kota Samarahan, kita mempunyai pertambahan pelajar yang begitu hebat. Tambahan sekolah ini tahun 80-an, dalam keadaan yang daif. Kita melihat banyak senario-senario negatif yang berlaku di sekolah-sekolah ini dan perlu pertimbangan segera daripada pihak kementerian. Banyak kelas tergantung, banyak kelas terbang, banyak peralatan serta kelengkapan sekolah tidak ada dan sebagainya. *That is why* saya merasakan ketiga-tiga sekolah ini boleh dikategorikan sebagai projek kritikal yang perlu dilaksanakan seberapa segera. Jadi saya mohon pertimbangan pihak kementerian, janganlah disebut dalam kajian lagi. Ini sebab kalau SMK Muara Tuang tunggu hendak tender saja lagi. SMK Pengkalan Kuap tunggu kelulusan *state authority* lagi. Begitu juga SMK Kota Samarahan. Jadi, kita mohon projek ini disegerakan kalau sedapat-dapatnya.

Soalan tambahan saya berkaitan juga dengan perkembangan sekolah-sekolah daif di Sarawak. Kita juga mohon penjelasan daripada pihak kementerian, bagaimana status penambahbaikan, penaiktarafan sekolah-sekolah daif terutama yang telah pun dirobuhkan sebenarnya tahun ini tetapi pelaksanaannya amat-amatlah lambat. SK Asajaya Ulu, SK Endap, SK Kampong Melayu dan juga sekolah-sekolah lain yang dalam perancangan buat tahun ini. Belum ada perkembangan lagi setakat ini. Mohon penjelasan daripada Menteri.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Samarahan. Bagi saya, saya pun hairan bahawa ketiga-tiga projek yang diluluskan pada tahun 2016 ini tetapi sampai hari ini tahun 2018, masih dalam status pelaksanaan. Jadi memang kami akan berunding dengan EPU supaya kita bolehlah mempercepatkan pelaksanaan untuk ketiga-tiga projek ini.

Tentang sekolah-sekolah daif yang disebut oleh Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, tahun ini projek sekolah daif adalah sebanyak 116 di mana 50 adalah dilaksanakan oleh JKR, 66 adalah dilaksanakan oleh KPM. Akan tetapi tentang butiran terperinci tentang sekolah-sekolah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi saya mohon maaf kerana saya tidak ada maklumat dengan saya sekarang. Jadi saya janji bahawa selepas ini saya akan dapatkan daripada pegawai saya untuk serah kepada Yang Berhormat. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, pada 22 Jun yang lalu di kawasan Lembah Pantai ada sebuah sekolah bernama SMK Seri Pantai yang mana akibat daripada ribut, bumbungnya telah terbang. Saya baru berhubung dengan guru besar sekolah SMK Seri Pantai dan didapati fasa pertama untuk membaik pulih sekolah tersebut yang berusia 51 tahun, fasa pertama telah siap di mana pihak JKR telah pasang satu *tarpaulin* untuk menghalang air daripada masuk. Cuma fasa kedua untuk penggantian bumbung belum ada lagi apa-apa tindakan. Ini mengakibatkan pihak sekolah kehilangan lebih kurang empat hingga enam kelas dan memang mendatangkan kesulitan kepada guru-guru dan kepada murid-murid.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan serta penasihat beliau yang segera dikerahkan dan juga kepada KSU yang segera datang. Akan tetapi soalan saya adalah bilakah pihak kementerian akan mempercepatkan proses ini? Adakah pihak kementerian boleh mempercepatkan proses ini? Satu lagi tambahan, ada bangunan baru SMK Seri Pantai, tetapi di papan tanda rasmi sekolah itu...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat satu soalan tambahan saja, tetapi jadi tiga.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Berkait, berkait dengan SMK Seri Pantai.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Tak bagi *chance* di sini.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ada ditulis SMK Seri Pantai, Bangsar South.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar minta bagi *chance*.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya pohon pihak kementerian buang nama Bangsar South itu sebab kawasan itu namanya Kerinchi. Bangsar South itu adalah *development* kedai-kedai di situ. Dua perkara, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang berhubung kait.

Puan Teo Nie Ching: Yang berhubung kait. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai. Kita ambil maklum tentang perkara ini dan saya akan minta bahagian KPM, pegawai-pegawai saya untuk mempercepatkan proses untuk membaik pulih sekolah tersebut supaya kita boleh sediakan satu suasana yang senang untuk murid-murid kita belajar.

Tentang buang nama Bangsar South ini, saya akan bawa balik kepada kementerian dan akan berbincang.

3. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta Menteri Wilayah menyatakan sempena pengumuman bahawa pilihan raya kerajaan tempatan akan dilaksanakan dalam masa 3 tahun lagi, bolehkah pilihan raya DBKL diadakan lebih awal memandangkan penduduk Wilayah Persekutuan tidak berpeluang memilih kerajaan negeri.

Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd Samad]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa, penganjuran pilihan raya pihak berkuasa tempatan ataupun PBT adalah langkah ke arah peningkatan amalan demokrasi di negara kita. Ia bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan ruang keterlibatan dalam pengurusan PBT kepada mereka yang telah dipilih oleh rakyat sebagai wakil-wakil mereka. Ia juga sebahagian daripada janji yang terkandung di dalam Manifesto Pakatan Harapan iaitu Janji 25 untuk memperkukuhkan peranan mereka yang dipilih rakyat dalam PBT.

Namun demikian, pengamalan pilihan raya PBT ini memerlukan beberapa pindaan perundangan dan penstrukturan kembali PBT itu sendiri. Ia tidak boleh dilaksanakan secara tergesa-gesa tanpa dilakukan kajian yang menyeluruh mengenainya. Ke arah ini, satu bengkel khas telah diadakan di peringkat kementerian dan bengkel ini diterajui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mana semua PBT lain berada di bawahnya dan dalam bengkel itu, wakil daripada DBKL turut hadir bersama. Bengkel ini yang dinamakan Bengkel Kajian Semula Pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah diadakan pada 12 Julai 2018. Ia diuruskan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan di bawah KPKT. Semasa bengkel tersebut, kluster pilihan raya PBT telah membincangkan pelbagai persoalan. Maka, pilihan raya PBT boleh dilaksanakan setelah dilakukan pindaan undang-undang dan persediaan dari segi kewangan serta diputuskan juga daftar pemilih yang akan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan pilihan raya diadakan, suatu daftar pemilih perlu diwujudkan berdasarkan kriteria tertentu bagi membezakan pilihan raya umum dengan pilihan raya PBT. Perbandingan akan dibuat dengan negara-negara yang

melaksanakan pilihan raya PBT. Tempoh setiap pilihan raya perlu diadakan juga akan turut ditetapkan.

■1050

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi membolehkan pilihan raya DBKL dibuat, maka perkara-perkara yang telah dinyatakan tersebut di atas perlulah diselesaikan terlebih dahulu. Ini adalah hakikatnya. Walaupun di Wilayah Persekutuan kita tidak ada kerajaan negeri, namun ketiadaan kerajaan negeri itu tidak melepaskan kami dan DBKL serta Kementerian Wilayah daripada menyelesaikan semua persoalan yang disebut tadi.

Namun demikian, sambil menunggu persoalan-persoalan ini ditangani dengan jayanya, maka Kementerian Wilayah telah menubuhkan Mesyuarat Majlis Menteri yang melibatkan semua Ahli Parlimen Kuala Lumpur selaku wakil yang dipilih rakyat untuk berbincang dengan Datuk Bandar dan pihak pengurusan DBKL dalam menentukan hala tuju dan dasar-dasar DBKL. Ia tidak sama dengan pilihan raya pihak berkuasa tempatan, namun ia merupakan satu tindakan sementara sambil menunggu persoalan-persoalan yang disebut tadi itu diselesaikan. Ini merupakan amalan ke arah peningkatan pendemokrasian yang diinginkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya pun memang sedar bahawa Kuala Lumpur ini situasinya agak unik kerana ia ditadbir di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan dan juga Akta Bandaraya Kuala Lumpur dan bukannya sepenuhnya di bawah Akta Kerajaan Tempatan. Saya fikir yang kita kena akui ialah sebenarnya Kuala Lumpur ini merupakan pelopor pilihan raya kerajaan tempatan dengan izin, *is the first democratic election in Malaysia* dalam kita menuju kemerdekaan iaitu pada tahun 1952.

Persoalan saya, pada pendapat Yang Berhormat Menteri, apakah model yang terbaik apabila kita ada pilihan raya tempatan di Kuala Lumpur ini? Sama ada rakyat memilih Ahli-ahli Majlis ataupun Datuk Bandar itu dipilih secara langsung sama seperti model yang ada di Manila, di Taipei, di London dan beberapa bandar yang lain?

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Sepertimana yang disebutkan tadi, memang ada beberapa model yang berbeza-beza. Bagi pandangan saya secara peribadi, oleh kerana ini merupakan satu keputusan yang sedang dibahaskan dan dibincangkan dalam jawatankuasa khas yang ditubuhkan, saya lebih berminat untuk supaya Datuk Bandar itu dipilih secara *direct*. Pada masa yang sama, Ahli-ahli Majlis juga boleh turun atas nama parti ataupun gabungan ataupun NGO

untuk menawarkan perkhidmatan mereka kepada rakyat. Maka itulah sebabnya mengapa persoalan pilihan raya pihak berkuasa tempatan ini perlu diperincikan.

Setelah sekiranya itu dilaksanakan, maka struktur DBKL itu sendiri pun perlu kita *adjust* ataupun kita ubah suai kerana sekarang ini Datuk Bandar dilantik dan yang semua di bawahnya adalah *subordinate*-nya ataupun pegawai-pegawai bawahannya yang mengikut arahnya tetapi apabila kita ada sistem di mana pihak Datuk Bandar dipilih, Ahli Majlis dipilih dan sebagainya, maka *power structure*-nya dan peranan masing-masing akan berubah. Namun, ia adalah lebih penting ataupun lebih baik oleh kerana *maxim democracy* iaitu *no taxation without representation* ataupun tidak ada pencukaaian tanpa adanya hak untuk diwakili akan dapat dihayati.

Kita mahu supaya pihak berkuasa tempatan akan dengar pandangan dan tuntutan rakyat yang membayar cukai yang memungkinkan pihak berkuasa tempatan itu wujud, kerana tanpa cukai itu, memang badan itu tidak akan wujud. Maka, ada beberapa model. Akhirnya, kita akan serahkan kepada jawatankuasa untuk membincangkannya dan memilih apa yang dianggap yang terbaik. Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Labuan pun hendak bangun sebab dia *cover* Wilayah Persekutuan. Yang Berhormat Menteri, dalam skop kajian yang diadakan sekarang ini, adakah ia merangkumi Labuan yang mana Labuan juga agak unik daripada PBT-PBT lain seperti DBKL juga yang mana ia mempunyai Akta Perbadanan Labuan yang sendiri. Struktur Perbadanan Labuan ini lebih seperti korporat ataupun *corporation* di mana ia mempunyai Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mungkin boleh dipilih ataupun dilantik, dan yang lainnya adalah Ahli Majlis Penasihat yang sebenarnya tidak mempunyai banyak kuasa ataupun pengaruh di dalam pentadbiran PBT tersebut.

Jadi adakah skop ini memasukkan Labuan dan adakah *study* untuk meminda akta tersebut termasuk Akta Perbadanan Labuan itu? Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Pada mulanya kita ingin memulakan dengan PBT-PBT yang sedia ada yang mengambil bentuk sebagai PBT. Bagi Perbadanan Putrajaya dan juga Perbadanan Labuan yang merupakan sebagai satu badan korporat yang pada masa yang sama mengambil alih tugas sebagai PBT, ia kita akan tangani di peringkat yang kedua setelah persoalan pilihan raya PBT itu menjadi lebih jelas dan boleh diselaraskan di antara PBT-PBT yang ada.

Akan tetapi, dalam visi jangka masa panjang, maka persoalan pendemokrasian di semua peringkat iaitu di peringkat lokal, di peringkat negeri, di peringkat *Federal*, adalah satu perkara yang ingin diusahakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Maka dalam tempoh lima tahun ini, *insya-Allah*, kita harap kita akan dapat sampai kepada persoalan Perbadanan Putrajaya dan juga Perbadanan Labuan kerana kita set yang untuk PBT dalam tempoh masa tiga tahun setelah segala persoalan undang-undang, persoalan penstrukturan, persoalan Perlembagaan dan sebagainya diambil kira.

Untuk makluman semua Yang Berhormat yang terlibat dalam bengkel yang saya sebutkan tadi, bukan sekadar wakil daripada kementerian dan PBT tetapi juga melibatkan wakil daripada Peguam Negara untuk menentukan bahawa apa yang diputuskan dan pilihan yang dibuat tidak akan menimbulkan masalah dari segi Perlembagaan dan dari segi undang-undang. Terima kasih.

4. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan usaha-usaha dalam memulihkan pemilikan saham FGV oleh peneroka bagi maksud tujuan asal untuk menaikkan taraf ekonomi pemilikan saham.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dungun bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Sarikei pada 15 Ogos 2018 kerana ia berkaitan.

Bermula tahun lalu, beberapa inisiatif penambahbaikan dalam Lembaga Pengarah FGV telah dilakukan. Pertama, FELDA selaku pemegang saham terbesar telah menerima dua kerusi lembaga pengarah bagi memastikan kepentingan FELDA dan peneroka terus terpelihara.

Selain itu, Lembaga Pengarah FGV juga telah menerima kemasukan individu yang pakar dalam bidang berkaitan perniagaan kumpulan FGV. Antaranya, Datuk Dr. Salmiah Ahmad yang mempunyai kepakaran dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), Dr. Mohamed Nazeeb P. Alithambi, seorang ahli agronomi, Datuk Mohd Anwar Yahya, seorang juruaudit dan Dr. Nesadurai Kalanithi dari industri minyak sawit.

■1100

Langkah-langkah ini dilihat mampu memantapkan lagi peranan tadbir urus dan sumbangan lembaga pengarah dalam proses pemulihan FGV pada masa depan. FGV juga memperkenalkan Pelan Strategik 2020 (SP20) pada tahun lalu. Pelan ini dijangka

dapat menambah baik operasi perniagaan dan membentuk hala tuju masa depan yang lebih realistik mengikut keadaan pasaran semasa. SP20 ini merangkumi empat teras utama iaitu keberkesanan operasi teras, menambah baik rangkaian nilai perniagaan, keseimbangan portfolio perniagaan dan mengoptimumkan kewangan dan modal insan.

Antara perkara utama dalam SP20 adalah meningkatkan pengeluaran buah tandan segar (BTS), mengurangkan kos operasi, program tanaman semula secara konsisten, menambah baik penggunaan mekanisasi dalam operasi ladang, merasionalisasikan bilangan kilang, meningkatkan keupayaan pemasaran produk, mengembangkan perniagaan oleokimia di Amerika Syarikat, mengukuhkan operasi di pasaran eksport utama, mengembangkan perniagaan gula, melupuskan perniagaan atau aset bukan teras, menilai semula pelaburan sedia ada dan syarikat usaha sama, meningkatkan portfolio perniagaan logistik dan menambah nilai kepada pemegang saham.

Inisiatif-inisiatif ini dijangka membantu pemulihan FGV secara berperingkat dalam tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang. Pemulihan ini juga dilihat mampu membolehkan persepsi pelabur terhadap FGV sekali gus membantu memberi impak positif kepada nilai saham FGV. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya nak balik kepada soalan asal iaitu berkait dengan usaha-usaha memulihkan pemilikan saham FGV oleh peneroka kerana tujuan asal pemilikan saham FGV ini kepada peneroka adalah untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup para peneroka FELDA. Sumber-sumber hasil ladang, bonus, dividen termasuk keuntungan saham bagi membolehkan peneroka-peneroka ini hidup selesa di masa tua. Akan tetapi hari ini berlaku sebaliknya.

Jadi adakah akan berlaku penghapusan hutang terhadap saham FGV yang dimiliki oleh para peneroka ini? Hal ini kerana para peneroka terpaksa membayar RM50 sebulan berdasarkan kepada saham yang diperuntukkan kepada mereka di saham FGV ini. Kemudian termasuk juga penghapusan hutang-hutang lain yang terlibat. Tujuan asalnya ialah untuk meningkatkan taraf hidup dan kualiti. Adakah akan dihapuskan juga hutang yang ditanggung oleh peneroka FELDA, hutang tanam semula, hutang membaiki rumah, hutang membeli rumah, hutang penurunan hasil dan lain-lain? Hal ini kerana ini termasuk dalam janji Manifesto Pakatan Harapan. Jadi saya mohon penjelasan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat Dungun. Pertamanya mengenai penghapusan hutang-hutang lain. Yang Berhormat Menteri telah

menjawab panjang lebar semasa sesi penggulungan tempoh hari tentang hal-hal berkaitan dengan penghapusan hutang-hutang lain. Tentang penghapusan hutang saham FELDA ini -- pembelian saham FELDA ini, saya dimaklumkan kerajaan sebelum ini membuat janji dan itu janji sebelum pilihan raya, dibuat tentang penghapusan hutang bagi pembelian saham peneroka.

Akan tetapi pada asasnya ketika peneroka menerima bersetuju menandatangani kontrak hutang tersebut peneroka pada masa itu menerima bahawasanya ia perlu dibayar. Jadi ketika kerajaan sebelum ini membuat perjanjian, tentunya mereka tahu kedudukan kewangan FELDA yang agak tenat pada ketika itu tetapi mungkin kerana tempoh pilihan raya amat hampir maka ia dibuat. Tentang tujuan asal pegangan saham FELDA, pertamanya memang itulah hasrat peneroka apabila mereka bersetuju membeli saham tersebut. Akan tetapi sejak dari penyenaian FELDA pada tahun 2012 harga saham dan keuntungan FELDA jatuh hampir konsisten setiap tahun. Jadi inilah antara punca yang memberi kekangan kepada FELDA dalam pembayaran dividen, bonus dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Soalan tambahan minta. Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Bintang. Silakan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada FELDA ke Bukit Bintang?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kesan ke atas saham FGV setelah FGV diterajui oleh golongan profesional bukan politik? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Bintang. Daripada maklum balas penganalisis-penganalisis pasaran tentang pelantikan mereka yang berlatar belakangkan industri dan juga berlatar belakangkan R&D dalam bidang sawit, pasaran melihatnya secara positif dan kita yakin dengan penekanan yang Kerajaan Pakatan Harapan berikan kepada ketelusan, keyakinan pelabur akan lebih meningkat dan kita yakin dengan kemampuan Ahli-ahli Lembaga Pengarah baharu menyumbang kepada penambah baikkan dan pemulihan FGV. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, mohon satu lagi. Boleh?.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mohon Kubang Kerian. Sangat penting.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian, Pontian, Pontian,

Tuan Yang di-Pertua: Siapa dulu? Yang Berhormat Pontian dulu?.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Pontian dulu, silakan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. FGV ini adalah antara syarikat terbesar minyak sawit di dunia dan baru-baru ini Kerajaan PH mengenakan cukai eksport lima peratus pada minyak sawit mentah untuk dieksport dan ini menjadikan harga minyak sawit itu mahal dan kurang kompetitif di luar negara. Jadi soalan saya, adakah ia akan dihapuskan cukai yang lima peratus itu?

Satu lagi ialah bayaran kos sara hidup peneroka tanam semula FELDA ini adakah sudah dibayar? Baru-baru ini ia menjadi isu besar di tanah FELDA. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya jawab soalan kedua dahulu walaupun soalan tentang pembayaran sara hidup ini tidak ada kaitan dengan FGV, itu tentang FELDA. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Pontian, malam tadi pembayaran telah dibuat melalui sistem perbankan dan pembayaran tunai akan dibuat melalui tanah rancangan masing-masing. Tentang lima peratus cukai seperti mana saya sedia maklum, saya rasa sebelum ini pun Kerajaan Barisan Nasional ada memperkenalkan cukai. Jadi tentang hal berkaitan cukai tersebut saya akan perlu kembali kepada pihak kementerian untuk ..

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kerajaan BN gantung cukai itu, tetapi Kerajaan PH dia *start* semula.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Jadi Yang Berhormat Pontian mengakui ada dan digantung. Ada dan digantung, maknanya bila ada itu maknanya benda itu telah dikaji oleh kerajaan terdahulu dan mengadakannya. Digantung dan kami kalau diperkenalkan semula saya perlu mendapat maklumat lebih lanjut tentang hal tersebut. Ini adalah minggu kedua saya dalam Parlimen. Terima kasih.

5. Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan untuk program Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) yang dilaksanakan pada tahun 2013. Nyatakan penyediaan dan keberkesanan dari segi capaian internet jalur lebar secara kolektif di kawasan Program Perumahan Rakyat terutamanya di bandar-bandar besar terpilih di seluruh negara.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kampar. Soalan nombor lima, soalannya Tuan Yang di-Pertua berkisar kepada nyatakan jumlah dibelanjakan untuk program Pusat Internet 1Malaysia dan juga persediaan dan keberkesanan dari segi capaian internet jalur lebar secara kolektif di kawasan Program Perumahan Rakyat terutamanya di bandar-bandar besar terpilih di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS) merupakan inisiatif kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang dilaksanakan bagi mencapai beberapa objektif. Pertama, ia untuk menyediakan capaian komunikasi secara kolektif dan individu di kawasan kurang mendapat liputan dan kepada kumpulan yang kurang diberikan perkhidmatan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan penggunaan ICT bagi membina masyarakat berasaskan pengetahuan. Ketiga, menyumbang ke arah pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat dan keempat Tuan Yang di-Pertua, untuk merapatkan jurang digital.

■1110

Bagi mencapai objektif ini Tuan Yang di-Pertua, beberapa inisiatif telah dikenal pasti dan mula dilaksanakan sejak tahun 2002. Antaranya ialah satu inisiatif yang dikenali sebagai inisiatif Pusat Internet 1Malaysia yang dilaksanakan di bawah program PPS. Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 137 buah pusat internet telah diwujudkan pada tahun 2013 dengan peruntukan kos keseluruhan yang dianggarkan sebanyak RM249 juta termasuk kos pelaksanaan dan operasi bagi tempoh tiga tahun. Perkhidmatan pusat internet telah diperluaskan kepada kumpulan masyarakat yang kurang akses perkhidmatan selular dan jalur lebar mudah alih di kawasan bandar merangkumi 99 buah pusat internet sedia ada di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Sehingga kini Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 860 buah pusat internet telah siap dibina dan beroperasi di seluruh dunia. Keberkesanan program ini Tuan Yang di-Pertua merangkumi impak yang dikatakan positif terhadap tahap sosial dan ekonomi komuniti yang berada di kawasan liputan perkhidmatan terhad. Inisiatif ini menawarkan capaian

internet asas serta peluang-peluang latihan yang berkaitan dengan ICT. Ianya bertindak sebagai pusat ilmu yang dilengkapi kemudahan internet secara kolektif untuk manfaat komuniti setempat yang terdiri daripada semua peringkat umur. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, pelajar dan golongan belia dapat mengakses maklumat berkaitan peluang pendidikan, pekerjaan, pertanian dan kesihatan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kelas latihan ICT dan bimbingan keusahawanan turut ditawarkan secara percuma di pusat internet. Secara tidak langsung ia dapat menaik taraf hidup dan taraf sosioekonomi masyarakat setempat. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, pusat internet juga menganjurkan beberapa program lain seperti kursus-kursus tertentu seperti kursus e-Pembelajaran, pemasaran atas talian, kesedaran media sosial, bengkel robotik yang cukup penting pada masa dan zaman ini dan bengkel kreatif multimedia. Terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih ke atas Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan dan memandangkan dulu telah banyak wang yang telah dibelanjakan sebanyak RM249 juta, saya rasa ada banyak pusat-pusat internet ini mereka tidak diselenggarakan dengan baik dan ada yang memang bila pergi pun dia ada ditutup. Jadi apakah rancangan atau pun langkah-langkah pihak kementerian untuk memastikan memang pusat-pusat internet ini yang telah pun ditubuhkan, dibina mencapai apa-apa, memberi manfaat kepada orang ramai seperti mana yang telah dirancangan. Saya rasa ini mungkin adalah juga perlu untuk kementerian melihat, bukan saja di tempat-tempat luar bandar. Banyak bandar-bandar pun dengan izin *coverage mobile* pun tidak begitu baik. Seperti di Kampar ada tempat-tempat yang tertentu langsung tiada talian data.

Jadi adakah kerajaan bercadang melihat ataupun mengkaji masalah-masalah ini agar pencapaian internet ini diperluaskan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa pendekatan kementerian saya adalah untuk kita pastikan bahawa semua rakyat Malaysia dapat akses kepada internet dan memang akses itu pada tahap kualiti yang baik. Dalam perkara itu saya ingin menyatakan, memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kementerian saya sedang melihat kepada langkah-langkah bagaimana kita boleh naik taraf Tuan Yang di-Pertua pusat-pusat internet yang kita ada dari dua segi. Satu, kita kena lihat pada kriteria. Maknanya bila ada permohonan atau permintaan supaya kita ini ada pusat internet di tempat-tempat

tertentu, kita kena lihat kepada kriteria. Misal kata ramai mana orang dalam tempat tersebut *and of course reach* dan sebagainya, itu pertama.

Kedua kita kena lihat kepada program-program yang disediakan. So, kalau kita ada pusat internet dan sebagainya, pusat internet ini apa yang kita kena faham adalah ianya di situ dengan program-program tertentu. Maka kita bukan saja kita ada pusat internet untuk kegunaan semua tetapi pusat internet itu memang ada tersedia dengan program-program yang tertentu yang akan membantu masyarakat. Jadi kalau kita lihat daripada sudut itu, saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Kamar, apa yang kita kena lihat adalah kita kena pastikan bahawa semua pusat internet yang dulu telah pun didirikan, yang sekarang dalam keadaan daif, ianya perlu dinaiktarafkan.

Kita dalam proses melihat dan mewujudkan langkah-langkah untuk tujuan sedemikian dan ini juga membawa kepada perkara yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa kita juga kena lihat kepada kawasan-kawasan bandar juga kerana kita tidak mahu ada pusat internet Tuan Yang di-Pertua di mana kita tidak ada perkhidmatan ataupun kita tidak ada internet, ianya tutup dan sebagainya. Ini adalah aduan yang telah pun dibawa kepada saya dan dalam dua bulan yang lalu saya telah pun minta supaya ianya dilihat semula.

We want to have pusat internet *that is effective* dan akan membawa manfaat kepada rakyat di kawasan-kawasan tertentu. Ini adalah apa yang kita memberi penekanan *because we want everybody to have access to internet*. Jadi di mana-mana Yang Berhormat di sini kalau ada pusat-pusat internet di kawasan-kawasan tertentu yang perlukan penaik tarafan dan sebagainya, *please inform me and* kita tengok macam mana kita boleh perbaiki pusat-pusat tersebut. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana Pusat Internet 1Malaysia ini hendak diteruskan malah hendak di naik taraf. Saya percaya 1Malaysia tidak diluputkan atau dihapuskan ya, diteruskan dasar dan nama. Yang Berhormat Menteri sebut lebih daripada 860 Pusat Internet 1Malaysia telah kita tubuhkan dan daripada itu kita dapat melatih seramai 550,000 masyarakat luar bandar kerana tujuan Pusat Internet 1Malaysia ini untuk merapatkan jurang digital dan juga ekonomi antara luar bandar dan bandar.

Soalan saya daripada 550 pelayar atau pelanggan pusat internet atau pelatih dalam Pusat Internet 1Malaysia ini yang telah berjaya memasarkan pasaran produk

masing-masing di talian sama ada melalui *Facebook*, internet dan sebagainya dan kalau ada angka tersebut, saya mohon dibekalkan angka tersebut. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat daripada Kuala Krau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih sebut sebutan yang betul. Bukan Kuala Kacau.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Gobind Singh Deo: Bukan saya yang sebut, Yang Berhormat sendiri yang sebut Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya hendak maklumkan bahawa sebelum pusat internet ini diberikan gelaran Pusat Internet 1Malaysia, ianya telah pun diwujudkan dalam tahun 2007 dan ianya satu inisiatif SKMM di mana kita lihat bahawa perlunya supaya kita ini *reach out* kepada tempat-tempat tertentu supaya kita boleh bawa manfaat internet akses dan pelajaran ataupun informasi yang boleh kita sampaikan kepada rakyat melalui pusat-pusat ini. Dulu ianya dikenali sebagai PJK atau Pusat Jalur Lebar Komuniti. So, ianya sudah ada.

Dalam masa ini kita lihat bagaimana ianya telah pun berjaya dan saya menyatakan ianya berjaya untuk kita ini membina minda-minda yang boleh menggunakan internet untuk bersaing dalam beberapa bidang keusahawanan yang tertentu. Ini satu perkara yang sangat baik kerana kita sekarang menghadapi keadaan di mana seluruh dunia masuk ke atas pentas digital di mana kita perlu lihat dan kita kena faham bahawa dalam masa depan kalau kita tidak boleh bertanding atau tidak boleh bersaing dengan mereka-mereka lain di atas pentas digital maka itu menjadi satu masalah.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Krau itu adalah betul. Kita perlu pastikan bahawa pada setiap masa pusat internet itu ianya perlu di naik taraf kerana ini adalah satu bidang teknologi yang berubah setiap hari. *So we must make sure that* pusat internet itu ia di naik taraf, *so* ianya membawa maklumat *especially* program-program yang kita ada. Kita kena pastikan bahawa program-program itu adalah program-program yang selari dengan masa, *that means it has to be up to date* dan dalam keadaan itu kita boleh pastikan bahawa kita ada bakat-bakat yang sedia ada kita boleh kumpul bakat ini dan kita boleh mencipta ramai usahawan daripada kalangan masyarakat kita yang boleh bersaing di atas pentas itu di peringkat dunia.

Dari segi angka itu saya boleh dapat, angka spesifik. Ianya ada beberapa bidang yang berlainan, keusahawanan, pembelajaran, kesihatan dan sebagainya. Saya akan

bawa angka-angka itu secara bertulis dan saya akan serahkan kepada Yang Berhormat Kuala Krau nanti. Terima kasih.

■1120

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat Menteri? Soalan tambahan.

Seorang Ahli: Bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jeli.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Soalan tambahan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jeli. Yang Berhormat Jeli bangun awal.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita kawan Yang Berhormat Menteri. Kenapa bagi Yang Berhormat Jeli? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun lambat. Yang Berhormat Jeli berdiri beberapa kali tadi. Silakan Yang Berhormat Jeli.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama dengan Yang Berhormat Kuala Krau ucapkan banyak terima kasih kepada kerajaan baharu kerana mengiktiraf peranan besar yang dimainkan oleh kerajaan dahulu Barisan Nasional memperkenalkan skim ini. Pusat Internet 1Malaysia ada juga Pusat Internet Desa dan beberapa di bawah Kementerian Luar Bandar. Soalan pertama ialah berkaitan dengan penyelarasan. Oleh sebab terdapat beberapa inisiatif kadang-kadang kualitinya berbeza. Di mana yang di luar bandar berbeza daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Seterusnya, saya hendak tanya sama ada kementerian ataupun kerajaan hendak buat satu audit yang komprehensif untuk melihat kepada keberkesanan setiap inisiatif di bawah beberapa kementerian dan agensi setakat mana ada penyelarasan. Adakah kerajaan mahu memastikan bahawa aduan-aduan di ambil tindakan serta-merta ataupun hendak disediakan satu KPI. Maknanya kalau boleh tidak ada langsung aduan ataupun kualitinya adalah tertinggi. Seperti Yang Berhormat sebut tadi, bidang keusahawanan satu bidang yang baru yang banyak orang kampung menggunakannya.

Walaupun di banyak tempat digunakan oleh pelajar tetapi semakin ramai usahawan kecil menggunakan pusat ini.

Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk melaksanakan audit yang komprehensif supaya ada penyelarasan antara beberapa inisiatif dan kerajaan diketuai oleh pelbagai agensi dan kementerian. Adakah Yang Berhormat hendak memberi jaminan bahawa tindakan segera akan diambil apabila ada aduan daripada pelajar ataupun usahawan tentang *internet down* umpamanya di kawasan luar bandar dan lain-lain masalah. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat memang program pusat internet diwujudkan semasa pimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi, saya ingin sebut di sini bahawa di bawah Kerajaan Barisan Nasional kita lihat bagaimana ada pusat-pusat internet tersebut iaitu ianya tidak dimaksimumkan dari segi keupayaannya. Kita lihat bagaimana kita ada banyak pusat yang tertutup, keadaan dia daif dan tidak ada *connectivity*. Kalau kita hendak bagi perkhidmatan kepada orang khususnya masyarakat di luar bandar dan sebagainya. Kalau kita hendak *set-up* pusat itu, kita kena pastikan ianya berfungsi. Tidak guna kita ada pusat-pusat di mana kita letak sahaja logo 1Malaysia tetapi ianya tidak berfungsi. Ini masalah.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, soalnya hendak buat audit atau tidak?

Tuan Gobind Singh Deo: Sabarlah.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Hendak buat audit atau tidak?

Tuan Gobind Singh Deo: Kalau *you* tanya saya dengar soalan. Saya ingat Yang Berhormat pun kena dengarlah jawapan. Takkan Yang Berhormat tidak tahu dahulu Yang Berhormat yang beritahu kita daripada sini.

So, jadi saya ini hendak beri jaminan apabila kita sebut berkenaan dengan audit bukan sekadar itu sahaja. Kita kena lihat bagaimana sekarang setiap kementerian ini boleh menggunakan internet untuk memperkukuhkan lagi perkhidmatan kementerian-kementerian tersebut. Maka, saya sebut secara contoh kalau kita lihat kepada pertanian. Kementerian dia ada program-program yang tertentu. Di mana kita boleh bina *apps* — *application* atau aplikasi. Ianya boleh digunakan untuk petani-petani supaya kita boleh memudahkan kerja mereka dan kita boleh maksimumkan *profit* dalam bidang-bidang yang mereka tertentu.

Kita juga Kementerian Kesihatan, kita juga ada kementerian-kementerian yang lain. So, memang saya setuju. Apa yang kita perlukan kita ada satu keadaan atau satu program di mana kita boleh koordinat. So, koordinasi itu cukup penting dan bukan kita setakat audit. Kita hendak adakan audit yang masih — yang sedang dijalankan. Satu. Akan tetapi, dalam masa yang sama kita hendak lihat bagaimana semua kementerian yang ada pengkhususannya dalam bidang-bidang mereka yang tertentu, mereka boleh juga memainkan peranan dari segi memberikan program-program yang tertentu yang boleh sampai ke pusat-pusat internet ini supaya kita dapat lihat keberkesanan program-program tersebut untuk masyarakat tempatan.

So, itu yang apa yang kita sedang buat. Kita akan pastikan bahawa kalau kita ada pusat internet, kita pastikan ianya ada perkhidmatan dan perkhidmatan itu adalah pada tahap dan mutu yang tinggi dan ini adalah satu rancangan yang kita akan lakukan melalui kerajaan baharu iaitu Kerajaan Pakatan Harapan Yang Berhormat. Terima kasih.

[Tepuk]

6. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta Menteri Pendidikan menyatakan hasil kajian ke atas cadangan kementerian memperkenalkan subjek 'Kenali Agama Lain' di peringkat sekolah, antaranya termasuk pandangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam yang lain, agar dapat meminimumkan ketidakselesaan di kalangan ibu bapa dan tenaga pengajar yang terlibat.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat. Pihak kementerian di bawah pentadbiran Pakatan Harapan tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan untuk memperkenalkan subjek kenali agama lain di peringkat sekolah. Namun, ura-ura untuk matlamat pelajaran ini diperkenalkan pernah disuarakan oleh pengerusi Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama yang ditubuhkan oleh pentadbiran sebelum ini dalam suatu forum. Akan tetapi, tidak pernahlah jawatankuasa ini ataupun pengerusi jawatankuasa ini mengemukakan cadangan secara rasmi kepada KPM.

Jadi, buat masa ini KPM tidak pernah membuat sebarang kajian berkaitan perkara ini kerana murid-murid telah didedahkan dengan pengetahuan tentang pelbagai agama di Malaysia melalui ko-kurikulum sedia ada seperti melalui mata pelajaran sejarah. Tahun Enam, murid diberi pendedahan tentang pelbagai anutan agama di Malaysia melalui tajuk agama dan kepercayaan dengan terperinci termasuklah

menyatakan pelbagai agama dan kepercayaan masyarakat Malaysia, menjelaskan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, menjelaskan kedudukan agama lain dalam Perlembagaan, menyenaraikan rumah-rumah ibadat di Malaysia, menyatakan keperluan memahami ketika berada di rumah ibadat, menghubungkan kait kepentingan amalan beragama dan kepercayaan dalam kehidupan dan menilai kepentingan menghormati kepelbagaian agama untuk mewujudkan masyarakat keharmonian.

Jadi, inilah jawapan saya. Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dibangkitkan kerana status dalam *Facebook*, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa "*lama sudah saya utarakan. Malangnya ada sahaja suara yang tuduh saya liberal dan pluralism*". Jadi, sekarang beliau telah menjadi Yang Berhormat Menteri. Jadi, soalan itu ditanyakan. Hal yang berkaitan dengan kepelbagaian agama ini sebenarnya untuk perpaduan. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk kembali kepada zaman tahun 70-an atau 80-an di mana dalam buku teks kita selalu disebut dengan nama-nama pelbagai bangsa. Ali, Ah Moi, Kumari, Ramasamy dan sebagainya untuk mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat di dalam sistem pendidikan kita. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Parlimen. Hulu Terengganu. Saya rasa ini cadangan kita akan kaji balik tetapi setakat ini memang ada program-program lain yang berhasrat untuk memupuk perpaduan seperti kita ada rancangan integrasi murid yang dilaksanakan di peringkat daerah di mana sekolah-sekolah berhampiran, berapa jenis sekolah, dua atau tiga buah sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil akan digabungkan untuk melaksanakan adakan aktiviti-aktiviti secara bersama-sama. Ini dipanggil Rancangan Integrasi Murid Untuk Peraduan. Jadi, di bawah RIMUP ini meliputi lima elemen termasuklah kesenian dan kebudayaan, sukan dan permainan, jati diri dan patriotisme, akademik dan juga khidmat masyarakat. Akan tetapi, KPM memang memandang serius tentang isu perpaduan. Jadi, dari masa ke semasa kita akan mengkaji balik apa rancangan ataupun program yang boleh dilaksanakan untuk lagi memupuk semangat perpaduan di antara bangsa dan kaum. Terima kasih.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua. Yang Berhormat Papar

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Papar bangun dan bersenam tadi dekat belakang.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di tempat saya ada 51 buah sekolah rendah. Sebanyak 14 daripada sekolah rendah ini ialah terlalu jauh daripada bandar dan melalui jalan lama. Jadi, banyak dan ramai murid tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di sebabkan tidak mampu untuk menampung tambang bas ke Papar. Dari itu, saya ingin mengemukakan satu permohonan kepada kerajaan untuk membina sebuah sekolah menengah di Jalan Lama Papar, Kota Kinabalu untuk keperluan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Papar. Ini sesi soal jawab. Apa soalnya.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Soalnya ialah untuk minta para...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Bantuan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: ...Dana untuk ini fasal ini adalah kemusykilan yang ada di tempat saya.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu permohonan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mohon soalan. Soalan tambahan.

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tampin. Tampin. Tampin.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian. Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tampin. Yang Berhormat Tampin.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Tidak apa.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian.

Tuan Yang di-Pertua: Maaf ya. Ini soalan yang perlu.

■1130

Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa terdapat di negara-negara Eropah seperti Turki, memang sudah didedahkan dengan *interfaith understanding* seawal empat tahun. Jadi di sana mereka sudah diterapkan dengan pelbagai kaedah, cara memahami hubungan antara kaum. Soal agama dan sebagainya. Jadi soalan saya ialah, apakah ada inisiatif lain di dalam kementerian dalam menekankan elemen *interfaith* dalam kalangan pelajar sekolah

supaya pelajar dapat didedahkan dengan kefahaman agama lain supaya budaya *agree and disagree* dapat diterapkan kepada pelajar-pelajar di negara kita.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tampin atas soalan tambahan tersebut. Seperti yang saya sebut tadi, elemen tersebut sebenarnya dalam kurikulum Sejarah, silibus dalam sejarah kita, mata pelajaran Sejarah. Akan tetapi selain daripada itu, kurikulum Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan juga tema Kepercayaan Kepada Tuhan juga sebenarnya ada menyentuh isu yang sama. Akan tetapi bagi kita, bagi KPM, kalau untuk mengkaji semula silibus kah ataupun kurikulum, kita perlulah masa dua sampai tiga tahun untuk kaji semula.

Akan tetapi saya terima baik cadangan daripada Yang Berhormat Tampin dan bagi saya ini memang adalah satu isu yang amat penting supaya murid-murid mereka sejak awal lagi mereka terdedah kepada pelbagai *basic understanding* tentang agama-agama yang lain. Sekian sahaja, terima kasih.

3. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasar Gudang] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan jumlah pekerja asing di Projek RAPID PETRONAS di Pengerang, Johor, supaya lebih ramai rakyat Malaysia dapat bekerja di sana.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Yang Berhormat Pasar Gudang. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat pembangunan industri hiliran minyak dan gas di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang ataupun PIPC di Pengerang, Johor melibatkan kawasan perindustrian seluas 22,000 ekar yang menempatkan tangki penyimpanan minyak loji, penapisan minyak, loji petrokimia, loji regasifikasi gas asli cecair serta industri-industri yang berkaitan. Pembangunan PIPC akan dibangunkan menerusi empat fasa. Adalah menjadi dasar dan ketetapan kerajaan agar rakyat tempatan, khususnya dari Johor dan rakyat Malaysia umumnya diberi keutamaan dan peluang pekerjaan serta perniagaan untuk mengambil bahagian dalam pembangunan baharu berteknologi tinggi di PIPC. Malah salah satu daripada enam mandat yang diamanahkan kepada *Johor Petroleum Development Corporation* (JPDC), agensi kerajaan persekutuan untuk menyelaras, memudah cara dan mempromosi pembangunan PIPC termasuk memastikan rakyat tempatan di Pengerang dan Johor secara keseluruhannya diberi peluang untuk turut serta dalam pembangunan PIPC.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sehingga 31 Mei 2018, fasa pembinaan bagi Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) yang dibangunkan oleh PETRONAS

berjalan mengikut jadual dan telah mencapai 91 peratus kemajuan projek. Sementara itu adalah dijangkakan fasa operasi PIC akan bermula pada suku tahun pertama 2019. Berdasarkan statistik bulan April 2018, sebanyak 72 peratus atau 40,446 daripada jumlah keseluruhan 56,176 pekerja yang terlibat dalam pembangunan projek adalah warganegara Malaysia. Manakala selebihnya 28 peratus atau 15,730 pekerja adalah pekerja asing. Secara umumnya tenaga kerja asing yang diambil bekerja semasa fasa pembinaan melibatkan pekerjaan kategori *3Ds, dirty, dangerous and difficult* adalah terdiri daripada pekerja am dan pekerja separa mahir. Jumlah pekerja asing ini akan berkurangan secara berperingkat sejurus tamatnya fasa pembinaan.

Dalam menangani kemasukan pekerja asing di PIC, Kementerian Dalam Negeri telah membentuk *task force* yang dianggotai oleh Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Imigresen Putrajaya Jabatan Imigresen Negeri Johor, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Lembaga Pembangunan Industri dan Pembinaan Malaysia dan juga *Johor Petroleum Development Corporation*. *Task force* ini berperanan untuk menyelaraskan serta memastikan kemasukan pekerja-pekerja asing adalah mengikut prosedur yang ditetapkan dan memastikan mereka ini dihantar pulang ke negara asal setelah tamat kontrak pekerjaan pembinaan PIC.

Di samping itu, suka juga maklumkan beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan oleh JPDC bagi memastikan warga tempatan berkemahiran tinggi diberi peluang pekerjaan pada fasa operasi PIC di Pengerang seperti berikut:

- (i) mengehadakan latihan pensijilan yang memenuhi kehendak industri hiliran minyak dan gas di PIC kepada belia tempatan;
- (ii) mengadakan latihan amali operasi untuk pada graduan dalam bidang teknikal bagi memastikan kesediaan dan kebolehpasaran para graduan dari universiti tempatan; dan
- (iii) menjalin kerjasama dengan syarikat-syarikat dan kontraktor dalam memastikan penempatan pekerja atau *job placement* untuk belia tempatan.

Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya ialah, adakah pihak kerajaan telah membina atau akan membina pusat-pusat kemahiran teknologi tinggi *oil and gas* ini untuk melatih belia-belia kita lepasan sekolah, mendapat

kemahiran yang tinggi bagi menggantikan pekerja-pekerja kemahiran tinggi daripada asing. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Satu soalan yang cukup relevan, buat masa ini latihan dibuat di pusat-pusat pengajian sedia ada. Contohnya di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar, Kolej Komuniti Bandar Penawar, Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang, Kumpulan Pendidikan YPJ dan juga *Johor Skills Development Centre*.

Selain daripada itu, untuk program latihan bagi graduan lepasan ijazah, pihak kerajaan juga mengadakan latihan di Universiti Tun Hussein Onn atau UTHM. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang benar bahawa kita perlu bagi keutamaan kepada Malaysia, khususnya kepada rakyat tempatan untuk bekerja di situ. Namun hakikatnya, setelah beberapa tahun dilaksanakan projek ini, hampir saya rasa 20,000 yang datang ke sana dan apa yang menjadi masalah sekarang ialah penempatan adalah satu masalah utama. Di mana bukan sahaja *blue collar*, *white collar* pun menjadi satu masalah menyebabkan hotel itu penuh dengan ekspatriat.

Jadi soalan kepada Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, apakah perancangan holistik untuk kita merancang sesuatu termasuk penempatan untuk pekerja asing dan juga *white collar* supaya kita lebih bersedia, kerana projek ini akan berjalan ia adalah satu projek yang besar dan apakah bentuk kerjasama kementerian ini bersama agensi-agensi yang lain termasuk kerajaan negeri untuk sama-sama membuat perancangan awal menghadapi situasi masa hadapan. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga hari ini kerajaan telah memperuntukkan RM23 bilion untuk pembinaan infrastruktur di kawasan PIPC dan ini adalah untuk membina jalan raya, balai polis, hospital dan sebagainya. Di dalam *master plan* dengan izin, Pengerang juga memang terdapat satu kawasan seluas 500 ekar diperuntukkan untuk penempatan sahaja.

■1140

Jadi, perkara tersebut ada dalam *master plan* dan ketika ini pun pekerja-pekerja tinggal di kawasan tersebut. Sekian.

8. Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan sama ada Kerajaan Pakatan Harapan masih menunaikan dasar dan pelan pembangunan bagi perkhidmatan telekomunikasi negeri Sarawak selaras dengan dasar dan hasrat kerajaan Sarawak untuk membangunkan program digital ekonominya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Kanowit, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mengkaji dasar dan pelan pembangunan berkaitan perkhidmatan telekomunikasi di seluruh negara termasuk di Sarawak. Kementerian saya komited untuk menurunkan kos jalur lebar kepada munasabah dan mampu milik dan pada masa yang sama meningkatkan kelajuan jalur lebar agar peluang yang lebih luas dapat dinikmati oleh rakyat.

Kerajaan juga sedang giat meneruskan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar ataupun SUBB, Yang Berhormat, dan Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) di bawah inisiatif perluasan jalur lebar talian tetap yang menyediakan infrastruktur jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20 Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar. Sehingga kini, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 9,552 sambungan telah tersedia manakala sejumlah 16,056 sambungan masih di peringkat pelaksanaan di negeri Sarawak.

Inisiatif perluasan liputan *cellular* dan jalur lebar mudah alih juga dilaksanakan yang melibatkan pembinaan menara. So, ini adalah satu pembinaan menara telekomunikasi baharu dan penaiktarafan menara telekomunikasi sedia ada. Sehingga kini, sebanyak 412 menara telekomunikasi baharu telah siap dibina, Tuan Yang di-Pertua, dan diaktifkan manakala sebanyak 57 buah menara sedang dalam peringkat pelaksanaan di negeri Sarawak. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 1,058 menara sedia ada telah dinaiktarafkan liputan perkhidmatan sehingga 4G manakala sebanyak 131 menara sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di Sarawak.

Dengan pembinaan menara baharu dan penaiktarafan meliputi perkhidmatan 3G dan 4G, rakyat akan menikmati perkhidmatan *internet* yang lebih laju dan stabil sehingga 100 Mbps. Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi ataupun HSBB yang melibatkan penaiktarafan 13 ibu sawat juga telah dilaksanakan di samping Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar dan Projek Jalur Lebar Luar Bandar yang kini sedang dilaksanakan yang melibatkan penaiktarafan 63 buah ibu sawat di negeri Selangor. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Kanowit.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih. *The last word is Sarawak, not Selangor. Right*, terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri yang amat menyeluruh berkenaan dengan pembangunan menara di negeri Sarawak.

Soalan asal ini, Yang Berhormat Menteri, adalah bertujuan untuk mengesyorkan komitmen Kerajaan Pusat ke atas kefahaman dan janji Kerajaan Pusat dahulu pada kerajaan Sarawak berkenaan dengan pembangunan infrastruktur telekomunikasi di mana kedua-dua pihak kerajaan ini akan membangunkan *infrastructure on a 50/50 basis*. Kalau saya tidak salah faham, dalam Bajet 2018, kita telah memperuntukkan RM1 bilion di mana setengah daripada peruntukan ini akan diberi oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak amat memerlukan peruntukan ini oleh kerana kita juga tidak mahu ketinggalan dari segi membangunkan ekonomi kita berasaskan digital ekonomi. Ia juga selaras dengan *the fourth industrial revolution* yang memang akan menjadi *the game changer* dalam menaikkan tahap hidup rakyat di negara ini. Kesemua ini memerlukan *a very strong support* dari segi peruntukan dan *services* terutamanya dari Kerajaan Pusat.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan Pusat masih ingin menunaikan kefahaman bahawa pengurangan infrastruktur ekonomi di Sarawak ini akan ditanggung oleh Sarawak dan Kerajaan Pusat *on a 50/50 basis*? Walaupun tadi telah banyak diperkatakan berkenaan menara yang telah dan sedang dibangunkan di Sarawak tetapi kita difahamkan bahawa di Sarawak ini kita memerlukan tidak kurang daripada 5,000 menara supaya *the whole of Sarawak state will be covered by cellular and digital services*.

Kedua, adakah kerajaan telah berhasrat untuk menurunkan kadar bayaran *internet, WiFi* dan *broadband services*? Sebab, ini adalah asas ataupun mungkin akan menjadi *problem* kalau mengikut kadar sekarang ini yang masih tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Kanowit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya pun telah memberi penekanan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan baharu akan menggunakan pendekatan yang berbeza sedikit. Dulu kita ada apa yang disebut sebagai NFP ataupun *National Fiberization Plan*. *National Fiberization Plan* ini ada halangan ataupun kekangannya dari segi kita boleh tarik *fiber* tapi sehingga tahap-tahap tertentu sahaja. Selepas daripada itu, kita kena lihat kepada cara-cara kita boleh *connect the last*

mile. Ini sangat penting untuk kawasan-kawasan khususnya luar bandar dan sebagainya.

Dalam keadaan tersebut, saya telah memberi komitmen saya bahawa kita sekarang ini melihat kepada apa yang disebut sebagai *National Fiberization and Connectivity Plan*. Ini juga merangkumi negeri Sarawak, negeri Sabah, seluruh Malaysia dan komitmen saya masih tegas bahawa kita hendak lihat pada masa depan bahawa seluruh rakyat Malaysia boleh menikmati faedah-faedah yang dibawa oleh *internet*. Oleh itu, untuk mencapai matlamat itu, kita kena pastikan bahawa semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada *internet*.

Kedua, berkaitan dengan harga dan sebagainya. Pengumuman telah pun dibuat bahawa kita telah pun menggunakan ataupun *enforce* apa yang dikenali sebagai MSAP. Itu dalam perbincangan sekarang tapi kita akan terus berusaha untuk membawa lebih rendah lagi harga *internet* dan saya akan membuat pengumuman-pengumuman yang tertentu dalam masa depan. Akan tetapi buat masa sekarang ini, kita telah pun menyatakan bahawa kita hendak buat permulaannya, kita cuba untuk menurunkan harga itu sehingga 25 percent.

So, as far as we are concerned, we have stated kita ada hasrat untuk *double the speed, half the price* tetapi kita akan menggunakan beberapa peringkat. Buat masa sekarang *we are looking at 25 percent first and* kemudian kita akan maju ke depan daripada situ. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Soalan tambahan.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih. Soalan saya ialah adakah kerajaan dalam proses menutup *digital divide* juga mempertimbangkan isu hak untuk mendapatkan maklumat dan *expression*? Contohnya, membenarkan stesen radio yang disiarkan oleh NGO seperti *Sarawak Report* untuk beroperasi.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Petaling Jaya. Saya pun telah membuat pengumuman bahawa kerajaan baharu ini, sekiranya boleh, kita hendak mengiktiraf hak kepada *internet* itu sebagai hak asasi. Sekiranya itu dilakukan, kita boleh kategorikan hak itu atau *internet* itu, infrastruktur atau peralatan

internet itu sebagai satu utiliti, *public utility*. Kalau kita lakukan sedemikian, maka lebih senang untuk kita ini mempunyai *connectivity throughout the whole country*.

Perkara berkenaan lesen-lesen radio dan sebagainya, kita ada peruntukan-peruntukan tertentu. Permohonan-permohonan boleh dibuat dan ia akan dipertimbangkan selari dan menurut peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Jadi, itu adalah kedudukan yang kita ambil dalam Pakatan Harapan dan saya telah pun sebut, saya ulangi sekali lagi, permohonan boleh dibuat dan ia akan diberi pertimbangan mengikut undang-undang dan juga kaedah-kaedah yang sedia wujud. Terima kasih.

9. Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk perkhidmatan doktor udara di Sarawak dari tahun 2010 - 2017; dan
- (b) jumlah pesakit yang telah dirawat di bawah perkhidmatan doktor udara di Sarawak dari tahun 2010-2017.

■1150

Menteri Kesihatan [Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Soalan yang bersangkutan dengan Perkhidmatan Doktor Udara di Sarawak dan jumlah pesakit yang telah dirawat. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Sarawak melalui kemudahan statik seumpama 20 buah hospital, tiga institusi hospital, 12 Jabatan Pesakit Luar, 205 buah klinik kesihatan, tujuh buah klinik desa, 24 buah klinik ibu dan anak dan 35 buah klinik komuniti. Bagi penduduk yang tinggal di kawasan terpencil ataupun pedalaman serta tiada kemudahan klinik statik, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak juga menyediakan perkhidmatan kesihatan melalui Perkhidmatan Kesihatan Bergerak menggunakan pengangkutan darat, sungai dan udara. Perkhidmatan Kesihatan Bergerak menggunakan mod pengangkutan udara dikenali sebagai perkhidmatan doktor udara. Perkhidmatan doktor udara (PDU) telah bermula sejak tahun 1973 lagi dan kini telah berusia 45 tahun, Tuan Yang di-Pertua.

Pada masa ini, terdapat sembilan pasukan perkhidmatan doktor udara di pejabat kesihatan bahagian di seluruh negeri Sarawak. Dibahagikan dari segi pelaksanaan kepada tiga zon; zon selatan; zon utara dan zon tengah. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan PDU ini sejak tahun 2010 hingga kini, Kementerian Kesihatan telah

menanggung perbelanjaan sebanyak RM126.6 juta untuk menjalankan perkhidmatan doktor udara. Purata perbelanjaan setahun adalah RM15.8 juta. Pasukan perkhidmatan doktor udara dianggotai oleh seorang pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan dan jururawat masyarakat (JM), dengan izin. Perkhidmatan ini disediakan secara tetap dan berjadual ke lokaliti-lokaliti yang telah dikenal pasti. Selain daripada itu, PDU ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan *medical emergency evacuation (MEDIVAC)* daripada klinik kesihatan ke hospital, lokasi perkhidmatan doktor udara ke hospital dan antara hospital ke hospital pakar.

Perkhidmatan doktor udara di Sarawak memberi manfaat kepada seramai 22,113 orang penduduk yang tinggal bertaburan agak jauh di pedalaman Sarawak, di mana kemudahan kesihatan statik terdekat sukar dihubungi melalui jalan darat atau sungai. Kedatangan kumulatif pelanggan dari tahun 2010 hingga tahun 2017 bagi perkhidmatan ini adalah seramai 257,604 orang seluruhnya pelanggan ataupun *patient*, warga baru dan ulangan. Perkhidmatan yang disediakan adalah rawatan pesakit luar (*out patient*), rawatan susulan penyakit kronik, pengesanan penyakit berjangkit (*screening* atau saringan), kesihatan ibu dan anak, pendidikan kesihatan dan merujuk juga kes-kes kecemasan atau kes tertentu untuk rawatan lanjut di hospital. Manakala bagi perkhidmatan MEDIVAC, seramai 2,501 pesakit telah menggunakan perkhidmatan bagi tempoh tahun 2010 ke tahun 2017. Adalah menjadi iltizam Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak untuk memastikan bahawa seluruh penduduk Sarawak, terutama di pedalaman mendapat perkhidmatan kesihatan seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam Gagasan *Universal Health Coverage*, dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, Yang Berhormat Miri.

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: Soalan tambahan. Dengan izin, *there are 109 tempat this flying doctor goes to in Sarawak. Out of that, 96 are accessible by 4WD, that means it is almost 90 percent and also 13 accessible by sungai. So, if we can provide this service by 4WD, the cost will be very much reduced and also dental officer can be involve in this program and also we need doctors. So, I ask the Minister whether he can consider an alternative system to use the 4WD in order to cut down the cost? Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta izin tadi. Ya, dengan izin.

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya. Yang Berhormat Miri.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia *all the way* guna bahasa orang putih ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan, Menteri akan menjawab dalam bahasa Melayu. Ya silakan.

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang pentingnya saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Bahasa Malaysia

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Yang Berhormat Miri, saya [*Ketawa*] Yang Berhormat Menteri, beliau boleh memahami bahasa Malaysia.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab pakai bahasa saya Sabah juga lah.

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Bagi peluang Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak jawab ini. Bagi dengar, saya jawab.

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: Dengan...

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya, Yang Berhormat Miri,

Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]: Dengan izin ya, kalau ada alternatif pakai itu servis, boleh *you consider itu service?*

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Baik. Ya, terima kasih Yang Berhormat Miri. Saya sangat memahami. Cadangan itu cadangan yang baik dan juga menjadi pemerhatian, kita memerhatikan perkara itu dan akan kita buat satu perancangan untuk mengambil alih pengangkutan darat. Oleh sebab rata-ratanya kalau kita— saya menyebutkan perbelanjaan yang tadi adalah RM15 juta setahun. Akan tetapi apabila kita congak dan kita tengok pada setiap pesakit yang telah kita dapat dirawat itu, pada puratanya kosnya adalah dengan tidak masuk pengangkutan kecemasan (MEDIVAC) itu, ia adalah lebih kurang RM503, kalau ambil keseluruhan. Akan tetapi kalau ambil hanya pada pesakit luar dan *without the emergency* itu, kurang lebih purata kos setiap warga dan pelanggan itu adalah RM237. Satu jumlah yang sangat munasabah untuk dibelanjakan bagi warga Sarawak yanguduknya di pedalaman khususnya.

Ini kerana perkhidmatan itu melibatkan penentuan kesihatan mereka dan kita lakukan juga antara lainnya saringan-saringan penyakit kronik *and series* untuk memastikan mereka sihat. Lazimnya, orang-orang di pedalaman itu sihat sebab mereka hidup dengan satu *style* hidup yang sihat. Bukan macam orang bandar yang terlalu banyak makan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya kira perkara itu akan kami perhitungkan. *Insyallah*, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan terakhir.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Mersing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Mersing. Yang Berhormat Mersing, dalam bahasa Melayu.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, *London Ambulance Service* di bawah NHS, ia ada punyai aset pelbagai, termasuk helikopter. Di bawah kerajaan yang baharu, adakah Yang Berhormat Menteri hendak adakan *National Health Insurance Policy*? Adakah aset ini boleh didapati supaya rakan-rakan kita di Sarawak lebih terpelihara— dan Sabah. Terima kasih.

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Mersing. Satu celahan, pengamatan yang baik. Buat hari ini memang kita lakukan *open tender* pada perkhidmatan-perkhidmatan doktor udara ini. Mungkin juga andainya kalau kita lakukan *cost benefit analysis*, sama ada memiliki aset-aset tersebut adalah jauh lebih baik untuk sebuah kerajaan dan khususnya di Jabatan Kesihatan Negeri, maka kami akan pertimbangkan. Buat hari ini sememangnya kita akui, menyambut daripada kerajaan yang lalu, ia adalah melalui *open tender*. Namun, ada sedikit sebanyak persepsi yang negatif terhadap perkara ini. Namun, cadangan Yang Berhormat Mersing itu, andainya kalau membeli dan membuat perolehan ambulans dan aset-aset yang lain itu adalah lebih baik, akan kami lakukan. Terima kasih Yang Berhormat Mersing.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, selesailah sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.59 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 8 Ogos 2018.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**MELANTIK SEBUAH JAWATANKUASA PEMILIH BAGI TEMPOH
PARLIMEN KE-14, DI BAWAH P.M. 76****■1200**

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada Isnin 6 Ogos 2018 Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datuk telah mengemukakan surat kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengenai pelantikan Ketua Pembangkang sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilihan Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas. Dalam surat tersebut, Yang Berhormat Bagan Datuk yang juga Ketua Pembangkang telah menolak pelantikannya sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilihan Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas yang terkandung dalam usul yang akan dibangkitkan. Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau juga telah mencadangkan Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said, Ahli Parlimen Pengerang selaku Ketua Whip Barisan Nasional dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilihan Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas.

Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati ia melibatkan cadangan untuk menamakan Yang Berhormat Pengerang sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas. Walau bagaimanapun, tiada notis atau usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bagan Datuk bagi tujuan tersebut. Oleh yang demikian, ia tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat 26, 27 dan 30(3) yang menghendaki satu usul dikemukakan bersama notis. Justeru, saya tidak membenarkan untuk dibangkitkan dalam Dewan ini. Sekian terima kasih. Ya, diteruskan Yang Berhormat Menteri.

12.01 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Dewan ini melantik sebuah Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Keempat Belas yang mengandungi seorang Pengerusi dan 6 orang Ahli Jawatankuasa seperti berikut:

1. Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi).
2. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Pandan, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
3. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, Ahli Parlimen Pagoh.
4. Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu, Ahli Parlimen Kota Raja.
5. Yang Berhormat Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking, Ahli Parlimen Penampang.
6. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai, Ahli Parlimen Cheras.
7. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datuk."

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Yang di-Pertua: Tiada bahas? Baik, terima kasih. Sebulat suara. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan secara rasmi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Perkara 1 itu tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

USUL

MEMILIH Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, di bawah P.M. 77(2)

12.04 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Ahli Parlimen Beluran dan Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Ahli Parlimen Ipoh Timur masing-masing dipilih sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi Majlis Parlimen Keempat Belas."

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong dan saya ucapkan tahniah.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Belum dibahas dan diluluskan lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Tidak perlu bahas saya ingat, tidak perlu ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Perkara 2 itu hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat.

USUL MENTERI KEWANGAN**AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014****12.05 tgh.****Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3) dan subseksyen 17(5) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 supaya Perintah-perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST.48 dan ST.49 bagi tahun 2018 disahkan."

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2018 di bawah P.U.(A)118/2018 bertarikh 16 Mei 2018 kertas statut bil. ST.48. Perintah ini dipinda bagi menetapkan kadar cukai kosong peratus atau disifarkan ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat di dalam Malaysia serta ke atas barang yang diimport. Langkah ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Langkah ini merupakan langkah awal ke arah pemansuhan GST yang telah dijadualkan untuk dilaksanakan mulai 1 September 2018 serentak dengan pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST).

Melalui langkah ini kerajaan yakin tidak akan berlaku pengenaan cukai berganda apabila Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dilaksanakan. Ini juga akan memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Pindaan ini telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pembatalan) 2018 P.U.(A)119/2018 bertarikh 16 Mei 2018 kertas statut bil. ST.49. Perintah ini dibatalkan susulan daripada pindaan yang dibuat kepada Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kadar Cukai)(Pindaan) 2018 P.U.(A)118/2018 yang mana kadar cukai kosong peratus ditetapkan ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat di dalam Malaysia serta ke atas barang yang diimport. Pembatalan perintah ini telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada menyokong?**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas kalau perlu perbahasan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Tiada? Ya, silakan Yang Berhormat Batang Sadong.

12.09 tgh.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya berterima kasih di atas peluang ini.

Di sini saya hendak nyatakan apa yang telah kita rancang sebelum ini di mana selepas pilihan raya— sebelum itu Kerajaan Pakatan Harapan sudah berjanji melalui manifestonya untuk menghapuskan GST apabila menang PRU-14 dan menang pun, tahniah. Rakyat mempunyai *ekspektasi* yang tinggi Yang Berhormat. Di antara harapan mereka ialah pastikan kos kehidupan akan turun. Adakah barang sudah turun harganya? Menghapuskan GST tidak memberi makna kalau tidak diterjemahkan kepada penurunan harga barangan dan seterusnya menurunkan kos kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya SST tidak akan menurunkan harga barangan dan perkhidmatan bercukai dengan izin, *taxable good and services* kerana tujuan utama perniagaan adalah untuk memaksimumkan keuntungan.

■1210

Sedangkan pada era GST, di mana GST bukannya kos kepada perniagaan yang didaftarkan di bawah GST melalui mekanisme *refund* ataupun pulang balik cukai input. Contohnya sebagai bahan mentah kah. Saya difahamkan juga kebanyakan perniagaan tidak menurunkan ataupun dengan izin, *did not pass down that savings to the consumers*. Simpanan itu kepada *consumer* tidak diturunkan. Misalnya enam peratus *portion* tadi dengan izin yang kerajaan *refund* kan kepada mereka tidak *dipass down* kepada *customers*, masih juga mereka mengenakan harga yang tertinggi. Jadi yang enam peratus itu disimpan mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, SST akan menokok tambahkan cukai dan kenaan cukai dua kali. Contohnya dalam industri *hospitality* seperti hotel. Misalnya cukai jualan 10 peratus akan *cascade*, dengan izin atau bertindih dalam kos pengeluaran dan pengagihan yang lebih tinggi kerana tidak ada lagi mekanisme pulang balik untuk cukai

jualan melainkan pengecualian cukai atau *tax exemption* ke atas input bahan mentah dan komponen, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya KPDNKK tidak memantau daripada segi keuntungan, barang tidak akan turun harga. Inilah sebab utama harga barangan naik di era GST, bukan kerana GST tidak bagus tetapi ada yang mengambil peluang. Jadi di mana KPDNKK gagal memainkan peranan mereka terutama sekali di kawasan luar bandar.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Penjelasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Usul ini di bawah tajuk nombor 3 kah atau nombor 4?

Tuan Yang di-Pertua: Usul ini adalah nombor 3.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Nombor 3, Kertas Statut.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya ingat perbincangan begini elok kalau diambil pada peringkat bacaan kedua.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya. Bukan sekarang nombor 3.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bukan nombor 4.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang SST itu nombor 4. Ini nombor 3, Kertas Statut.

Tuan Yang di-Pertua: Nombor 3.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Nombor 3, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Nombor 3.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Batang Sadong elok... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ya, itu nombor 4 Batang Sadong.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, Batang Sadong...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Batang Sadong elok berucap di nombor 4 dalam Aturan Mesyuarat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, itu minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey, saya akur Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terima kasih. Memang— Jadi boleh saya... *[Disampuk]* Tidak payahlah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan

seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 3 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bilangan ST.48 dan ST.49 tahun 2018 disahkan hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Dewan tepuk]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.13 tgh.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengenakan, melevikan dan memungut cukai jualan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Huraian, huraian.

Tuan Lim Guan Eng: Huraian Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 yang dicadangkan tersebut adalah bagi membolehkan pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan, *sales and service tax* (SST) bagi menggantikan cukai barang dan perkhidmatan, *goods and services tax* (GST).

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan berdiri di sini untuk membentangkan rang undang-undang Kerajaan Pakatan Harapan yang pertama, *[Dewan tepuk]* yang bertujuan untuk menyejahterakan rakyat dengan meringankan beban cukai melalui penggantian GST dengan SST. Hari ini adalah hari yang penuh bersejarah kerana ia menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan bagi memenuhi janji Manifesto Pakatan Harapan. *[Dewan tepuk]* Mandat lima tahun yang diamanahkan oleh rakyat Malaysia kepada Kerajaan Persekutuan terbaharu ini berdasarkan kepada janji Manifesto Pakatan Harapan untuk mengurangkan tekanan ekonomi yang dirasai di pelbagai peringkat masyarakat terutama sekali bagi golongan yang kurang berkemampuan dan kelas menengah. Cukai barang dan perkhidmatan atau dikenali sebagai GST telah meningkatkan kos sara hidup secara mendadak lalu mengakibatkan kesesakan hidup dan juga kesukaran hidup kepada orang ramai.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Mandat ini berdiri di atas kehendak rakyat untuk mereformasi institusi negara yang telah pun parah. Skandal korupsi seperti 1MDB telah menyedarkan rakyat betapa pentingnya keutuhan institusi negara diperbaiki dan dilindungi demi menghalang sebarang amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Dalam pemansuhan GST dan pengenalan semula SST, saya ingin tekankan empat teras utama iaitu pertama kesejahteraan rakyat perlu diberi keutamaan dalam memperkenalkan mana-mana sistem cukai. Kedua, Kerajaan Persekutuan akan mengembalikan wang kepada rakyat dan ini akan membantu pertumbuhan ekonomi. Ketiga, tekanan harga ke atas rakyat di bawah SST adalah hanya separuh daripada kesan GST. Keempat, aliran tunai untuk perniagaan akan dipermudahkan di bawah SST.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan menjangkakan kutipan cukainya akan berkurangan sebanyak RM17 bilion selepas pemansuhan GST dan pengenalan SST diambil kira berbanding dengan bajet asal bagi tahun 2018 iaitu tahun ini kutipan akan kurang, cukai akan kurang sebanyak RM17 bilion. Pengurangan kutipan cukai ini bermakna bebanan cukai ke atas rakyat akan berkurangan. Dengan erti kata lain, Kerajaan Persekutuan akan memulangkan RM17 bilion kepada rakyat semula pada tahun ini dan secara langsung menyejahterakan rakyat Malaysia. *[Dewan tepuk]*

Pengurangan kutipan dan bebanan cukai ini dapat lebih difahami dengan melihat kepada jumlah barangan dan perkhidmatan yang dicadangkan untuk dicukai di bawah SST. Cukai SST hanya merangkumi 38 peratus daripada bakul barangan dan perkhidmatan (CPI) sahaja. Ini jauh lebih rendah daripada jumlah barangan dan perkhidmatan (CPI) yang dikenakan GST iaitu sebanyak 60 peratus. Tambahan lagi, dalam subkomponen CPI berkenaan, pembekalan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api hanya 28 peratus barangan dan perkhidmatan dicukai di bawah sistem cukai SST manakala 59 peratus barangan dan perkhidmatan telah dikenakan di bawah cukai GST.

Apa yang jelas di sini Tuan Yang di-Pertua adalah jumlah barangan dan perkhidmatan yang dicukai di bawah SST adalah jauh lebih rendah daripada jumlah barangan dan perkhidmatan yang dicukai di bawah GST. Semua ini bermakna kuasa membeli pengguna dijangka akan meningkat. Pada masa yang sama, tahap nilai

ambang atau *threshold*, dengan izin jualan tahunan bagi tujuan pendaftaran cukai jualan juga akan dinaikkan kepada RM500,000 setahun berbanding paras nilai ambang cukai jualan ST atau *sales tax* yang lama iaitu sebanyak RM100,000.

Ini bagi membolehkan pengilang kecil beroperasi kalau boleh tanpa dikenakan cukai jualan ini. Dengan peningkatan nilai ambang ini, kerajaan menjangka hanya sebanyak 27,456 pengilang perlu berdaftar di bawah cukai jualan berbanding 32,725 pengilang di bawah GST. Dengan ini sebahagian besar pengilang akan terkeluar daripada skop cukai jualan dan ini akan mengurangkan kos pematuhan dan pentadbiran cukai kepada pengilang-pengilang tersebut yang bersaiz kecil.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi faktor yang perlu ditekankan adalah betapa rendah cukai tidak langsung yang akan diserap oleh pengguna. Contohnya bila sesuatu barang tersebut dikenakan cukai jualan, ini akan berkadar kalau bukan kosong peratus, lima peratus atau 10 peratus, bergantung kepada jenis barangan. Oleh kerana cukai jualan adalah cukai yang seperingkat, *single stage tax* yang hanya dikenakan sekali atas pengilang. Pengguna sebenarnya akan hanya berdepan kadar cukai yang lebih rendah daripada kadar yang digunakan.

■1220

Sebagai contoh kadar 10 peratus cukai jualan yang dikenakan ke atas pengilangan hanya bersamaan dengan kadar efektif lebih kurang enam peratus di bawah GST. Dengan kata lain, kadar 10 peratus yang di bawah cukai jualan atau *sales tax* yang dikenakan di satu peringkat sahaja sebenarnya mempunyai perkara efektif yang sama dengan enam peratus cukai pelbagai peringkat GST. Perlu diingatkan di sini bahawa cukai jualan juga dikenakan pada lima peratus dan kadar efektifnya boleh dibandingkan dengan kadar lebih kurang tiga peratus di bawah GST.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat sebahagian besar barang keperluan asas seperti beras, ikan, daging, ayam, sayur-sayuran dan ubat-ubatan tidak akan dikenakan cukai jualan. Ini termasuk juga motosikal berkapasiti di bawah 250cc dan basikal yang lazim digunakan oleh orang ramai tidak akan dikenakan cukai jualan.

Satu aspek yang ditimbang semasa model SST terbaharu ini dibentuk adalah kesannya terhadap kaum wanita. Kerajaan sedar akan peranan yang dimainkan oleh golongan wanita oleh sebab itu kerajaan mencadangkan barangan asas untuk wanita termasuk tuala wanita yang sebelum ini dikenakan cukai GST sebanyak enam peratus diberikan pengecualian daripada dikenakan cukai jualan. [*Tepuk*] Keluarga baharu juga

akan dipelihara di bawah SST seperti lampin bayi, makanan bayi serta botol susu di cadang untuk tidak dikenakan cukai ini. *[Tepuk]* Ini berbeza sekali daripada sistem GST sebelum ini. Pengurangan kos kekeluargaan ini diharapkan dapat mengekalkan profil demografi bagi Malaysia muda untuk masa yang lebih lama selain daripada lahir lebih banyak anak.

Malah, cukai GST merupakan satu cukai pelbagai peringkat yang menyeluruh dan dikenakan kepada barangan bayi dan juga barangan yang diperlukan pada masa tua. Malaysia sekarang mengalami proses penuaan dan kebajikan warga emas akan menjadi lebih penting di masa hadapan. Di bawah cukai jualan seperingkat yang baharu, barangan yang diperlukan oleh warga emas seperti lampin dewasa dan peralatan perubatan tertentu termasuk kerusi roda dan tongkat dicadangkan dikecualikan daripada dikenakan cukai. *[Tepuk]* Sebelum ini barangan ini dikenakan cukai GST.

Tuan Yang di-Pertua, ramai tertanya sama ada pemansuhan GST dan pengembalian semula SST dapat mengurangkan beban sara hidup rakyat. Saya ingin nyatakan di sini yang pengenalan semula cukai SST diharap tidak akan membebankan pengguna seperti yang berlaku dengan cukai GST. Disebabkan jumlah bebanan cukai yang berkurangan, jumlah cukai barangan dan perkhidmatan yang di cukai, jumlah pendaftar yang kecil, penyelesaian kepada masalah aliran tunai perniagaan serta nilai ambang bagi tujuan pendaftaran yang tinggi, Kerajaan Persekutuan berpendapat kadar inflasi akan terkawal dan peningkatan ini tidak setinggi seperti berlaku semasa GST diperkenalkan. *[Tepuk]*

Sebab sekiranya ada kenaikan harga, impak SST dijangka hanya separuh daripada kenaikan harga yang disebabkan oleh GST terdahulu. Kerajaan Persekutuan juga melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mengambil langkah berjaga-jaga dan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi menghalang mana-mana pihak daripada mengambil peluang mengaut keuntungan tidak munasabah hanya kerana pengenalan semula SST.

Di sini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kulim-Bandar Baru kerana berusaha bersungguh-sungguh dalam menjaga kebajikan rakyat. Pada masa yang sama, penganalan GST pada kadar sifar mulai pada 1 Jun 2018 telah terbukti berjaya mengurangkan peningkatan harga pengguna Indeks Harga Pengguna atau CPI yang telah jatuh kepada 0.8 peratus tahun ke tahun dalam bulan Jun daripada 1.8 peratus tahun ke tahun di bulan Mei. Kadar inflasi bagi bulan Julai dan

Ogos masih belum dikeluarkan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia tetapi ia dijangka berada di kadar yang rendah.

Pemberian pelepasan cukai atau *tax holiday* kepada pengguna dari 1 Jun kepada 31 Ogos juga telah menggalakkan rakyat untuk berbelanja lebih. Sebagai contoh pembelian kereta bagi bulan Jun telah naik 28 peratus tahun ke tahun. Malah, mengikut laporan MIDF sesetengah pengedar telah berhenti mengambil pesanan kerana permintaan yang terlalu tinggi ini yang tidak dapat dipenuhi. Permintaan terhadap barangan lain dijangka terus berkembang dengan baik walaupun apabila cukai jualan dikenakan kerana bebanan cukai SST ke atas pengguna adalah hanya separuh daripada beban cukai GST.

Pemansuhan GST dan pengenalan semula SST dijangka akan menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi dalam negara. Ini dapat diperolehi menerusi pengurangan beban cukai yang ditanggung oleh rakyat dan seterusnya meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Bank Dunia telah menganggarkan pengurangan beban cukai ini akan meningkatkan pertumbuhan KDNK Malaysia sebanyak 0.2 mata peratusan. Modal cukai jualan yang dicadangkan ini juga akan memastikan eksport barangan Malaysia lebih berdaya saing melalui beberapa kemudahan yang disediakan kepada pengilang berdaftar termasuk kemudahan input bebas cukai. Dengan ini, kerajaan menjangka akan mencapai sasaran 5.5 peratus sehingga enam peratus pertumbuhan KDNK bagi tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan pengguna juga meningkat dan ini dapat menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia. Indeks Sentimen Pengguna yang dikeluarkan oleh *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) meningkat kepada 133 mata pada suku kedua 2018 daripada 91 mata pada suku pertama tahun ini iaitu peningkatan dalam satu penggal, 91 mata kepada 133 mata. Ini adalah satu pemulihan keyakinan yang amat menakjubkan. [*Tepuk*] Ini merupakan paras yang tertinggi dalam masa 21 tahun sejak tahun 1997 sebelum krisis kewangan Asia berlaku.

Akhbar peniagaan antarabangsa *Financial Times* yang berpangkalan di London juga melaporkan bahawa indeks mereka iaitu Indeks Sentimen Ekonomi naik dengan begitu signifikan sekali kepada 80 mata pada suku kedua berbanding dengan hanya 37 mata pada suku pertama setelah berlakunya peralihan kuasa di Malaysia. Ia juga merupakan paras tertinggi yang dicapai Malaysia sejak *Financial Times* buat pertama kali menerbitkan indeksnya pada tahun 2013. *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) juga melaporkan indeks keadaan perniagaan yang dihasilkan institut tersebut

telah meningkat daripada 98.6 mata pada suku pertama kepada 116.3 mata pada suku kedua tahun ini. Ini juga merupakan paras yang tertinggi dalam masa 13 suku yang lepas.

Untuk para peniaga khususnya mereka tidak perlu lagi risau tentang tuntutan cukai input GST yang tidak berbayar lagi. Cukai jualan tidak bergantung kepada pengembalian cukai input seperti cukai pelbagai peringkat GST. Kerajaan Persekutuan faham yang tuntutan GST tidak dibayar ini telah mengganggu aliran tunai pada peniaga dengan teruk sekali. Tuntutan ini dijanjikan akan dipulangkan dalam masa dua minggu seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang tetapi hakikatnya adalah tuntutan yang tidak berbayar berusia sampai dua tahun, tidak di bayar. Masalah ini tidak akan berulang di bawah cukai jualan kerana ia adalah *single stage tax*, tidak perlu buat tuntutan. Ini kita harap akan berikan atau akan kurangkan tekanan ke atas peniaga-peniaga.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan cukai jualan yang baharu akan mengekalkan model dan skop berkenaan berasaskan pada Akta Cukai Jualan 1972. Namun begitu, berdasarkan kepada penelitian oleh Kementerian Kewangan dan maklum balas yang dikemukakan oleh para perunding percukaian profesional yang telah dilantik, beberapa penambahbaikan kepada model dan skop berkenaan yang sedia ada perlu dibuat bagi memudahkan pentadbiran cukai, mengurangkan kos untuk menjalankan perniagaan dan meminimumkan kelemahan yang terdapat di dalam sistem percukaian seperingkat. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Di antara penambahbaikan yang dibuat termasuklah penyeragaman nilai ambang bagi pendaftaran mandatori pengilang kepada RM500,000. Di bawah perundangan cukai terdahulu, nilai ambang yang lama adalah RM100,000 seperti yang saya maklumkan tadi. Nilai ambang RM500,000 akan turut terpakai bagi pengilang yang membuat aktiviti sub-pengilangan yang mana dahulunya dikenakan nilai ambang pendaftaran sebanyak hanya RM20,000 sahaja. Selain itu, kemudahan input bebas cukai akan terus diberikan kepada pengilang seperti mana pelaksanaan cukai jualan terdahulu melalui pengecualian cukai. Pengecualian cukai akan diberikan ke atas pembelian bahan mentah, komponen bahan pembungkusan dan *manufacturing aids* yang diimport atau yang dibeli dari pengilang berdaftar.

Dalam memastikan pengilang dapat mengenakan cukai jualan pada tarikh berkuat kuasa, pengilang yang merupakan *registrant GST* yang telah dikenal pasti akan

didaftarkan secara automatik oleh Ketua Pengarah Kastam tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan. Mana-mana orang yang layak berdaftar dikehendaki mendaftar sebelum 1 September 2018 dan mengenakan cukai jualan mulai pada 1 September 2018 iaitu tarikh berkuat kuasa yang dicadangkan ke atas akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 mengandungi 109 fasal yang dibahagikan kepada 13 bahagian seperti berikut.

Bahagian I – Permulaan.

Terdapat tiga fasal di dalam bahagian permulaan seperti berikut.

Fasal 1 mengatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Cukai Jualan 2018 dan menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa bagi keseluruhan akta dan tarikh kuat kuasa berlainan bagi pengenaan dan kutipan cukai.

Fasal 2 menjelaskan takrifan kepada perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta.

Fasal 3 menjelaskan takrifan definisi pengilangan bagi maksud akta ini ke atas perkara yang tidak berkaitan petroleum di mana ianya melibatkan penukaran sesuatu bahan organik atau tak organik kepada keluaran baru sama ada secara manual atau mekanikal dengan menukar saiz, bentuk, komposisi, jenis atau kualiti bahan itu. Ini termasuklah pemasangan bahagian berlainan supaya menjadi sesuatu jentera atau keluaran lain selain bagi maksud pembinaan. Manakala bagi pengilangan berkaitan petroleum, ianya melibatkan proses pengasingan, pembersihan, penapisan, penukaran dan pengadunan.

Bahagian II – Pentadbiran.

Bahagian ini mengandungi empat fasal bermula daripada fasal 4 hingga fasal 7. Ia berkaitan dengan pentadbiran cukai jualan oleh pihak yang diberikan kuasa di bawah akta ini. Antaranya melibatkan kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk membuat pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan cukai jualan, semua pegawai yang menjalankan tugas berkaitan cukai jualan adalah penjawat awam, dan ketiga, keperluan bagi penjawat untuk memperkenalkan diri dalam melaksanakan kewajipan mereka dan kerahsiaan maklumat.

Bahagian III – Pengenaan dan Skop Cukai Jualan.

Bahagian ini yang mengandungi fasal 8 sehingga fasal 20 adalah berkenaan pengenaan dan skop cukai jualan yang mana fasal 8 menyatakan cukai jualan akan dikenakan ke atas semua barangan bercukai:

- (a) yang di kilang di Malaysia oleh orang kena cukai dan dijual, digunakan atau dilupuskan olehnya; atau
- (b) diimport ke Malaysia oleh mana-mana orang.

Fasal 9 menetapkan kaedah dalam menentukan nilai barangan bagi tujuan pengiraan cukai jualan. Secara amnya, nilai barangan yang dijual atau di kilang adalah ditentukan berdasarkan peraturan yang akan ditetapkan di bawah akta ini. Manakala nilai barang yang diimport pula akan mengambil kira nilai barang tersebut bagi tujuan duti kastam termasuk nilai duti kastam dan duti eksais yang terlibat.

Fasal 10 berkaitan kadar cukai jualan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Secara amnya, kadar standard bagi cukai jualan adalah 10 peratus manakala kadar lima peratus ditetapkan bagi barangan seperti makanan diproses sertaengkapan bangunan. Kadar spesifik perlu ditetapkan bagi produk petroleum.

Fasal 11 menetapkan tentang masa bila cukai jualan boleh dikenakan dan dibayar. Barangan yang diserahkan pada atau selepas tarikh kuat kuasa akta ini tetapi jualan telah dibuat di antara 1 Jun 2018 sehingga berkuat kuasanya akta ini adalah tertakluk kepada cukai jualan. Fasal ini juga menentukan layanan cukai apabila berlakunya pemberhentian perniagaan.

Bahagian IV – Pendaftaran.

Bahagian ini yang mengandungi fasal 12 hingga fasal 20 adalah berkenaan keperluan pendaftaran bagi orang kena cukai dan lain-lain jenis pendaftaran yang dibenarkan.

Fasal 12 memberikan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menentukan nilai ambang jualan tahunan bagi tujuan pendaftaran secara mandatori bagi pengilang. Penentuan ini akan dibuat melalui perintah yang disiarkan di dalam warta. Nilai ambang yang dicadangkan adalah RM500,000 setahun termasuklah bagi pengilang yang membuat aktiviti sub-pengilangan.

Fasal 13 menyatakan bahawa pengilang yang bertanggung untuk berdaftar seperti di fasal 12 perlu memohon untuk berdaftar menggunakan borang yang ditetapkan sebelum hari terakhir bulan berikutnya. Tarikh pendaftaran pula secara asasnya akan bermula pada hari pertama selepas beliau membuat permohonan. Kegagalan pengilang untuk berdaftar adalah satu kesalahan.

Selain itu, bahagian ini juga adalah berkaitan dengan pendaftaran secara sukarela oleh orang yang tidak bertanggung untuk berdaftar, kuasa Ketua Pengarah untuk mengarahkan orang bercukai dilayan sebagai orang bercukai tunggal sekiranya didapati menjalankan pemisahan aktiviti perniagaan secara tiruan atau *artificial*, pendaftaran untuk perniagaan secara perkongsian tetapi ianya tidak terpakai untuk *limited liability partnership*, penentuan berakhirnya tanggungan untuk berdaftar, pemberitahuan pemberhentian tanggungan oleh orang berdaftar, pembatalan pendaftaran dan pengecualian dari mendaftar melalui warta oleh Menteri Kewangan.

Bahagian V – Perakaunan, Taksiran, Mendapatkan Balik.

Bahagian ini yang bermula dari fasal 21 sehingga fasal 34 adalah mengenai perkara melibatkan perakaunan, penilaian, pengambilan yang berkaitan dengan cukai jualan. Secara amnya, bahagian ini menerangkan:-

- (i) tanggungjawab orang berdaftar mengeluarkan invois yang mana invois tersebut perlu mempunyai butiran seperti yang ditetapkan, antaranya nama pengilang dan kadar serta amaun cukai yang terlibat.;
- (ii) tanggungjawab menyimpan rekod yang lengkap dan betul sama ada dalam Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris dan rekod tersebut perlu disimpan selama tujuh tahun;
- (iii) tempoh bercukai iaitu selama dua bulan atau lain-lain tempoh seperti yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (iv) kewajipan untuk menghantar penyata serta membuat pembayaran cukai tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya;
- (v) kuasa Ketua Pengarah untuk menaksir amaun cukai yang perlu dibayar jika sekiranya seseorang itu gagal mendaftar, gagal mengemukakan penyata atau mengemukakan penyata yang tidak betul dan lengkap;
- (vi) kuasa Ketua Pengarah untuk mendapatkan semula apa-apa cukai jualan yang kena dibayar sebagai hutang sivil, menetapkan balik pembayaran awal bagi orang kena cukai yang berkemungkinan akan keluar negara serta memohon untuk menghalang mana-mana orang dari meninggalkan negara; dan

- (vii) perkara mengenai bayaran secara ansuran, penahanan barang dalam kawalan *custom excise* sehingga cukai jualan dijelaskan secara tanggungjawab pengarah.

■1240

Bahagian VI – Pengecualian Bayaran Balik, Tarik Balik dan Remisi.

Bahagian ini yang mengandungi fasal 35 hingga fasal 41, memperihalkan kuasa Menteri Kewangan untuk memberikan pengecualian Cukai Jualan ke atas barang atau sesuatu kelas barang dari dikenakan Cukai Jualan atau mengecualikan mana-mana orang dari membayar Cukai Jualan.

Selain itu, Menteri Kewangan juga diberi kuasa untuk mengecualikan pengilang berdaftar daripada mengenakan dan mengutip Cukai Jualan. Bahagian ini turut menjelaskan kuasa Menteri Kewangan untuk membuat bayaran balik dari misi cukai. Selain itu, bahagian ini menjelaskan kuasa Ketua Pengarah untuk membuat bayaran balik atau mengutip semula cukai melibatkan barangan yang dihapus kira akibat hutang lapuk, termasuk sekiranya, terdapat cukai yang terkurang, terlebih atau tersalah bayar. Bahagian ini turut menerangkan berkenaan kemudahan tarik balik cukai (*draw back*) ke atas barangan untuk tujuan eksport kecuali petroleum.

Bahagian VII – Ketetapan.

Bahagian ini mengandungi enam fasal bermula dari fasal 42 hingga fasal 47. Bahagian ini berkenaan perkara berkaitan ketetapan umum dan ketetapan Kastam. Iaitu ketetapan umum yang memperihalkan takrifan Ketua Pengarah mengenai pemakaian mana-mana peruntukan di dalam akta ke atas mana-mana orang atau golongan orang atau apa-apa aktiviti perniagaan. Ketetapan Kastam yang boleh dibuat di bawah kuasa Ketua Pengarah berdasarkan kepada permohonan yang dibuat oleh mana-mana orang ke atas perkara berikut;

- a) pengelasan barangan,
- b) penentuan orang kena cukai,
- c) prinsip yang diguna pakai bagi menentukan nilai barangan; dan
- d) perkara lain seperti yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Selain itu, bahagian ini turut menerangkan bahawa ketetapan Kastam boleh dipinda, diubahsuai atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah atas sebab-sebab tertentu dalam situasi berlakunya dua ketetapan Kastam dikeluarkan atas perkara yang sama. Ketetapan tersebut akan dianggap batal dan tidak sah dan perlu dimaklumkan kepada Ketua Pengarah.

Bahagian VIII – Peruntukan Khas Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan.

Bahagian ini yang mengandungi fasal 48 hingga 54 adalah berkaitan layanan Cukai Jualan yang terpakai di kawasan yang ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi dan Tioman. Secara amnya Cukai Jualan tidak dikenakan ke atas barang bercukai yang dikilangkan di kawasan tersebut. Selain itu Cukai Jualan tidak dikenakan ke atas barangan bercukai yang diimport dari atau dipindahkan ke kawasan yang ditetapkan. Perpindahan barang di antara satu kawasan yang ditetapkan dengan kawasan ditetapkan atau kawasan khas lain, juga tidak dikenakan Cukai Jualan .

Bahagian IX – Peruntukan Khas Berkenaan Dengan Kawasan Khas.

Bahagian ini mengandungi fasal 55 hingga fasal 61 menjelaskan Cukai Jualan di kawasan khas. Secara amnya Cukai Jualan tidak dikenakan atau dikutip ke atas barangan bercukai yang diimport dari atau dipindahkan ke kawasan khas atau ke atas pemindahan barang di antara satu kawasan khas dengan kawasan khas atau kawasan yang ditetapkan yang lain. Bagi tujuan bahagian ini, kawasan khas adalah terdiri daripada satu zon bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990. Kedua kawasan pembangunan bersama di bawah Akta Pihak Berkuasa bersama Malaysia – Thailand 1990 dan ketiga gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen di bawah Akta Kastam 1967.

Bahagian X – Penguatkuasaan.

Bahagian ini mengandungi 11 fasal, iaitu fasal 62 hingga fasal 72, yang berkaitan dengan tindakan penguatkuasaan. Secara asasnya, bahagian ini meliputi aktiviti berikut; pemeriksaan, penyiasatan, pengeledahan, penyitaan dan kuasa untuk menahan.

Bahagian XI – Perbicaraan dan Prosiding.

Bahagian ini yang mengandungi fasal 73 hingga fasal 85 adalah mengenai perbicaraan dan prosiding sebagai contoh berkenaan hal pendakwaan, beban pembuktian, obligasi kerahsiaan, perlindungan pemberi maklumat, penyampaian saman, kompaun dan perintah mahkamah.

Bahagian XII – Pelbagai.

Bahagian ini mengandungi fasal 86 hingga fasal 106 yang menjelaskan peruntukan pelbagai. Antaranya melibatkan kesalahan, penalti, semakan semula dan rayuan, pemberian notis dan penyediaan bayaran cukai jualan oleh berlikuidasi syarikat yang digulung kan, pengemukaan sijil pengauditan tahunan oleh pengilang berdaftar, perlindungan pegawai daripada liabiliti, ganjaran, kuasa Ketua Pengarah untuk menetapkan fi dan kuasa Menteri Kewangan untuk membuat peraturan.

Bahagian XIII – Peralihan.

Bahagian ini yang bermula dari fasal 107 hingga fasal 109. Menetapkan perkara berkaitan tempoh peralihan daripada sistem percukaian GST kepada Cukai Jualan . Antaranya melibatkan keperluan pendaftaran awal sebelum tarikh kuat kuasa dan lain-lain cukai ke atas perjanjian yang bersifat progresif atau berkala, yang bermula sebelum kuat kuasa akta ini dan berakhir pada atau selepas tarikh kuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, saya ingin tegaskan, bahawa kerajaan Pakatan Harapan yang berjiwa rakyat, mementingkan kesejahteraan rakyat. Dengan meringankan bebanan cukai, melalui pemansuhan GST dan pengenalan semula SST, Kerajaan Persekutuan berharap lebih ramai rakyat akan dapat merasai nikmat RM17 bilion yang dikembalikan kepada rakyat jelata pada tahun ini dan RM23 bilion yang akan dikembalikan pada tahun hadapan.

Kerajaan Persekutuan akan juga memantau segala harga apabila Cukai Jualan ini berkuat kuasa. Sungguhpun penggantian GST dengan SST tidak akan menaikkan harga setinggi seperti GST. Buat masa yang sama, Kerajaan Persekutuan sedang mengkaji masalah struktur di dalam ekonomi domestik seperti kuasa monopoli yang membebankan pengguna bagi memastikan kos sara hidup rakyat berada pada paras yang munasabah. Contohnya barang-barangan asas, seperti beras dan gula.

Akhir sekali, marilah kita bekerja bersama-sama untuk menghadapi cabaran kewangan negara ekoran amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Saya berharap pihak pembangkang boleh menyokong RUU ini, yang menggantikan GST dengan SST, agar lebihan baki semasa atau *current balance* boleh dikekalkan.

Sekiranya SST ini tidak diluluskan dan GST dimansuhkan, maka RM4 bilion yang dijangka dikutip akan hilang dan baki semasa atau *current balance* akan berada di dalam keadaan defisit. Defisit baki semasa bermakna hasil Kerajaan Persekutuan tidak mencukupi untuk menampung kos pengurusan yang akan menjejaskan kredibiliti ekonomi Malaysia di mata dunia, termasuklah Agensi Penarafan Antarabangsa atau *Credit Rating Agencies*.

Saya percaya, pihak pembangkang tidak akan mensabotaj ekonomi negara atau tidak akan menghormati prinsip demokrasi dan mandat rakyat yang diperolehi oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada 9 Mei 2018 ini semata-mata untuk tujuan dan kepentingan politik yang sempit. Marilah kita bersama-sama menyelamatkan ekonomi

negara dan memakmurkan rakyat khususnya golongan marhaen. Sekurang-kurangnya membetulkan kesilapan yang anda buat sebelum ini. Sekian, terima kasih [*Dewan riuh*].

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan, di atas pengemukaan RUU bacaan kali kedua dan seterusnya memberikan huraian. Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bangun untuk menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan, bagi mengadakan, mengenakan, melevikan, dan memungut Cukai Jualan dan perkara yang berkaitan dengannya. Di bacaan kali kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

■1250

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Saya ada menerima senarai daripada pembangkang ada 10 pembahas dan juga daripada jumlah tambahan empat lagi. Jadi, saya ingin menjemput Yang Berhormat Rembau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dipersilakan.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

12.50 tgh.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Bismillahir Rahmanir Rahim...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya belum menetapkan limit lagi, teruskan.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 yang sangat penting ini yang kesannya membawa kepada pemansuhan GST yang diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lepas.

Janji pertama dalam Janji 100 hari Kerajaan Pakatan Harapan, janji pertama dalam 60 janji yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan. Begitulah kedudukan GST dalam naratif Pakatan Harapan untuk mendapatkan sokongan dan undi dalam PRU14 yang lepas. Sepertimana yang kita dengar pembentangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi, kos sara hidup dan harga barang mahal menjadi antara senjata utama Pakatan Harapan dalam cuba memansuhkan GST. GST dijadikan sasaran kononnya sebagai punca kepada keadaan harga barang melambung naik dan kos sara hidup yang menekan rakyat.

Janji Pakatan Harapan, penghapusan GST akan menurunkan harga barang. Janji Pakatan Harapan, pemansuhan GST akan mengurangkan kos sara hidup. Janji Pakatan Harapan, tanpa GST, hidup rakyat semakin mudah. [Disampuk] Namun, apa yang terjadi selepas GST dikadarsifarkan? Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sendiri telah menyatakan pelaksanaan kadar sifar GST hanya memberi impak yang sangat minimum dan rendah kepada harga barangan.

Tidak dinafikan terdapat harga barangan yang turun harga namun keadaan itu hanya berlaku kerana keadaan *tax holiday* yang sedang dinikmati oleh rakyat ketika ini. Namun walaupun tempoh *tax holiday* tetap tidak banyak perubahan kepada harga kerana impaknya yang sangat minimum dan saya akan huraikan nanti. Kalau dilihat dari sudut *consumer price index* (CPI) memang ada penurunan. Namun CPI bagi bulan ke bulan ataupun *month to month basis*, dengan izin bagi bulan Mei dan Jun menunjukkan penurunan hanya pada kadar 1.2 peratus sahaja dan *year to year basis* pula berlaku kenaikan kepada kadar 0.8 peratus berbanding bulan Jun pada tahun lalu. Kalau betullah harga sudah turun, sepatutnya *year on year basis* ada penurunan, bukan peningkatan.

Konteks angka CPI ini yang dilihat turun adalah bukan kerana GST *tax holiday* tetapi disebabkan trend penurunan inflasi sejak suku tahun pertama tahun 2018 disebabkan— saya rujuk kepada Bank *Negara Malaysia Quarterly Bulletin* dengan izin, “A smaller increase in global fuel prices and favorable supply condition for fresh food items”. Inilah yang menyebabkan CPI kita bertumbuh ataupun meningkat secara perlahan dalam tempoh masa yang terdekat.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat trend CPI ini dalam sejarah lampau sehingga tahun 1980-an, tidak pernah sekalipun CPI ini menunjukkan trend penurunan yang kekal walaupun tanpa sistem GST. *You go back to 1980* tidak pernah

ada penurunan dalam CPI kita. Untuk tempoh 10 tahun antara 1980 hingga 1989, rekod peningkatan tertinggi adalah pada kadar 9.8 peratus pada tahun 1981. Pada 10 tahun berikutnya adalah 1990 hingga 1999, rekod kenaikan tertinggi adalah 5.2 peratus pada tahun 1998. Daripada tahun 2000 hingga 2009, kenaikan paling tinggi adalah pada tahun 2008 pada kadar 5.4 peratus dan daripada tahun 2010 hingga 2017, rekod tertinggi adalah pada tahun lalu iaitu 3.65 peratus.

Tiada sekalipun dalam tempoh 38 tahun ini menunjukkan rekod trend penurunan. Walaupun sebelum tahun 2015 ketika GST belum lagi dilaksanakan, harga barang sentiasa dalam trend meningkat. Untuk rekod juga, sepanjang pelaksanaan GST, kadar CPI yang paling tinggi masih lagi rendah berbanding sebelum GST dilaksanakan. Ini maknanya apa? Ini bermakna GST bukanlah faktor utama kenaikan harga barang. Ia adalah trend global. Ia terjadi di seluruh dunia bukan hanya di Malaysia sahaja. Harga barang ini Tuan Yang di-Pertua, ada banyak sebab ia naik, ia turun. Sebab utama seperti mana yang kita semua tahu...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Adalah... *[Disampuk]* Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau sedar kah bahawa saya ke Pasar Borong Selayang dan melihat harga barang. Harga barang waktu GST rendah sedikit dibandingkan...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Bukan kasinokah Yang Berhormat Kinabatangan? *[Dewan ketawa]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa ini? Biadab! Ini kurang ajar! Tarik balik, ini biadab Tuan Yang di-Pertua. Memang kurang ajar. Yang Berhormat tidak layak duduk di sini, samseng. *What you want? You* hendak gaduh dengan saya? *Anytime.*

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tanya saja Yang Berhormat Kinabatangan, jangan marah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ala! Ini bukan tempat bergaduh, duduklah!

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *you!* *[Dewan riuh]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Nampak.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tarik balik.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kau salah orang, kau salah orang. *[Dewan riuh]*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan kena tarik balik perkataan...

[Dewan riuh]

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Jangan marah Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kau mabuk malam-malam. Ini mabuk malam-malam. Kau mabuk... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kinabatangan...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Dalam Dewan yang mulia ini kita telah disekolahkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Disekolahkan? Ini tidak ada sekolah.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Jadi saya mintalah...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini tiada sekolah...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: ...Yang Berhormat Kuala Krau juga sekolahkan pihak di sana.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat duduklah, *you* tidak ada sekolah. *This is my floor, you sit down.* Saya hendak tanya Yang Berhormat Rembau...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Itu kata-kata yang tidak bermoral.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan harus dihalau keluar.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kinabatangan, ikut peraturan mesyuarat Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Dia harus dihalau Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Kinabatangan harus dihalau keluar...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Kinabatangan patut dihalau... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta semua berhenti bercakap kecuali Yang Berhormat Rembau. *This is your floor,* sila Yang Berhormat Rembau.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, dia perlu tarik balik perkataan...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, dia perlu tarik balik. Tindakan diambil untuk menjaga martabat dan integriti Dewan ini. [*Dewan riuh*]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Dia perlu tarik balik perkataan-perkataan yang jelas...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: ...Jelas bahawa Yang Berhormat Kinabatangan tadi telah pun mengeluarkan kata-kata kesat... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta ada peraturan. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tindakan harus diambil.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Peraturan 36...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tindakan kepala bapak mu lah!

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tindakan harus diambil.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tindakan kepala bapak mu lah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Beluran, sila bagi nasihat kepada dia.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, ya sebentar, 36(9) Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang lain senyap. Ahli Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Sebentar, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kinabatangan senyap.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Peraturan Mesyuarat 36(9), saya baca. *"Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat seorang Ahli Parlimen"*. Dia menyentuh tentang sifat dan kelakuan seorang Ahli Parlimen yang terbatas mengikut Peraturan 36(9). Itulah merupakan punca kepada perbalahan tadi Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Dia tanya kasino sahajalah. Tidak payah marah-marah!

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Kau main pelacur oh!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya nampak kau main pelacur oh.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tidak ada pergi jangan marah. Apa hendak marah?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak marah. Saya nampak kau bawa perempuan pelacur... *[Pembesar suara dimatikan]*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Terhadap perkara 36(9) ini Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Ahli-ahli Dewan Rakyat senyap kecuali...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, saya minta *ruling* terhadap Perkara 36(9)

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tuan Yang di-Pertua, ini tuduhan yang...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang jelas...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sangat...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: ...Jijik.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Sebentar Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat lain senyap.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Beluran bercakap.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat yang mula, Yang Berhormat tidak ada adat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya minta *ruling* Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak tahu peraturan Dewan, baru masuk belajarliah.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terhadap perkara...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Malulah kalau duduk... [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat lain senyap. [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, saya minta *ruling* Tuan Yang di-Pertua terhadap Perkara 36(9), perbincangan tidak boleh menyentuh tentang sifat-sifat seseorang Ahli. *That is very clear* Yang Berhormat.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kalau hendak ajar orang, diri sendiri tengok cerminlah. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah tepat pukul satu...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Kita akan tangguhkan Mesyuarat dan...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tangguhkan Mesyuarat dan kita akan....

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Masuk semula pada pukul 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order* tadi. Tuan Yang di-Pertua, sebelum berhenti tadi saya mengemukakan Peraturan

Mesyuarat 36(9) yang menyentuh tentang sifat-sifat seorang Ahli tidak boleh disebut di dalam perbahasan dalam Dewan. Saya mendengar secara jelas Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Puncak Borneo. Menyentuh tentang - Yang Berhormat Puncak Borneo – sabar, sabar. Menyentuh tentang sifat-sifat peribadi yang dikemukakan kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Jadi, mengikut peraturan mesyuarat ini, perkara tersebut tidak boleh...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: *I'm on point of Borneo. I'm on point of Borneo.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You are accusing me, I never said anything, I was sitting quietly here.*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat, jadi Yang Berhormat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Beluran, tolong tarik balik tuduhan itu. Saya tidak kata apa-apa, Jelutong duduk diam. *In fact, the press has reported it correctly.* Yang Berhormat Beluran, tarik balik tuduhan itu.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat, saya minta agar *ruling* dibuat tentang perkara ini supaya tidak ada pelanggaran.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Beluran tarik balik tuduhan terhadap Jelutong kerana saya tidak menyatakan apa-apa ketika Yang Berhormat Kinabatangan berucap. Semua saksikan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Puncak, Yang Berhormat Puncak Borneo tidak apa. Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta maaf.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya minta, saya minta agar satu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik, minta maaf kat saya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Beluran, tarik balik lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, duduk.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya minta agar *ruling* dibuat ini. Saya juga ingin katakan bahawa banyak perkataan *unparliamentary* lanjutan daripada

pertelingkahan tadi, banyak perkataan-perkataan *unparliamentary* yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, yang itu juga saya rasa perlu ditarik balik oleh Yang Berhormat Kinabatangan perkara-perkara tersebut. Perkara yang melibatkan tentang peribadi tidak harus dijadikan sebagai perbahasan dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta *ruling* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Beluran.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan Yang Berhormat Beluran juga. Saya mohon menambah, 36(9). Saya rasa apa yang Yang Berhormat Beluran...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Buat *ruling* dulu, *ruling* dulu.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya akan ambil satu persatu. Ahli-ahli Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Baik.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat apa-apa *ruling*, ini tambahan kepada Yang Berhormat Beluran. Okey, ini berkenaan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Beluran yang mengatakan bahawa Yang Berhormat Puncak Borneo kata kelakuan mana-mana Ahli. Saya hendak jelaskan bahawa Yang Berhormat Puncak Borneo tidak sebut siapa-siapa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Cuma sebut perkataan kasino.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Maknanya, ada orang makan cili, dia rasa pedas. Kalau tidak buat salah, tidak payah macam itu.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, jangan...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ketika itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, biar saya habiskan dulu. Yang Berhormat Beluran, biar saya habiskan dulu.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ketika itu Yang Berhormat Kinabatangan sedang bangun mencelah, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya akan buat *ruling*. Minta kedua-dua Ahli Yang Berhormat duduk. Terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. *Point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, untuk *point of order*.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan *Point of Order* 36(4), adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan, biadab atau membuat pernyataan yang seksis. Tuan Yang di-Pertua, tadi mengikut apa Yang Berhormat Beluran mengatakan bahawa pihak saya, Ahli Parlimen pihak sini telah mengeluarkan satu kata-kata yang telah memprovokasi Yang Berhormat Kinabatangan.

Namun, adalah *decorum* dalam Dewan Rakyat ini untuk mana-mana Ahli Parlimen untuk tidak mengeluarkan apa-apa perkataan yang biadab walau begitu besar provokasi itu. Jadi, saya mohon satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, dua-dua *point of order* ini, *because he cannot use such words and if, is he allowed to do it without apologizing and detracting, then we are setting a very dangerous precedence in the Dewan Rakyat*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Terima kasih. Baik.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Malim. Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Malim.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sama, *Point of Order* 36(4). Saya minta lah kepada Tuan Yang di-Pertua yang perkataan Yang Berhormat Kinabatangan keluaran itu, ia bukan sahaja biadab, bukan sahaja kurang sopan. Ini satu perkataan yang kesat dan saya meminta supaya Yang Berhormat Kinabatangan dikeluarkan daripada Dewan hari ini sebab tadi bila Yang Berhormat Kinabatangan mengeluarkan perkataan macam itu, ramai orang di *public gallery*. Ini memalukan, memalukan Dewan Yang Mulia ini, *it is a disgrace of this August House*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Baik.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua. *point of order*. Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Siapa dia? Ya, silakan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: 36(4) juga, saya menyambung sedikit daripada sahabat saya. Cuma kalau kita sedia maklum ya, *record* Parlimen atau pun *Hansard* ini, dengan izin, *is for all time*. Kalau kita benarkan perkataan yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi untuk terus kekal dalam *Hansard*, ini bermaksud dalam sejarah negara kita perkataan kesat itu akan selama-lama nya berada dalam *Hansard* kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya rasa tidak boleh diterima dan pohon petua daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Ahli-ahli Yang Berhormat ada dipanggilkan 36(9), 36(4), saya menunggu Yang Berhormat Kinabatangan hadir. Jadi, saya yang mempengerusikan Majlis pada tengah hari sebelum kita berhenti rehat. Perkataan *four letter words* saya gunakan, dengan izin, yang diucapkan sebagaimana telah dibangkitkan tadi, saya minta Yang Berhormat Kinabatangan untuk menarik balik perkataan yang- peraturan 36(4).

[Dewan riuh]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tiada hasrat pun dan saya memang dari awal tidak menunjukkan siapa-siapa dan saya ingin menarik balik perkataan tersebut.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Masalah sekarang...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya menarik perkataan tersebut sebab memang tidak sopan pun. Walau bagaimanapun, cubaan daripada Yang Berhormat Puncak Borneo tidak baik. Saya pun nampak dia minum dengan perempuan pelacur tetapi saya pun tidak peduli.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Hei! Tak, tak, tak.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Now this is serious. Come on man, how could you.*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur minta izin. Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timur.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Ipoh Timur, sila.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Malim tadi, perkataan sekesat itu tidak boleh ditarik balik dengan begitu sahaja. Apa yang penting adalah, Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan kuasa di bawah Perintah Tetap 44. Apa yang patut dikenakan terhadap Yang Berhormat Kinabatangan atas kesalahan beliau tadi adalah untuk mengeluarkan beliau dari Dewan Yang Mulia ini demi untuk menjaga martabat dan integriti Dewan Yang Mulia ini. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Ipoh Timur rujuk pada SO berapa. Peraturan?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, 44 (2). *[Dewan riuh]*

■1440

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya telah mengambil *ruling* untuk Yang Berhormat Kinabatangan menarik balik buat pertama kali, jika berlaku lagi maka saya akan gunakan Peraturan 44. Jadi, sekarang saya minta supaya diteruskan perbahasan daripada Yang Berhormat Rembau. Sila Yang Berhormat Rembau.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, 36(9) Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 36(9) belum buat *ruling*. Saya minta agar perkara ini di masa hadapan tidak akan menyentuh perkara-perkara yang melibatkan sifat-sifat peribadi seperti yang termaktub dalam 36(9). Saya minta juga

Yang Berhormat Puncak Borneo sama ada dibagi amaran, supaya ditarik balik perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Speaker...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ... Rasah. *Point of order.* Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di-Pertua telah buat *ruling* berkenaan dengan Yang Berhormat Kinabatangan tetapi beliau masih meneruskan kesalahan buat tuduhan palsu tanpa asas terhadap Yang Berhormat Puncak Borneo katakan pelacur tadi.

Saya mohon tindakan tegas bukan setakat amaran, bukan setakat tarik balik dan minta maaf tetapi dikeluarkan daripada Dewan ini sebab mengikut Peraturan 44(2), Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi ada kuasa untuk dikeluarkan Yang Berhormat Kinabatangan daripada Dewan yang mulia ini untuk tidak lebih 10 hari. Saya mohon supaya kita laksanakan dengan tegas perkara ini supaya Dewan yang mulia ini tidak dicemari dengan anasir-anasir sebegini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Rasah, terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rasah ini hendak ambil...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan....

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rasah ini hendak ambil kerja Tuan Yang di-Pertua. Saya tunggu Yang Berhormat Puncak Borneo, dia tarik balik, saya tarik balik. Dia buat tuduhan tidak berasas, jadi saya tunggu dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak rujuk balik kepada Yang Berhormat Puncak Borneo, saya minta tadi Yang Berhormat Kinabatangan sudah tarik balik.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya akan tarik tetapi saya minta Tuan Yang di-Pertua minta juga Yang Berhormat Puncak Borneo tarik balik. Terima kasih.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...
[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Puncak Borneo ada sini, Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puncak Borneo tidak merujuk kepada siapa-siapa tetapi Yang Berhormat Kinabatangan dengan jelas *explicitly* katakan bahawa Yang Berhormat Puncak Borneo minum dengan pelacur. *I think this cannot*, ini tidak dapat diterima. Dia harus dikeluarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, jelas semasa Yang Berhormat Kinabatangan berucap, saya pergi ke pasar membeli ikan dan sayur-sayur saya dapati harga barang terus meningkat. Tiba-tiba pergi ke pasar kah atau pergi ke kasino? Rujuk kepada siapa? *[Dewan riuh]* Siapa yang bercakap dirujuk, Yang Berhormat. Faham-faham sahajalah. Ini... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Puncak Borneo tidak ada dalam Dewan lagi dan saya telah buat *ruling* bahawa Yang Berhormat Kinabatangan menarik balik daripada *four letter words* yang dibuat tadi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah, sudah saya tarik. Kalau mahu tarik saya tarik lagi buat kali seterusnya. *[Dewan riuh]* *[Dewan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Baik Ahli-ahli Yang Berhormat, kita perlu teruskan perbahasan kita dan sebelum Yang Berhormat Rembau menyambung perbahasan saya ingin membuat satu pemakluman bahawa saya berikan tempoh masa 15 minit seorang kerana kita... *[Disampuk]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, *Point of Order* 36(9) sekali lagi kerana tadi...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Sudahlah, sudahlah *ruling* sudah buat sudah kita *move on, move on*.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *No*, tunggu dahulu kerana Yang Berhormat Kinabatangan membuat tuduhan yang kedua tadi. *[Dewan riuh]* Mengatakan dengan jelas Yang Berhormat Puncak Borneo duduk minum dengan pelacur. Dengan izin, *this is unparliamentary conduct*. *[Dewan riuh]* Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan tarik balik.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah berapa kali lagi mahu tarik ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat Lembah Pantai...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Itu tarik yang pertama, ini yang kedua.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sudah tarik tali tidak cukup panjang. Kalau saya tarik sampai Kinabatangan terjerat leher. Sudah tarik keluar. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey Yang Berhormat Lembah Pantai terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya tadi...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk mengehadkan masa, tetapi memberi masa 15 minit bagi satu rang undang-undang yang besar ini tidak cukup masa Tuan Yang di-Pertua..

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Waktu yang pertama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang pertama tidak apa, yang lain-lain...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: 20 minit seorang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...15 minit kerana saya dapat tambahan. Kalau tadi saya umumkan ada 10 tambah empat dan di pihak BBC ada tambahan sembilan orang lagi, jadi memang ramai, jadi yang lain-lain saya hadkan kepada 15 minit. Sila saya jemput Yang Berhormat Rembau.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rembau tadi...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon *Point of Order 36(9)* belum ada *ruling*. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Lembah Pantai...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Dia belum sebut lagi dia tarik. *[Dewan riuh]* Saya mohon disebut dengan jelas kerana beliau menyebut dengan jelas tentang Yang Berhormat Puncak Borneo kami semua dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan kedua-duanya ditarik balik. Sila, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rasah ini ketinggalan bas, Tuan Yang di-Pertua. Saya tarik dan kalau ada lagi saya akan tarik sampai Kinabatangan termasuk Rasah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, sila Yang Berhormat Rembau.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Rembau tadi saya belum habis bertanya boleh saya sambung.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, macam mana dia tarik itu tidak serik-serik dengan kesalahan yang dilakukan, asyik berulang sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa Yang Berhormat Rasah. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Kinabatangan duduk.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak bolehlah macam ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya hendak mencelah dengan Yang Berhormat Rembau tadi belum habis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat Rembau. Sambungannya, saya matlamat untuk menggantikan GST ini dengan SST iaitu kononnya oleh Pakatan Harapan, kerajaan baru iaitu untuk mengurangkan kos sara hidup, untuk menurunkan harga barang.

Akan tetapi setelah *zero rated* ini GST, harga barang di pasar borong meningkat. Belum lagi masuk SST, 10 peratus campur enam peratus. Jadi adakah Yang Berhormat sedar bahawa janji yang untuk menurunkan barang ini dan menghapuskan GST adalah satu malapetaka untuk negara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Rembau.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Saya amat menghargai pandangan Yang Berhormat Kinabatangan sebab Yang Berhormat Kinabatangan memang pergi ke pasar dan membeli keperluan yang menjangkau generasi. Dia akan beli keperluan untuk orang tua, untuk dia sendiri. Dia akan beli keperluan untuk bayi muda sebab dia ada bayi kembar yang baru. *[Dewan ketawa]* Dia ada pelbagai keluarga

jadi dia punya *basket of goods* sangat besar. Jadi kita faham dia pun sangat arif dengan harga barang.

Jadi saya hendak menjawab Yang Berhormat Kinabatangan dengan beginilah. Saya sebut bahawa apabila kita mengambil kira angka-angka CPI daripada tahun 1980-an menunjukkan trend yang meningkat tidak pernah menunjukkan trend yang menurun. Ini menunjukkan bahawa GST sebenarnya tidak menjadi penyebab kepada faktor utama kepada kenaikan harga barang.

Saya bagi contoh yang mudah, kita punya angka CPI pada tahun 2014 satu tahun sebelum GST diperkenalkan. Untuk tahun 2014, CPI kita *annual* adalah 3.17 peratus, tahun 2015, tahun pertama GST diperkenalkan CPI kita 2.08 peratus, turun, tahun 2016 CPI kita 2.13 peratus masih lagi kurang ataupun di kadar yang lebih rendah daripada tahun 2014. Pada tahun 2017 meningkat 3.65 peratus ini disebabkan bukan GST sebab 2015 ada GST, 2016 ada GST, 2017 angka CPI kita naik antara lain disebabkan harga minyak mentah yang mencapai *31 month high*, dengan izin pada Disember 2017.

Oleh sebab harga barang naik Tuan Yang di-Pertua, banyak sebab. Antaranya permintaan dan pembekalan ataupun *supply and demand* seperti mana yang kita semua tahu yang belajar asas ekonomi. Antara lain adalah nilai mata wang ringgit. Kalau hendak dikatakan bahawa hari ini kerajaan hendak melihat bagaimana hendak turunkan kos sara hidup, turunkan harga barang melihat kepada nilai mata wang ringgit apakah nilai mata wang ringgit pada 8 Mei satu hari sebelum pilihan raya umum ada pada USD1 – RM3.95. Hari ini adakah lebih baik ataupun tidak USD1 – RM4.08 telah merosot.

Jadi perkara ini tidak ditangani dan hanya diberi gambaran bahawa GST lah yang menyebabkan harga barang meningkat. Pengenalan semula...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Rembau.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sekejap Yang Berhormat Jelutong. Pengenalan semula SST...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Rembau, saya hendak minta penjelasan.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sekejap. *Sit down.* Pengenalan semula SST tidak memberi jaminan harga barang akan turun itu disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi. Jika kadar sifar GST sejak 1 Jun yang lepas tidak menurunkan harga secara menyeluruh kemungkinan harga barang akan meningkat naik pasti berlaku pada 9 September.

Saya bagi contoh kepada Dewan. Saya telah rujuk kepada sebuah kedai makan di sekitar Lembah Klang dikenali sebagai kedai mamak. Saya *check* harga minuman kegemaran rakyat Malaysia, secawan teh tarik pada sebelum 1 Jun sebelum *tax holiday*. Satu cawan teh tarik adalah RM1.60, selepas *tax holiday* 1 Jun yang lepas di mana GST disifarkan memang betul ada penurunan, penurunan kepada RM1.50.

■1450

Kenapa harga turun? Harga turun disebabkan *tax holiday*. Dia tidak bayar cukai atas RM1.60. Maksudnya enam peratus daripada RM1.60 dibundarkan adalah 10 sen. Tolak 10 sen memang betullah RM1.50. Saya tanya pada dia soalan yang penting, jadi penurunan harga itu hanya semata-mata ada *tax holiday*? Dia kata betul. Saya tanya dia, kos sebenar, *the actual cost of the* teh tarik, adakah turun atau tidak? Dia kata *the actual cost is the same*.

Maksudnya, kos asal tidak turun langsung, kos barang asal tidak turun langsung dan dia kata pada waktu yang sama, satu kotak *condensed milk* harga tidak turun dan itu input yang paling bernilai tinggi untuk dibuat teh tarik. Saya tanya kepada dia, pada 1 September, apakah kos secawan teh tarik akan juga naik semula selepas SST diperkenalkan? Dia jawab, sudah pasti kos ataupun harga teh tarik akan naik balik. Mungkin lebih daripada RM1.60.

Jadi di sini membuktikan bahawa kos asas barangan tidak turun. Saya bagi lagi satu contoh. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, sebelum ini memberi contoh kononnya harga bawang merah ros telah turun selepas disifarkan GST. Saya hendak beritahu kepada Dewan, bawang merah ros sememangnya tidak dikenakan GST pun. Kita ambil produk yang tidak dikenakan GST.

Akan tetapi memandangkan Yang Berhormat Menteri bagi contoh bawang merah ros ini telah turun harga, saya hendak beritahu keadaan yang sebenar kenapa ia turun harga. Harga bawang merah ros pada 1 Mei, RM7 sekilo. Sebelum GST disifarkan pada 1 Jun, pada 29 Mei telah dibuat pemantauan oleh FAMA dan pengedar juga, pemborong telah naikkan bawang merah ros kepada RM8 sekilo sebelum GST disifarkan supaya apabila GST disifarkan, harga itu turun balik kepada RM7.50 sekilo. Maksudnya, walaupun sudah tidak ada GST, barang ini naik harga.

Saya bagi contoh lagi satu. Kubis dari China, tempoh yang sama. Kadar RM2.90 sekilo pada 1 Mei. Pada 29 Mei, RM3 sekilo. Pada 23 Jun, apabila GST disifarkan, harganya naik kepada RM3.50. Jadi maksud saya di sini, ada barang yang naik, ada barang yang turun. Tiada langsung kesan daripada GST disifarkan. Jadi, jangan guna

alasan bahawa GST telah menyebabkan harga barang naik dan apabila GST disifarkan, harga barang turun.

Ya, sila Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Yang Berhormat Rembau. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi. Saya juga mendengar Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi kata jualan kereta sejak kita sifarkan GST ia menunjukkan peningkatan. Apakah fenomena Yang Berhormat maksudkan tadi termasuk juga dalam pembelian kereta yang mana tidak ada sebarang makna yang signifikan kalau kita buat perbandingan dalam tempoh *tax holiday* ini? Apa pandangan Yang Berhormat?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sudah pastilah apabila ada *tax holiday*, dia akan bayar kadar ataupun harga yang lebih rendah. Paling penting di sini bukannya penjualan yang dibuat masa *tax holiday*, yang penting di sini adalah kita hendak tengok kesan kepada penjualan kereta, penjualan barang-barang selepas 1 September. Kita hendak dengar jaminan daripada Kerajaan Pakatan Harapan bahawa pada 1 September harga barang tidak akan naik. Bagi jaminan kepada kita bahawa harga barang akan turun pada 1 September.

Kalau tidak, *the entire argument*, dengan izin, bahawa GST membebaskan rakyat, GST yang menentukan harga barang naik dan sebagainya sebenarnya adalah satu hujah yang dangkal sama sekali apabila kita lihat kepada angka-angka yang telah saya berikan tadi. Bagi jaminan bahawa pada 1 September harga barang akan turun.

Sila, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak ada dalam Dewan. Ini semacam tidak menghormati perbahasan kita pada hari ini. Mana mereka pergi ya? Yang di-Pertuan Agong sudah kata jangan lari.

Januari hingga Jun tahun ini, kadar inflasi— saya ingin balik kepada kadar inflasi dalam masa enam bulan ketika GST masih ada. Januari hingga Jun, kadar inflasi ialah 1.8 peratus. Sebelum itu kadar inflasi tahun 2017 ialah 3.7 peratus. Sebelum dilaksanakan GST pada tahun 2014 ialah 3.2 peratus, tahun 2015 turun kepada 2.1 peratus, tahun 2016 masih kekal kepada 2.1 peratus. Adakah ini menunjukkan bahawa GST ini boleh menstabilkan harga barang? Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Berdasarkan kepada maklumat CPI yang kita ada, ia tidak menunjukkan kenaikan mendadak apabila GST telah diperkenalkan. Sama ada GST itu berjaya menstabilkan harga barang, itu kita kena melihat kepada seluruh rantaian pembekalan. Akan tetapi yang jelas di sini adalah apabila kita melihat kepada angka CPI daripada dahulu sampai ke hari ini, *it has always been*, dengan izin, *on the upward trend*. Tidak pernah ada *spike* disebabkan GST pada tahun 2015/2016. Hanya menyebabkan inflasi yang meningkat pada tahun 2017 disebabkan harga minyak mentah. Ya, Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih, Yang Berhormat Rembau. Tadi yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri fasal satu *indicator* mengatakan bahawa apabila di-*zero rate* atau *tax holiday* untuk tiga bulan, harga kereta semua turun. Saya ada angka daripada Mei 2018 sehingga Jun 2018, kereta-kereta yang naik kebanyakan semua adalah kereta yang 2,000 cc ke atas. Satu-satunya kereta yang turun adalah Perodua.

Bererti, hakikat kata hendak membantu, membela rakyat dengan *zero rate*, yang mengecap semua daripada *zero rate* GST dengan andaian yang diberi fasal kenaikan ataupun jualan kereta adalah kalangan mereka yang berada. Setuju kah?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Kepala Batas, itu disebabkan melalui sistem GST, banyak keperluan asas yang dibeli oleh golongan menengah dan golongan rendah B40 telah pun dikecualikan. Banyak benda yang dikenakan GST ini *disproportionately*, dengan izin, adalah barang-barang yang dibeli oleh golongan yang berada di kelas menengah ke atas. Itu sebab kita ada satu *exclusion list*, senarai pengecualian yang banyak mengambil kira perkara-perkara yang menjadi *zero rated*, barang-barang perlu yang diperlukan oleh golongan B40 dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada tajuk lain.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Rembau, minta peluang sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Rembau dan Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Rembau bersetuju dengan saya kalau saya katakan Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak mengambil kira *cost of production* apabila dia meletakkan harga barang? Dia hanya memikirkan dari segi *tax*.

Kita banyak import. Yang Berhormat Menteri Pertanian pun ada di sana. Kita banyak import. Input pertanian pun kita import seperti *fertilisers* dan juga makanan ternakan, *animal feed*. *We imported*, dengan izin, *billions*. Input dari luar ini *is beyond*

our control and the cost of production there, ia terus meningkat daripada semasa ke semasa.

So, you tidak boleh jamin kata bahawa kos barang-barang pertanian akan turun disebabkan oleh SST ataupun *whatever 'T'* lah kecuali Tajuddin. [Ketawa]

Lagi satu, *it is also subjects to exchange rate when you are importing*, dengan izin. *And this exchange rate* kita begitu teruk sekali. *I think the value our dollar drops by almost 15 to 20 percent. This is affecting the cost and this cost will be transferred by the importer, by the manufacturer and the marketing companies to the end, to the buyers.* Itu saya kata tadi, Yang Berhormat Menteri Kewangan ini *economics-nya shallow*, dia tidak meluas. Minta maaf. Terima kasih.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya setuju kalau Tajuddin itu barang memang... [Dewan ketawa] Itu Tajuddin ya.

Saya setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa *price*, harga ini disebabkan banyak perkara. Tadi saya sebut permintaan dan pembekalan, *supply and demand*, harga, nilai mata wang ringgit dan juga faktor luaran seperti *cost of production* di luar banyak benda yang kita kena import yang kita sebenarnya tidak ada kawalan ke atas harga tersebut. Yang Berhormat Menteri Pertanian pun dia tahu.

Jadi maksud di sini adalah kita telah membuktikan bahawa dalam tempoh masa GST disifarkan— tolak ke tepi harga barang yang turun disebabkan GST itu tidak payah nak bayar— tetapi kos barangan masih lagi kekal pada paras yang sama ataupun meningkat.

■1500

Tidak ada mana-mana *empirical evidence* yang boleh menunjukkan bahawa *the cost of goods, the cost of goods have come down since GST has been zero rated* ataupun disifarkan pada 1 Jun yang lepas. Apa yang pasti, yang saya tegaskan adalah pada 1 September disebabkan kita tamatkan *tax holiday*, disebabkan kita tamatkan *tax holiday* pada 1 September harga barang pasti akan naik. Sebab itu saya minta jaminan daripada kerajaan bahawa 1 September harga barang tidak akan naik disebabkan ini adalah SST yang akan menjaga kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri telah mengeluarkan satu kenyataan asas yang sangat jelas. *Guiding philosophy for Kerajaan Pakatan Harapan* iaitu manifesto bukan kitab suci. Manifesto ini tidak sepatutnya mengikat kerajaan, bermakna janji memansuhkan GST ini boleh untuk dimungkiri, boleh untuk tidak dilaksanakan.

Promises can be broken. Seperti mana banyak janji dalam manifesto Pakatan Harapan telah ditangguhkan ataupun tidak mampu dilaksanakan, saya merasakan wajar kerajaan mengambil keputusan untuk tidak meneruskan janji pemansuhan GST.

Ini bukan sebab politik antara Barisan Nasional dan Pakatan Harapan sebab GST ini dikenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Akan tetapi di atas sebab bahawa sistem GST itu lebih baik, lebih efisien, lebih telus. Bukan Yang Berhormat Rembau cakap, tetapi Menteri Kewangan yang cakap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Rembau, Jelutong.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ini diakui sendiri. Sekejap. Ini diakui sendiri oleh Menteri Kewangan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau efisien, isteri Yang Berhormat Pekan ada bayar GST untuk semua barang-barang yang dibawa masuk?

Seorang Ahli: Apa ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jawab soalan saya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila *response* sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Adakah barang-barang kemas Yang Berhormat Pekan.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk, duduk. Duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Isteri Yang Berhormat Pekan.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Duduk, duduk, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Membawa masuk barang-barang RM60 bilion. Adakah GST dibayar untuk barang-barang tersebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Minta Yang Berhormat Rembau. Sila *response*. *Your floor*.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelutong sahabat saya tetapi Yang Berhormat Jelutong ini sejak dia jadi Ahli Parlimen, dia sangat-sangat beria-ia *desperate* hendak jadi seperti mana mendiang Karpal Singh, Yang Berhormat Jelutong dulu ya. *My friend, I had the honor of being in this Dewan with Karpal Singh for many years. You are nowhere near Karpal Singh lah. Sit down.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You can, I know, I can tell you. Nobody can replace Karpal Singh take it from me.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Sit down.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *But I am asking you a question if you are a man, you answered the question here.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Saya. Duduk. Duduk.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Did your ex-Prime Minister wife pays GST man?*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Duduk. Duduk. Duduk.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Answer the question.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Duduk. Duduk dulu.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No. Jawab soalan saya.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Tak apa Yang Berhormat Karpal Singh, dia akan jawab Yang Berhormat Karpal Singh.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Duduk dulu.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Berani kalau berani jawab soalan saya.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Duduk dulu. Duduk dulu.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Okey saya tunggu. Duduk.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *As per your allegations dengan izin, perkara ini mestilah di establish di court of law dulu. You are making assumptions. You are making assumptions.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Pengarah Kastam telah maklumkan GST tak dibayar.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, you are making assumptions.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No, no, no. This is an August house.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You are making assumptions. Sit down.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Ini adalah Dewan yang mulia, saya berbahas atas fakta.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Saya sudah jawab Tuan Yang di-Pertua.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ketua Pengarah Kastam mengatakan GST tidak dibayar.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sudah jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Rakyat merana bayar GST.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya sudah jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Isteri Yang Berhormat Pekan tak bayar GST.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih ya.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sendiri diakui oleh Menteri Kewangan bahawa berulang kali berucap dalam Dewan ini. Maka di sini jelas, kalau kita hendak pilih sistem yang lebih cekap, lebih telus, yang lebih baik untuk negara dan juga rakyat maka sistem GST tu perlu dikekalkan. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya berucap bagi pihak rakan-rakan Barisan Nasional, kita akan tolak rang undang-undang ini dan kita akan sokong dikekalkan GST sebagai sistem percukaian untuk negara kita. *[Tepuk]*

Segala apa yang Kerajaan Pakatan Harapan ingin capai melalui SST, *whatever outcome they want from SST* dengan izin, boleh dicapai dengan GST. Cuma bezanya, GST merupakan sistem yang lebih baik daripada SST, jauh lebih baik. Apa yang mereka hendak capai melalui SST, *you can do with GST, a better system* dengan izin.

Menteri Kewangan sebelum ini menyatakan SST akan gantikan GST kerana GST itu membebankan rakyat. *Okey, let's go through it.* Pagi tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan bangganya mengatakan bahawa dengan melaksanakan SST, dulu dia kata RM23 bilion akan dikembalikan kepada rakyat. Setuju ya? Dia kata RM44 bilion hasil kutipan GST yang lepas, tolak RM21 bilion adalah RM23 bilion. Akan tetapi dia kata tadi, RM17 bilion akan dijimatkan oleh rakyat, akan dikembalikan kepada rakyat. Dia kata RM17 bilion akan dikembalikan kepada rakyat.

Kerajaan boleh melakukan perkara yang sama dengan GST. Kembalikan RM17 bilion adalah hanya tidak kutip RM17 bilion dalam bentuk cukai. Bukan kembalikan RM17 bilion, tetapi tidak kutip RM17 bilion dalam bentuk cukai. Akan tetapi perkara ini boleh dibuat dengan GST. Dengan apa? Dengan hanya kita turunkan kadar GST daripada enam peratus hingga tiga peratus. *You can still get the same amount.* Boleh

dapat kutipan hasil yang sama daripada SST kecuali ataupun tanpa perlu memansuhkan GST.

Saya hendak bagi penjelasan di sini ya. Kenapa dulu kita kutip enam peratus. Hari ini saya kata *you can achieve the same out come with three percent* sebab kerajaan hanya mahu kutip RM21 bilion sahaja. Dulu kita hendak kutip lebih, dulu kita kutip sampai RM44 bilion sebab duit itu digunakan untuk pelbagai program-program sosial untuk membantu rakyat dan masyarakat.

Antara lain, program-program yang kita buat, BR1M itu satulah. Akan tetapi pembayaran bantuan khas Aidilfitri, kita bagi. Kerajaan yang ada hari ini bagi, tetapi kadar yang lebih rendah daripada dulu. Bantuan elaun sara hidup nelayan, kita bagi. Hari ini tidak tentu bagi ke tidak, sebab kita kutip RM44 bilion hendak kembalikan kepada rakyat yang perlukan.

MyBrain 15 kita sudah peruntukan dalam Bajet 2018 untuk kita kembalikan program siswazah bagi anak-anak muda kita. Kerajaan hari ini sudah tak ada lagi sudah *MyBrain 15*. Apa lagi yang kita buat. Pengurangan insentif raya FELDA dan FELCRA, dia bagi tetapi dia kurangkan insentif raya FELDA dan FELCRA. Apa yang dinantikan oleh penjawat awam, kenaikan gaji tahunan yang kita janjikan kerana kita kutip RM44 bilion, ditangguhkan ataupun dibatalkan oleh kerajaan ini sebab *they don't want to honor our promise before*.

Pembatalan projek seperti MRT 3 dan sebagainya. Maksud saya di sini, kita kutip RM44 bilion pada tahun yang lepas pada kadar enam peratus kerana kita gunakan kutipan itu untuk kesejahteraan rakyat. Kalau kerajaan pada hari ini tak nak teruskan segala insentif yang saya sebutkan tadi, tak apalah. Sebab itu hanya hendak kutip hanya RM21 bilion kerana tak nak tambah gaji untuk kakitangan awam, tak nak bagi insentif nelayan, tak nak bagi BR1M, *MyBrain 15*, tak apalah.

Akan tetapi saya maksudkan di sini bahawa kalau hasratnya adalah kutipan hanya RM21 bilion, boleh dibuat dengan GST. Tak payah hendak buat SST, boleh dibuat dengan GST yang sedia ada dengan kadar yang lebih rendah. Saya sebut perkara ini sewaktu perbahasan dengan Menteri Kewangan, waktu perbahasan Titah Diraja. Sampai hari ini jawapan dia adalah SST perlu dikembalikan disebabkan SST ini adalah janji pilihan raya. *Not because is better, not because is more efficient, not because is more transparent, but because is a promise. But is a bad promise that you should break.*

Tuan Yang di-Pertua, sebab kedua yang disebut adalah jumlah barang yang dimasukkan dalam bakul SST itu kurang daripada jumlah barang yang dikenakan GST.

Ya, memang betul. Saya akui apa yang disebut oleh Menteri Kewangan tadi. Dia kata apa? Dia kata di bawah SST, hanya 38 peratus sahaja daripada bakul CPI dikenakan cukai berbanding dengan 60 peratus. Berbanding dengan 60 peratus di bawah GST, *it's true*. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi *red herring*. Dia kata antara lain, tuala wanita, lampin bayi, tongkat untuk orang tua, semua dikenakan di bawah GST.

Akan tetapi tak dikenakan di bawah SST. Betul, *but that's a red herring* Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sebab tuala wanita, lampin bayi, tongkat semua benda ni boleh dimasukkan dalam senarai pengecualian GST, *without you having to reintroduce SST*. *It is just a matter of what you decide to put in the exclusion list* dengan izin. *It is not about the system*, dia bukan kata GST ni teruk sebab hanya di bawah GST, tuala wanita di bawah GST, lampin bayi di bawah GST, tongkat kena *no*.

Pemerintah tentukan apa perkara, barangan dan perkhidmatan yang diletakkan dalam senarai pengecualian. Jadi pada hari ini soalan sama ada GST itu adalah sistem yang tidak sehebat SST tidak dijawab, sebab itu *red herring*. *Red herring* maksudnya *you can include all this items, you can include all this items* dalam senarai pengecualian dan dapat *outcome* yang sama.

■1510

Jadi sebab itulah kalau Yang Berhormat Menteri ingat, sewaktu perbahasan saya tanya sebab ini perkara yang penting. Saya tanya Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam sama ada satu simulasi telah pun dibuat untuk kita melihat pada kadar apa GST boleh diturunkan dan mendapat *outcome* yang sama, hasil yang sama seperti SST dan juga kesan kepada pengguna dan rakyat yang sama seperti SST. Malangnya simulasi itu pun tidak dibuat kerana *you have gone in there with the soul intend of just getting rid of the GST even though it's a better system*. Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya perhatikan apa yang telah disampaikan oleh Menteri Kewangan tadi berbanding dengan zaman kita Menteri Kewangan yang sampaikan. Nampaknya apa kebaikan SST ini kita sebut hari ini. Akan tetapi keburukan SST pada zaman itu ia merupakan dua yang konflik, bermaksud apa hujah yang digunakan dahulu yang kita hendak tolak, sekarang jadi satu asas atau justifikasi untuk kita perkenalkan semula SST. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kalau kita turunkan peratusan daripada enam peratus kepada tiga peratus atau empat peratus dan kita

tambah lagi barang-barang pengecualian. Kita juga boleh mencapai hasrat kita iaitu RM21 bilion.

Jadi saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat, dengan cara ini kita tidak perlu buat pindaan atau pemansuhan GST. Bukankah itu satu cara yang lebih baik memandangkan Menteri Kewangan sendiri dah kata GST adalah satu sistem percukaian yang lebih teratur dan efisien dan 170 buah negara telah gunakan, tidak ada yang mansuhkan GST. Apa pandangan?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau berlakunya pemansuhan GST dan kembali kepada SST, kita mencatat sejarah sebagai satu-satunya negara yang patah balik daripada GST VAT kepada SST. Saya setuju dengan Yang Berhormat, kita kompromi dengan kerajaan, kita boleh kompromi dengan kerajaan memandangkan Barisan Nasional kita ada majoriti di Dewan Negara. Apa kata kita kompromi dengan kerajaan kita kata kita kekalkan GST dan mungkin kita boleh bincang untuk dikurangkan kadar GST, kesannya sama, kepada kerajaan sama, kepada rakyat sama dan tidak perlu kita mansuhkan GST. Itu kompromi yang mungkin nanti akan dikupas.

Tuan Yang di-Pertua, apa pun kurangnya dalam pelaksanaan GST terdahulu, ini pun disebut oleh Menteri tadi dan perbezaan utama antara BN dan Pakatan Harapan. Faktanya GST merupakan sistem yang lebih telus. Jika masalahnya adalah pada pelaksanaan, *if the problem is with the process* dengan izin seperti yang disebutkan oleh Menteri, pulangan balik *claim* tuntutan bayar balik yang tidak efektif, perbetulkan, *fix the process*, tidak perlu kita merombak sistem percukaian. Kalau masalahnya adalah dari segi tuntutan balik *input tax* yang perlu dituntut balik oleh sama ada pemborong ataupun *retailers* dan sebagainya, *fix the system*. Ataupun jadikan sistem itu lebih efisien. Saya percaya dan yakin kastam boleh buat.

Kalau dulu kita minta supaya *diclaim* balik *input tax*, bayar GST, *two step*. Hari ini kita boleh lancarkan lagi proses tersebut. Kita boleh *net off GST* yang perlu dibayar dan *input tax*, syarikat itu hanya perlu bayar sekali saja, dia tidak perlu tuntutan balik. Maksudnya dia *claim the input tax, the net of the GST they have to pay, they only have to pay the different*, tidak perlu tunggu *refund*. Itu mudah, *you can fix it immediately* tanpa perlu mansuhkan GST, tanpa perlu perkenalkan semula SST, tambah masalah untuk peniaga-peniaga dan sebagainya, *you can fix the process without having to get rid of the system* dengan izin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Rembau.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya difahamkan bahawa Kastam sudah pun melaksanakan perkara Yang Berhormat Rembau cadangkan itu iaitu dia tolak segala bayaran GST ditolak dengan *refund*, maka secara automatik *refund* itu boleh dibayar dengan cepat. Daripada RM20 bilion *refund*, RM7 bilion dikatakan yang tidak dibayar kerana ada ketidaktelusan dalam *refund* itu. Itu masalahnya. Kita tahu Menteri Kewangan falsafahnya ialah Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT). Dia juga mengakui bahawa GST cekap dan telus tapi mengapa dalam hal ini beliau tidak mengikut falsafah dirinya sendiri.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Pontian dalam ucapan saya, jarang tapi kadang-kadang berlaku. *[Ketawa]*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Rembau, boleh minta laluan?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sila.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tadi saya perhatikan apa yang cuba Yang Berhormat Rembau cuba sampaikan. Saya rasa ada *fallacy* dalam logiknya sebab apa yang dikatakan berulang kali, Yang Berhormat Rembau kata *GST is a more efficient tax system*. Ya, kita akui *GST is a more efficient tax system* tetapi *efficient doesn't mean fair*. Ia boleh dengan cekapnya dapat kita kutip cukai dengan cekap tetapi setiap orang kena bayar termasuk B40. *So*, itu adalah efisien tetapi tidak adil.

Satu lagi apabila kata kita hendak kurangkan peratusan GST dapat juga RM21 bilion itu, *I think it's a two different thing because* GST setiap transaksinya akan *tax* tetapi, *it's still unfair*. Setiap orang termasuk B40 kena bayar juga dua peratus atau tiga peratus tetapi SST hanya *certain group* sahaja yang dikenakan cukai mungkin *luxurious goods*. *So*, perbezaan adalah di sana. Mungkin jumlah RM21 bilion adalah sama.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ia berbalik kepada *point* yang sama, Yang Berhormat Tanjong Malim bangkitkan *point* yang sama. Sekiranya isunya adalah pembayaran kepada barang-barang tertentu, masukkan barang-barang itu dalam senarai pengecualian, *settle, that's it*. Hendak kata bahawa GST ini *multilevel* berbanding dengan *single layer SST*, itu orang yang tidak faham bagaimana sistem percukaian ini dilaksanakan. Walaupun ia *multilevel* tetapi ia ada elemen tuntutan balik, boleh menuntut semula, *input tax*. Kalau SST, ia *embedded*, ia dah dimasukkan daripada *manufacturer* sampailah ke pembeli dan ditambah pula lagi dengan *service tax* kalau

ada kedai yang dikenakan *service tax*. Jadi perkara ini memang jelas. Nanti saya akan jelaskan *what is the difference*, pro dan kontra dan sebagainya.

GST Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini ya memberi gambaran yang jelas kepada rakyat apa yang perlu mereka bayar berbanding dengan SST, yang *price* nya *embedded*. Maksudnya kita tidak tahu sebab harga itu sudah ada di dalam harga sebab diletakkan oleh *manufacturer, the single layer, initial layer* sama ada *importer* ataupun *manufacturer*. Jadi kita tidak nampak tetapi GST kita nampak dengan jelas. *That is why it's transparent for the consumer.*

Apabila *embedded*, terhindar daripada pengetahuan pengguna kerana jumlahnya tidak tertera dalam resit memandangkan bebanan cukai ini dipindahkan sepanjang rantai barang tersebut. Ini yang berlaku dan ini yang dimaksudkan sebagai *cascading* dan juga *compounding effect*. Dia letakkan cukai di peringkat *manufacturer* sekali dan *embed* dalam harga tersebut, harga tersebut termasuk cukai. Apabila dia datang ke peringkat runcit, dia akan tambah lagi enam peratus dalam bentuk *service tax, so cascading, compounding effect*. Ini tidak akan berlaku dalam GST disebabkan *you have to claim back your input tax*. Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Rembau. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Rembau. Setuju atau tidak bahawa di negara kita Malaysia ini ramai rakyat kelas bawahan, golongan bawahan, B40. Setuju atau tidak pandangan saya golongan bawahan ini pendapatan rendah, hampir separuh daripada pendapatan mereka digunakan untuk membeli barang makanan dan perkhidmatan untuk hidup yang dikenakan GST. Ertinya cukai GST ini membebankan rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah ini. Sabar dulu.

Soalan yang kedua, penjelasan yang kedua. GST ini telah bermula pada 1 April 2015 sampai pilihan raya 9 Mei, tiga tahun. Adakah rakyat sebenarnya yang menjadi hakim yang akan menentukan GST itu baik atau tidak? Setujukah pandangan saya iaitu pilihan raya 9 Mei itu, di mana isu GST menjadi isu fokus asas dalam pilihan raya itu seakan satu referendum di mana rakyat telah menolak GST sehingga kerajaan jatuh. Terima kasih. *[Tepuk]*

■1520

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itulah. Yang pertamanya berkenaan dengan B40. Ya, memang betul. Kita akui bahawa kita ada ramai B40 di

Malaysia. Kerajaan Barisan Nasional yang pertama kalinya memperkenalkan *cash transfer* yang bernama BR1M untuk membantu golongan B40. *[Tepuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Salah, Yang Berhormat. Pulau Pinang dahulu. Pulau Pinang dahulu. Pulau Pinang memulakan pemberian wang sebanyak RM100 untuk warga emas.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Yang Berhormat Rembau kena adillah. Ketua Menteri Pulau Pinang yang sekarang Menteri Kewangan yang pertama sekali memperkenalkan *cash transfer* sebanyak RM100 kepada warga emas di Pulau Pinang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ada sini. Jangan tipu, Yang Berhormat. *Please*. Yang Berhormat Rembau, *please*. Kerajaan yang mula-mula beri wang sebanyak RM100 ialah Pulau Pinang.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: JKM. JKM beri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tanya Speaker. Tanya Speaker. Speaker tahu. Speaker tahu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: 40 tahun JKM.

Seorang Ahli: Pulau Pinang dahulu. *[Ketawa]*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kalau nak diungkit sampai begitu, kita boleh unkit Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bantuan JKM *welfare* sudah lama kita bagi sebelum ini. Okey?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Itu tanggungjawab kerajaan.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Okey? *Sit down*. Okey. Nak jawab soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik teruskan, teruskan. *This is his floor*, Yang Berhormat ya.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Nak jawab soalan B40, Yang Berhormat Pasir Gudang, okey, B40 memang betul. Kita ada banyak B40 tetapi sebahagian besar daripada keperluan asas, boleh dikatakan lebih daripada 90 peratus daripada keperluan asas B40 telah pun dimasukkan dalam senarai pengecualian ataupun *zero rated* GST di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Itu fakta.

Sekarang ini soal sama ada pelaksanaannya bagus ataupun tidak. Yang ini kita akui. Menteri cakap dalam ucapannya tadi dan juga sebut waktu perbahasan dengan saya, *I agree with you Minister and the implementation is one thing. It is weak*, dengan izin. Sebagai contoh yang saya sebutkan tadi, *claim back process*. Itu boleh

dipercepatkan ataupun itu boleh dilancarkan. Menteri sendiri mengakui pada perbahasan yang lepas, waktu perbahasan Titah Diraja, bahawa itulah antara sebab ada syarikat dan juga peniaga-peniaga yang sengaja menaikkan harga barang kerana mereka tidak yakin kepada sistem tuntutan semula. *System claim back. That's why they left the input tax in the price.* Ini kerana dia takut dia tidak akan dapat semula *input tax* tersebut. *So, fix that. Fix the process.*

Saya yakin di bawah *cap* Menteri ini, dia boleh melaksanakan perkara tersebut. Tidak akan tidak boleh melaksanakan. *It is a simple matter of fixing the process.* Jadi bagi saya soal *implementation* yang lemah, yang antaranya menyebabkan rakyat marah dengan kita. Bukan sistem GST itu sendiri yang saya telah jelaskan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, saya juga ingin sebut bahawa semua perkara ini, soal kecekapan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Soal ketelusan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Rembau.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You have view of the entire supply chain.* Saya minta Menteri nanti rujuk dengan kastam dan Kementerian Kewangan. Perkara ini sangat penting. Dengan adanya GST, kita dapat ketelusan. *We can have side of the entire supply chain.* Apabila kita boleh nampak rantaian keseluruhan peringkat, bukan hanya dapat memastikan kerajaan dapat menganggarkan bentuk dan struktur ekonomi negara dengan lebih baik, malahan dapat memastikan kurangnya berlaku *tax evasion*. Ini perkara yang paling penting, Tuan Yang di-Pertua.

Di bawah SST, kita syaki bahawa ketirisan yang berlaku disebabkan *tax evasion*. Ketirisan yang berlaku disebabkan *black economy*. Ketirisan yang berlaku disebabkan aktiviti pasaran gelap pada zaman moden ini sangat-sangat tinggi. Apabila kita mansuhkan GST, *you lose side of the supply chain.* Kita tidak ada cara bagaimana kita hendak melihat rantaian nilai daripada awal hinggalah ia sampai kepada pembeli.

Saya hendak bagi contoh. *Black economy.* GST sebelum ini telah terbukti berjaya mengatasi masalah *black economy* ataupun perniagaan yang tidak direkodkan ataupun disembunyikan daripada pengetahuan pihak penguasa yang akhirnya terlepas dari dikenakan cukai. *How they do this? Transfer pricing, under declaring the cost* dan sebagainya. Saya bagi contoh yang mudah. Syarikat ABC Sdn. Bhd. mempunyai dua anak syarikat. ABC Kilang Sdn. Bhd. merupakan pengeluar makanan – *manufacturer*. ABC Pengedar Sdn. Bhd. merupakan pengedar kepada barangan keluaran ABC Kilang

Sdn. Bhd. ABC Kilang Sdn. Bhd. mengeluarkan sardin dalam tin dengan kos 90 sen. Dengan mengambil untung sepuluh sen, harga kini menjadi RM1. Harga RM1. Ditambah sepuluh peratus SST, ABC Kilang menjual produk kepada ABC Penedar dengan kos RM1.10. 90 campur sepuluh campur sepuluh. Ini bermakna kerajaan hanya mengutip sepuluh sen kutipan SST.

Disebabkan sardin dalam tin bukan barang kawalan, ABC Penedar boleh menjual barangan mereka dengan mengambil margin keuntungan yang lebih besar.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta laluan, Yang Berhormat Rembau.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sekejap. Sekejap. ABC Penedar sudah beli dengan harga RM1.10 sen tetapi ABC Penedar akan jual pada harga yang lebih tinggi. Akhirnya, memberi keuntungan yang berlipat ganda kepada syarikat ABC iaitu *parent company*. Apa yang dia buat adalah *manufacturer*, buat sekian, jual dengan harga sedemikian, selepas itu jual kepada anak syarikat yang lain yang jual dengan kadar yang lebih tinggi. *They get away with paying less tax and they have a higher margin*. Yang Berhormat Kelapa Batas hendak sebut? Yang Berhormat Pendang.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Rembau, sebagaimana yang Yang Berhormat Rembau kata, itu salah satu daripada bila mana kenalkan balik semula SST, ia akan menyebabkan berlakunya *miss invoicing*, *black market* dan sebagainya. Jadi saya hendak rujuk yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi. Bila ada *migration* daripada GST kepada SST, ada penjimatan yang dikatakan RM17 bilion. Mula-mula kata RM22 bilion tetapi sekarang RM17 bilion. Dikatakan ini hadiah kepada rakyat. Setujukah Yang Berhormat bahawa hadiah itu bukan kepada rakyat tetapi hakikatnya memberi keuntungan kepada peniaga-peniaga yang rakus, kepada *black market* dan akhirnya rakyat terus menderita. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rembau, sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Rembau.

Tadi disentuh berkenaan dengan contoh harga daripada pengilang. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Rembau berkenaan dengan margin. Di antara margin GST dan juga perbezaan di antara margin SST bila SST dilaksanakan. Minta penjelasan. Margin pengilang sebab tadi kita bagi contoh RM10, *then* untung sepuluh sen. Margin. Margin daripada pengilang.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dalam sistem GST, perkara tersebut tidak akan berlaku. Ini kerana dia kena tuntutan balik. Dia kena tuntutan balik *input tax* dan dia kena lapor benda yang sebenar. Dia tidak boleh menyembunyikan kos sebenar, sebab dia kena laporkan kos yang sebenar, kalau dia hendak buat laporan kepada kastam. Oleh sebab itu, sistem GST telus. SST tidak mampu memberi kerajaan satu pandangan yang jelas tentang rantai bekalan terutamanya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Rembau, Kapal Equanimity ada bayar GST?

Seorang Ahli: Apa ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan. Ada bayar GST?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Really, really.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Super yacht.*

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Jelutong, jangan buat malu Penang, Yang Berhormat Jelutong. Tolong, tolong.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You might as well just pack up.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Come on man.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Come on. This is...*
[Disampuk] Perbahasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tanya, *can you explain?*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Okey? Sit down.*

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau. Saya hendak dapatkan penjelasan tadi itu. *That's mean GST better than SST?*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bukan saya yang cakap. Yang Berhormat Menteri Kewangan yang cakap. Ya, betul. Saya setuju. Saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi, ya Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya teliti hujah Yang Berhormat begitu bernas sekali. Membuat

perbandingan tentang SST dan GST. Kalau mereka yang hendak gelak, bolehlah gelak tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat. Dulu, apabila kita jadi kerajaan, pihak pembangkang begitu prihatin tentang *illicit outflow* yang dikatakan terlalu banyak. Dengan adanya SST, apakah pandangan Yang Berhormat? Adakah ia akan menjadikan *illicit outflow* lebih teruk? Kedua, memandangkan hujah-hujah Yang Berhormat tadi, kita minta supaya kerajaan dengan kita. Kita bersama-sama mencari satu penyelesaian. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mewujudkan satu jawatankuasa pemilih atau *select committee* untuk melihat perkara ini dan sementara itu, cari satu formula mulai 1 September, apa yang boleh kita lakukan? Minta pandangan Yang Berhormat.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Antara janji Kerajaan Pakatan Harapan untuk mereformasi institusi Parlimen adalah dengan kewujudan lebih banyak lagi *Parliamentary Select Committee*, terutamanya apabila rang undang-undang yang penting, rang undang-undang yang sangat-sangat *significant* seperti SST dan GST itu dibentangkan dan dibahas. Akan tetapi kita melihat bahawa rang undang-undang yang pertama yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan tidak melalui proses *Parliamentary Select Committee*. Saya cadangkan tangguh dulu, Yang Berhormat Menteri. Tangguh dulu. Tangguh dulu rang undang-undang hendak dikenalkan SST semula dengan kita kekalkan dulu GST. Kalau Yang Berhormat Menteri risau tidak ada kutipan hasil, guna GST dengan kadar tiga peratus. Hantar *bill* ini kepada *Parliamentary Select Committee*.

■1530

Sudah janji bahawa ini adalah *reform of democracy* yang akan dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan. *Set up your Parliamentary Select Committee on this issue!* [Dewan riuh] *Why the rush? Why the rush?* Kenapa nak *bulldoze* benda ini? Dulu saya dengar di sana kita *bulldoze* rang undang-undang. *You want to be something different, Malaysia baharu, it's not even Malaysia baharu, ini Malaysia tidak boleh.*

Buat *Parliamentary Select Committee*, *you have the* mekanisme dengan izin untuk kutip hasil. Letak pada kadar tiga peratus, tambah banyak lagi barang, tambah tuala wanita, lampin bayi, tongkat dan sebagainya dalam senarai pengecualian. *What else? Put it in your* senarai pengecualian, *send it to a Parliamentary Select Committee.* “Jangan cakap tidak serupa bikin” Kerajaan Pakatan Harapan! [Dewan tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkenaan dengan kecekapan GST, ketelusan GST dan kita juga bagi formula bagaimana GST ini boleh mencapai matlamat dan hasrat yang sama seperti mana yang dikehendaki oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Kerajaan

Pakatan Harapan sebenarnya dalam keadaan yang tersepit sebab Kerajaan Pakatan Harapan tahu GST itu lebih baik. Kerajaan Pakatan Harapan akui GST lebih telus, Kerajaan Pakatan Harapan sedar GST lebih cekap.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, semua sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan bagi SST hasil, *economic wellbeing* mampu dicapai menerusi GST. Tidak guna kita mansuhkan GST pada hari ini jika suatu hari nanti kita perlu mengembalikan sistem percukaian ini. Jangan menipu diri sendiri, jangan kerajaan menafikan realiti ini. Ya, Yang Berhormat Larut.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Daripada hujah-hujah Yang Berhormat Rembau tadi menunjukkan bahawa segala apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dulu adalah yang sebenarnya satu cara untuk kita menentukan untuk mendapat hasil percukaian yang benar-benar *predictable* supaya kita dapat menggariskan satu agenda untuk membantu negara. Manakala apa yang mereka lakukan hari ini adalah sesuatu yang mungkin menyebabkan ekonomi kita nanti begitu tidak *predictable, unpredictable* akhirnya menyebabkan kita tidak boleh menentukan sesiapa yang boleh kita buat bantuan.

Oleh sebab itu saya minta kepada Yang Berhormat Rembau, pandangan Yang Berhormat tentang isu GST ini biarlah kita teruskan dan kita kurangkan seperti permintaan Yang Berhormat tadi. Dalam waktu yang sama kita fikirkan juga tentang masalah lain yang mungkin menyebabkan ekonomi negara nanti terenjat seperti Yang Berhormat kata tadi, *transfer pricing* yang dilakukan oleh banyak *black economy*, peniaga-peniaga yang menyebabkan yang kaya melalui *black economy* itu nanti boleh merosakkan ekonomi negara yang sepatutnya tidak berlaku ke atas *advance economy* seperti Malaysia nanti.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit ya. Berikutan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Larut tadi. Tiga perkataan saya nak beri kepada Yang Berhormat Rembau, Pakatan Harapan ini, "*ibarat tikus membaiki labu*". Terima kasih. [*Dewan riuh*]

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Rembau. Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Rembau masih ingat, semenjak kita merdeka tahun 1957 kita mengamalkan SST hinggalah diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada 1 April 2015. *Life was then very good, nobody*

complaint, prices or everything okay and Barisan Nasional memerintah dengan baik dan tidak pernah pun jatuh sekalipun. Akan tetapi *the moment you* perkenalkan GST, *prices shoot up*, rakyat hukum *you* kerana *prices up*. [*Dewan tepuk*]

Now, kita nak kembalikan zaman gemilang *you all*. Pada tahun 1957 rakyat tidak *complaint*. Now, kalau sekiranya daripada tahun 1957 hinggalah diperkenalkan GST, *there is no complaint, why* tiba-tiba kita nak kembalikan zaman kegemilangan itu selepas ini, kenapa *complaint*? [*Disampuk*] Maknanya, rakyat hukum *you* kerana *price* melambung, *whatever you say* Yang Berhormat Larut, itulah hakikatnya. *The moment you* perkenalkan GST, rakyat menderita dan itulah yang menyebabkan rakyat hukum Barisan Nasional. Terima kasih. [*Dewan tepuk*]

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Seperti mana saya sudah jelaskan tadi, tidak ada bukti yang kukuh yang membuktikan bahawa GST adalah sebab utama kenaikan harga barang selepas tahun 2015. [*Dewan riuh*] Dengar, dengar, dengar. [*Dewan riuh*] Rakyat hukum kita dua, satu pelaksanaan yang lemah, kita akui apa Yang Berhormat Menteri Kewangan katakan tadi. Memang betul pelaksanaan yang lemah, ada yang buat *profiteering*. Kedua, rakyat dan pengundi ditipu oleh Pakatan Harapan. [*Dewan riuh*] Dengar, dengar, dengar, dengar, dengar!

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jangan salahkan rakyat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, *you have the information chief, you have the radio, you have the TV, yet you* kata kita tipu.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dengar, dengar...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *Come on! You have all the access...*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dengar...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jangan perbodohkan rakyat. [*Dewan riuh*]

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Dengar, dengar. Ditipu seperti mana pengundi di UK ditipu oleh *Brexit*, oleh UK. *It's happened before, buyers remorse now*. Tanya pada orang biasa perbandingan GST dengan SST, saya tanya dalam media sosial walaupun tidak *empirical*, kebanyakan jawab bahawa dia setuju GST dikekalkan tetapi pada kadar yang lebih rendah. Mereka tidak undi Pakatan Harapan untuk memansuhkan GST. *So, you must do the right thing here*. [*Dewan riuh*] *You must do the right thing here*. Kita akui kita kena hukum *for whatever reasons*, untuk apa sebab

pun kita akui kita dihukum. Akan tetapi ini tidak disebabkan oleh GST. Saya nak *wrap up* ini, penting kah Yang Berhormat Pasir Gudang?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Sekejap saja. Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya ingin penjelasan, adakah Yang Berhormat Rembau mempertikaikan pandangan ahli ekonomi kita sendiri Profesor Dr. Jomo, yang merupakan anggota CEP dalam menyatakan bahawa GST ini adalah satu bebanan kepada rakyat yang miskin di negara ini. Adakah dalam satu forum bulan Oktober 2017, beliau yang pernah berdebat sebagai *assistant* kepada *United Nations Secretary General* dalam bidang ekonomi menyatakan GST ini satu beban atau *burden* ke atas rakyat miskin di negara kita ini. Adakah pandangan beliau itu silap? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jomo is socialist.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sebab itu Yang Berhormat Pasir Gudang, sebab itulah pelaksanaan GST di Malaysia ini lain antara lain di seluruh negara. Yang Berhormat Pontian boleh sahkan benda ini sebab dia... [*Dewan riuh*] Jangan gelak, jangan gelak! Kalau nak bahas, bahas dengan dia. Bahas dengan dia, tidak payah nak gelak. Yang Berhormat Pontian boleh sahkan benda ini. Tidak ada negara lain yang mempunyai senarai pengecualian yang seluas Malaysia dan juga senarai *zero rated* GST yang seluas Malaysia.

Jadi sebab itu sebelum pelaksanaan kita sudah dengan izin *mitigate the effect of GST*. Senarai pengecualian, BR1M, *cash transfer* dan macam-macam lagi sebab kita tahu walaupun GST adalah sistem yang telus, *ultimately it's still a tax, still people have to pay tax. Nobody likes to pay tax* dengan izin. Sebab itu kita *try to cushion it. You can still cushion it under the present government, lower the rate of GST*, tambah barang dalam senarai pengecualian. Tuan Yang di-Pertua, saya nak rumuskan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi sebut Pontian, jadi saya kena bangun. [*Ketawa*]

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Okey.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Rembau, daripada 194 negara dalam dunia ini yang ada dalam *United Nations*, lebih kurang 170 negara melaksanakan GST. Daripada 57 negara Islam, 43 negara Islam melaksanakan GST termasuk Arab Saudi yang bermula pada Januari tahun ini. Jadi, saya kira Malaysia Baharu mereka ini, Malaysia Baharu mereka ini boleh dipanggil sebagai Malaysia lama kerana SST ini sistem lama yang negara-negara sudah mansuhkan, sudah tidak ikut pun! Bukan menuju Malaysia Baharu tapi menuju Malaysia lama.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, izin laluan. Saya hanya ingin mengucapkan selamat datang dan juga terima kasih kepada penduduk Tangga Batu yang datang hari ini untuk menyaksikan demokrasi di Parlimen. Terima kasih.

■1540

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih. Selamat datang kepada pengundi-pengundi, anak-anak muda daripada Tangga Batu. *[Tepuk]* Ya, inilah cara perbahasan kita di Parlimen Malaysia Baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dengan saya suka ingatkan sekali lagi bahawa Perdana Menteri, Yang Berhormat Langkawi, telah menyatakan manifesto bukan kitab suci dan ini hanya sebagai panduan. Dan memandangkan Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi dalam ucapan beliau tidak memberi jaminan bahawa pada 1 September, harga barang akan turun, melainkan dia boleh bagi jaminan sekarang bahawa *come 1st September*, dengan izin, *prices will go down. Now, if you can't give that guarantee*, dengan izin, kalau tidak boleh bagi jaminan tersebut, atas semangat *promises can be broken* yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan, *please break this promise*.

Pilihan raya pun sudah selesai. Pakatan Harapan sudah menjadi kerajaan. Jangan korbankan dasar ekonomi yang tepat disebabkan janji populis pilihan raya. *[Tepuk]* Saya...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Hendak rumus, potong *stim* betullah Yang Berhormat Ayer Hitam ini.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Baik. Yang Berhormat, ini sedikit saja sebab saya dapati apa Yang Berhormat cakap itu betul dan *disclaimer* tadi yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi banyak. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang *disclaimer* ataupun *statement* yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Disclaimer* yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi, kalau tidak silap saya, adalah dengan harapan bahawa pada 1 September, harga barang akan turun ataupun akan tidak naik seperti mana GST. *Unfortunately*, harapan *is not enough*. Kita hendak ada kepastian pada hari ini. Kalau tidak ada kepastian, *break this promise, keep the GST— it is a better*

system— set it at a low rate, include more items in the exclusion list, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Rembau menolak rang undang-undang ini bagi pihak Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menjemput Yang Berhormat Damansara untuk terus membahaskan isu ini.

3.42 ptg.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa rakan-rakan sebelah sana terlampau rindu sama GST. Dia hendak mengikut contoh yang berlaku di negara Kanada, di mana akibat pelaksanaan GST pada tahun 1991, parti *Progressive Conservative Party* (PCP) tewas dalam pilihan raya yang berikutan pada tahun 1993. Hanya tinggal dua wakil dalam Parlimen sahaja di Kanada. Ini parti pemerintah. Selepas GST, tinggal dua wakil Parlimen sahaja. Akan tetapi, yang sebelah sana *haven't learned their lesson*. Dia hendak teruskan perjuangan GST. Saya rasa kalau perjuangan ini diteruskan dan kita mengalu-alukan perjuangan mempertahankan GST kerana mereka akan mengikut apa yang berlaku di Kanada, di mana parti *Progressive Conservative Party* dibubarkan pada tahun 2004.

Nah, sebentar tadi rakan saya Yang Berhormat Rembau, dia kata GST lebih efisien. Kita telah mengaku GST lebih efisien, benar. GST merupakan satu cukai yang lebih efisien. Semua akauntan kata GST lebih baik. Akan tetapi siapa yang dapat kekayaan yang terlampau lebih akibat pelaksanaan GST? *It is the accountants. So, how can we ask*, macam mana kita boleh tanya pendapat daripada pihak akauntan mengenai satu cukai yang memperkayakan mereka sendiri? Itu nombor satu.

Nombor dua... *[Disampuk]* Yang menyokong GST ini, pihak-pihak *expert* selalunya datang daripada bidang akauntan. Nombor dua, seperti apa rakan saya sebut tadi di sini, satu cukai yang lebih efisien bukan bermaksud satu cukai yang lebih adil. Betul, cukai GST lebih efisien untuk memerah darah daripada rakyat Malaysia.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Tapi kita taknak satu cukai yang hanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Damansara...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: ...Yang hanya memberikan kepayahan, kesusahan kepada rakyat Malaysia. Kita hendak satu cukai yang mungkin tidak seefisien tetapi lebih adil untuk rakyat Malaysia, lebih dapat mengurangkan beban kepada B40 dan lebih mengarahkan cukai kepada pihak yang mampu bayar cukai. Nah, kita semua tahu GST ini cukai regresif. Ini sudah dibahaskan berkali-kali sebelum ini, tidak perlu saya ulangi di sini.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Minta penjelasan sikit.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Kejap, biar saya habis seksyen sikit.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya bagi, saya bagi. Saya tidak pernah takut. Saya hendak habiskan cerita dulu. So, tapi cukai SST berbeza, kenapa? Ini kerana kita boleh mengkhususkan hanya barang-barang yang lebih diminta oleh golongan atas untuk diberikan cukai. Itu perbezaan yang besar antara GST dengan SST.

Nah, antara satu lagi komen yang disebut oleh pihak sebelah sana ialah bahawa GST dapat mengutip cukai yang lebih besar. Itu pun tidak benar. Dalam bajet tahun-tahun sebelum ini, mereka sebut kutipan cukai GST tiap tahun meningkat, dari RM37 bilion naik sampai RM42 bilion. Tahun ini dijangka akan kutip RM44 bilion. Sekarang kita sudah tahu kesemua angka-angka ini angka bohong, angka menipu kerana tidak cukup peruntukan daripada kutipan GST ini diberikan kepada satu tabung untuk memulangkan cukai *refund*.

So, the real collection, cukai yang sebenar dikutip oleh GST bukan RM42 bilion, bukan RM44 bilion, mungkin RM35 bilion, mungkin RM36 bilion. Saya rasa angka yang tepat akan dapat diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri nanti.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana boleh mungkin, mungkin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Menteri Kewangan sebut RM44 bilion.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu juga berbalik kepada hujah saya tadi, Yang Berhormat. Yang Berhormat Damansara, sahabat saya. Kalau masalah ia adalah dari segi proses pembayaran semula tuntutan, kenapa tidak *fix* proses tersebut? Sekejap, sekejap.

Seorang Ahli: Duduklah.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kenapa tidak *fix* proses tersebut? Itu yang pertama.

Kedua, saya hendak perbetulkan sedikit ya. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa yang mempertahankan GST ini akauntan, yang memberi hujah GST ini akauntan. Saya hendak ingatkan kepada Yang Berhormat, yang memberi cadangan GST, yang sokong GST ini bukan hanya akauntan tetapi Bank Negara Malaysia di bawah Tan Sri Zeti Akhtar Aziz yang sekarang ini CEP *member*. *That is how GST started. Don't forget.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya terima bahawa bukan saja akauntan yang menyokong GST. Ramai lagi yang juga menyokong.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Yang Berhormat Damansara, sedikit. Boleh Yang Berhormat Damansara perelaskan, sebab ini macam dakwaan terhadap golongan akauntan ini, serius ini. Jadi, macam memburuk-burukkan nama mereka. Perelaskan dengan terperinci, bagaimana yang menguntungkan golongan ataupun pihak akauntan ini?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya rasa saya tidak perlu menjelaskan apa-apa.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan saja dakwaan, itu tuduhan tahu. Tuduhan. *You* buat tuduhan, bertanggungjawab. Jangan suka-suka buat tuduhan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Kita boleh tanya semua akauntan-akauntan, adakah mereka mendapat *business* tambahan akibat pelaksanaan GST? Itu saja soalan saya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat yang buat tuduhan, Yang Berhormat jawab.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Itu saja soalan yang saya hendak sebut...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dulu kata rujuk *Malaysiakini* lah, apalah. Apa ini?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: ...Kalau benar memang dapatlah hasil yang lebih tinggi bagi pihak akauntan-akauntan.

Saya hendak sebut satu lagi. Tadi Yang Berhormat Rembau ada sebut GST baik, kalau kita hendak lebih saksama punya cukai, kita hanya perlu memperluaskan lagi barang-barangan yang ada dalam *list of exemptions*, barang-barang yang dikecualikan daripada cukai.

■1550

Akan tetapi tahu tidak mengapa GST *efficient*? Mengapa GST lebih efisien? Sebab kalau GST hendak efisien tidak ada sebarang produk yang masuk ke dalam senarai pengecualian. *When your list, you are so proud of, that's the longest in the world, it makes a mockery of GST. The whole purpose of an efficient tax system is to have no exemption.* Di Singapura benar, GST di Singapura amat efisien, semua orang tahu tetapi *exemption list* di Singapura pendek sahaja. Akan tetapi bila *list of exemption is enormous* boleh tanya sama...

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, GDP per kapita di Singapura berapa?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: ...Saya habis, saya bagi, saya bagi. Bila *list of exemption is so long, the longest in the world...*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: GDP per kapita kini berapa?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: ...*It defeat the whole purpose of having an efficient GST.* Tanya pegawai-pegawai kewangan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Boleh saya tanya...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Tanya or ask all the accountants to support the GST.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Yang Berhormat Damansara boleh saya tanya sikit? Ini Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Damansara. Tadi mula-mula Yang Berhormat maklumkan pada kita semua bahawa GST adalah salah satu sistem yang benar-benar perah darah rakyat. Akan tetapi dalam waktu yang sama, Yang Berhormat beritahu, *the exemption good, we are too kind. The longest in the world...*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *The longest in the world.*

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: ...Yang Berhormat marah pasal apa? Dalam keadaan *the consumption tax* ini, bukankah *the consumption tax* ini kita menentukan supaya yang kaya, *consume* barang mahal *and of course* dia kena bayar barang yang mahal. Ini yang kita hendak. Oleh sebab itu *list* yang untuk kita pendekkan untuk kita tentukan, untuk B40 itu lebih besar daripada apa yang Yang Berhormat hendak maklumkan kepada kita semua. Oleh sebab itu Yang Berhormat jangan

mengelirukan Dewan ini seolah-olah kita yang tidak memikirkan tanggungjawab kita untuk B40. *You are contradicting yourself.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Contradicting.* Dia jadi Penasihat Yang Berhormat Menteri Kewangan, dia ingat dia hebat sangat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Yang Berhormat Larut, tidak dengar betul-betul, yang saya hendak sebut GST diperkatakan sebagai cukai yang lebih efisien, saya hanya sebut, kalau GST hendak efisien tidak boleh ada *exemption list* yang panjang. Semua orang pun tahu. Akan tetapi bila hendak *exemption list* yang begitu panjang, GST tidak lagi efisien. GST menjadi beban kepada kerajaan, beban kepada *business*. Akan tetapi pada masa yang sama walaupun ada senarai GST *exemption* yang panjang, rakyat masih rasa tertekan, oleh sebab itu GST tidak wajar dilaksanakan di Malaysia, sekarang. Tidak wajar dilaksanakan di Malaysia kerana ia merupakan satu sistem cukai yang tidak sesuai di Malaysia sekarang.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan? Terima Yang Berhormat. Saya hendak bertanya dalam beratus-ratus negara yang mengamalkan sistem GST ini, berapakah negara dalam dunia ini yang telah menukar GST kepada SST? Kalau tidak ada kenapa?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Negara yang paling maju seluruh dunia Amerika Syarikat, tidak ada GST. Antara negara ataupun bandar raya yang paling maju di Asia, Hong Kong...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: ...Tidak ada GST, ini bermaksud apa? Ini bermaksud tidak semestinya kena ada GST untuk ada satu cukai yang maju. Itu sahaja. Saya hendak beritahu lagi...

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Buat malulah.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Efficiency* bukan hanya bermaksud daripada senarai pengecualian. Saya yakin dengan senarai pengecualian yang panjang pun ia lebih berkesan daripada SST, sebab *efficiency* bukan hanya bermaksud kutipan, *efficiency* juga bermaksud bahawa tidak ada ketirisan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yes, betul.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Di bawah SST akan berlaku *loopholes*, akan berlaku ketirisan, akan berlaku *tax evasion*, itu maksud *efficiency*. Jadi dengan GST senarai yang panjang bagaimanapun dia akan lebih efisien daripada SST yang akan bagi keuntungan kepada syarikat yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Rembau, kalau kita turunkan GST kepada tiga peratus seperti apa yang dicadangkan, benar. Jumlah kutipan GST akan turun mungkin setengah daripada RM40 bilion sehingga RM20 bilion, lebih kurangnya, lebih kurang, betul? Akan tetapi adakah Yang Berhormat Rembau mengambil kira kos kepada kerajaan, kos kepada *business* untuk mengutip GST menyebabkan jumlah kutipan RM20 bilion itu tidak *efficient, because the cost of collecting GST is a lot higher*— biar saya habis. Yang Berhormat Ayer Hitam jangan bimbang saya akan bagi Yang Berhormat Ayer Hitam, *gentleman, gentleman*. Saya bagi.

Kos untuk mengutip GST jauh lebih tinggi bagi kerajaan dan juga bagi *business* untuk mengutip. Saya berikan daripada segi *business*. Turun kepada tiga peratus kan? Syarikat yang RM500 ribu pendapatan setahun kena bayar GST, kena mengutip GST bagi pihak kerajaan. Apakah kutipan GST setiap bulan bagi pihak kerajaan dengan kutipan enam peratus? RM1,250, *so I'm just collecting as a business, RM500,000 revenue a year.*

I'm collecting on behalf of government RM1,250 from the consumers. Akan tetapi saya kena tolak lagi *my input tax* yang saya sebut tadi, tolak *input tax*. Kalau saya tolak *input tax* saya punya margin hanya 25 peratus saya tolak hanya lebih kurang RM1,000 yang saya bayar kepada kerajaan, hanya RM250. *To pay this RM250, I have to incur the cost of my computer system. I've to employ accountant to make sure the system rightly.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang *Berhormat, the cost is sunk already.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *I have to employ accounting clerk in order to process this conjunction. [Dewan riuh]*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, no, no.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Kos kepada *business* adalah tinggi sebab itu bila GST dilaksanakan, banyak syarikat SME telah tutup.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat, *the cost is sunk already.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Itulah masalah yang dihadapi oleh rakyat yang tidak dirasai oleh rakan-rakan sebelah sana. Faham tidak?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat *no, no, no. No, that cost is sunk already* Yang Berhormat. *That cost is sunk already plus...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *It's no the cost is sunk.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, the cost is sunk already* Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *No, your accountant is ongoing.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *And the other thing is...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *Your accounting system people pay by yearly maintenance now.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, no, most of the cost is sunk already.*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Most of the cost is sunk already.* Yang kedua Yang Berhormat saya boleh sebut...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *Let me finish, let me finish.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Yang kedua Yang Berhormat...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *...I know what you are saying. The cost is sunk when? The cost is sunk* saya hendak- *I need to install a new accounting system.* Saya bayar mungkin RM20 ribu, RM30 ribu, *new accounting system* tetapi *new accounting system* tidak jalan sendiri kena ada *accounting clerk*, kena ada *auditor check* you punya GST, kalau tidak betul GST, nanti kastam datang kena saman pula. Lebih teruk! Ada! Tidak ada *cost maintenance* kah? Ada! *[Dewan riuh]*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: So, tidak perlu buat audit lah? Nak elak daripada buat audit? *So, you mean...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *So that is why GST [Tidak jelas] is not efficient...*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada tipu rakyat lah macam ini punya hujah. Malulah sikit. *The Minister is listening you know.*
[Dewan riuh]

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu dia, hendak elak bayar cukai tidak perlu ada *account clerk*?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Bila Yang Berhormat Rembau berucap tadi, saya tidak kacau.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Jadi maknanya...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Akan tetapi bila saya bawa fakta jelaskan kepada Dewan yang jelas menunjukkan bahawa hujah-hujah Yang Berhormat Rembau itu tidak masuk akal, dia tidak seronok pula. Itu hanya *cost business*, kos kerajaan.. Dulu kita hanya perlu memantau lebih kurang 20 ribu syarikat bawah SST, 20 ribu syarikat sahaja. Mungkin sekarang, *business* sudah lebih sedikit, ada 30-40 ribu syarikat. Itu pun jauh lebih rendah daripada lebih daripada 400 ribu syarikat yang kita kena pantau dan kutip cukai di bawah sistem GST. Maksudnya kalau kita hanya kutip tiga peratus, kita rugi. Kerajaan rugi. Lebih baik kita laksanakan satu sistem SST, di mana kita hanya kutip daripada 30 syarikat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduklah ini tidak boleh pakai punyai hujah, *wasting time*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: ...40 ribu syarikat di mana kosnya kepada kerajaan jauh lebih rendah daripada GST supaya RM21 bilion yang dikutip daripada rakyat itu dapat lebih berkesan dan lebih daripada jumlah kutipan itu dapat dipulangkan kepada rakyat Malaysia.

■1600

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Damansara. Ya. Terima kasih. Kita ada *time limit* juga. Baik.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Satu. Satu poin.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Gulungkan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *This is your floor*.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Damansara. Rompin. Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Rompin.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Yang Berhormat Rompin. *Last. Last.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Baik.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa RM17 bilion itu akan dipulangkan kepada rakyat. Sebenarnya *figure* itu mengelirukan. Sama ada dipulangkan kepada rakyat atau dipulangkan kepada ahli perniagaan. Pada saya SST adalah pro ahli-ahli perniagaan. SST adalah cukai yang pro kepada ahli-ahli perniagaan sepatutnya dan GST sebenarnya tetapi kita dikelirukan dalam kempen pilihan raya. Tidak dijelaskan dengan betul kerana sistemnya pak imam dapat resit, ketua kampung dapat resit, pegawai dapat resit. GST. GST. Itu yang mengelirukan, tidak diterangkan sebenarnya. Akan tetapi, dari segi falsafahnya. SST adalah pro ahli-ahli perniagaan. GST adalah pro rakyat.

Ini kerana — Ya. Ya. [*Dewan riuh*] Ini kerana memberi contoh Kanada. Memberi contoh Hong Kong. Memberi contoh Singapura. Tidak relevan. Hong Kong masyarakat *upper class society*. *Singapore upper class society*. Cukai harus bukan sahaja mengutip tetapi bagaimana kita *distribute* cukai itu.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Okey.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Bukan itu sahaja.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya jawab.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Bagaimana kita dapat RM40 bilion. Kita bagi orang miskin. Kita bagi pelajar. SST tidak ada istilah *how to distribute income*. Tiada istilah itu. RM17 bilion ini saya hendak *Minister* terangkan sama ada pergi kepada rakyat atau pergi kepada ahli perniagaan yang tipu ada dua buku, ada tiga buku? Sistem yang tidak boleh diaudit sebenarnya. Akan tetapi, GST semua peringkat boleh diaudit tetapi GST dipulang balik. Makna cukai bukan kita kira bagaimana *income* tetapi bagaimana cukai itu diterima dan *distribute* balik kepada rakyat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Cukup-cukup. Saya sudah habis masa.

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat***]

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: SST pro perniagaan. GST pro rakyat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Damansara pun cukup. *Time's up*.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat gulungkan. Penggulungan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Terima kasih, Yang Berhormat Rompin. Saya rasa Yang Berhormat Rembau kena ajar sedikit apa itu GST kepada Yang Berhormat Rompin. GST dinamakan sebagai nama lain kepada GST itu apa? *Consumption tax*. *Consumption tax* maksudnya apa? Maksudnya pihak pengguna, *consumers*, pengguna dan rakyat yang kena bayar. Apa pula *tax* kepada *business*? Apa ini?

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya. Siapa yang bayar *tax* lebih? Orang kaya atau orang miskin?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Tidak apa. Tidak apa.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sebab itu kita ada *zero rated*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Akhir sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Akhir-akhir sekali.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Saya hendak berikan bukti.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *Zero rated*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Bukti yang paling kukuh bahawa GST merupakan cukai yang telah pun menaikkan harga dengan mendadak di Malaysia. Kadar inflasi telah pun meningkat sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2015 bila GST dilaksanakan. Akan tetapi, bila kita sifar kan GST bulan Jun kadar inflasi 0.8 peratus. *[Tepuk]* Yang Berhormat Rembau kata apa? Itu pun naik. *[Disampuk]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Mencelah]* Sudahlah. Gulung.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Akan tetapi, kalau GST tidak tukar kadar masih enam peratus. Kadar inflasi sebelum ini lebih kurang dua peratus. Maksudnya *there is a baseline*.

Tuan Yang di-Pertua: *Last point. Last point.* Ya. Silakan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: *There is baseline. So how can you say 0.8 percent* harga barang tidak turun akibat kita mengosongkan GST? *The prices went down* dan saya percaya dengan sistem cukai SST yang baharu ini, walaupun cukai akan dikenakan tetapi harga barang akan lebih murah daripada bila sistem GST bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *We wait. We wait 1st September.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat Kuala Nerus dahulu.

4.05 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya. Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah wassalatu wassalamu ala Rasulillah.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Allah SWT berfirman dalam surah al-Kahfi ayat 94. *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Mereka berkata, wahai Zulkarnain sesungguhnya Yakjuj dan juga Makjuj telah melakukan kerosakan di atas muka bumi. Maka, mahukah kami jadikan untuk kamu cukai hingga kamu jadikan antara kami dan juga mereka suatu benteng". [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Berkata Zulkarnain, kekuasaan yang diberikan oleh Tuhanku pada ku jauh lebih baik. Maka, bantulah aku dengan satu kekuatan pasti ku jadikan untuk kamu dan juga mereka antara kamu dengan mereka satu benteng yang lebih kukuh". Sadaqallahul azim.*

Hari ini kita bincang tentang satu sistem cukai yang dipanggil SST dan cukai satu sistem di mana kerajaan mengambil pemilikan yang ada pada rakyat sama ada pemilikan itu daripada orang kaya mahupun orang miskin. Islam satu agama yang benar-benar menjaga hak pemilikan harta manusia. Ini kerana itulah Islam menggariskan kaedah untuk mengambil harta manusia sama ada daripada orang kaya mahupun orang miskin. Dengan menggunakan sistem antaranya adalah sistem zakat yang cara di mana diatur oleh Allah SWT untuk mengambil pemilikan orang kaya untuk akhirnya digunakan oleh kerajaan dan diagihkan pula kepada tempat-tempat tertentu antaranya orang-orang miskin. Para alim ulama dan juga para khulafah Islam sepanjang zaman mereka berijtihad pula, menggunakan kaedah model zakat itu mereka berijtihad memperkenalkan pelbagai lagi cukai. Antara cukai 'usyur, cukai import eksport— 10 percent yang diambil dan juga cukai kharaj sebagai contoh.

Hari ini bila kita bincang tentang cukai apa yang perlu kita timbulkan ialah cukai yang kita bincang hari ini untuk kepentingan siapa? Adakah untuk kepentingan kerajaan ataupun untuk kepentingan rakyat? Jawapan yang saya boleh bagi ialah ia adalah untuk kepentingan kerajaan bukan kepentingan rakyat tetapi kemudiannya dijenamakan

sebagai kononnya untuk kepentingan rakyat. Saya kata dijenamakan kerana tanggungjawab sebenar kerajaan ialah menguruskan negara dan berusaha untuk mendapatkan hasil bagi negara untuk dimanfaatkan untuk kehidupan rakyat.

Untuk sebuah kerajaan mendapatkan hasil tentu mereka mempunyai jalan-jalan di hadapan mereka sama ada jalan yang sukar atau jalan yang senang. Jalan yang sukar adalah jalan menerusi hasil bumi yang perlu kita bina, kita susun, kita atur dan juga menerusi cukai-cukai yang mudah untuk diambil daripada manusia seperti cukai yang kita bincang hari ini sama ada GST ataupun SST.

Cukai GST, cukai yang mudah. Diambil pemilikan daripada manusia. Begitu juga SST, cukai yang mudah mengenakan cukai pada manusia. Jalan yang sangat mudah. Maka, jalan mudah ini yang dipilih oleh sama ada Kerajaan Barisan Nasional ataupun Kerajaan Pakatan Harapan mengambil jalan mudah mengambil pemilikan manusia untuk menampung pendapatan kerajaan dan akhirnya mahu dikembalikan kononnya kepada rakyat. Adakah Kerajaan Malaysia sebenarnya berhadapan masalah pendapatan? Saya melihat bahawa kerajaan tidak ada masalah pendapatan. Kalau kita lihat sebagai contoh. GST yang dikutip oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini daripada awal sekitar RM15 bilion dan kemudian meningkat sehingga RM42 bilion.

■1610

Kemudian hari ini Pakatan Harapan pula memperkenalkan SST yang dijangka mendapat pendapatan sekitar RM20 bilion. RM40 bilion GST, RM20 bilion SST. Akan tetapi kalau kita lihat kajian yang begitu banyak yang selalu kita bincang sebelum ini tentang ketirisan perbelanjaan negara. Ketirisan perbelanjaan negara berada di antara RM20 bilion hingga RM40 bilion pelbagai kajian dibuat. Maka saya menyatakan bahawa sekiranya ketirisan ini dipelihara, dijaga, diuruskan, dibetulkan, maka kerajaan tidak perlukan SST dan juga bahkan tidak perlukan GST, kerana tidak diperlukan.

Uruskan pendapatan yang sedia ada, jangan berlaku ketirisan, berbelanja secara berhemah, berjimat dengan apa yang ada, seperti diajar oleh Allah SWT. *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Hendaklah berbelanja orang yang berkemampuan berdasarkan kemampuannya. Barang siapa yang disempitkan rezekinya, maka berbelanjalah berdasarkan apa yang diberikan, dikurniakan oleh Allah SWT"*. Maka point yang saya hendak nyatakan bahawa kita tidak perlukan GST dan juga tidak perlukan SST, akan tetapi uruskan pendapatan sedia ada. Bagi negara yang ada pada hari ini dijaga dari sudut ketirisan tidak berlaku, berhemah dan kita boleh teruskan negara kita ini.

Ketiga, kalau kita lihat, hasil pendapatan negara pada hari ini menerusi hasil mahsul bumi yang besarnya tentulah menerusi petroleum kita mendapat royalti, mendapat cukai syarikat Petronas dan juga mendapat dividen dan kita mendapat cukai langsung menerusi cukai pendapatan individu, cukai korporat. Apa yang perlu kita lihat ialah bagaimana kita menguruskan sistem cukai sedia ada ini. Cukai langsung, cukai korporat untuk kita susun supaya sebarang kelemahan dalam kutipannya itu dapat kita tangani.

Oleh sebab kalau kita melihat begitu banyak laporan menunjukkan kepada kita bahawa di sana ada ketirisan dalam mengutip cukai atau dengan bahasa paling mudah mereka-mereka yang memungut cukai. Sebagai contoh saya kemukakan kepada Dewan yang mulia pada hari ini, satu kenyataan pada 24 Mac 2016, jawapan bertulis oleh Kementerian Kewangan menyatakan bahawa seramai 791,239 orang pembayar cukai pendapatan individu dan 65,545 orang pembayar cukai pendapatan syarikat belum menjelaskan sepenuhnya cukai pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri sehingga 31 Disember lepas dan ia melibatkan kerugian sekitar RM8.2 bilion.

Bererti kelemahan dalam mengutip cukai pendapatan dan cukai korporat menyebabkan negara kehilangan hasil RM8.2 bilion, ini anggaran. Sekiranya kita benar-benar menguruskan perkara ini dengan terbaik mungkin bukan RM8.2 bilion, mungkin RM10 bilion, mungkin RM15 bilion. Itu sumber, sumber yang lain menyebut tentang bagaimana kerugian hasil kerana penyeludupan. Kerugian dianggarkan satu kenyataan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kastam, pada tanggal 23 Mac 2016 menyatakan bahawa kerajaan kerugian RM4 bilion, hasil cukai tidak berbayar akibat sindiket rokok seludup yang mengaut hasil 36.9 peratus. Itu tentang penyeludupan yang mengurangkan hasil import, eksport kita.

Kemudian itu kita lihat kenyataan pada 10 Jun 2016. Disebut oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Zahid Hamidi mengesahkan bahawa akibat penyeludupan berleluasa melibatkan minyak masak kerugian yang dianggarkan oleh kerajaan adalah RM540 juta setahun. Begitu juga kenyataan yang dikeluarkan pada tanggal 22 April 2016, kerajaan menanggung kerugian lebih daripada RM200 juta sebulan atau sekitar RM2.4 bilion setahun akibat perbuatan menyeludup wang tunai ke sebuah negara jiran melalui khidmat keldai duit.

Saya datangkan angka-angka ini dan fakta-fakta ini untuk menjelaskan bahawa dengan sistem sedia ada, menerusi cukai langsung yang sedia ada, juga menerusi sistem cukai tidak langsung menerusi duti eksais, eksport dan sebagainya, kita

sebenarnya boleh mendapat *income* yang besar. Akan tetapi kelemahan pada penguatkuasaan untuk mendapatkan hasil ini, ini menyebabkan kita kehilangan hasil. Mengapa tidak?

Kita menguruskan perkara ini terlebih dahulu, sebelum kita membincang tentang SST ataupun GST, kita mengalu-alukan usaha Kerajaan Pakatan Harapan dan kita bersama mereka dalam usaha menghapuskan GST dan saya ingin menegaskan bahawa PAS adalah parti yang awal menegaskan bahawa GST adalah bercanggah dengan Islam dan saya berucap banyak kali di Parlimen menegaskan perkara ini bahawa GST bercanggah dengan Islam dengan pelbagai hujah yang saya berikan.

Maka di kala kita menolak GST, kita juga menolak SST. Cukai kepenggunaan yang akhirnya memangsakan rakyat. Oleh sebab itu saya ingin menegaskan dalam Dewan yang mulia pada hari ini...

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Bahawa PAS menolak cukai GST dan juga menolak cukai SST.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Laluan diberikan, silakan Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Saya merujuk kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Nerus tentang kedudukan GST yang dikatakan tidak sah. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Nerus tentang pendirian Kerajaan Arab Saudi dan beberapa buah negara Islam lain yang turut melaksanakan cukai GST tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Rujukan kita bukannya Saudi Arabia, rujukan kita adalah al-Quran dan juga hadis Nabi SAW. Jika bercanggah dengan Islam, ia bercanggah walaupun siapa yang mengamalkannya. Dengan itu saya menegaskan bahawa PAS menolak cukai GST dan juga menolak cukai SST kerana kedua-duanya adalah cukai kepenggunaan yang akhirnya akan memangsakan rakyat.

Saya ibaratkan seumpama ini, saya ibaratkan SST dan GST seumpama pencuri dan juga perompak. Maaf saya gunakan bahasa ini. Perompak mengambil pemilikan manusia secara terang-terangan, dengan ugutan ancaman dan itulah GST. GST

merompak pemilikan rakyat sama ada orang miskin mahupun orang kaya. Lebih buruk lagi diambil dari orang miskin menjadikan PAS berpandangan bahawa cukai itu adalah cukai yang bercanggah dengan Islam. Pencuri pula mengambil secara diam-diam, tanpa sedar dan itulah SST. Ia dikenakan kepada para pengilang. Pengilang akhirnya akan menyerap kos cukai dalam harga barang yang menjadikan mangsa akhirnya ialah rakyat, pengguna akhir menerusi kenaikan harga barang.

GST adalah buruk, SST juga buruk. Kalau dibandingkan antara keduanya, bukan perbandingan antara mana yang baik, mana yang buruk, akan tetapi mana yang lebih buruk dan mana yang kurang buruknya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Lualan sikit Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat tentang GST, SST dan kita melihat di depan kita kesannya yang sudah ketara yang dihadapi oleh rakyat. Kalau mengikut model Islam, zakat adalah model yang terbaik, bagaimana golongan kaya yang sepatutnya dikenakan cukai. Jadi dalam isu ini, saya minta pandangan Yang Berhormat bagaimana kita hendak melaksanakan model zakat ini dalam konteks pentadbiran negara.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sama ada Pakatan Harapan ataupun Barisan Nasional, kedua-duanya berlegar pada kotak yang sama. Beriman kepada cukai kepenggunaan. Mereka gagal untuk melihat dan berjihad. Cukai-cukai yang patut kita kenakan, bukan pada orang kampung, pada orang miskin, pada orang kaya.

PAS mencadangkan dua bentuk cukai yang boleh kita ambil menggunakan model zakat. Pertama Cukai Simpanan Korporat berasaskan konsep dan model zakat simpanan. Kita buat anggaran berdasarkan simpanan yang ada dalam negara kita pada hari ini. Kita buat anggaran simpanan korporat bernilai sekitar RM500 bilion yang jika dikenakan cukai mengambil model zakat 2.5 *percent*, kerajaan boleh mendapat *income* RM12.5 bilion. Itu yang pertama.

Yang kedua juga menggunakan model zakat. Kita merujuk kepada pegangan saham di Bursa Malaysia yang kita lihat terakhir saya baca hari ini pada tarikh 7 Ogos, nilai pegangan saham adalah sekitar RM1.86 trilion. Bahasa mudah RM1.9 trilion. Jika kita ambil kaedah cukai atau zakat Islam dikenakan cukai terhadap pemegang saham

yang cukup tempoh setahun dan cukup pula nisabnya, dikenakan 2.5 persen, maka negara boleh mendapat *income* RM47.5 bilion. RM47.5 bilion campur dengan RM12.5 bilion, kita boleh mendapat RM60 bilion.

Inilah hasil yang hilang sebenarnya. Hasil yang hilang berada dalam poket orang-orang kaya kerana mereka yang menyimpan korporat ini orang yang kaya. Mereka yang main saham mereka orang kaya. Syarikat besar-besar bermain saham. Inilah harta nilai yang hilang daripada poket kerajaan yang patut disalurkan kepada rakyat.

■1620

Kenapa cukai pada orang kaya ini kita pejam mata, kita biarkan tapi kita masih berada pada kerangka yang sempit berbincang tentang GST, berbalah tentang SST. Oleh kerana itu saya menyatakan balik kepada kaedah Islam.

Saya baru berikan dua contoh macam mana kita boleh tingkatkan pendapatan menggunakan model zakat. Termasuklah kalau kita mengambil kaedah '*usyur*'. '*Usyur*' maknanya satu per sepuluh, satu kaedah sistem import yang diperkenalkan oleh Islam pada zaman Umar Ibn Al-Khattab yang mengenakan 10 *percent* kepada mereka yang [Tidak jelas] daripada luar masuk ke negara Islam kemudian bila Umar melihat bagaimana berlaku penyeludupan yang begitu banyak, ketirisan dan kebocoran pada hasil, maka akhirnya Umar menurun kadar 10 *percent* kepada lima *percent* menyebabkan hasil yang dapat dikutip oleh kerajaan Umar pada ketika itu semakin meningkat. Kalau kita ambil kaedah seumpama ini maka yang perlu dibuat oleh kerajaan Pakatan Harapan ialah bagaimana menyelesaikan ketirisan cukai import yang berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Walaupun saya mempunyai banyak lagi hujah-hujah yang mahu saya sampaikan tapi masa sangat mencemburui saya dan *insya-Allah* rakan-rakan yang lain akan menyambung hujah *Insya-Allah*. Saya ingin menegaskan bahawa PAS menolak GST, PAS menolak SST dan PAS mendesak rakyat untuk menerima penyelesaian Islam untuk mendapat hasil negara menggunakan model zakat Islam. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang giliran Yang Berhormat Subang. Di antara Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Subang dulu.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk membahas Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 ini. Ucapan saya, saya *prepare* 10 minit sebab biasanya sebelah sana kacau saya lima minit, sepuluh minit. Jadi kalau *behavior* itu bagus, baguslah ya, kita teruskan.

Di pejabat saya memang mempunyai banyak pelatih ataupun *interns*. Biasanya saya memberi dorongan kepada pelatih-pelatih saya dalam isu dasar-dasar ekonomi dan rang undang-undang yang akan dilaksanakan. Dalam latihan yang saya berikan kepada *interns* saya, saya selalu meminta pelatih-pelatih saya meneliti empat perkara dalam semua dasar.

Perkara pertama, apakah masalah sebenarnya yang dihadapi. Perkara kedua, apakah *solution* yang terbaik. Perkara ketiga, apakah isu bajet ataupun implikasi kewangan kepada apa-apa rang undang-undang. Keempat, apakah isu implementasi undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya bermula dengan isu pertama iaitu apakah masalah yang sedang dihadapi dan apakah sebenar matlamat Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018. Bagi saya secara mikro kita menghadapi dua masalah dan dua-dua masalah ini bertentangan. Pertama masalah fiskal di mana jelas sekali keborosan dan rasuah kerajaan lama telah menimbulkan satu situasi fiskal yang ketat di mana hutang negara telah mencecah lebih kurang RM720 bilion pada hari ini. Ia RM695 bilion tahun lalu. Kalau kita lihat bon-bon terbaru itu lebih kurang pada pemikiran saya tidak sampai RM720 bilion.

Oleh kerana ketirisan dan budaya rasuah yang tidak terkawal pada masa itu. Maka Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2014 telah melaksanakan sistem GST di mana GST memberi pendapatan ataupun hasil sebanyak RM43 bilion, RM44 bilion pada tahun 2017. Itu adalah masalah yang dihadapi oleh kerajaan sekarang juga.

Masalah fiskal yang bertentangan dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat iaitu kos sara hidup yang tinggi. Rakyat di bawah sistem GST perlu membayar cukai sebanyak RM43 bilion, RM44 bilion setahun berbanding dengan sistem SST sebelum 2014 iaitu cukai yang cuma mengenakan rakyat sebanyak RM16 bilion sahaja.

Jadi sejak GST diperkenalkan lebih kurang RM27 bilion telah dikeluarkan daripada tangan rakyat setiap tahun dan diberi kepada Kerajaan Pusat. Ini telah mengakibatkan sengsara kepada rakyat yang termiskin dan juga melembapkan *economic consumption*. Kawan baik saya dari PAS tadi memang betul pandangan dia. Jadi masalah sekarang yang dihadapi kita Dewan yang mulia ini adalah kedudukan fiskal

yang lemah bertentangan dengan kehendak rakyat untuk menurunkan kos sara hidup mereka.

Jadi perkara kedua ialah adakah *solution* yang dibentangkan oleh kawan baik saya Yang Berhormat Bagan, Menteri Kewangan adakah ini satu sistem yang terbaik. Bagi saya apabila kita mencampurkan kedua-duanya cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang kita akan bincang selepas ini, ini menimbulkan satu sistem baru SST yang saya rasa adalah *solution* yang terbaik.

Saya dengar dengan teliti tadi Yang Berhormat Rembau yang juga peka kepada banyak *opinions* dalam *cyber space* dan juga dengan surat khabar. Ada yang katakan kita kena pelihara GST cuma menurunkan kadarnya kepada tiga peratus atau dua peratus. Cadangan ini adalah cadangan pada— kalau kita nampak sahaja dari segi persepsi nampaknya okey. Akan tetapi, ia tidak akan menukarkan fakta bahawa GST adalah cukai yang regresif.

Cadangan untuk kadar GST diturunkan nampak juga ada positif aspek iaitu peniaga tidak perlu tukar *system reporting* pada kerajaan. Akan tetapi, *system reporting* SST adalah jauh lebih baik dan lebih senang dan lebih murah kepada peniaga. Kalau dia murah kepada peniaga ia baik kepada *consumer* dan tidak menukar fakta bahawa isu yang paling penting isu fundamental ialah cukai GST tetap regresif. Regresif bila kita cakap ini bermakna orang kaya secara relatif tidak rasa sangat beban pada GST tapi orang miskin akan terus menerima dalam bahasa Inggeris dengan izin *the brunt of it*.

Oleh itu saya rasa hanya menurunkan kadar GST tidak boleh menyelesaikan masalah regresif yang fundamental. Sekiranya GST dikurangkan kepada tiga peratus atau dua peratus kita perlu menambahkan balik *social safety net* kepada golongan B40. Ini akan menyebabkan fiskal *problem* yang baru. Maknanya kalau kita buat dua peratus, tiga peratus boleh tapi kita kena tambah duit. Sama ada dalam bentuk BR1M atau bentuk lain. Kita kena tambah. Jadi tidak kita lari daripada isu fiskal.

Apakah ini bermakna kita tidak akan mengamalkan cukai GST pada kelak hari? Pendapat saya GST boleh diamalkan tetapi di masa hadapan. *Proviso* ia adalah *financial ecosystem* untuk menyokong GST perlu dibina dahulu iaitu pendapatan rakyat khususnya gaji minimum dan pendapatan B40 perlu naik. Dengan kenaikan gaji pekerja-pekerja B40 golongan ini akan membayar personal *income tax* dan daripada 14 juta pekerja kita kalau separuhnya 50 peratus mampu bayar personal *income tax* maka itulah tiba masanya untuk mengkaji semula sama ada *proposal* untuk membawa balik GST.

Pada hari ini cuma 15 peratus daripada pekerja kita, 14 juta pekerja kita yang boleh bayar *income tax*. Jadi maknanya pada hari ini tidak ada ekosistem untuk menyokong pelaksanaan GST. Bagi saya, saya rasalah dari segi ekonomi dalam lima tahun ini Kerajaan Pakatan Harapan perlu menaikkan gaji pekerja-pekerja B40 Malaysia. Saya berharap Menteri Kewangan boleh mengambil kira dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan meneruskan perbincangan saya kepada perkara ketiga. Apakah implikasi kewangan rang undang-undang ini? Dari segi fiskal kerajaan akan hilang hasil sebanyak — katakanlah RM20 bilion setahun. Kalau kita bahagiakan 12 bulan, maknanya setiap bulan kerajaan defisit adalah lebih kurang RM1.66 bilion sebulan. Bolehkah Kerajaan Pakatan Harapan menanggung kehilangan hasil ini sebanyak RM1.66 bilion sebulan?

Pada pendapat saya memang boleh tetapi Kerajaan Pakatan Harapan perlu mengambil satu pendirian yang tegas dan penuh *political will* untuk membanteras rasuah dan ketirisan. Saya berharap bahawa Menteri kita, semua Menteri kita akan mengambil satu *austerity drive* di mana mereka memotong kos operasi kementerian-kementerian mereka.

Saya juga berharap *procurement policy* yang lebih telus dan diamalkan *open tenders* supaya kos pentadbiran boleh menurun. Jangan buat macam yang dulu, rombongan Menteri tolong diseparuhkan...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: [*Bangun*]

Tuan Wong Chen [Subang]:...protokol dikurangkan, jangan tinggal di hotel seperti St. Regis, duduk di Hilton cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapar minta laluan.

Tuan Wong Chen [Subang]: Yang Berhormat Kapar. Silakan.

■1630

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi ruang sedikit. Melihat daripada penelitian yang dibuat oleh Yang Berhormat Subang dan daripada perbincangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Rembau dan mereka yang seangkatan dengannya, saya meneliti hujahan masing-masing. Akan tetapi yang lebih saya nampak ke arah agenda reformasi ini ialah untuk kita mengawal selia kementerian-kementerian yang dilaporkan oleh tiap-tiap tahun oleh Jabatan Audit Negara, ketirisan berlaku berbilion-bilion. Apakah Yang Berhormat Damansara bersetuju dengan saya kalau sekiranya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Penelitian dan juga kawal selia tata kelola itu penting untuk kita selamatkan berbilion-bilion ini daripada kita merosakkan otak kita berfikir hendak menghapuskan GST ataupun kita hendak kembalikan balik GST tetapi yang lebih penting, derita rakyat itu yang kita selamatkan. Apakah Yang Berhormat Damansara bersetuju dengan saya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih kawan baik saya Yang Berhormat Kapar. Sekarang sudah tukar ke Subang. *[Ketawa]* Yang Berhormat Kapar ini macam Yang Berhormat Kapar yang dahulu. Kuat, lantang, dahsyat. Baik, saya teruskan perbahasan saya.

Bagi saya, dengan *austerity drive* daripada semua kementerian, saya percaya kita boleh menanggung kehilangan hasil RM1.66 bilion sebulan daripada implementasi SST ini.

Apa pula impak kewangan kepada ekonomi? Impak kewangan pada rakyat ialah rakyat akan berjimat lebih kurang RM20 bilion setahun. Oleh itu, rakyat boleh gunakan RM20 bilion ini untuk merencanakan ekonomi melalui *consumption*. Ini adalah *logical computation* iaitu RM20 bilion yang dia jimat, akan dia buat *consumption*, balik kepada *market*. Implikasinya, ekonomi kita akan bertambah lebih baik, lebih kuat. Implikasi kesejahteraan kepada rakyat ialah hidup mereka lebih ceria, lebih senang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila, kita menolak tepi *jargons* ekonomi ataupun teori-teori ekonomi dan fokus kepada *fundamental issue* bidang ekonomi, matlamat ekonomi ialah untuk menjana kesejahteraan kepada rakyat. Dengan izin, *if we strip away all the economic theories, the fundamental purpose of economic management is to generate the greatest level of happiness for the people*. SST sekiranya dilakukan bersamaan dengan *anti-corruption drive*, *austerity drive* dan juga peningkatan gaji minimum, ini semua akan *generate the greatest happiness for the rakyat*. Jadi apabila kita berdebat tentang isu rang undang-undang ini, saya minta semua Ahli Dewan ini untuk *look at the bigger picture and understand where the SST lost fit into the overall agenda of Pakatan Harapan*. Kawan baik kita daripada GPS, saya harap *you can understand what we are trying to do*.

Tuan Yang di-Pertua, saya sampai ke isu terakhir...

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Yang Berhormat Subang.

Tuan Wong Chen [Subang]: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Selayang.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Saya sungguh tertarik tentang apa yang diujahkan oleh Yang Berhormat Subang tentang kesejahteraan dan *wellbeing* kepada rakyat. Apabila kita melihat kepada cukai GST, ini adalah satu cukai kepada penggunaan, *consumption*. Maknanya mengadakan kesan negatif kepada penggunaan. Kalau kita tengok di Eropah, kita melihat keluarga jarang keluar makan berbanding dengan kita di Malaysia sebelum ini, di mana kita selalu biasa untuk keluar ke restoran. Apa bezanya ialah bukan budaya, tetapi GST.

Mereka mengadakan VAT di mana penggunaan itu dikurangkan. Kita melihat sebelum ini bila kita mengadakan GST, pasar pagi, pasar malam, bazar Ramadan kurang pembeli dan peniaga ada masalah. Selepas kita mengumumkan bahawa GST itu sifar, kita boleh melihat pembeli kembali kepada pasar, ada perniagaan dan kesejahteraan. So, saya setuju bahawa kita hendak melihat bahawa apabila kita bertanya tentang *efficiency*, bukan *efficiency* untuk mengutip hasil untuk kerajaan tetapi *efficiency* kepada ekonomi kita.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih. Pandangan yang baik. Saya minta dimasukkan ke dalam rekod saya ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sampai kepada isu terakhir...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Yang Berhormat Subang, cuma saya hendak tambah sedikit sahaja apa yang...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pasar malam, pasar tani tidak ada GST.

Tuan Yang di-Pertua: Beri laluan?

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Benda yang sama. Mana ada GST. Takkanlah hendak masukkan itu sebagai satu ucapan Yang Berhormat Subang, malulah.

Tuan Wong Chen [Subang]: Tidak, tidak. Saya setuju bahawa pasar malam tidak ada GST sebab peruntukannya tidak sampai RM500,000. Kalau dia RM500,000, dia buat kedai. Akan tetapi harga barang itu masuk juga. *In fact*, pasar malam lagi susah semasa ada GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya sampai ke isu terakhir saya iaitu isu tentang implementasi. Di sinilah kita perlu berwaspada dan memberi fokus yang terperinci dalam jangka masa setahun yang akan datang ini. Pertama, saya hendak minta Menteri untuk

memberi satu jawapan sama ada daripada segi implementasi, apakah *grace period* yang kerajaan akan beri kepada peniaga-peniaga untuk *comply* dengan sistem baru ini?

Kedua, saya rasa Menteri perlu memberi penjelasan yang terperinci mengenai senarai barang-barang yang kerap dipakai oleh keluarga-keluarga B40 yang tidak akan kena GST. *The devil is in the details*, dengan izin. Saya harap senarai ini sedia ada. Kalau tidak, tolong mempercepatkan satu laporan khas impak SST kepada golongan rakyat B40.

Daripada segi *enforcement* pula, saya berharap kita mempunyai satu *yardstick* yang boleh memastikan pengilang-pengilang ataupun *service providers* tidak *under declare* jualan mereka untuk menipu kerajaan daripada segi pembayaran penuh cukai SST. Saya setuju dengan apa yang ditimbulkan oleh rakan-rakan saya sebelah sana bahawa ada isunya tentang *under declaration*. Jadi, kita mintalah Menteri untuk buat kerja penuh dan pastikan tidak ada penyelewengan yang berlaku. Isu implementasi akan *decide*, dengan izin, *whether this fiscal reform were actually produce positive result or not for the people*.

Daripada segi dasar dan teori, saya sokong bahawa SST adalah lebih baik daripada GST. *But the final test of the pudding is in the eating*. Di sinilah Dewan ini perlu memantau dengan lebih *diligent* isu-isu implementasi SST.

Saya mengakhiri perbahasan saya meminta satu komitmen daripada Menteri untuk memastikan terdapatnya *quarterly reports on the implementation of SST* diterbitkan kepada Dewan ini supaya kita boleh memantau dalam jangka satu tahun implementasi ini, ia boleh dilakukan dengan baik dan tidak memudaratkan rakyat. Itu sahaja perbahasan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Subang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tadi Tuan Yang di-Pertua telah kata Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, selang seli. Selepas ini Yang Berhormat Jelutong.

4.37 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi

panas sedikit sebelum jam 1 petang, jam 2.30 petang panas sedikit. Sekarang sudah reda. *Insyah-Allah*, saya akan pastikan bahawa *debate* kita ini tertib dan *civil* ya. Terima kasih banyak-banyak.

Pertama, saya ucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga MoF yang telah pun bertungkus-lumus untuk menyediakan *bill* ini. Tahniah kepada mereka dan saya yakin sebahagian daripada mereka, walaupun tidak sebahagian besar, merupakan pegawai yang sama yang menyediakan *bill* GST hari itu. Inilah yang melambangkan pegawai yang setia, setia kepada *government of the day*. *Nothing to laugh about*. Itu realitinya. Jadi, kita ucap tahniah kepada mereka kerana adanya kesinambungan. *We have got to be fair to them*.

Saya bangun untuk menyokong cadangan Yang Berhormat Rembau supaya GST secara prinsipnya dikekalkan tetapi kadarnya dikurangkan, mungkin kepada tiga peratus. Saya juga menyokong cadangan beliau supaya kita tolak SST dan kita bawa perkara ini kepada *Select Committee* supaya kita dapat bincang dengan lebih terperinci.

Tadi saya dengar Yang Berhormat Subang dan juga Yang Berhormat Damansara umpamanya. Ada beberapa persamaan antara perbahasan ini dengan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Damansara berkaitan dengan *report*, berkaitan dengan *enforcement* yang kami juga di sebelah sini bersetuju perkara-perkara yang penting.

Yang Berhormat Rembau telah bercakap *in details* dan banyak pencelahan tadi. Saya tidak berhajat untuk mengulangi sebahagian besar daripada perkara-perkara yang telah dibahaskan. Cuma satu perkara yang *basic* ialah CPI. Rakan saya daripada Larut, *insyah-Allah*, akan bercerita dengan lebih lanjut lagi. Kalau kita kata semua ini adalah disebabkan CPI ini GST, ini tidak tepat.

Kita sedia maklum umpamanya *currency*— kita sedia maklum sebahagian daripada barangan yang kita gunakan ini adalah dibeli dari luar negara. Apabila *currency depreciate*, dengan izin, sudah pasti ini beri kesan kepada harga. Ada juga ahli-ahli ekonomi yang berpendapat bahawa pengenalan *minimum wages*— hari itu RM900, RM1,000, ini cadang hendak naik lagi umpamanya— juga menyebabkan beberapa kedai SME tutup. Ia kedai kopi, dulu bayar sebulan RM500, bila bayar RM900 gaji, sudah pasti ini memberi kesan kepada mereka.

■1640

Jadi untuk menyatakan kedai tutup kerana GST semata-mata, ini adalah tidak benar oleh sebab ada lagi faktor-faktor yang lain. Satu perkara berkaitan harga ini, kalau

kita tengok kepada SST, ia dipanggil *embedded*. Maknanya dimasukkan ke dalam kalau kita tengok kepada SST pada kadar 10 peratus, umpamanya pengilang, kosnya RM100, cukai jualan RM10, jadi kos kepada pengilang ialah RM110 di campur cukai. Oleh sebab dalam *supply chain* itu ada pemborong, ada peruncit, ada pengguna, maka *every stage* kalau keuntungan 20 peratus umpamanya, kita dapati bahawa harga di bawah SST sebenarnya lebih tinggi daripada GST. Ini kerana GST ini kita tahu ini teori, boleh *claim input tax*, maka itu kerana ia *embedded*, ia kena *stage* pertama RM100. Kalau katakan RM10 dikenakan SST, ia jadi RM110. Keuntungan berdasarkan kepada RM110 dan pemborong, peruncit, maka pada pengiraan kami, kalau begitu, bermula RM100 maka kosnya ataupun pengguna bayar RM158 dan di bawah SST – kalau diberikan *refund* sepenuhnya, pengguna cuma bayar RM152. Ini berkaitan *embedded*.

Jadi kita boleh *argue* tetapi yang pentingnya adalah tidak adil untuk menyatakan bahawa kesemua kenaikan harga CPI itu adalah kerana GST. Tuan Yang di-Pertua, GST ada kekuatannya. Tadi disebut tentang *black economy*, *transfer pricing*, di cadang supaya ada *enforcement* bagi memastikan harga tidak *under declaration* seperti Yang Berhormat Subang sebut tadi. *Black economy* ini dalam negara kita memang ada – kalau ekonomi kita sekarang RM 1.3 trilion umpamanya, kalau 15 *percent* umpamanya, bermakna 15 *percent* maknanya 70– 1.3– 130 jadi RM65 bilion *black economy*.

Jadi sebelum ini, oleh sebab di bawah rejim tidak adanya GST maka *black economy* ini tidak dikenakan cukai. RM65 bilion ini katakan cukai 6 peratus umpamanya 3-4 bilion cukai jadi anggaran, kita boleh beri anggaran bahawa kalau *black economy* 15 *percent* dan cukainya 6 *flat* maka kerajaan telah mengutip RM4 bilion daripada yang dahulunya tiada dikutip. Jadi ini antara kebaikan GST. Selain itu, GST juga seperti mana Menteri Kewangan menyatakan lebih telus, lebih efisien, ini diulang beberapa kali oleh Menteri dan beberapa Menteri yang lain. Ini kita juga bersetuju.

Kita juga tahu bahawa ada kelemahan, umpamanya *refund* disebut oleh beberapa Ahli Parlimen tadi. *Refund* kita tahu sistem yang ada kelemahan, *enforcement* juga ada kelemahan. *Profiteering* juga dengan izin, ada juga kelemahan. Maka kalau betul ada di dakwa tidak adil, Yang Berhormat Kuala Nerus dan lain-lain tidak ada, tetapi kalau ada – kita mengakui bahawa ada kelemahan. Oleh itu kenapa tidak ditubuhkan satu *Select Committee* untuk cuba kita lihat kelemahan-kelemahan tersebut. Oleh sebab kita mengakui bahawa apabila semua negara, tidak ada dengan izin tidak ada *back tracking*, Tuan Yang di-Pertua. Semua negara 172 buah negara, Arab Saudi Januari tahun ini telah melaksanakannya, umpamanya. Jadi tidak ada sebuah negara pun yang

back track yang *implement* GST. Kita *record* lah, *U-turn* ini. Kita merupakan satu satunya negara yang buat *U-turn* ini.

Maka sudah pasti ada kebaikannya. Maka kalau ada kelemahan dan kita mengakui ada kelemahan, maka kenapa tidak diadakan perbincangan untuk kita mengurangkan, mengatasi kelemahan tersebut dan kita— oleh sebab kita akui banyak penganalisis, *tax accountant*, ekonomis dan lain-lain, para peniaga juga mengakui ia adalah sistem yang baik. Ia juga adalah satu sistem yang stabil. Rakan saya sebut tadi, satu sistem yang stabil. Umpamanya apabila Petronas mengalami kemerosotan pendapatan apabila harga minyak jatuh daripada 110 USD setong kepada kira-kira 30 USD setong, dividen Petronas sudah turun merosot RM29 bilion kepada cuma RM16 bilion. GST ini telah menstabilkan kedudukan kewangan negara.

Kalau tidak dengan itu maka defisit kerajaan akan meningkat. Kerajaan dahulu telah melaksanakan usaha untuk *fiscal consideration*, untuk mengurangkan defisit daripada hampir tujuh peratus suatu masa dahulu, *gradual reduction*, empat peratus, tiga peratus. Tahun lepas tiga peratus, tahun ini kita kata 2.8 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini beberapa *rating agency* telah menyuarakan kebimbangan oleh sebab *gap* yang ada, *gap* antara GST dan SST ini hampir kira-kira 20 bilion. Maka ada kebimbangan di kalangan *rating agency* menyatakan bahawa kalau dahulu kita hendak defisit turun 2.4 *percent*, ada 2.8 *percent* hujung tahun ini, ada anggaran menyatakan bahawa defisit ini mungkin meningkat pada empat peratus. Kalau ini berlaku, saya tahu kita boleh kurangkan ketirisan, macam-macam, akan tetapi tekanan kepada kerajaan pada hari ini adalah begitu besar sekali. *The pressure really intense*, dengan izin untuk memastikan bahawa langkah-langkah penjimatan termasuklah mengurangkan ketirisan, yang saya setuju 100 peratus untuk kita kurangkan ketirisan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya, GST ada kekuatan. Banyak kekuatan, ada kelemahan. Kenapa tidak kita bersama-sama untuk memikirkan cara-cara bagaimana kita mengurangkan kelemahan tersebut dan kita— oleh kerana sistem ini bagus, tadi Yang Berhormat Subang ada sebut tunggu pendapatan itu tinggi, mesyuarat tidak tahu bila, kalau macam itu, ekosistem seumpamanya. Akan tetapi kita merasakan bahawa tidak akan— *there will never be the right moment*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Yang pastinya Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, kita mengambil risiko, kita telah menggadaikan *political capital*. Kita ada *political capital*, kita menang pilihan raya,

kiita tahu bahawa rakyat sudah buat keputusan, kita terima keputusan rakyat. Akan tetapi kita berpendapat bahawa rakyat mungkin tidak diberikan maklumat yang tepat dan juga ada masalah pelaksanaan Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian— maka kita telah menunjukkan keberanian, *unusual courage on our part*. Kita tahu bahawa kerajaan hari ini tidak ada majoriti 2/3. Akan tetapi oleh sebab yang kita buat ini kita merasakan keputusan yang tepat, kita buat apa yang benar, kita buat apa yang baik.

Kita, *we have beaten the bullet*. Kita tahu bahawa ia menimbulkan risiko. Akan tetapi walaupun kita tahu banyak risiko, kita *went on, head on*, kita buat keputusan kerana ia baik untuk negara. Kenapa baik? Kerana kita dalam Dewan ini, kita hendak lubang-lubang ditampung, kita minta peruntukan untuk jambatan. Kenapa baik? Kita mahu *first quality education* yang terbaik, *global education*. Kita mahu peduli sihat, macam-macam janji dalam Pakatan Harapan. Kita mahu sistem kesihatan terbaik dalam dunia. Jadi, sebagai sebuah kerajaan, itu realitinya.

Selain itu kita ada juga, perbelanjaan yang tetap, umpamanya gaji dan emolumen kira-kira sebanyak RM80 bilion setahun, 1.6 juta pegawai kerajaan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Yang Berhormat Jeli boleh mencelah?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Ya silakan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang Yang Berhormat Jeli sampaikan itu. Jadi apakah benar segala apa yang Kerajaan BN dahulu lakukan merupakan satu kezaliman kepada rakyat? Kerana kalau daripada hujah-hujah Yang Berhormat Jeli menunjukkan bahawa banyak bantuan-bantuan yang diberikan. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Jeli tentang hujah yang mengatakan GST ini adalah sesuatu yang zalim.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, kita telah menyediakan umpamanya pada tahun 2018, Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bulan tujuh yang lalu tidak dapat dilaksanakan itu mungkin kerana tidak cukup hasil. Maka ini mungkin zalimlah kepada pegawai-pegawai kerajaan kerana sudah dijanji. Saya tidak mahu pergi lebih lanjut kerana masa tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Yang penting hendak ditekankan di sini bahawa sebagai sebuah kerajaan moden, kita ada *army, police*, ada keselamatan, semua itu penting. Maka kita perlukan lebih banyak lagi peruntukan. Oleh itulah – maka kita perlu cari sebagai sebuah kerajaan dan saya yakin bahawa kerajaan baharu ini akan dapat, akan tiba masanya di mana kerajaan merasakan perlu untuk lihat kepada keadaan ini. Maka itu saya ingin mendapat jaminan daripada Menteri Kewangan iaitu sama ada kerajaan tidak akan mengenakan

cukai tambahan, *no additional taxes*. Saya baca beberapa laporan, ada cadangan untuk mengenakan *wealth tax, inheritance tax*, umpamanya. Saya juga dengar ada cadangan untuk mengenakan *capital gain tax* umpamanya.

Jadi oleh sebab realitinya, *you got to be realistic*, dengan izin. Sebuah kerajaan yang moden memerlukan infrastruktur yang baik. Kuala Lumpur hendak kena jadi *Global City*, luar bandar hendak dibangunkan, Sabah, Sarawak, Kelantan, Jeli, itu semua kita mahu. Jadi sebagai sebuah kerajaan, *you got to be realistic*, kita perlukan hasil yang lebih. Maka itulah antara sebabnya kenapa kerajaan telah membuat keputusan untuk memperkenalkan GST.

■1650

Kalau kita tahu tadi, Yang Berhormat Menteri apabila membentangkan *bill* tadi menyatakan tentang kebimbangan *current account deficit*. Apabila *current account deficit* ini bermaknanya *operating revenue* tidak boleh *finance operating expenditure*, ada *current account deficit*. Maka itu antara sebabnya kenapa diperkenalkan SST. Jadi kita hendak pastikan Tuan Yang di-Pertua, tadi ada ramalan daripada sebuah *rating agency* menyatakan bahawa kalau tidak ada— *gap* tidak ditutup, RM20 bilion *gap* ini maka kita punya defisit mungkin meningkat kepada *four percent*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Ada kemungkinan juga ada *current deficit*. Kalau ini berlaku maka Yang Berhormat Menteri lebih faham saya, akan menimbulkan banyak masalah dari segi persepsi, dari segi *confidence*, dari segi *capital flight* dan ini akan menjejaskan kedudukan ekonomi kita dari segi *currency*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Oleh itu kita harus memastikan bahawa kedudukan kewangan kita ini kukuh. Caranya, pastikan hasil kita mencukupi, memastikan kita jaga supaya tidak tiris perbelanjaan, memastikan rating kita kekal kepada 'A', Moody's, Standard & Poor, Fitch Ratings yang ada dalam negara kita. Maka Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak minta laluan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Jadi saya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak sekejap.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Sedikit lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebelum menggulung.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Selepas ini ya. Satu lagi ialah kita buat komitmen untuk menjadikan *tax* kita kompetitif. Kita punya cukai korporat 24 peratus, negara jiran 20 peratus, satu lagi 17 peratus, ada 15 peratus. Ini sektor korporat. Melihat kepada Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif hari ini dengan harapan satu masa nanti akan dikaji semula *corporate tax*. Itu janji kita kepada pelabur-pelabur seluruh dunia.

Jadi apabila kita menghadapi kekangan hasil ini, maka saya hendak dapat jaminan daripada Kerajaan Pakatan Harapan sama ada satu masa ia akan mengkaji semula kadar cukai pendapatan supaya lebih kompetitif ya. Yang Berhormat Menteri lebih faham di Pulau Pinang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Saya beberapa kali bersama beliau dalam majlis-majlis, tentang perlunya kita tarik pelaburan dan satu perkara yang sering kali bangkitkan oleh mereka ialah satu *tax* struktur yang tidak kompetitif negara kita Malaysia.

Jadi yang pertama, kita hendak pastikan harga tidak naik tetapi *time will tell*, 1 September seperti rakan saya Yang Berhormat Rembau tadi sebut, *time will tell* 1 September naik ataupun turun. Saya sebut tadi satu contoh di mana oleh kerana sistem SST ini *embedded, first stage* dikenakan cukai 10 peratus, maka *next stage* peruncit, pemborong, pengguna ditambah *20 percent profit* maka *that profit is based on 110*. Maka itu sebabnya harga pada pandangan kami mungkin lebih tetapi *history will tell, time will tell* 1 September.

Jadi kita mahu jaminan bahawa harga akan kekal turun. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut harga naik, Yang Berhormat saya dengar tadi mengakui bahawa harga naik tetapi tidak naik seperti mana GST itu, kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebelum duduk, sebelum duduk.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Oleh kerana masa tidak mengizinkan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Itulah antara perkara yang saya hendak minta jaminan dan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Satu lagi jaminan ialah mengenai *enforcement*. Sebelum ini ada beberapa kawan saya, Yang Berhormat Larut sebelum ini bertanggungjawab...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat tidak memberi laluan?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh lagi sikit, lagi sikit.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Last one?*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *last one*.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Jadi satu lagi jaminan ialah berkaitan *enforcement*. Apakah jaminan yang diberikan kepada kami bahawa...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tengah syok.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Oleh kerana kita ada *hundreds and thousands of outlet* di Sabah, Sarawak, di Kelantan beratus ribu ya. Kalau kita perlukan puluhan ribu pegawai. Tadi Yang Berhormat Subang bercakap tentang *cost enforcement*, adakah boleh beri jaminan bahawa *cost enforcement* ini dapat dikurangkan dengan ketara. Mungkin dapat dikurangkan sama ada dapat dikurangkan dengan ketara.

Akan tetapi yang penting sekali kita hendak bagi jaminan, Yang Berhormat Menteri bagi jaminan bahawa kerajaan baharu akan memastikan bahawa penguatkuasaan yang cekap, berkesan akan diambil untuk memastikan bahawa harga tidak dinaikkan sewenang-wenangnya supaya tidak ada *excessive profiteering*. Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak, satu minit.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tengah syok tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Jeli, risau sangat ini kenapa? Takut itu, takut inilah. Ini kerajaan *very confident what?* Duit minyak tengah naik, harga minyak naik. Apa masalah? Harga kelapa sawit pun bagus. *[Ketawa]* Ya tidak? *Share market*

pun *also* bagus. *Business* semua, *everybody is doing very well*. Betul tidak? Punca-punca pendapatan banyak. Yang Berhormat Jeli, harga getah pun bagus.

Seorang Ahli: Dia perlu itu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Faham-faham sahajalah, yang tidak faham sudah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila menjawab.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Ada yang betul, ada yang tidak betul. Ada yang sinis, ada yang benar. Apa yang benar harga minyak. Harga minyak yang melebihi USD70 ini merupakan satu *windfall gain* dengan izin. Kalau sebelum ini, tahun lepas *average* mungkin 55, 58. Sekarang ini *in a last few weeks* 70 lebih. Ini memberikan— ini *cushion*. *You got to be realistic*. Ini antara sebabnya kenapa Kerajaan Pakatan Harapan hari ini mempunyai satu kedudukan yang agak baik. Kalau harga 50 umpamanya, kita *introduce*-kan umpama *USD50 per barrel*, dulu Petronas bagi hampir RM30-RM40 bilion dengan dividen lagi, tahun 2016 cuma RM16 bilion umpamanya. Kalau harga macam dulu, maka keadaan kewangan sudah pasti.

Jadi Yang Berhormat Pasir Salak sebut itu betul, *we've been fortunate* kerana harga petroleum tinggi melebihi USD70, ini merupakan *cushion* yang boleh langkah diambil kalau tidak dengan hakikat tersebut, maka kita akan menghadapi masalah kewangan yang agak serius. Kita berdoa, kita tidak akan menghadapi keadaan tersebut. Kita doakan supaya kedudukan kewangan negara akan terus dimantapkan dan kita mendoakan rating kita sentiasa berada di tahap A dan kita mendoakan negara kita dan semua di mana jua berada, kita hendak tengok rakyat sejahtera. Rakyat kita tahu mungkin rasa terbeban GST tetapi kita berpendapat bahawa kita harus janganlah – oleh kerana ada masalah kita hendak hapuskan, hendak mansuhkan.

Sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa saya menyokong Yang Berhormat Rembau agar kita tolak SST, kita kekal GST dengan kadar yang rendah supaya jumlah kutipan hasilnya adalah selari dengan jumlah kutipan hasil yang dicadangkan oleh kerajaan. Saya juga menyokong Yang Berhormat Rembau agar tubuhkan satu *Select Committee* untuk memastikan kita dapat bahas perkara ini dengan lebih terperinci. Terima kasih, saya tidak menyokong *Bill SST*. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang giliran Yang Berhormat Jelutong.

4.57 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan harmoni.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Hari ini Jelutong tidak ganggu Tuan Yang di-Pertua.

Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi saya ruang untuk juga membahaskan mengenai Rang Undang-undang SST. Kalau kita masih imbas kembali kepada sejarah GST diimplementasikan di Malaysia, ia berlaku sekitar bulan April 2015. Sebabnya ia berlaku adalah kita fikir dua, tiga tahun selepas tercetusnya skandal 1MDB. Ketika itu umum mengetahui bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang terpaksa menggunakan duit rakyat membayar balik macam-macam hutang, terpanggil untuk mengenakan cukai GST. Ini adalah sebab utama mengapa cukai GST dikenakan oleh Barisan Nasional, kerana mereka terpaksa...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta maaf Yang Berhormat, saya tidak bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bagi laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cuma ada...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Seminit sahaja. Yang Berhormat orang baik. *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta maaf Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat kita ikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin teruskan...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Saya pun orang baik juga.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya teruskan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: SST sudah lama Tuan Yang di-Pertua, bukan baru. Sudah 20 tahun.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah perkara utama yang cuba dikaburkan oleh Barisan Nasional, kerana rakyat di luar sana ingin mengetahui apakah sebab utamanya GST dikenakan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua,

the ordinary man on the street terpaksa membayar GST. [Disampuk] Di sini rakyat ingin mengetahui dengan cukai yang baharu SST kita lihat pelepasan-pelepasan diberikan kepada beberapa barangan-barangan seperti kerusi roda, seperti lampin bayi, botol susu dan beberapa barangan yang diperlukan oleh orang biasa di luar.

■1700

Saya fikir perkara utama yang perlu dipertimbangkan adalah implementasi SST ini adalah sesuatu yang patut disokong. Ini kerana hanya golongan-golongan tertentu dalam masyarakat yang akan dikenakan cukai ini dan bukannya semua rakyat Malaysia. Akan tetapi GST adalah cukai yang memaksa rakyat satu Malaysia membayar sesuatu hutang yang telah ditanggung oleh seorang individu. Satu hutang yang disebabkan oleh seorang individu. Kita tahu siapa individu tersebut.

Seorang Ahli: Siapa?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak mahu sebutlah. Akan tetapi orang mengetahui, bukan sahaja individu tersebut tetapi juga isteri individu tersebut. Ini adalah perkara yang rakyat di luar ingin tanya. Kita dengar macam-macam khabar. Cincin, khabar beg Birkin, khabar kapal Equanimity dan sebagainya. Semua wang yang kita terpaksa bayar, digunakan untuk dibelanjakan dengan boros. Ini adalah sebab mengapa Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana sehingga hari ini cuba mempertahankan seperti mempertahankan benang yang basah.

Seorang Ahli: Dua-dua orang *Penang*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Orang di Pulau Pinang, orang di seluruh Malaysia mengetahui bahawa GST ini adalah cukai yang menekan rakyat. Tidak pernah kita dengar sebelum tahun 2015, Ahli-ahli Yang Berhormat. Akan tetapi sesuatu yang berlaku, satu mimpi dahsyat, satu malapetaka yang begitu dahsyat yang menimpa negara Malaysia, menekan rakyat Malaysia dengan memaksa seluruh rakyat Malaysia membayar hutang yang disebabkan oleh seseorang dan isteri beliau sendiri. Mengapakah perkara-perkara ini tidak dijawab? Tadi saya tanya kepada Yang Berhormat Rembau, kalau berani GST perlu dibayar, perlu dikenakan, sepatutnya semua harus bayar, dengan izin, *equality before the law*. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Rembau ketika itu tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Port Dickson minta laluan.

Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]: Tuan Yang di-Pertua? Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Di sini, saya ingin teruskan, bukan sahaja golongan B40 atau miskin yang terkesan dengan GST. Saya ingin menegaskan bahawa golongan *pensioners* juga terkesan dengan GST. Adakah sama juga dengan pendapat Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson, kawan karib saya. Saya menyokong pendapat Yang Berhormat Port Dickson tetapi mujurlah dengan Rang Undang-undang SST yang baru, golongan *pensioners*, dengan izin, akan terselamat dan tidak terpaksa membayar cukai GST yang begitu rakus. Kita mengetahui bahawa cukai GST ini...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Jelutong, boleh?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sedikit, Yang Berhormat Bera. Saya habiskan dulu. Telah menyebabkan banyak perniagaan— Kalau boleh saya gunakan istilah 'gulung tikar'. Mufliis. Ini kerana mereka tidak mampu menangani kos yang meningkat disebabkan perbelanjaan seperti melantik akauntan, memasang sebuah sistem komputer yang baru, sistem perakaunan yang baru dan sebagainya. Dengan adanya cukai GST juga, rakyat rasa sungguh terkesan kerana terpaksa membayar GST tiap-tiap kali mereka berbelanja.

Akan tetapi dengan Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu, rakyat terselamat. Saya yakin bahawa kita dapat memberikan nafas baru kepada rakyat Malaysia. Di mana mereka akan diselamatkan daripada hutang yang membelenggu negara, hutang yang terpaksa dibayar ditanggung oleh mereka disebabkan semua oleh skandal 1MDB. Umum mengetahui, berlaku sejak tahun 2012, tahun 2013, tahun 2014, sehingga GST diimplementasikan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bera minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Bera, sedikit. Saya habiskan. Saya bagi peluang. Saya bagi peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Laluan tidak diberikan. Sila duduk Yang Berhormat Bera.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Di sini saya meminta, saya telah memperhalusi rang undang-undang tersebut, kalau boleh, memandangkan Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah juga mantan Ketua Menteri Pulau Pinang. Boleh permohonan saya dipertimbangkan kalau Pulau Pinang juga dapat dimasukkan juga di dalam pengecualian selain daripada Langkawi, Tioman dan Labuan.

Saya tahu permintaan daripada Jelutong akan diberikan pertimbangan dan saya memang akan menyambut apa-apa balasan yang diberikan. Akan tetapi memandangkan saya adalah Ahli Parlimen daripada Jelutong, saya rasa tidak pernah sesiapa membuat permintaan ini. Kalau boleh saya mahu Pulau Pinang juga diberikan pengecualian selain daripada Tioman, Langkawi dan Labuan.

Berbalik kepada isu 1MDB. Saya juga ingin mengetahui kalau dengan implementasi SST ini pihak Kastam akan memastikan bahawa mereka melaksanakan tugas mereka dengan cekap, *accountable* dan telus. Seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus tadi, kita lihat bahawa kejadian-kejadian rokok haram dibawa masuk, arak secara haram dibawa masuk, macam-macam perkara di seludup masuk ke dalam negara ini, seperti juga intan dan berlian yang diseludup masuk tanpa di bayar GST.

Perkara ini harus diberikan perhatian kerana ini adalah perkara yang serius. Dalam rang undang-undang, beberapa peruntukan telah pun disediakan. Saya telah meneliti iaitu peruntukan seksyen 44, seksyen 45, seksyen 46 dan seksyen 47, yang memberikan kuasa kepada pihak Kastam untuk—juga di bawah seksyen 50, berkenaan dengan barang-barang yang dibawa masuk ke dalam kawasan yang tertentu.

Jadi, saya— di mana barang-barang tersebut ungunya berbunyi seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua, *“Selain apa-apa barang bercukai yang diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam warta, yang diimport ke dalam kawasan ditetapkan atau diangkut ke kawasan ditetapkan”*. Kita lihat dengan pendedahan-pendedahan yang telah dibuat dalam laman sosial mengenai barangan yang telah di seludup masuk ke dalam Malaysia.

Persoalannya timbul, bagaimanakah pihak Kastam Diraja Malaysia tidak dapat mengesan kemasukan barangan-barangan ini ke negara kita? Yang Berhormat Tanjung Malim ingin tahu apakah barang itu? Barang-barang kemas yang juga telah dibawa masuk, barang-barang intan, berlian yang dibawa masuk, kononnya untuk dilihat, dipamerkan kepada isteri Yang Berhormat Pekan, di mana GST tidak dibayar. Ketirisan inilah perkara yang kita perlu berikan perhatian. Saya di sini ingin menyeru dengan segala hormatnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Pengarah Kastam mendengar perbincangan saya, perkara ini masih lagi belum dijawab oleh beliau.

Bagaimanakah barang tersebut boleh sampai ke Malaysia? Bagaimanakah kandungannya tidak diketahui oleh pihak Kastam sehingga barang itu boleh sampai ke rumah isteri Yang Berhormat Pekan? Sekarang, pihak yang mengimport barang itu

masuk ke Malaysia, yang mengeksport mengatakan bahawa ia hanya dihantar ke Malaysia bagi tujuan pameran. Saya mengambil kesempatan ini untuk menegur pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia sebagai *backbencher*.

■1710

Tidak ada gunanya kita ada undang-undang, peruntukan-peruntukan kalau pihak kastam, polis dan tentera tidak melaksanakan tanggungjawab. Memang saya tahu kalau dahulu mungkin mereka takut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tertentu. Kita pernah dengar tentang salah guna kuasa, kita pernah dengar tentang anggota dan pegawai-pegawai SPRM yang ditangkap dan ditahan reman kerana menyiasat kes 1MDB tetapi sekarang saya menyeru mereka supaya tidak gentar, tidak risau. Saya minta mereka melaksanakan tugas mereka dengan izin seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi, *follow the rule of law* Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Jadi saya mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk meminta semua Ahli-ahli Yang Berhormat Pakatan Harapan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat daripada blok PAS untuk menyokong cukai SST kerana ia meringankan beban rakyat. Cukai GST adalah cukai rakus yang dikenakan oleh Barisan Nasional semata-mata untuk menyelamatkan Yang Berhormat Pekan dan isteri beliau, untuk menyelamatkan semua hutang negara yang disebabkan oleh Yang Berhormat Pekan dan isteri beliau. Keborosan mereka Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bera masuk.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Boleh?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sebut tentang SST ini akan mengurangkan bebanan rakyat. Saya lihat SST ini bukan mesra pengguna tetapi lebih mesra peniaga. Di dalam GST, *consumer* tahu *tax* yang perlu mereka bayar kerana tercatat di dalam bil sedangkan di dalam SST tidak ada jadi lebih mudah untuk peniaga untuk memanipulasi harga dan sebagainya.

Sebab itulah saya percaya walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan kata mungkin harga tidak akan naik tetapi percayalah harga akan naik kerana yang menentukan harga bukan sahaja *tax* tetapi adalah sikap peniaga. Peniaga akan menaikkan harga lebih mudah di dalam SST berbanding dengan GST. Jadi *consumer* lebih tertekan akibat daripada SST yang akan diperkenalkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam satu minit Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, *injury time* Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat kerana ini adalah fakta yang kita lihat tiap-tiap hari. Kalau kita lihat, kalau saya adalah seorang penganggur umpamanya dan saya pergi membeli barangan, KFC, apa-apa barang sahaja untuk saya, anak-anak saya sendiri, saya terpaksa membayar GST. *That is the fact.* Manakala apabila SST diimplementasikan, *this will not affect us as an ordinary citizen* dengan izin. Umpamanya...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sepuluh campur enam.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: KFC akan kena SST.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Bagi peluang untuk Yang Berhormat Jelutong menggulung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya sekali lagi berpendirian bahawa undang-undang SST ini perlu disokong. Ini adalah sesuatu janji yang telah dibuat dalam Manifesto Pakatan Harapan dan saya yakin bahawa rakyat di luar sana akan melihat. Seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi bahawa GST ini adalah suatu cukai yang rakus yang menyebabkan Barisan Nasional kalah dalam pilihan raya yang lalu dan juga menyebabkan kita menang dan wajib dan wajar kita melaksanakan undang-undang SST ini bagi kesenangan rakyat supaya rakyat tidak membayar hutang yang disebabkan oleh Yang Berhormat Pekan. Saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Mengikut senarai yang ada pada saya, GPS belum berhujah ya?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: BEBAS pun belum berhujah lagi.

Tuan Yang di-Pertua: BEBAS dan GPS belum lagi, saya jemput Yang Berhormat Batang Sadong. Silakan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sebab pagi tadi Yang Berhormat Batang Sadong sudah bangun ya, berhujah.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...Sekejap, itu *rehearsal*.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Selepas ini Bagan Serai ya.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, selepas ini Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit.

5.14 ptg.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *Bismilahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang dikatakan GPS kita ini telah banyak mendengar *feedback* dengan izin daripada rakyat dan juga bagi saya, saya banyak bertanya kepada *expert* dalam bidang ini. Jadi kerajaan PH berjanji melalui manifesto untuk menghapuskan GST apabila menang PRU-14. Saya pun hendak tahu kalau sama ada yang hendak diperkenalkan ini lebih baik daripada GST ataupun tidak. Oleh sebab dahulu kita sudah mengimplementasikan SST sebelum GST jadi rakyat memang mempunyai *ekspektasi* yang begitu tinggi sekali sebab itu harapan mereka untuk kita bertanya banyak perkara dalam Dewan yang mulia ini.

Di antara harapan mereka ialah pastikan kos kehidupan akan turun. Menghapuskan GST tidak memberi makna kalau tidak diterjemahkan kepada penurunan harga barangan dan seterusnya menurunkan kos kehidupan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau tadi. Saya apabila mendengar Yang Berhormat Rembau tadi berhujah, saya rasa itulah satu tutorial yang begitu terbaik sekali bagi saya sebab ia memberi peluang kepada kita mengenali perbezaan di antara SST dan juga GST.

Pada hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, SST tidak akan menurunkan harga barangan dan perkhidmatan bercukai ataupun dengan izin *taxable good and services* kerana tujuan utama perniagaan adalah untuk memaksimumkan keuntungan. Sedangkan pada era GST di mana GST bukannya kos kepada perniagaan yang didaftarkan di bawah GST melalui mekanisme pulang balik cukai input ataupun *refund input tax* seperti bahan mentah. Saya difahamkan seperti yang saya katakan tadi, saya banyak berkonsultasi dengan...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...*Expert* ini, peniaga...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Bagi peluang saya habiskan ayat ini sekejap.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tetapi selepas itu, saya...

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Ya saya bagi peluang Yang Berhormat Parit Sulong. Saya difahamkan kebanyakan perniagaan tidak menurunkan hasil dari pulang balik kepada *consumer* dengan izin saya katakan di sini *the six percent portion that the government refunded to them was not pass down to the customers*, dengan izin. Saya bagi peluang kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong, ya silakan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, okey terima kasih. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Batang Sadong dan juga terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi ada membicarakan mengenai *refund* yang sebelum ini Yang Berhormat pun nyatakan dengan panjang lebar di dalam perbahasan Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat terdapat *allegation* dengan izin, yang mengatakan bahawa proses untuk pulang balik *the rebate* ataupun *the refund input tax* tersebut kepada peniaga itu mengambil masa yang begitu lama. Jadinya apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Sekiranya benda ini benar terjadi yang dahulu Yang Berhormat berada di dalam Kabinet, apakah cadangan Yang Berhormat untuk memperbaiki perkara ini? Terima kasih saya ucapkan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Memang betul kita telah mendengar, Yang Berhormat Menteri pun telah menjawab dan telah menerangkan, mengatakan ini adalah kerana ini adalah amalan daripada kerajaan yang dahulu. Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita dalam Kabinet dahulu pun telah juga membincangkan perkara ini.

Sekarang ini saya percaya pegawai-pegawai yang telah menjalankan tugas ini berada di belakang sana untuk mendengar kita di sini. Adalah tidak adil Yang Berhormat kalau kita mengatakan kerajaan yang dahulu yang menyebabkan perkara di mana *refund* itu dengan izin dilambatkan. Sebenarnya apa yang saya difahamkan Yang Berhormat, saya dimaklumkan bahawa apabila peniaga hendak minta, mohon *refund* itu mereka terpaksa meneliti kerana itu adalah tugas mereka untuk meneliti sama ada apa yang dituntut itu adalah selaras dengan apa yang telah dinyatakan ataupun selaras dengan perniagaan mereka. Misalnya mereka memberi contoh kepada saya.

Saya bertanya juga kepada mereka yang terlibat kenapakah proses ini dikatakan satu proses yang begitu lambat. Jadi dikatakan kepada saya ialah misalnya dia kata kalau seorang itu menjalankan perniagaan menjual basikal, jadi dia juga menuntut *refund input tax* itu dengan izin, tuntutan untuk membeli dan juga mengadakan *aquarium* dalam perniagaannya.

■1720

Jadi ini adalah tidak berkaitan dengan perniagaannya. Jadi sebab itu berlaku *inquiry* katanya. Apabila berlaku *inquiry*, didapati inilah tidak selaras dengan apa yang sepatutnya dituntut. Mungkin peniaga itu mungkin dia tidak begitu faham ataupun mungkin ada ciri-ciri yang cuba untuk *mislead* mereka yang telah menjalankan tugas ini, inilah yang melambatkan proses-proses tuntutan itu. Saya berharap Yang Berhormat faham itu ya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai rekod, saya juga telah melihat bahawa barangan yang dikecualikan daripada GST terdapat 5,443 barangan. Semuanya adalah untuk kebaikan rakyat. SST akan menokok tambah cukai dan kenaan cukai dua kali. Contohnya dalam industri hospitaliti seperti hotel. Misalnya cukai jualan 10 peratus akan *cascade* ataupun bertindih dalam kos pengeluaran dan pengagihan yang lebih tinggi kerana tidak ada lagi mekanisme pulang balik untuk cukai jualan melainkan pengecualian cukai atau *tax exemption* ke atas input bahan mentah dan komponen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rantau Panjang minta laluan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Batang Sadong. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkaitan dengan *refund* cukai. Saya mendapat maklum bahawa hampir RM10 bilion tunggakan cukai yang tuntutannya belum dibayar oleh kerajaan sehingga kini. Apakah pandangan Yang Berhormat? Sebelum SST ini dilaksanakan, sepatutnya diselesaikan dahulu tuntutan cukai yang telah dituntut sebelum pelaksanaan SST ini dilaksanakan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih, Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya hendak masukkan ke dalam ucapan saya kerana saya percaya Yang Berhormat Menteri kena menjelaskan kepada kita perkara ini sebab kita juga terkesan daripada pelaksanaannya jikalau ia dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya KPDNKK tidak memantau dari segi keuntungan, barang tidak akan turun harga. Ini adalah sebab utama harga barangan naik di era GST. Ramai orang mengatakan kalau GST, banyak harga barang naik tetapi ia memerlukan

pemantauan di mana KPDNKK tidak dapat dengan cekap memainkan peranan mereka terutama sekali di kawasan luar bandar. Ini mungkin kerana kekurangan dari segi pegawai, jadi sebab itu tidak dipantau harga-harga di luar bandar sehingga harga dinaikkan ataupun mengikut harga di bandar.

Misalnya, kita telah mengatakan untuk sesebuah perniagaan itu untuk didaftarkan di bawah GST, ia perlukan satu perniagaan yang mencapai RM500,000 dari segi perniagaannya setahun. Jadi tanpa cukai perkhidmatan, kesannya adalah selektif dan seharusnya kalau kita hendak katakan kalau GST *six percent*, dengan izin, SST harus juga *six percent*, barulah dia neutral. Ini di antara pandang-pandangan yang telah kita peroleh.

Tuan Yang di-Pertua, ia telah memberi impak kepada orang-orang kaya yang pergi makan atau tinggal di hotel dan dikenakan caj perkhidmatan atau minuman seperti *Coca Cola* misalnya, yang sudah dicaj 10 peratus di peringkat kilang. Maknanya, pengguna tanpa menyedarinya membayar 16 peratus, dimasukkan ke tabung operator, bukan ke tabung kerajaan *at the expense of end customers*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, cukai perkhidmatan akan memberi kesan secara tidak langsung kepada sektor lain yang mengambil perkhidmatan bercukai. Misalnya pembinaan, sama dengan penggunaan perkhidmatan profesional seperti arkitek, juruukur ataupun jurutera. Akhirnya harga harta tetap seperti bangunan dan rumah akan naik.

Sebelum saya hendak merumuskan hujah saya, saya hendak mengakhirinya dengan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Berapakah kos untuk membina sistem MySST dan berapakah kos untuk MyGST? Oleh sebab saya difahamkan apabila kita memperkenalkan GST sebelum ini, kerajaan juga telah banyak *invest*, dengan izin, untuk melibatkan banyak dari segi *compensation* untuk peniaga-peniaga disebabkan *software*, maka kerajaan terpaksa membayarnya. Jadi, soalan saya kedua kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah kos untuk melatih pegawai kastam untuk menggunakan sistem MySST? Ketiga, berapakah kos GST *compliance* untuk perniagaan atau sistem dan latihan untuk majikan? Kita tidak mahu rakyat diperlekehkan dengan dasar yang tidak menguntungkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu ambil peduli terhadap kebajikan rakyat yang mana sangat mengharapkan kerajaan dipilih oleh mereka akan dengan ikhlas menolong untuk mengurangkan kos kehidupan rakyat. Begitu juga kita, kita mahu melihat bahawa apabila kerajaan balik kepada SST ini, ia seharusnya lebih cekap dan juga— kalau kita

bercakap fasal lebih cekap, ia seharusnya lebih adil. Jadi kita tidak mahu janji melalui manifesto yang hendak ditepati akan menjadi bahan untuk menjadi beban kepada rakyat. Ini adalah kerana SST tidak dapat sewenang-wenangnya boleh mengatasi sistem GST yang lebih *transparent* dan sukar untuk peniaga menuntut pulangan ke atas sesuatu yang tiada berkenaan dengan perniagaannya.

Jadi saya mengharapkan pihak Kerajaan Pakatan Harapan untuk berlaku adil kepada rakyat dan juga berlaku adil kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah banyak melibatkan masa untuk mereka melaksanakan, membantu untuk membuat pengiraan, untuk berhijrahkan mereka kepada sistem GST dahulu, selepas itu berhijrah kepada sistem SST ini.

Jadi kalau kita— saya hendak katakan di sini, lagi-lagi sebab saya dengar Yang Berhormat Menteri menyebut di mana BN yang telah saya— walaupun kami tidak lagi berada di dalam BN tetapi oleh kerana kita sebagai *collective responsibility*, kita sebelum itu sama-sama telah menyokong supaya GST ini diamalkan kerana kita telah melihat perbandingannya. Kita tidak mahu pegawai-pegawai yang telah mengambil masa itu dikatakan lambat membuat tugas untuk *refund* itu, di mana kita seolah-olah tidak menghargai apa yang telah mereka lakukan untuk kita. Jadi, oleh sebab itu, walaupun kita pada hari ini banyak mendengar hujah-hujah tetapi saya kalau ada pertandingan, saya pilih hujah daripada Yang Berhormat Rembau tadi, di mana saya rasa Yang Berhormat Rembau telah memberi tuisyen yang begitu cekap sekali untuk kita. Saya hendak mengakhiri ucapan saya. Terima kasih.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Batang Sadong. Sedikit sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Batang Sadong, setuju kah Yang Berhormat Batang Sadong kalau kita katakan bahawa kelambatan dalam *refund* itu adalah di antaranya disebabkan tuntutan-tuntutan daripada syarikat-syarikat yang mana tuntutan itu ada pertikaian? Maknanya ada perkara yang patut disemak, dilihat dari segi kebenaran dia dan sebagainya menyebabkan benda itu jadi terlewat. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebab itu tadi saya menyatakan perlu ada *inquiry*, dengan izin, sebab ada yang mereka rasa sangsi. Seperti saya ambil contoh tadi di mana kedai menjual basikal tetapi telah menuntut untuk membeli *aquarium*, dengan izin. Jadi, sebab itu ini perlu disemak, perlu disiasat, dan sebab itu ia akan melambatkan dari segi tuntutan. Ini

bermakna pegawai kita, pegawai kerajaan yang telah menjalankan tugas dengan teliti sekali, kita perlu beri pujian kepada mereka.

Saya rasa juga Yang Berhormat Menteri— sudah keluar tadi. Saya rasa Yang Berhormat Menteri juga perlu memberi pengiktirafan kepada pegawai-pegawai yang telah banyak mengambil masa untuk mereka membantu kerajaan untuk berhijrah kepada GST dan sekarang ini hendak berhijrah kepada SST pula. Saya berharap Yang Berhormat Menteri mengambil kira perkara ini. Sebab, saya kasihan kepada mereka. Mereka rasa *not appreciated*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri, saya tidak menyokong tetapi apa yang saya sokong ialah seperti mana yang Yang Berhormat Rembau katakan tadi iaitu untuk kita adakan *Select Committee* untuk kita membincangkan lagi sama ada SST ini adalah lebih sesuai daripada GST. Jadi, saya tidak menyokong SST ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ramai lagi yang ada dalam senarai. Jadi, saya ingin mencadangkan untuk memberi peluang kepada sebesar mungkin, seramai mungkin. Setiap pembahas diberikan 10 minit, boleh?

■1730

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sikit sangat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sikit? Boleh lah kalau tidak, ramai yang tidak mempunyai kesempatan. Ya? Saya jemput Yang Berhormat Wangsa Maju. Silakan.

5.30 ptg.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan Pakatan Harapan mencadangkan GST digantikan dengan SST terdapat kritikan yang menyatakan harga barangan akan menjadi lebih mahal dengan implementasi SST. Mereka yang mempunyai anggapan negatif seperti ini termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional. Kritikan yang dibuat adalah berdasarkan andaian kadar cukai bagi SST adalah sebanyak 10 peratus dan kadar cukai GST hanya sebanyak 6 peratus. Akan tetapi cukai jualan bukan 10 peratus daripada semua barangan yang boleh dikenakan cukai tetapi dalam lingkungan 5 peratus hingga 10 peratus berdasarkan nilai jualan barangan tersebut.

Dalam situasi yang diandaikan *in a hypothetical situation* dengan izin apabila barangan mempunyai nilai yang sama satu dijual pada kadar 6 peratus GST manakala

satu lagi barangan dijual dengan kadar 6 peratus cukai jualan. Kita dapati pembeli akan membayar kurang pada barangan yang dikenakan cukai jualan dan membayar lebih untuk barangan yang dikenakan GST. Mengenai kes-kes yang mana cukai barangan melebihi 6 peratus kemungkinan harga yang *consumer* perlu bayar akan naik sikit tetapi apa yang lebih penting ialah jumlah barangan dikenakan cukai di bawah SST adalah jauh lebih rendah daripada barangan yang perlu bagi GST seperti yang disebutkan oleh Menteri Kewangan.

Di bawah SST barangan yang dikecualikan adalah sebanyak 5,443 *items* jika dibandingkan sejumlah hanya 545 *items* di bawah GST. Ini bermakna walaupun seseorang *consumer* mungkin perlu membayar lebih untuk sesuatu barangan tetapi pada keseluruhannya perbelanjaannya dapat dikurangkan sebab banyak barangan yang dibeli itu tidak lagi dikenakan cukai. Sama juga dengan cukai perkhidmatan walaupun cukai perkhidmatan dan GST adalah pada kadar yang sama iaitu 6 peratus, tetapi *coverage* untuk perkhidmatan di bawah SST hanya 43.49 peratus. Sedangkan perkhidmatan yang tertakluk kepada cukai di bawah GST adalah 64.83 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa pelaksanaan GST kita menerima banyak aduan daripada peniaga-peniaga khususnya peniaga kecil bahawa sistem itu amat rumit. *It's so complicated*. Bukan sahaja mereka perlu membeli komputer *software* dan mesin khas mereka juga perlu mengubah pekerja terlatih untuk membuat akaun harian. Pada masa pelaksanaan GST, terdapat masalah serius berkaitan kekurangan tunai dalam pasaran. *There's no cash in the market*. Disebabkan oleh tuntutan semula terlalu lambat dan tidak efisien. *This is a fact* walaupun dinafikan oleh Yang Berhormat Batang Sadong. *As a result*, dengan izin *millions of ringgit go stuck somewhere and a businessman has no money to do business and this is also effect*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rembau kata kelemahan GST bukan sistem GST tidak bagus tetapi kelemahan proses tetapi beliau tidak memaklumkan Dewan ini apakah sebabnya proses GST gagal mencapai matlamatnya. Jawapan ialah kerajaan lama gagal membuat persiapan yang mencukupi sebelum melaksanakan GST. Akibatnya harga barangan naik dan rakyat menderita. Akibatnya juga urusan perniagaan sukar dijalankan sehingga ia menjejaskan ekonomi kita. GST gagal sebab Kerajaan Barisan Nasional gagal memahami kedudukan ekonomi sebenarnya di negara ini.

Kadar GST ditentukan ke 6 peratus, satu kadar rakyat tidak mampu membayar. Kerajaan Pakatan Harapan memahami kesukaran hidup rakyat dan telah membuat keputusan untuk memansuhkan GST. Tuan Yang di-Pertua, dengan pemansuhan GST

dan implementasi SST masalah-masalah yang dialami oleh peniaga-peniaga itu tidak akan wujud lagi dan *consumer* membayar kurang ini akan menjadikan peniaga dan *consumer* berasa senang hati. *The businessman is happy, the consumer is happy.*

Akan tetapi kita akan menghadapi dua masalah Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah semasa beban rakyat dikurangkan hasil cukai negara juga turut daripada RM35 bilion kepada RM22 bilion. Kerajaan perlu mencari sumber pendapatan baru untuk membayar perbelanjaan pembangunan dan pelbagai lagi perbelanjaan lain. Ini merupakan cabaran yang besar bagi Kerajaan Pakatan Harapan pada masa depan.

Salah satu sumber pendapatan baru ialah dengan menambahkan pelaburan asing dan pelaburan dalam negeri. Kita perlu *liberalize* sektor ekonomi kita dan menggalakkan pelaburan. Walau bagaimanapun, saya berpendapat dalam tempoh masa 2 tahun yang akan datang itu kerajaan perlu lah berbelanja secara berhemah, *the government has to spend with great care in the next two years.*

Masalah yang kedua ialah kemungkinan timbul aktiviti *profiteering* oleh pihak tertentu. Ini merupakan satu fenomena yang kerap kali wujud apabila kerajaan menukar sistem percukaian. Terdapat individu akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga. Oleh yang demikian, adalah penting bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan *consumer* mengawal pasaran barangan semasa pelaksanaan SST dimulakan untuk mencegah aktiviti *profiteering* pada masa itu. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya memohon menyokong Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018. *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Larut. Silakan. 10 minit.

5.39 ptg.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdahulu saya ingin mengucapkan banyak-banyak tahniah kepada sahabat saya Yang Berhormat Rembau yang tadi telah pun banyak membangkitkan bermacam-macam isu tentang penggunaan GST yang sepatutnya kerajaan seharusnya menerima cadangan daripada pembangkang. Bukan senang untuk pembangkang berikan peluang kepada kerajaan menggunakan sesuatu yang baik yang difikirkan menguntungkan kerajaan.

Selalunya pembangkang akan hanya membangkang perkara-perkara yang walaupun baik tetapi kali ini kita hendak serahkan yang baik itu kepada Kerajaan Pakatan Harapan. Hujah yang paling ketara adalah tentang harga yang menurun yang

telah pun dibangkitkan oleh ramai daripada Menteri-menteri yang mengatakan harga barang menurun apabila GST ditarik semula.

■1740

Saya hendak bangkitkan isu ini kerana hendak memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri bahawa dalam masa tiga bulan harga barang yang dikatakan turun, sebenarnya peratusannya kalau diberikan sebagai *average* ianya lebih- kurang daripada enam peratus. Jadi tidak mungkin ianya turun. Akan tetapi walaupun ada turun adalah semata-mata kerana *tax holiday*. Jadi kalau *tax holiday* telah pun diambil kira maka bermakna hari ini harga barang yang ada hari ini sehingga 31 Ogos adalah barang yang boleh kita katakan itulah harga barang yang bermula pada September yang dikira sebagai kos barangan ketika itu.

Kalau itu telah pun diambil kira sebagai kos barang sudah tentu mana mungkin 10 peratus *sales tax* itu tidak ada naik harga. Sudah tentu naik harga kerana kos yang ada hari ini yang kita beli itu, itulah kos tanpa GST. Mana mungkin ada pula selepas hari ini yang kita beli itulah harga barang, SST ada turun pula lagi. Mana boleh Yang Berhormat Menteri cakap benda yang...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Larut minta laluan. Yang Berhormat Larut minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang minta laluan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Larut. Saya hendak tanya Yang Berhormat Larut, saya minta penjelasan berkenaan dengan bila 1 September masa itu kita sudah laksanakan SST. Adakah harga barangan isi rumah pada hari tersebut sudah termasuk SST punya *tax*? Ini kerana itu pelaksanaannya. Keduanya, berapa lama masa diambil untuk SST dikenakan kepada pengguna daripada tarikh 1 September 2018 yang mana akan dilaksanakan. Sekian.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pendang, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri menjawabnya. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Pendang ini pandangan saya bahawa kalau 1 September harga barang tidak naik kita ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang paling hebat di dunia. *[Ketawa]* Akan tetapi saya hendak maklumkan, tetapi kalau naik, saya tidak tahulah apa hendak jadi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Terpujanglah kepada Yang Berhormat Pendang untuk

mencari satu lagi *quotation* untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang saya sendiri sayangi ini. *[Ketawa]*

Saya juga hendak kira tentang ketirisan yang dikatakan oleh ramai daripada rakan-rakan kita yang sebelah sana yang mereka mengatakan dahulu GST ini banyak ketirisan. Saya menyokong kepada sahabat saya Yang Berhormat Rembau kalau banyak ketirisan kita perbaiki dan kita perbetulkan. Bukankah kita di sini ini kita bukan tidak setuju, ada ketirisan. Dahulu pun kita kata ada ketirisan. Oleh sebab itu kita ada Akta *Anti-Profiteering* ini yang kita lakukan dan walaupun ada akta itu tetapi masih lagi ada ketirisan kerana ramai daripada peniaga-peniaga yang rakus. Oleh sebab itu tadi bila Yang Berhormat Damansara bangkitkan ini saya rasa seolah-olah Yang Berhormat Damansara menyokong supaya peniaga-peniaga ini diberikan peluang sebanyak mana mungkin untuk menjadikan ekonomi ini banyak *black economy* dalam negara kita.

Sepatutnya tidak patut kita lakukan sedemikian rupa kerana *black economy* inilah yang menyebabkan banyak negara dunia yang ada hari ini menggunakan GST. Mereka mengkajinya, *black economy* itulah yang menyebabkan banyak negara mereka mundur. Hari ini bila kita sudah mula hendak selesaikan masalah *black economy* ada juga kumpulan-kumpulan yang mahu kembali kepada *black economy* untuk membantu mereka dari segi membesarkan ekonomi hitam ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta sedikit. Terima kasih, Yang Berhormat Larut. Dia tidak akan larut biarpun dibakar. Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Yang Berhormat bahawa matlamat kononnya untuk menukar GST kepada SST semata-mata untuk menurunkan kos sara hidup tetapi yang jelas 1 Jun bermula apabila GST dikosongkan tetapi harga barang tidak juga turun-turun. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa kerajaan pada hari ini kembali kepada zaman gelap, zaman batu iaitu kita seluruh negara menggunakan GST kembali kepada SST. Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Terima kasihlah Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak maklumkan kita tidaklah balik kepada zaman batu tetapi hendak balik kepada ekonomi hitam ini, *black economy* ini mungkin itu pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri kepada kita.

Saya hendak jelaskan kalaulah benar SST boleh turunkan harga, bagaimana masa zaman dahulu lagi pada tahun 1982 yang dipimpin oleh Yang Berhormat Langkawi sebagai Perdana Menteri sehingga tahun 2004, SST digunakan ketika itu tidak adapun

harga yang turun. Naik daripada tahun 1982 ketika itu kita hendak guna indeks harga pengguna, CPI ketika itu 59.4 sehingga tahun 2004 ianya menaik sehingga 108.9.

Mana ada SST yang akan menentukan harga tidak naik, itu tidak betul. Oleh sebab itu hujah-hujah yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Rembau itu memang benar. Sepatutnya kita terima hakikat bahawa harga barang naik tidak ada kena-mengena dengan GST ataupun SST. Harga barang naik adalah kerana *supply and demand*. Dalam keadaan dunia hari ini yang *climate changenya* yang menyebabkan segala barang-barang dan input-input untuk kita melakukan apa sahaja perniagaan dan juga apa sahaja perkilangan yang kita hendak lakukan terpaksa mengikut keadaan dunia hari ini.

Maka, sebab itu saya mintalah kepada semua terutamanya Yang Berhormat Menteri untuk kembali kepada asal iaitu kegunaan GST yang boleh membantu negara, yang boleh mempertingkatkan lagi ekonomi negara, yang boleh membawa negara kita ini Malaysia sebagai *advance economy*, yang boleh benar-benar membantu rakyat dari segi kesejahteraannya. Kalaulah mereka mengatakan hujahnya kerana menzalimi rakyat, saya hendak memaklumkan mana mungkin menzalimi rakyat apabila Kerajaan Barisan Nasional dahulu membantu BR1M sebagai contoh, jumlah yang besar, tujuh juta penerima.

Hari ini tanpa GST mereka akan kurangkan kepada hanya dua juta, tiga juta sahaja. Ini menunjukkan bahawa kita tidak menzalimi rakyat. Kita membantu rakyat. Dalam keadaan yang itulah saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Jeli yang mengatakan mungkin kerajaan akan menilai semula, mengkaji semula *corporate tax* yang ada untuk mendapatkan pendapatan yang lebih.

Akan tetapi saya hendak maklumkan kalau kita hendak melihat dari segi *corporate tax* semata-mata, kita juga kena melihat bahawa kita bertanding dengan banyak negara ASEAN seperti Vietnam, Thailand, banyak lagi, Laos dan sebagainya yang menurunkan *corporate tax* dan menggunakan GST untuk menampung segala pendapatan melalui cukai.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mohon mencelah Yang Berhormat Larut.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Oleh itu saya merasakan bahawa dalam keadaan untuk menentukan jumlah pendapatan yang boleh kita bantu membangunkan negara sebagai sebuah negara yang maju dan juga hendak menentukan supaya rakyat hari ini benar-benar dapat dibantu, B40 kita bantu melalui

BR1M. Daripada jumlah *essential goods* yang ada kita tentukan supaya senarainya banyak kita berikan *exemption* dari segi cukainya.

Ini semua kita lakukan apabila kita ambil kira bahawa *cost of living*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita ambil kita supaya segala-galanya dapat disesuaikan dengan pendapatan negara dan untuk membangunkan negara dalam waktu yang sama juga membantu mereka yang memerlukannya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Yang Berhormat Beluran dahulu.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih. Sebenarnya ketika pelaksanaan GST cukai pendapatan korporat diturunkan, cukai individu diturunkan daripada satu peratus hingga tiga peratus, cukai pendapatan korporat diturunkan 25 peratus kepada 28 peratus dan pengurangan *revenue* kerajaan kerana SST ini akan menyebabkan seperti yang dikatakan tadi kemungkinan untuk cukai korporat dan cukai individu akan dinaikkan, *property gains tax* akan dinaikkan. Itu merupakan salah satu akibat daripada pelaksanaan SST dengan membatalkan GST.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Beluran. Saya minta itu dijadikan sebagai teks ucapan saya juga. Saya hendak maklumkan bahawa kebenarannya memang ada dan kita nampak bahawa dahulu masa ketika kita Kerajaan Barisan Nasional kita hendak menurunkan *corporate tax* itu kerana hendak memberi minat kepada FDI, *investors* daripada luar negara untuk melabur dalam negara kita kerana dalam keadaan segala-galanya, *capital resources* daripada *commodities* yang ada, dari infrastruktur yang telah pun kita bangunkan, Malaysia adalah sebagai sebuah negara yang mampu untuk menjadi negara yang paling besar dalam negara ASEAN ini dari segi ekonominya.

■1750

Maka sebab itu, segala apa yang kita lakukan adalah untuk kepentingan rakyat. Bukan seperti yang diujahkan oleh mereka, menzalimi sehingga kita kalah. Kalaulah betul kita sudah kalah sebab...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh mencelah Yang Berhormat Larut?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Larut, masa yang diberikan telah habis. Jadi, saya minta rumuskan.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Jadi, saya hendak gulung. Saya minta maaf. Saya hendak berikan, Tuan Yang di-Pertua kata tidak payah. Beliau berikan saya gulung sahaja.

Dengan itu, saya ambil kira tentang segala hujah yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Jeli dan begitu juga rakan-rakan yang lain bahawa sebenarnya GST itu lebih baik daripada SST. Kita kekalkan GST demi untuk membantu negara untuk memakmurkan negara dan juga untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat yang selama ini kita lakukan dalam zaman Kerajaan Barisan Nasional. Saya tidak menyokong GST ini dihapuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya jemput pembahas yang seterusnya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

5.51 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di hadapan Dewan yang mulia ini kita berbahas berkenaan dengan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 dan Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 yang mana kedua-dua ini dirumuskan sebagai SST.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan cukai GST sememangnya merupakan janji nombor satu Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum Keempat Belas yang lepas. Kita sedia maklum bahawa sejak pelaksanaan GST pada bulan April 2015, kehidupan rakyat telah menjadi begitu susah dan beban hidup rakyat telah bertambah begitu berat. Apabila kerajaan membuat keputusan untuk menghapuskan GST yang membawa anggaran hasil cukai sebanyak lebih kurang RM44 bilion setahun, sudah tentulah kita memerlukan satu hasil alternatif dan SST sudah tentu harus dikembalikan.

Ini juga selaras dengan janji nombor satu dalam Buku Harapan yang mana Pakatan Harapan telah menyatakan akan memperkenalkan semula SST sebagai gantian kepada GST berbanding dengan GST yang bukan sahaja mengenakan cukai ke atas mereka yang mampu dan berupaya, tetapi GST juga dikenakan terhadap rakyat yang berpendapatan rendah dan tidak berupaya. SST sudah tentu tidak begitu membebankan rakyat secara keseluruhan dan ini dibuktikan dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana 59 peratus daripada barangan dalam bakul indeks harga pengguna adalah terlibat dalam GST. Manakala dalam cukai SST pula, hanya 38 peratus sahaja.

Pihak di sebelah sini tidak pernah menafikan bahawa GST mungkin merupakan satu sistem cukai yang lebih efisien. Walau bagaimanapun, maksud efisien hanya akan bermakna ia adalah memihak lebih kepada pihak pemerintah ataupun pihak kerajaan sahaja dan ia akan membebankan rakyat jelata secara keseluruhan. Kerajaan Pakatan

Harapan selaku satu kerajaan yang prihatin terhadap beban hidup rakyat yang berat ini, adalah patut dan perlu untuk kita menghapuskan GST dan pada masa yang sama, mengembalikan sistem SST.

Dalam perkara ini, KPMG Tax Services Sdn. Bhd. pernah memberikan komen pada bulan Jun 2018 yang lepas bahawa mereka mengesahkan bahawa SST sememangnya adalah kurang membebankan pengguna dan rakyat akan mempunyai kemampuan pembelian yang lebih kuat. Sememangnya dengan GDP per kapita yang sedia ada, sistem SST adalah jauh lebih sesuai diguna pakai di Malaysia.

Apabila GST diperkenalkan pada tahun 2015 di Malaysia, GDP per kapita Malaysia hanya sebanyak USD9,505 berbanding dengan negara-negara yang lain yang mana mempunyai GDP per kapita yang tinggi, jauh lebih tinggi apabila GST mula-mula diperkenalkan. Singapura memperkenalkan GST pada tahun 1993, GDP per kapita mereka USD18,302. Australia memperkenalkan GST pada tahun 2000, GDP per kapita USD21,669. Kanada memperkenalkan GST pada tahun 1991, GDP per kapita USD21,665. Begitu juga dengan Jepun yang memperkenalkan GST pada tahun 1989. Iceland 1990, GDP per kapita USD25,009. Juga Switzerland pada tahun 1995. Apabila kita meneliti...

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, sila Yang Berhormat Rembau.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat, *just* cuma hendak tanya atas fakta-fakta tadi, negara-negara yang dipetik tadi. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, 44 buah negara daripada Afrika yang melaksanakan GST ini, GDP per kapita apa? Negara-negara ASEAN kecuali Myanmar dan Malaysia yang melaksanakan GST ini termasuk Laos, Cambodia, Philippines, Indonesia yang melaksanakan GST ini, GDP per kapita berapa banyak? South Amerika, 11 buah negara yang melaksanakan GST, GDP per kapita berapa banyak? Saya hendak minta supaya tidak *cherry-pick example* yang diberikan tadi.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Mungkin Yang Berhormat Rembau boleh *enlighten* Dewan ini dengan fakta-fakta yang ada, tetapi saya juga boleh memberikan satu lagi. *[Dewan riuh]* Sekejap, sekejap. Memang ada negara yang memulakan GST pada tahap GDP per kapita lebih kurang USD9,000 seperti Malaysia iaitu New Zealand, tetapi itu pada tahun bila? Pada tahun 1986, bukan pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2017, GDP per kapita rakyat Malaysia hanya berada di paras USD9,813 dan jelas ia bukannya bukan satu paras yang mana rakyat adalah mampu untuk membayar GST. Pada masa yang sama, berbanding dengan GST yang mencukai rakyat miskin dengan lebih jika berbanding dengan cukai terhadap golongan berpendapatan tinggi dari segi *proportion to income* dengan izin, kesan SST adalah sebaliknya.

Adalah harus diingatkan bahawa *income inequality* dengan izin, di Malaysia adalah amat tinggi berbanding dengan negara-negara lain di Asia Timur. Pengaruh World Bank untuk Malaysia, Thailand dan kawasan-kawasan serantau pernah melaporkan bahawa 10 peratus rakyat Malaysia yang paling miskin membelanjakan 70 peratus pendapatan untuk tujuan makan dan perumahan. Peningkatan kos sara hidup akan menjejaskan golongan miskin bandar dengan paling serius.

Jumlah pendapatan B40 hanya merupakan 16.4 peratus daripada jumlah pendapatan keseluruhan yang mana T20 menguasai jumlah kekayaan sebanyak 46.2 peratus. Tambahan pula, kita ada statistik daripada Jabatan Statistik Malaysia yang mana golongan B40 Tuan Yang di-Pertua, golongan B40 membelanjakan 80 peratus daripada pendapatan sekeluarga untuk tujuan perbelanjaan asas yang mana adalah juga penting untuk ditegaskan bahawa berbanding dengan GST dalam sistem SST, peniaga adalah tidak perlu memfailkan apa-apa tuntutan pemulangan cukai. Ini yang mana bermaksud bahawa pembayaran cukai SST kepada Perbendaharaan adalah dianggap sebagai tanggungjawab muktamad, *their payment to the Treasury will be considered final*, dengan izin.

Dalam perkara ini, IDEAS atau *Institute for Democracy and Economic Affairs* dengan izin, dalam paparan polisi *brief* nya pada bulan Jun 2018 telah menyatakan bahawa ini akan dapat meningkatkan *working capital* bagi firma-firma, khasnya untuk kesemua SME dan sekali gus memudahkan perniagaan mereka.

■1800

Dalam perkara ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun menyatakan bahawa terdapat *GST refund* yang tidak mampu dibayar sebelum ini, dan mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh memberikan satu jawapan lanjut berkenaan dengan perkara ini, ke mana perginya GST yang sepatutnya dipulangkan kepada peniaga-peniaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, SST bukannya satu sistem cukai yang sempurna. Akan tetapi merupakan satu sistem cukai yang kurang membebankan rakyat, dan pada masa yang sama boleh membawa hasil kepada negara.

Pengenalan Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018 berserta dengan Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 merupakan satu manifestasi pelaksanaan janji-janji Buku Harapan. Walaupun pendapatan dalam bentuk hasil cukai adalah jauh lebih rendah daripada era GST, namun adalah tanggungjawab satu kerajaan yang baik untuk memikirkan rakyat terlebih dahulu dan bukannya memikirkan kesejahteraan pihak pemerintah sendiri. Pemansuhan GST dan pelaksanaan SST adalah tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, alamak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah habis kan? Sudah habis sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasanlah, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai.

6.01 ptg.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih bagi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan yang sangat penting dan bersejarah ini dan saya hendak memulakan dengan bercakap tentang cukai ataupun *white tax*, dengan izin. Sebab apa hari ini, rakyat dan ramai orang malah hampir semua orang tak suka kena *tax*. Bila orang ambil duit kita, kita tak suka, walaupun RM1, walaupun enam kupang.

Hari ini kita tengok zakat. Berapa orang bayar zakat? Berapa jenis zakat ada? Ataupun kita hanya bayar zakat fitrah? Jadi ini penting, sama ada kita, siapa kita? Sedangkan cukai ini penting. Kerajaan berjalan dengan cukai, *government run on tax*. Kita tengok *Nordic countries* seperti Finland, Norway, Jerman dan sebagainya, *tax*-nya melebihi 20 peratus. Akan tetapi banyak benda yang dapat dilakukan. Oleh sebab itulah hari ini, saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Berkata bahawa dengan GST RM42 bilion, SST RM21 bilion kita kutip lebih rendah, bagus untuk rakyat. Saya tak setuju, *doesn't mean*, dengan izin, *doesn't mean that you collect less you are good, you are better. No.*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kerajaan negara-negara maju mengutip lebih *tax* lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini baru betul.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Bagi jalan Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Justeru itu, sebab tu bila ada *broadening of* sumber kutipan-kutipan cukai, ada satu sumber yang baik untuk memberikan kekayaan, kekuatan kepada negara untuk menjalankan...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Bagan Serai. Kawan, kawan, kawan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Very fast.*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Sokong, sokong.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Not much time after this.*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, saya setuju bahawa rakyat tidak suka pada *tax*, Tuan Yang di-Pertua. Masalah GST dengan SST ini dia bukan tak ada *tax*, tinggal saja GST ini *tax* ditulis di atas resit menyebabkan orang *conscious about the tax. But SST also tax*, tetapi tak ternyata dalam resit pembelian.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Betul sangat Yang Berhormat Beluran. Betul sangat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Maknanya GST bukan tak bagus, SST bukan bagus.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itu jelas, sebab apa? SST tak nampak, GST nampak. Bila nampak tu yang marah sangat, 60 sen pun marah, 60 sen pun marah. Akan tetapi beli rokok boleh. Sekotak rokok RM17, sebulan belanja RM500, setahun belanja RM6,000, boleh pergi umrah. Tiga tahun belanja RM18,000, dua orang boleh pergi Mekah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya hendak cerita ialah tentang harga barang. Hari ini yang *hot*-lah, cukup *hot* hari ini saya dengar. Harga barang, harga barang, GST harga barang naik. SST harga barang naik. Yang mana satu *actually*?

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah apa yang kita kata *wrong economics of pricing*. Kita sudah tersilap tengok hari ini. Sebenarnya ada dua dimensi, satu adalah dimensi dalaman *while you look at the cost operation*. Barang mentah, sewa, kenderaan termasuklah GST dan SST, termasuklah *tax*, termasuklah bahan mentah dan perkara yang lebih penting yang sering dilupakan, yang sering tidak diperkatakan ialah tahap persaingan di rantaian barangan. Yang ini kita ambil hendak bagi contohlah, kalau orang gunting rambut dia seorang saja, makna dia monopoli harga. Akan tetapi kalau ada 5,000 orang gunting rambut, dia tak boleh monopoli harga. Sebab tu hari ini kita tengok contohnya, nelayan pergi ke laut, balik peraih ada lima, enam orang, dia pun turun harga. Akan tetapi peniaga di pasar, ramai orang dia tak boleh buat apa.

Jadi kita lihat, saya harap sangatlah kerajaan, ini KPDNKK, Menteri KPDNKK pun tak ada kat sini. Saya harap sangat melihat kepada rantaian bekalan, tahap persaingan yang ada. Adakah hari ini- apakah matlamat polisi harga kerajaan hari ini? Hendak bagi murah? Hendak bagi murah atau hendak bagi adil? Kalau murah, makna kerajaan kena keluarkan subsidi yang tinggi dan ini KPDNKK suka, tetapi MOF tak suka. Sebab Kementerian Kewangan dia fikir tentang tekanan fiskal, tekanan fiskal tak boleh naik.

Kita ambil contoh gula, hendak murah KPDNKK subsidi makin banyak, MOF tekanan pada fiskal dan Kementerian Kesihatan ada masalah sebab berlaku *over consumption*. Harga gula murah, orang makan gula banyak, orang jadi penyakit, orang mati cepat, ekonomi rosak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga. Kita balik pada GST. GST ni saya hairanlah, 160 negara buat tak ada yang *bankrap*. Apa fasal yang bising sangat fasal GST? *You think they are stupid? All you think they are wrong? Tell me*, 160 negara adalah salah melaksanakan GST. *Tell me that*. Tidak boleh, 160 negara sudah. Malaysia ni kita buat enam *percent*, ASEAN kita terendah, antara yang terendah di dunia. Keliling kita semua lebih mahal.

Tuan Yang di-Pertua, orang kaya guna lebih, bayar lebih. Orang miskin bayar, tapi sedikit. Kalau bayar 60 sen, kalau bayar RM1.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Bagan Serai minta laluan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini adalah macam amal jariah sahaja. Kalau bayar RM1, bayar 60 sen. Bayar enam kupang amal jariah. Kita buat amal jariah, kita dapat pahala. Kita bagi kat masjid pun kita tak bagi enam kupang. Kita bagi lebih daripada tu. Jadi kenapa kita bising perkara ini?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Bagan Serai

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Hari ini saya hendak bagi tahu, orang momok-momok kan GST, SST harga mahal harga teruk, GST harga naik, perangai manusia. SST nanti tunggulah, harga naik juga, perangai manusia. Sebab di rantaian itu, di rantaian itu, tidak boleh.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi tahu apa yang dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu adalah betul dan baik. Akan tetapi pelaksanaannya mungkin, penguatkuasaannya mungkin, ini yang menjadi masalah. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya- *not much time*. Akhirnya saya hendak bagi tahulah, rakyat macam mana? Rakyat macam mana? *How about* rakyat? Rakyat suka, suka GST, rakyat? Rakyat tak suka GST, rakyat tolak GST, rakyat marah GST, rakyat tunjukkan *signal* yang dia tak suka menyebabkan ada yang kalah kerana GST. Walaupun kajian mendalam telah dijalankan sejak banyak tahun. Empat Menteri Kewangan, sesetengahnya masih jadi MP dekat sini. Empat Menteri Kewangan bagi tahu fasal GST, bentang GST di sini, tak boleh dilaksanakan.

Apabila dilaksanakan, hari ini kita lihat ada parti yang kalah. Sebab rakyat, rakyat tidak mahu. Kita kena peka dengan rakyat. Rakyat tidak suka. Kita kena dengar denyut nadi dan perasaan rakyat, suara hati rakyat. Sebab tu bila SST diamalkan nanti, saya tanya pada Menteri-menteri dekat sana. Menteri Kewangan, pastikan harga jangan naik. *Don't give*, dengan izin, *don't give excuses*. Akan tetapi carilah *reason, find reasons how* hendak jaga rakyat ini supaya harga barang tadi tidak dimainkan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau harga naik?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Penguatkuasaan, pelaksanaan harga tahap persaingan di rantaian bekalan ini perlu diperhatikan dengan lebih serius. Oleh sebab itu hari ini saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, mungkin Malaysia ni kita perlu sepuluh lagi Menteri Kewangan untuk cerita fasal GST ni. *Maybe* masa itu otak kita dapat terima, *but now they cannot*. Benda yang baik tidak diterima oleh rakyat, menyebabkan ada yang terguling jatuh hari ini. Justeru itu, Bagan Serai berpendapat bahawa pada ketika ini, pada ketika, *right at this moment*, Bagan Serai menyokong GST dimansuhkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan ketawa]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa punya cakap da.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, saya kelirulah Tuan Yang di-Pertua. Saya keliru.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Keliru, keliru.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Inilah banyak orang tidak faham, jadi macam ini lah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kejap sokong, kejap tak sokong.

Seorang Ahli: Yang Berhormat sokong GST atau SST sekarang?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kejap sokong, kejap tak sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput pembahas yang seterusnya daripada Yang Berhormat Petaling Jaya.

■1810

6.10 ptg.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa pada masa ini saya sokong tentang SST kerana saya percaya bahawa kerajaan mesti melaksanakan satu sistem cukai yang progresif dan adil.

Maknanya, yang pertama, golongan berpendapatan tinggi T20 harus memberi sumbangan lebih kepada kemudahan umum mereka seperti keselamatan awam dan sebagainya yang disediakan oleh masyarakat. Golongan berpendapatan tinggi boleh menyumbang lebih banyak untuk mengurangkan beban cukai ke atas rakyat lain yang kurang berkemampuan dan mengadakan satu sistem yang membawa keadilan dalam *distribution* pendapatan. Oleh itu, selain daripada memansuhkan GST, adalah wajar bagi kerajaan untuk memikirkan rangka polisi percukaian secara menyeluruh supaya timbang tara antara keperluan peruntukan kerajaan dan juga meringankan beban rakyat dapat dicapai.

Saya berpendapat bahawa cadangan-cadangan yang dibawa oleh Ahli-ahli Parlimen contohnya dari segi peningkatan cukai korporat ataupun kewujudan cukai perdagangan saham ataupun *capital gains tax* wajar dipertimbangkan oleh kerajaan supaya perkongsian kekayaan negara dapat dilakukan dengan lebih saksama dan adil. Walaupun daya saing, *competitiveness* negara kita wajar dipertimbangkan, ianya tidak patut diberi keutamaan melebihi daripada kebajikan rakyat.

Oleh itu, GST untuk saya adalah cukai regresif yang telah ketepikan aspek *distributive justice*. Saya menyambut baik hujah Yang Berhormat Damansara yang telah mengutarakan pandangan beliau bahawa walaupun GST ini adalah cukai yang cekap dan telus tetapi ia tidak semestinya adalah sistem yang terbaik bagi rakyat Malaysia yang rata-ratanya masih lagi berpendapatan rendah.

Saya juga ada beberapa isu tentang SST dan GST. Masalah utama dalam sistem SST adalah dari segi pelaksanaan yang kurang cekap dan kurang telus. Misalnya, pengilang yang turut memiliki kedai runcit, *common ownership*, boleh cuba untuk menetapkan harga yang rendah pada peringkat pengilangan supaya jumlah cukai yang dibayar adalah rendah tetapi meningkatkan harga barang di peringkat runcit bagi mengekalkan margin keuntungan yang sama bagi keseluruhan syarikat tersebut-*transfer pricing*. Jadi cadangan saya ialah untuk menangani ketirisan hasil ini atau *leakages, invoice* yang perlu dikeluarkan oleh pengilang haruslah mengandungi elemen-elemen seperti kos bahan, kos buruh dan sebagainya oleh industri sama bagi meningkatkan ketelusan.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian berkenaan langkah-langkah penguatkuasaan terutamanya bagi tempoh awal pengenalan semula SST bagi menangani *profiteering* oleh peniaga-peniaga supaya hak pengguna dijaga. Sekiranya negara-negara seperti Hong Kong dan US tidak mengubah sistem kepada sistem GST, saya rasa sistem penguatkuasaan mereka wajar dikaji bagi mengukuhkan lagi sistem kita.

Last sekali adalah antara sebab bagi penggantian sistem GST dengan SST adalah kerana ia sangat membebankan rakyat yang rata-ratanya masih berpendapatan rendah. Faktor-faktor telah dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi soalan saya ialah apakah rancangan atau *big picture* untuk meningkatkan paras pendapatan rakyat dari segi polisi? Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengembalikan GST sekiranya pendapatan rakyat meningkat ke tahap yang lebih tinggi seperti yang telah dilakukan oleh Singapura? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya.

Pembahas seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Ayer Hitam.

6.15 ptg.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di sini.

Pertama-tamanya, saya telah meneliti hujah yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan. Satu perkara yang ingin saya sebutkan di sini, kalau kita mengimbas kembali ucapan yang pernah dibuat oleh mantan Menteri Kewangan termasuk Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Tun Daim Zainuddin, mereka pernah satu ketika mengatakan sudah sampai masa GST seharusnya diperkenalkan. Rata-rata, dua mantan Menteri Kewangan ini tidak pernah kata atau menyangkal teori GST itu adalah satu sistem percukaian yang lebih efisien, lebih telus dan lebih baik berbanding dengan SST yang diperkenalkan pada tahun 70-an. Itu yang pertama.

Kedua, kita tahu bahawa konsep GST ini adalah secara *broad-based* dan kedua, ia tidak dikenakan cukai terhadap *intermediate goods*, itu tidak ada. GST adalah *destination based tax* yang telah dibuat *border adjustment*. Maka untuk barang eksport, tidak dikenakan cukai, manakala barang import ada cukai. Ini memberikan satu *level playing field* untuk SME tempatan dan juga pada pengimport. Ini yang pertama.

Seterusnya, tadi kita mendengar kata GST ini tidak baik, setiap lapisan kita kena bayar, tetapi kita jangan salah konsep, setiap *level*, setiap peringkat kita bayar tetapi setiap peringkat itu juga kita menuntut import *tax*. Ini yang dilenyapkan, yang tidak didengar oleh orang. Jadi dengan itulah saya hendak mengimbas kembali hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Damansara. Dia kata, GST oleh kerana kerajaan terdahulu mempunyai terlalu panjang senarai *exemption list*, maka ia dianggap satu kegagalan dan juga tidak efisien.

Saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kalau dikatakan Singapura tidak ada *exclusion list* yang begitu panjang, apakah Barisan Nasional dipersalahkan kerana kita mengambil kira mereka yang miskin? Oleh sebab itulah senarai pengecualian cukai itu dikenakan ke atas barang yang dikatakan *zero-rated GST* adalah untuk menjaga kepentingan yang berpendapatan rendah. Itu saya rasa kita tidak boleh putar belitkan.

Kedua, kata Yang Berhormat Damansara, dia kata ini akan memberi manfaat, memberi *benefit* kepada akauntan. Kalau kita buat undang-undang, menggubal undang-undang di sini semata-mata untuk menguntungkan satu profesion, takkan saya boleh cakap ini untuk menguntungkan peguam sahaja. Mereka, sebab ada anak guam, oleh kerana ada undang-undang yang kita buat- tidak! Sebenarnya, akauntan adalah satu bidang profesional. Mereka gunakan *expertise* melakukan tidak kira apa sistem percukaian yang kita gunakan, SST atau GST, mereka menggunakan kepakaran untuk menasihati pelanggan mereka. Jadi ini juga tidak masuk akal.

Ketiga, jamin harga barang di bawah SST akan rendah berbanding dengan barang zaman GST. Saya harap jaminan itu kekal sehinggalah bulan September dan kita akan sama-sama melihat kerana teorinya kalau disifarkan GST pun tidak turun harga barang, macam mana boleh selepas 1 September harga barang dikatakan tidak naik. Jadi ini yang ketiga.

Keempat, dia kata kos yang lebih tinggi kalau kita *adjust* GST daripada enam peratus kepada tiga peratus. Saya sentiasa mendampingi dengan SME. Dulu saya jaga SME, saya tahu. Oleh kerana mereka telah membeli *software* atau perisian komputer itu dengan nilai ada yang RM10,000, RM20,000, mereka telah bayar pada tahun 2014, *software* itu boleh gunakan *adjustment* sahaja daripada peratusan enam kepada tiga. *That's it!* Tidak ada masalah untuk kita membuat penyelarasan. Dia kata, ini menyusahkan peniaga, *business* dan juga *government*. Kalau kita buat *adjustment* enam kepada tiga, tidak menjadi masalah...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh mencelah?

■1820

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ...Kedua, apabila kita sifarkan GST, dalam tempoh beberapa hari, peniaga dapat buat *adjustment*. Apa masalah kalau kita hendak turunkan daripada enam peratus kepada tiga peratus?

Jadi yang terakhir, Yang Berhormat Damansara sebut GST akan dibayar oleh *consumer*. Saya hendak maklumkan kepada Dewan ini, tidak kiralah GST atau SST, ia tetap dibayar oleh *consumer*. Cuma perbezaannya, ia tidak secara terus terang, di bawah SST kata kamu kena bayar. Akan tetapi dalam GST oleh kerana melibatkan setiap lapisan, maka kita terasa.

Jadi, saya rasa semasa GST diperkenalkan, ada beberapa masalah. Kita tahu *timing* pun tidak kena kerana pada masa itu kita lakukan rasionalisasi tentang subsidi, kemudian nilai mata wang juga susut pada masa itu dan penambahan gaji pekerja-pekerja di Malaysia pun tidaklah seiring dengan kos sara hidup yang semakin naik. Ini antara *timing* yang kita rasa mungkin tidak betul.

Masalah utamanya dalam pelaksanaan GST ialah pertama, kita minta, kita tuntutan *input tax* mengambil masa yang terlalu lama. Ada yang sembilan bulan, ada yang setahun lebih. Betul. Kalau tanya kastam, kastam akan kata apa? Oh, kita tengah siasat sama ada ini kes yang diragui. Jadi dalam kes ini, keberkesanan kita boleh tingkatkan. Oleh kerana terlalu lama untuk kita pulangkan *input tax*, itu menyebabkan *cash flow* mereka terjejas. Oleh sebab itu, mereka masukkan ia sebagai satu *capital* ataupun salah

satu kos untuk mereka menjalankan perniagaan. Oleh sebab itulah menyebabkan masalah ini makin rumit.

Kedua, saya hendak maklumkan, apabila kita tuntutan, ada pengalaman saya. Saya nampak beberapa SME tuntutan, dia kata sudah RM800,000 tidak dapat. Apabila jumpa dengan kastam, kastam kata boleh. Kalau *you* hendak tuntutan, esok saya hantar pasukan untuk buat *field audit*. Saya berharap kerajaan baharu kerana kakitangan masih lagi kakitangan yang sama, kalau ini juga sikap, tidak kira kita pakai sistem percukaian apa sekalipun, ia akan berlaku. Jadi, saya rasa kita kena ubah.

Jangan kerana marahkan nyamuk, kelambu pula dibakar. Sistem ini ada kebaikannya. Kita tahu. Jadi, kita gunakan budi bicara kita. Oleh sebab itu, saya kata saya sokong apa yang Yang Berhormat Rembau kata tadi. Kita kena kekalkan sistem ini tetapi kurangkan peratusan daripada enam peratus kepada tiga peratus. Satu lagi, kalau disebut *field audit* dengan para peniaga, ambil semua barang. Semua kata tidak apalah. Saya tunggu. Kalau dengan cara terdesak itu, ia menyebabkan kita tidak dapat menjalankan sistem GST dengan baik. Itu salah satu faktor.

Saya hendak maklumkan juga, tadi beberapa contoh yang diminta. Saya hendak beritahu. Macam mana bila sampai September nanti, harga barang boleh jadi murah. Saya bagi satu contoh. Saya kalau ada kereta Kancil, saya hendak tukar tayar di pusat servis. Kalau tayar saya tukar sekarang, saya terpaksa bayar sepuluh peratus untuk cukai jualan. Oleh kerana 500,000 *threshold*nya, saya kena bayar enam peratus cukai perkhidmatan. Ini bermaksud sepuluh campur enam pasti 16 peratus. Akan tetapi sistem GST sekarang, enam peratus dan ini adalah satu hakikat. Saya hendak minta Yang Berhormat Damansara, dia akan sediakan jawapan untuk Menteri Kewangan juga. Macam mana kita mengatasi kekusutan ini? Inilah yang dihadapi oleh rakyat. Realitinya kita tetap kena bayar lebih. Ini sebagai salah satu contoh.

Saya hendak pergi kepada satu *chapter* yang sangat penting. SST ini sebenarnya, kita dapat elak cukai dengan begitu mudah, secara halal. Ini kerana diestui dalam undang-undang. 'Halal' itu dalam maksud mematuhi undang-undang. Saya hendak beritahu, saya ada syarikat. Saya tubuhkan dua, tiga syarikat *subsidiary*. Kemudian saya buat satu lagi syarikat pemasaran. Saya kalau hendak jual RM100, saya akan letak RM80. Untuk RM80 itu saya masukkan RM20 dalam *subsidiary company*. Saya bayar RM8 sahaja. Ini yang berlaku pada lebih 160 negara, mereka dapati ini adalah kenyataan bagaimana ia dapat diatasi.

Kedua, bukan sahaja tubuhkan anak syarikat banyak, mereka juga buat untuk mengurangkan cukai. Dia tahu perkhidmatan, dia buat satu syarikat pemasaran. Dia kenakan servis enam peratus sahaja. Daripada sepuluh peratus kepada enam peratus. Dia pun kurang bayar. Inilah antara perkara yang ingin saya utarakan dan saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini. Kita kena lihatlah. Tadi saya sebut *illicit outflow*. Ini satu masalah bila zaman SST. Jangan sudah kita perkenalkan SST, esok tidak cukup hasil kutipan, kita minta lagi *capital gains tax, inheritance tax*. Itu yang selalu disebut dalam bajet *authority* sebelum ini. Kita khuatir perkara ini berlaku.

GST sebagai kesimpulan, GST ini kita minta satu isu yang saya rasa kita sudah bincang lama dalam Dewan ini. Elok juga kita bawa isu ini, oleh kerana ada mekanisme untuk kita- sementara ini sebelum kerajaan buat keputusan, kita tubuhkan Jawatankuasa Pemilih atau *Select Committee*, untuk melihat dan tidak bererti kita tidak kutip hasil pun. Dengan musim peralihan ini, kita letak mungkin satu peratusan, tiga atau empat peratus misalan untuk GST dan kita kutip sementara sampai hujung tahun. Mungkin kita mengambil masa tiga atau empat bulan untuk buat kajian bersama dengan kedua-dua pihak, akhirnya kita boleh mencapai satu *consensus*. Itu cadangan saya.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyokong tetapi saya boleh menyatakan persetujuan kita untuk berbincang dengan kerajaan. Mencari formula terbaik untuk meringankan beban rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Pendang. Ada atau tidak? Kalau ikut senarai ini. Tidak ada. Yang Berhormat Tumpat? Ada Yang Berhormat Tumpat? Baik. Saya menjemput Yang Berhormat Pontian... *[Disorak]*

6.26 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih.

Jepun, lapan peratus. Korea Selatan sepuluh peratus. Yang Amat Berhormat Langkawi sekarang sedang berada di Jepun dan sentiasa melihat pandang ke Timur. Kalau pandang ke Timur, pandang juga GST di Jepun dan juga di Korea Selatan.

NEGARA	PERATUS GST (%)
China	6, 11, 17
Kanada	5
United Kingdom (UK)	20

New Zealand	15
Singapura	7
Thailand	7
Filipina	12
Indonesia	10
Vietnam	10
Australia	10
Perancis	20
India	5, 12, 18, 28 (empat peringkat)
Saudi Arabia	5
UAE	5
Germany	19

Jadi, apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah cadangan Yang Berhormat Rembau, saya sokong supaya kita adakan GST sebanyak tiga peratus yang merupakan kadar GST paling rendah dalam dunia yang kita cadangkan untuk dilaksanakan oleh kerajaan. Saya menolak Rang Undang-undang SST ini, dan menyokong GST dengan kadar lebih rendah sebanyak tiga peratus dan rang undang-undang ini perlu dibawa ke *Select Committee*.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah segala-galanya salah GST. Segala-galanya salah "Ahmad Maslan" pada ketika itu [*Ketawa*] Ada orang panggil saya- Yang Berhormat Bagan Datuk gelar saya, "*Mat GST*". Tidak mengapalah.

Apa yang saya ingin jelaskan di sini ialah harga barang ini bukan hanya disebabkan oleh GST.

- (i) penawaran dan permintaan; *supply and demand*;
- (ii) etika peniaga;
- (iii) nilai ringgit;
- (iv) musim tengkujuh;
- (v) musim perayaan;
- (vi) monopoli barangan;
- (vii) *cartel* pakatan;
- (viii) orang tengah;
- (ix) penguatkuasaan yang lemah;
- (x) sabotaj ekonomi;
- (xi) keupayaan kuasa beli; dan
- (xii) perdagangan dunia.

Itu antara sebab kenapa harga barang naik ataupun turun. Oleh kerana itu, saya ingin meminta supaya KPDNHEP, Menteri KPDNHEP, Yang Berhormat Kulim Bandar

Baharu melihat kepada etika peniaga. Etika peniaga yang memanipulasi dan juga sabotaj ekonomi yang memanipulasi.

Saya ingin membela diri saya kerana disebut bahawa- saya yang menyebut bahawa, "GST boleh menurunkan harga barang." Saya tidak sebut, GST menurunkan harga semua barang. Saya menyebut, "GST boleh menurunkan harga barang."

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Akhirnya jelas.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: GST boleh menurunkan harga barang. Itulah patah-patah perkataan yang saya sebut.

Maka, pada 30 Oktober 2017 di sini, KPDNKK menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat dari Pas pada ketika itu pada 30 Oktober 2017.

■1830

Sebanyak 223 barang turun disebabkan GST. Tidak akan KPDNKK pada ketika itu berbohong dalam Dewan terhadap jawapannya. Satu lagi ialah berlaku jualan murah di pelbagai tempat. Ini dipanggil sebagai kesan psikologi terhadap GST. Apabila rakyat berpandangan GST boleh menaikkan harga barang mereka berhenti membeli barang. Apabila berhenti membeli barang *demand* turun, apabila *demand* turun untuk hidup dalam perniagaan runcit terutamanya mereka mengeluarkan jualan-jualan murah. Jualan murah 10 peratus, apa maksud jualan murah 10 peratus? Harga diturunkan 10 peratus. Ada jualan murah sehingga 80 peratus, apa maksudnya? Harga barang turun 80 peratus itu maksud jualan murah dan masa GST banyak berlaku jualan murah ini.

Pada 1 April 2015 hari pertama GST dilaksanakan, dada-dada akhbar muka depan surat khabar menyebut bahawa pengeluar kereta menurunkan harga kereta pada 1 April 2015. Ini kerana apa? SST kereta pada ketika sehari sebelumnya ialah 10 peratus turun pada GST enam peratus dan saya yakin pada 1 September ini harga kereta dan harga barang-barang lain akan melambung kerana 10 peratus SST yang dikenakan.

Saya ingin membuat pembetulan kepada Yang Berhormat Damansara. Yang Berhormat Damansara ini pegawai khas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Beliau menyebut pada tahun 2015, apabila GST dilaksanakan kadar inflasi meningkat pada 3.15 peratus. Itu tidak betul. Tidak betul Yang Berhormat Damansara.

Pada tahun 2014, kadar inflasi ialah 3.17 peratus dibundarkan 3.2 peratus. Pada tahun 2015 turun kepada 2.08 peratus dibundarkan kepada 2.1 peratus. Tahun 2016, 2.13 peratus dibundarkan kepada 2.1 peratus. Tahun 2017 tadi Yang Berhormat Rembau telah menyebut 3.7 peratus atau 3.65 peratus kerana masalah mata wang kita

dan Januari hingga Jun tahun ini selama enam bulan ketika GST dilaksanakan turun lagi pada 1.8 peratus. Empat perkara untuk membela diri saya, yang pertama jawapan KPDNKK terhadap soalan Yang Berhormat Kubang Kerian 30 Oktober 2017 di sini 223 harga barang turun, yang kedua kadar inflasi yang saya telah sebut, yang ketiga ialah jualan murah dan yang keempat ialah tentang harga kereta.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila. Ringkas.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ringkas Yang Berhormat Pontian. Apakah Yang Berhormat Pontian mungkin mencadangkan sebab GST ini dimansuhkan sebab janji pilihan raya termasuk janji Yang Berhormat Puchong apabila menang GST dimansuhkan, walaupun melalui SST pungutan ia berbeza lebih kurang 50 peratus daripada RM40 bilion kepada RM20 bilion. Bermakna kerajaan yang ada ini kekurangan sumber sebanyak RM20 bilion.

Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan mungkin untuk kerajaan yang ada menjadi populis dan memerintah buat selama-lamanya mungkin tidak perlu ada *tax*, kasi *free* sahaja untuk rakyat. Jadi biar mereka memerintah selama-lamanya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: [*Ketawa*] Saya harap mereka tidak akan memerintah selama-lamanya Yang Berhormat Kinabatangan. Mereka menyebut SST ini baik. Saya ingin mengesahkan apa yang disebut Yang Berhormat Beluran bahawa GST menurunkan cukai. SST menurunkan cukai kepada GST 10 peratus kepada enam *percent*. Cukai pendapatan turun satu hingga dua peratus, cukai syarikat 25 kepada 24 peratus, cukai koperasi satu hingga dua peratus, cukai IKS dan PKS 20 peratus kepada 19 peratus. GST menurunkan cukai.

Kalau SST ini baik saya tanya pada Yang Berhormat Menteri Kewangan cukai apa yang akan diturunkan selepas ini atau ada cukai-cukai baru pula untuk mereka mendapatkan peruntukan dan juga kewangan yang lebih. Tiga bulan *tax holiday*, tiga bulan *tax holiday*. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar tentang perkara itu, RM11,000 juta mereka tidak dapat duit ini. Sepatutnya pada 1 September GST kosong, SST terus digantikan 10 peratus, maka tidak ada hilang RM11 bilion itu.

Akan tetapi oleh kerana mereka ingin melaksanakan perkara-perkara yang popular, bukan perkara-perkara yang rasional, itu yang berlaku mereka hilang RM11 bilion yang kita marahnya segala-galanya salah Barisan Nasional. Segala-galanya salah Barisan Nasional mereka kata. Dulu mereka kata BN- 'barang naik', sekarang PH- '*price hike*', Ahli-ahli Yang Berhormat... [*Dewan ketawa*]

Sama saja. Lagi tentang ketirisan hasil, *transfer pricing* tolong jawab tentang *transfer pricing*. Satu lagi ekonomi tersembunyi atau *hidden economy* tolong jawab tentang *the hidden economy* ini. Saya diberitahu oleh kastam *the hidden economy* di Malaysia ini RM30 bilion nilainya kerana kita melaksanakan GST maka RM30 bilion turun kepada RM10 bilion. Ini yang disebut bahawa ketirisan RM20 bilion itu boleh kita atasi dengan mengadakan cukai GST. Cukai bertindih tolong jawab *tax on tax*. Eksport dikecualikan daripada GST, adakah eksport dikenakan SST? Kemudian pemantauan harga, pemantauan harga amat penting kalau kita tidak memantau harga maka kita akan ditipu dan juga peniaga-peniaga yang tidak beretika ini akan mensabotaj kita.

Satu lagi ialah apabila segala barang sudah sampai ke pelabuhan-pelabuhan. Apakah kastam akan membuat 100 peratus *check* terhadap semua kontena untuk memastikan segala apa yang mereka *declare* itu tepat atau sebahagian daripada barangnya ialah *zero-rated* tapi sebenarnya mereka katakan barang-barang yang kena cukai tapi mereka katakan adalah barang-barang *zero-rated*. Pengilang, pemborong, peruncit, pengguna empat ya. Pengilang, pemborong, peruncit, pengguna, SST 10 peratus, lima hingga enam turun kepada GST enam, sekarang GST kosong, SST 10 peratus, lima, enam *confirm*. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat saya amat pasti 100 peratus harga barang akan naik dan hasrat mereka untuk menurunkan taraf hidup tidak akan tercapai kerana mereka melaksanakan SST ini.

Kalau ketika pilihan raya mereka sebut GST kita nak kosongkan, bertepuk semua orang tetapi pada nafas yang sama kalau mereka sebut diganti dengan SST 10 campur enam saya yakin mereka tidak menjadi pemerintah sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Sudah habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya jemput seterusnya Yang Berhormat Tebrau.

Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Tahniah Yang Berhormat Pontian lulus jadi pembangkang [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tebrau silakan.

6.37 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan tentang Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018.

Saya menyokong pelaksanaan SST menggantikan GST atas sebab GST membebaskan rakyat walaupun ia adalah satu sistem pengutipan cukai yang efektif kerana hampir semua pengilang kena daftar untuk menuntut balik GST yang dibayar. Sistem itu memudahkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengawal syarikat dan pengilang untuk menyediakan akaun yang benar kerana rekod-rekod yang perlu disimpan untuk menuntut balik GST yang tidak dibayar mesti lengkap.

Akan tetapi pada masa yang sama oleh sebab banyak kod-kod yang digunakan untuk pelbagai jenis pembayaran kena digunakan dengan betul. Banyak jenis *block item* di bawah GST yang tidak boleh dikutip balik atau dituntut balik kena difahamkan dan digunakan dengan betul supaya tidak berlaku kesalahan menuntut bayaran balik GST. Ini amat membebaskan syarikat dan pengilang kerana kesalahan menuntut akan dikenakan dengan denda yang amat tinggi di bawah GST. Untuk mengelakkan denda yang tinggi maka syarikat dan pengilang harus menyimpan kesemua rekod dan menyediakan akaun yang betul.

Bagi pengilang yang jual di pasaran tempatan dan juga luar negara dan jika bahan mentah juga dibeli daripada pembekal tempatan dan luar negara maka sistem GST bertambah kerumitan hingga banyak pengilang-pengilang kena beli sistem perakaunan yang mahal dan juga mengambil pakar-pakar GST untuk membantu menyedia atau menyemak akaun mereka sebelum mereka serahkan *return* GST. Sebab-sebab ini menyebabkan kos pengilangan bertambah dan akhirnya kos jualan juga meningkat. Negara lain melaksanakan GST dengan mengurangkan cukai pendapatan korporat dan individu serentak tetapi Kerajaan BN tidak berbuat demikian dan terus kenakan GST dengan kadar enam peratus.

■1840

Ini merupakan satu cukai tambahan yang menyasarkan kepada korporat dan individu yang membayar cukai pendapatan. Ini adalah salah satu sebab rakyat menolak Barisan Nasional pada PRU Ke-14.

Oleh sebab kerajaan yang lepas telah menggunakan semua kutipan GST yang sebahagiannya sepatut dikenakan bayar balik kepada pengilang tetapi tidak, maka pengilang memindahkan beban ini kepada pengguna-pengguna, *end user*, dengan izin,

dengan menaikkan harga jualan barangan kerana pengilang-pengilang kena hidup, mereka kena cari jalan alternatif. Inilah satu caranya mereka gunakan. Jadi ini adalah lagi satu sebab rakyat menolak BN pada PRU Ke-14 kerana pengilang-pengilang sudah dibebankan dengan tidak dapat dipulangkan GST yang terlebih bayar.

Bagi gerai-gerai dan kedai-kedai runcit yang tidak perlu mendaftar untuk GST. Oleh sebab mereka tahu orang-orang lain ada tambah GST pada jualan mereka, maka mereka pun ambil peluang untuk menaikkan harga jualan mereka. Ini kita boleh nampak di semua tempat. Gerai-gerai pun jual dengan harga yang sama, menaikkan secawan kopi atau teh tarik dengan harga yang sama dengan peniaga-peniaga yang berdaftar untuk kutipan GST. Walaupun GST sepatutnya tidak akan menaikkan harga barang dan pada masa yang sama boleh bertambah hasil pada kerajaan tetapi hakikatnya harga barang semakin naik hingga tidak boleh dikawal oleh sebab yang tersebut di atas.

Kerajaan BN gagal memantau pelaksanaan GST. Dengan itu saya menyokong memansuhkan GST dan ia digantikan dengan SST kerana banyak barang-barang keperluan tiada SST. Maka peniaga-peniaga tidak boleh ambil peluang untuk menaikkan harga jualan. Pada masa yang sama saya menyeru kepada Kerajaan PH untuk memastikan pengilang-pengilang yang dihutangkan oleh kerajaan, pembayaran balik GST dibayar balik sebelum mereka didaftarkan untuk dikenakan SST atau hutang itu boleh digunakan untuk *offset*, dengan izin, terhadap cukai SST yang akan kena bayar selepas pelaksanaan SST. Kalau tidak berbuat demikian saya takut pengilang-pengilang akan guna mekanisme sendiri untuk dapatkan balik GST yang dihutangkan oleh kerajaan melalui kenaikan harga barang.

Jadi, Kerajaan PH kena berhati-hati kerana peniaga-peniaga dan pengilang-pengilang, mereka bijaksana untuk mencari penyelesaian sendiri. Juga kalau boleh memberi rebat cukai pendapatan korporat atau individu kepada semua yang berdaftar di bawah GST oleh sebab mereka sudah membayar banyak dalam bentuk *hardware* dan *software*, dengan izin, bayaran seminar-seminar untuk belajar macam mana untuk melaksanakan GST, penambahan gaji dan fi akauntan untuk menyediakan mereka untuk melaksanakan GST dan mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta GST selepas pelaksanaan. Mereka sudah membayar banyak duit pada masa mereka melaksanakan GST ya. Jadi kalau kita Kerajaan PH melaksanakan SST, ini hanya wajar kalau kita bagi rebat kepada mereka yang sudah membayar banyak untuk melaksanakan GST.

Bagi syarikat-syarikat korporat yang besar, sistem perakaunan untuk melaksanakan GST ada yang melebihi RM1 juta dengan penambahan kerani-kerani untuk melaksanakan kos itu memang membebankan mereka dan jika kita laksanakan SST tanpa sedikit rebat kepada mereka, saya nampak ini maka tidak berapa munasabah. Ini harus diambil perhatian oleh Kerajaan PH.

Ini pun menjawab soalan Yang Berhormat Batang Sadong, maka pelaksanaan SST tidak melibatkan kos-kos seperti kos-kos yang diperlukan untuk melaksanakan GST. Sistem perakaunan GST masih boleh diguna untuk melaksanakan SST, tidak perlu menukar sistem untuk melaksanakan SST.

Saya difahamkan pada tahun 2014 ketika Kerajaan BN melaksanakan GST, sebanyak 3,000 kakitangan telah diambil oleh Kastam Diraja Malaysia untuk tujuan pelaksanaan GST. Ini kalau masih ada harus dibahagikan kepada jabatan pengurusan SST dan bakinya kepada pasukan penguat kuasa untuk memastikan pengilang-pengilang mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah SST dan pengilang kecil yang dikecualikan SST tidak mengambil peluang untuk *profiteering*, dengan izin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: ...Dengan menjual barang-barang mereka dengan harga yang sama dengan pengilang yang berdaftar untuk dikenakan GST.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tebrau masa telah tamat ya. Sila rumuskan.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Okey, bagi saya satu minit lagi.

Ini adalah jawapan kepada Yang Berhormat Batang Sadong, maka kos pelaksanaan SST tidak akan bertambah.

Okey saya akhirkkan perbincangan saya. Jadi saya menyokong pelaksanaan SST dengan tiga cadangan asas kepada Kerajaan PH untuk ambil pertimbangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Tebrau. Saya jemput kalau ikut senarai Yang Berhormat daripada Pendang.

6.48 ptg.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk membahaskan GST dan juga SST ini. Pemansuhan GST dan pelaksanaan SST.

Saya hendak menarik perhatian dalam perbahasan ini berkenaan dengan perundangan percukaian ataupun, dengan izin, *taxation law*. Sedikit saya petik prinsip perundangan percukaian yang akan dilaksanakan yang mana SOP telah digariskan oleh *American Institute of Certified Public Accountant* yang mana *guiding principles*nya di situ, dengan izin, ataupun prinsip-prinsip pelaksanaan cukai menyebut.

Pertamanya, mestilah keadilan dan kesaksamaan ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *equity and fairness*; kedua, kepastian dan kesahihan, *certainty*; ketiga, kemudahan kutipan; dan keempat, mudah difahami.

■1850

Jadi cukai ini perlu mudah difahami oleh rakyat. Macam mana pelaksanaan GST satu ketika dahulu kerajaan pada ketika itu mengambil masa tiga, hingga empat tahun dalam sesi penerangan kepada rakyat dibuat termasuk dalam jabatan-jabatan kerajaan yang dijalankan oleh Kastam pada ketika itu. Ketika ini SST, saya tidak nampak lagi satu *marketing strategy* yang dilaksanakan oleh kerajaan daripada peringkat atas sehingga ke bawah bagi rakyat memahami apa itu *Sales and Services Tax*. Sebab SST ini pernah dilaksanakan. Akan tetapi, kita masih ingat kita panggillah SST 1.0 pada ketika itu. SST 1.0, di masa peralihan di antara SST ke GST di sinilah *turning point* ataupun titik peralihan berlaku perbezaan harga barangan isi rumah yang menjadi bahan sehingga berlaku pertukaran kerajaan pada PRU Ke-14 yang lalu. Itu yang seterusnya berkenaan dengan perkembangan dan keberkesanan ekonomi dalam prinsip pelaksanaan *guiding taxation law* ini.

Seterusnya, yang terakhir kebolehpercayaan. Inilah benda yang penting. Maknanya, kepercayaan oleh rakyat kepada kerajaan yang melaksanakan apa-apa sistem cukai. Bila disebut cukai. Cukai apa pun, rakyat yang kena bayar. Sebutlah cukai apa pun. Itu dari segi prinsip.

Jadi, tujuan untuk mendapat perolehan negara. Itu tujuan cukai. Bagi perbelanjaan balik kepada rakyat. Itu tujuan cukai. Rakyat terpaksa membayar segala cukai prinsipnya kita tidak memberi bebanan kepada rakyat dalam perbelanjaan mereka membayar cukai. Lalah seperti mana yang disebut tadi, kita mana ada orang suka bayar cukai. Kecuali benda yang terpaksa di atas keimanan seperti mana zakat fitrah, zakat pendapatan. Itu adalah kebajikan. Bayar zakat, bayar zakat fitrah kita mendapat pahala.

Akan tetapi, dalam bab ini, tanggungjawab kepada negara kita juga perlu bertanggungjawab untuk membangunkan negara kita dalam pentadbiran.

Jadi, saya hendak menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ha, sudah masuk yang juga sahabat kita dahulu. Begitu juga, berkenaan dengan kenapa tidak ditetapkan kadar cukai SST sekarang ini. Sekarang ini, kebanyakan andaian tiga *percent*, empat *percent*, enam *percent* dan 10 *percent*.

Kenapa tidak diletakkan terus kadar cukai SST ini supaya ia senang kita membuat unjuran dan perbandingan. Enam *percent* sekarang ini dengan yang dikenakan melalui GST dengan SST yang akan menggunakan kadar cukai sama ada tiga *percent*, empat *percent*. Jadi, senang kita untuk membuat perbandingan dan di situlah kita boleh membezakan satu harga barangan sama ada lebih rendah ataupun lebih tinggi.

Akan tetapi setakat yang kita melihat analisa barangan, kalau setakat pelaksanaan SST tiga *percent* pun masih lagi tinggi kerana di situ di cukai SST ini di peringkat pengilangan termasuk *margin cost* yang dikenakan oleh pengeluar ini terusnya turun kepada pemborong, pengedar, dan akhirnya dibayar oleh *end users* ataupun *consumer* yang menggunakan barang-barang itu dibayar oleh pengguna.

Ini perkara-perkara yang harus kita beri penekanan dan penumpuan. Itu yang saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya tetapkan kalau boleh berapa peratus kadar SST yang kita dikenakan supaya mudah kita menerangkan kepada rakyat dan itu seterusnya, saya hendak menyebut juga kami daripada PAS menolak GST dan juga kami tidak setuju dengan pelaksanaan SST kerana apa? Kami tidak yakin kerajaan boleh mengawal kadar inflasi. Ini satu.

Sebab berdasarkan pengalaman kita pelaksanaan GST semakin meningkat dalam negara kerana kerajaan tidak dapat mengawal inflasi yang mana membebaskan rakyat bila berlaku inflasi. Itu yang pertama.

Kedua, kami juga tidak yakin bagaimana kerajaan yang ada dapat menampung ketirisan yang berlaku seperti mana tahun 2012 dilaporkan oleh Ketua Audit Negara ketirisan berlaku dalam perbelanjaan negara hampir RM30 bilion daripada keseluruhan perbelanjaan negara yang ini.

Seterusnya, kita juga sangsi kepada pelaksanaan ini adakah pelaksanaan ini akan membebaskan rakyat. Ini perkara-perkara yang kami sebut kenapa kami tidak yakin dengan pelaksanaan. Kalau boleh GST pun tidak ada. SST pun tidak ada. Kita tengok pengeluaran barang tanpa cukai ini dahulu dan kita cari kaedah lain.

Beberapa kaedah cukai lagi yang kita akan sama-sama berfikir seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Nerus tadi. Satu pelaksanaan ruang yang baru

bagi mendapat perolehan negara. Baharulah, rakyat merasa terbeban sebab bila berlaku pelaksanaan GST kepada SST 1.0 dahulu berlaku peningkatan harga yang *drastically*, dengan izin. Di mana kita tidak jangka sampai empat kali ganda dalam ucapan saya dahulu. Saya sebut bawang besar pun empat kali ganda empat ratus peratus meningkat.

Jadi, bila berlaku pula GST kepada SST dua poin kosong ini harga sudah tinggi. Mampukah kerajaan yang ada kembalikan paling tidak kurang 50 peratus daripada harga asal barangan isi rumah ini. Ini yang kita perlu beri penekanan sebab tujuan kita adalah untuk membela rakyat dan memberi keselesaan rakyat dan meringankan bebanan isi rumah rakyat. Ini tujuan rakyat membuat peralihan. Itu yang pertama.

Seterusnya, perkara-perkara yang menyebabkan berlaku kenaikan harga barang walaupun faktor GST dan sebagainya, kita juga melihat kepada kaitan yang berlaku kepada nilai kejatuhan nilai mata wang menyebabkan harga barang meningkat. Itu satu.

Kedua, faktor *demand* dan *supply* juga perlu harus diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di sini juga ada kaitan dengan permintaan dan juga penawaran yang dibuat oleh syarikat-syarikat dan juga rakyat yang memerlukan permintaan tersebut.

Seterusnya, kita tengok kita menyarankan kepada kerajaan yang ada supaya mengawal kadar inflasi yang mungkin akan berlaku agak besar bila perpindahan di antara GST kepada SST ini.

Ini perkara-perkara dan seterusnya, kita juga menyarankan kepada kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mesti ada mekanisme bagaimana hendak mengawal kebocoran dan ketirisan yang kita tahu berlaku saban tahun dalam negara kita. Ini perkara-perkara sama ada sistem yang salah ataupun orang yang tidak betul. Ini perlu dilihat kembali.

Saya hendak pergi kepada definisi cukai. Iaitu sistem percukaian yang diamalkan oleh kerajaan terbahagi kepada dua iaitu *direct tax* dan *indirect tax* ataupun cukai langsung dan cukai tidak langsung. Cukai GST kita kenakan enam *percent* dan *insya-Allah* akan dimansuhkan.

Seterusnya, cukai jualan yang akan dilaksanakan yang akan dicadangkan, dilaksanakan oleh kerajaan iaitu dilaksanakan pada 2018. Cukai jualan SST ini dia ada dua.

Sebenarnya kerajaan perlu menerang SST ini *Sales and Services Tax*, di situ ada dua cukai- '*sales*' and '*services*'. Dua cukai.

Sebelum ini, rakyat sudah dikenakan servis cukai perkhidmatan walaupun ada GST. Contohnya, kita pergi KFC, McDonald's dan sebagainya dia letak situ cukai perkhidmatan. Ini yang mengelirukan. Sebut SST satu *words* tetapi bila kita pecahkan secara terperinci- *sale* satu, cukai iaitu cukai jualan. *Service*, satu cukai iaitu cukai perkhidmatan yang sebelum ini dah dikenakan selama-lamanya sampai ke hari ini.

Jadi ini perbezaan yang harus diterangkan. Jadi, saya berkongsi pengalaman...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pendang rumuskan. Masa sudah tamat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey. Baik. Tak *dan* nak habis. Banyak lagi. Saya ada lagi 40 *pages* untuk di...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah cukuplah. Cukuplah. Tidak payah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak cukup dah ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Banyak lagi yang hendak berbahas.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi, memandangkan sebab saya belum lagi pergi kepada *detail*. Saya rumuskanlah. Okey, baik.

Kita hendak cadangkan di sini kami menuntut kadar cukai SST ini diturunkan atau memberi insentif kepada peniaga untuk menggalakkan penurunan harga barang dengan iaitu kadar yang ideal, *three percent to four percent*, dengan izin, ataupun insentif potongan cukai ke atas cukai berganda yang terpaksa ditanggung oleh peniaga. *Hat* ini yang manipulasi harga yang tidak sebut.

■1900

Bila laksana SST, mesti kita kawal peniaga ini supaya tidak berlaku *manipulate of pricing* oleh para peniaga ini, dengan izin, supaya mereka dapat mengurangkan harga barang dengan kita beri insentif. Kawal mereka. Seterusnya kita juga menuntut insentif potongan cukai pendapatan ke atas cukai berganda yang terpaksa ditanggung oleh peniaga, ataupun kredit diberikan peniaga yang terkesan atas cukai berganda.

Seterusnya usul kami menuntut pelaksanaan *reform* dibuat menyeluruh menuntut kerajaan negeri diberi peluang memberikan pandangan dan cadangan ke atas perkara yang kita bincangkan hari ini.

Jadi, saya rumuskan di situ, kami daripada PAS dengan ini menolak cadangan yang dibuat Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memansuhkan pelaksanaan GST, dan juga kami tidak menerima pelaksanaan SST dan kita menyokong

pemansuhan GST dan menolak pelaksanaan SST... [*Dewan Ketawa*] Ini pegangan kami. Jadi tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kami tidak mahu cukai. Kami tidak mahu cukai kepada rakyat. Kami membela rakyat. Ini adalah lebih baik. *Wallahua'lam*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan ucapan saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pendang sokong orang Pendang, Yang Berhormat Pendang sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya menjemput Yang Berhormat daripada Beluran.

7.01 mlm.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak perkara yang dijanjikan oleh Pakatan Rakyat dalam manifesto. Terlalu banyak. Royalti minyak, hapuskan tol, PTPTN, hapus hutang FELDA, caruman KWSP, gaji minimum RM1,500 dan banyak lagi.

Akan tetapi antara perkara-perkara yang dijanjikan ini, penghapusan GST adalah merupakan *the mother of all promises* yang dibuat oleh Pakatan Harapan yang sama ada boleh ataupun tidak, mesti ditunaikan, mesti mahu dibuat. Inilah yang berlaku pada hari ini, usul dikemukakan ini. Walaupun GST dikatakan oleh Menteri Kewangan satu sistem yang efisien, terbaik tetapi disebabkan oleh janji dalam manifesto, ianya perlu dimansuhkan dan SST perlu *diintroduce* semula.

Saya faham kerana mereka takut apa yang berlaku dengan kerajaan parti di Kanada pada tahun 1996 yang menjanjikan dalam pilihan raya atas premis untuk menghapuskan GST, tetapi tidak menghapuskan GST dan kerajaan Perdana Menteri John Christine itu kalah dalam pilihan raya berikutnya.

Akan tetapi, ada juga pengajaran daripada apa yang berlaku di Kanada yang boleh diikuti oleh Pakatan Harapan. Walaupun janji atas premis menghapuskan GST tetapi apa yang dibuat oleh Parti Konservatif di bawah kepimpinan Stephen Harper yang menjanjikan kadar GST itu dikurangkan? Kadar GST dikurangkan daripada enam peratus yang sebelum itu dilaksanakan oleh parti memerintah sebelum itu kepada lima

peratus. Itu dilakukan oleh kerajaan di bawah kepimpinan Stephen Harper ini yang mengiktiraf bahawa GST itu adalah merupakan sistem pencukaian yang terbaik yang dilaksanakan. Kita melihat sehingga hari ini Kanada masih lagi mengenakan GST pada kadar lima peratus.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pemikiran negara maju.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Seperti yang dikatakan Yang Berhormat Pontian, ini merupakan pemikiran negara maju. Walaupun mereka menang atas premis anti GST tetapi mereka mengadakan satu dasar untuk mengurangkan kadar GST.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang sepatutnya dilakukan oleh kerajaan sekarang ini. Ini kerana kita melihat pada pilihan raya yang lalu, GST dikaitkan dengan kos sara hidup yang meningkat, yang tinggi, yang menarik begitu ramai perhatian anak-anak muda pengundi-pengundi pertama kali yang mengundi dengan mereka atas premis janji yang sedemikian. Akan tetapi hari ini kita dimaklumkan oleh Menteri KPDNKK, GST bukan satu-satunya faktor dalam menentukan kos sara hidup.

Oleh sebab itu, saya katakan bahawa kerajaan sekarang ini boleh belajar daripada kerajaan Stephen Harper tahun 2006 ini yang menurunkan kadar GST tetapi tidak menghapuskan GST sama sekali.

Tiada negara yang membuat sedemikian yang selepas GST diperkenalkan, ditarik semula dan ditukar. Tiada negara yang buat. Tiada negara yang buat sedemikian rupa. Hanya Kerajaan Pakatan Harapan ini sahaja yang sekarang ini kerana takut dengan *mother of all promises* mereka, takut bahawa pilihan raya akan datang mereka akan kehilangan Kerusi seperti banyak parti yang menjanjikan premis GST tetapi tidak dilaksanakan...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh mencelah, boleh mencelah?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: ...Yang menyebabkan mereka ini tergesa-gesa walaupun begitu banyak perkara mereka janjikan dalam pilihan raya melalui manifesto mereka tetapi yang ini mereka laksanakan walaupun atas premis yang bukan berpandukan kepada alasan-alasan ekonomi dan juga percukaian-percukaian yang lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin katakan bahawa pelaksanaan GST telah berjaya mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil jualan minyak dan gas sebanyak 15 peratus.

Pada tahun 2017, GST menyumbang 21.3 peratus daripada hasil kerajaan berbanding dengan 13.1 peratus daripada pendapatan berkaitan minyak dan gas di mana sebelum pengenalan GST, SST hanya akan mampu menyediakan hasil secara kasarnya 7.5 peratus. Pada tahun 2009, defisit fiskal negara daripada keluaran dalam negara kasar sebanyak 6.4 peratus.

Namun, selepas pengenalan GST pada tahun 2015, ia mencatat penurunan sehingga 3.2 peratus. Pada tahun 2017, defisit fiskal mencatat sebanyak tiga peratus iaitu RM39.9 bilion. Situasi ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional yang berjaya memperkenalkan GST telah membawa negara ke arah lebih baik.

Semasa GST dilaksanakan, cukai pendapatan individu berjaya dikurangkan. Saya katakan tadi antara satu peratus hingga tiga peratus. Manakala cukai pendapatan korporat pula pengurangan daripada 25 peratus kepada 24 peratus. Cukai perusahaan kecil dan sederhana dikurangkan daripada 20 peratus kepada 19 peratus. Oleh sebab itu, kita mampu memberi BR1M. Pemberian BR1M isi rumah juga semakin meningkat, yang dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini. Dalam situasi ini menunjukkan bahawa kebergantungan kerajaan sebelum ini terhadap cukai pendapatan individu, cukai pendapatan korporat, cukai perusahaan kecil dan sederhana berjaya dikurangkan disebabkan oleh pengenalan kepada GST.

Berdasarkan kepada Laporan Audit Negara Tahun 2017, penyumbang utama kepada peningkatan hasil cukai adalah GST *import*, cukai pendapatan petroleum dan individu iaitu sebanyak RM177.6 bilion dan dengan peningkatan sebanyak lebih kurang 49 peratus berbanding dengan tahun 2016.

Cukai GST yang kini telah menyumbang hasil yang tinggi kepada negara. Pada tahun 2017, kita berjaya mengutip sebanyak RM48 bilion. Namun, apabila SST dilaksanakan nanti, jumlah disasarkan hanya RM21 bilion. Saya risau tentang pengurangan kepada *revenue* negara.

Selaku Ahli Parlimen daripada luar bandar yang bergantung pada peruntukan negara untuk pembinaan pembangunan asas di kawasan luar bandar, saya risau apa yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk menampung kekurangan ini untuk meningkatkan peruntukan dan dana untuk pembangunan-pembangunan kecil di luar bandar. Adakah ia akan memberi kesan yang drastik kepada kawasan-kawasan luar bandar seperti Beluran ini yang bergantung pada *revenue* kerajaan dan apa yang dilaksanakan kerajaan. Saya risau jika tiada alternatif, banyak lagi bentuk-bentuk cukai

yang lain, bentuk cukai yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk menampung kekurangan dalam *revenue* kerajaan ini.

■1910

Dalam kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Kastam, lebih 70 ribu hingga 80 ribu syarikat bakal didaftarkan di negara ini di bawah cukai SST, berbanding dengan 42 ribu di bawah GST. Ada kelebihan 300 ribu syarikat lain akan terlepas daripada membayar cukai SST ini. Saya mohon penjelasan kerajaan dalam hal ini kerana kenapa begitu banyak syarikat yang selama ini memberi hasil kepada negara tidak terlibat dalam sistem ini? Adakah ini akan mengundang kepada satu rangkaian ketirisan yang akan berlaku kerana adanya pengurangan-pengurangan yang berlaku ini?

Begitu juga kalau kita melihat kenyataan daripada Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia yang menyatakan bahawa pelaksanaan semula SST secara tidak langsung akan mengembalikan semula trend lama pelarian cukai dan akan meningkatkan aktiviti pasaran gelap. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini. Ini sebab saya melihat dari sudut pasaran gelap ini dengan adanya GST, mereka lebih cenderung memilih untuk mendapatkan produk daripada syarikat yang berdaftar dengan GST.

Akan tetapi dengan pelaksanaan SST, ini tidak akan lagi *compulsory* dibuat kerana mereka akan lari dari cukai dan pasaran gelap, dan ketirisan akan berlaku seperti yang diterangkan oleh sahabat daripada Pontian...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat rumuskan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk berkata bahawa kerajaan harus mengkaji semula niat untuk menghapuskan GST ini. Saya duduk di atas sana 10 tahun dan mendengar perdebatan ini pada tahun lalu. Ramai dari kalangan mereka yang duduk di sebelah sana yang *even* mencadangkan GST dimulakan pada satu kadar yang rendah.

Saya masih ingat Yang Berhormat Lembah Pantai mencadangkan angka tiga peratus untuk memulakan GST pada ketika itu, macam Singapura. Dia masih ingat walaupun dia sekarang tukar kawasan Permatang Pauh tetapi saya masih ingat, *still fresh* dalam ingatan saya, dia sendiri mencadangkan agar GST pada ketika itu dimulakan tiga peratus dan bukannya enam.

Saya pohon agar pendirian Yang Berhormat itu kekal dan menyokong kita di sebelah sini untuk memulakan menurunkan GST daripada enam kepada tiga, bukannya

menghapuskan GST dan meng*introduce* semula SST seperti yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Keningau.

7.12 mlm.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengadili sama ada SST lebih baik daripada GST. Ini sebab rakyat menolak GST, tetap juga menolak SST. Ini kerana setiap kali kerajaan memperkenalkan cukai, ia tetap akan membebankan rakyat. Kalau dulu GST mereka gelar sebagai 'gasak sampai tulang', sekarang SST menjadi, 'sakit sampai tulang', sama sahaja... [*Dewan ketawa*].

Akan tetapi, di sini saya ingin berhujah sedikit sebanyak dalam sudut yang lain iaitu SST ini, apa impak SST ini terhadap hak kewangan dan kuasa memungut atau mengutip cukai SST di peringkat negeri Sabah dan Sarawak. Ini kerana selama ini setiap kali ada cukai diperkenalkan seperti GST, Sabah dan Sarawak tetap kehilangan hak untuk memungut cukai yang serupa.

Dalam hal ini mengikut Artikel 95B(3) dalam Perlembagaan Malaysia, Sabah dan Sarawak diberi kuasa untuk menggubal undang-undang memungut atau mengutip Cukai Jualan atau SST. Akan tetapi Kerajaan Sabah tetap dalam delima sebab kalau kita perkenalkan undang-undang untuk mengutip SST di Sabah dan Kerajaan Pusat juga memperkenalkan cukai SST, ini bererti rakyat Sabah akan dicukai dua kali, *double jeopardy*.

Oleh sebab itu, kami di Sabah dan saya percaya di Sarawak juga ingin tahu sama ada cukai yang diperkenalkan ini di seluruh negara akan dibahagikan kepada Sabah dan Sarawak di mana cukai yang dikutip ini bersumber daripada Sabah dan Sarawak. Ini bererti *whatever you collect, dengan izin, in Sabah and Sarawak will be return to Sabah and Sarawak*. Ini sebab ini akan memberikan ruang kepada Sabah dan Sarawak supaya tidak mengenakan cukai SST juga di peringkat negeri.

Alternatif yang lain ialah bahagikan 50/50 di antara apa sahaja cukai yang dikutip daripada Sabah dan Sarawak, *50 percent will be return to Sabah and Sarawak* memandangkan ini juga menjadi janji dalam manifesto dalam Pakatan Harapan. Jadi, saya ingin minta penjelasan sama ada ini akan berlaku atau tidak iaitu 50 peratus

daripada kutipan SST ini akan dipulangkan kepada Sabah dan Sarawak seperti mana yang dijanjikan dalam manifesto.

Kalau sejarah boleh kita lihat selama 55 tahun kita bersama-sama dalam Malaysia ini, saya kurang optimis kerana hak kewangan Sabah di bawah Artikel 112C, 112D dan juga Jadual Kesepuluh dalam Perlembagaan Malaysia selama ini, hak kewangan *net revenue* 40 peratus tidak pun dikembalikan, tidak pun dibayar selama 44 tahun.

Jadi sebab itu saya kurang pasti, saya kurang yakin sama ada janji untuk mengembalikan 50 peratus kutipan cukai ini akan ditunaikan kepada Sabah dan Sarawak memandangkan sejarah 55 tahun ini di mana selepas 10 tahun dalam tahun 1969, ada kajian pertama dan dibayar sedikit sebanyak hak *net revenue* ini kepada Sabah sehingga tahun 1973. Daripada tahun 1974 sehinggalah pada hari ini iaitu selama 44 tahun, hak kewangan yang termaktub di dalam Perlembagaan tidak dibayar. Ini membimbangkan kami di Sabah dan Sarawak terutama sekali di Sabah di mana Sabah bergelar sebagai negeri yang termiskin di Malaysia.

Oleh sebab itu saya cadangkan supaya di dalam SST ini, di dalam rang undang-undang SST ini diberi ruang atau hubung kait di dalam undang-undang ini kepada provisi artikel 95B(3) yang mana dalam Perlembagaan memberi kuasa kepada Sabah dan Sarawak memungut SST juga. Ini cadangan saya.

Akan tetapi di dalam hal pemansuhan GST dan pengenalan undang-undang baru untuk memungut SST seperti mana yang saya katakan awal tadi, GST memang sakit dan SST lebih sakit lagi kerana diperkenalkan cukai yang merupakan angka yang lebih besar iaitu 10 peratus dan *service tax* enam peratus.

■1920

Rakyat di luar sana tidak akan melihat dan tidak akan memahami sedalam-dalamnya mekanisme untuk memungut cukai. Mereka tidak peduli, yang mereka pedulikan ialah bebanan kepada mereka.

Kalau enam peratus itu sakit, apa lagi 10 peratus campur enam peratus, lebih sakit. Oleh sebab itu, saya lebih- walaupun rakyat pengundi sana tidak menyokong GST tetapi daripada hujah-hujah yang saya dengar, daripada analisis-analisis yang saya melihat sendiri, cukai GST lebih efisien, lebih menyeluruh. Walau sakit pun, kasi kuranglah itu sakit daripada enam peratus daripada tiga peratus. Mungkin ini lebih baik daripada 10 peratus dan enam peratus.

Maka dengan itu, saya menolak Rang Undang-undang SST ini dan saya juga menolak GST ini dikekalkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Keningau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

7.21 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Lembah Pantai mengucapkan terima kasih kerana dibenarkan dan diberikan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018.

Pertama sekali saya ingin menyentuh satu perkara atau satu ayat yang disebut oleh Yang Berhormat Jeli petang tadi dalam perbahasan beliau di mana, dengan izin, beliau berkata, *“There will never be a right moment”* terutama dalam mengimplementasikan atau melaksanakan cukai. Akan tetapi saya juga ingin menyambung ataupun membina kepada kenyataan Yang Berhormat Jeli ini yang mana *eventhough there will never be a right moment, there is always the wrong time.* Saya bagi contoh, kalau kita lihat pelaksanaan GST di Singapura, pada 1 April 1994, kadarnya ditetapkan pada tiga peratus. Kemudian hanya hampir 10 tahun kemudian ditingkatkan ke empat peratus pada tahun 2003 dan lima peratus pada tahun 2004.

Ini bermaksud Kerajaan Singapura pada waktu itu memahami bahawa ia perlu satu *step in ataupun step up* punya proses untuk memastikan warga di Singapura memahami dan dalam bahasa Inggerisnya *acclimatize themselves to this new tax regime.* Malangnya kalau kita lihat di Malaysia, pada 1 April 2015, GST diperkenalkan *straight* ke enam peratus. Ini adalah bagi saya dengan izin, *the first of many missteps.* Kalau, dengan izin, disebut *the path to hell is paved with good intentions, the path to opposition for Barisan Nasional is paved by the GST.*

Ini kerana kita lihat pada 1 Jun 2018, GST telah dikadarsifarkan. Ini bermaksud dengan jelas, dengan pemberian mandat yang begitu besar kepada Pakatan Harapan, rakyat Malaysia secara keseluruhannya menolak GST itu sendiri.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Celahan sedikit Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Dipersilakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya suka mendengar bila Yang Berhormat sebut tentang isu kredibiliti ataupun pernyataan janji. Saya rujuk kepada beberapa kenyataan tadi cuba dijelaskan oleh Yang Berhormat Pontian tentang bagaimana salah faham- mungkin kekeliruan daripada kenyataan yang telah beliau keluarkan.

Akan tetapi satu pengajaran yang perlu juga digarap oleh kerajaan terkini termasuk menteri-menteri adalah kredibiliti kita. Bukan soal janji semata-mata, akan tetapi bila kita nyatakan sebentar tadi disebut tentang Indeks Harga Pengguna, ada 12 barangan utama yang diambil kira dan dalam masa setahun selepas GST diperkenalkan, lapan daripada 12 barangan asas pada Ogos 2015, semuanya naik. Mungkin *one-off*. Akan tetapi itu tidak berlaku.

Berbalik kepada janji Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Pertama GST dikenakan pada empat peratus, pengumuman awal. Kemudian pada masa dia *rolled out*, enam peratus. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat, berbalik kepada isu kredibiliti. Kita berhadapan dengan perbincangan, kita berhadapan dengan janji menjelang September ini, barangan tidak naik. *These are lessons*, dengan izin, yang kita harus pelajari supaya tidak terpalit dengan masalah kredibiliti. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk masukkan ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh dalam ucapan saya. Isu yang dibangkitkan tadi- kalau saya tidak silap sebelum ini Yang Berhormat Permatang Pauh sewaktu beliau di Lembah Pantai pernah mungkin menyokong pada waktu itu penggunaan GST pada kadar 3 peratus. Saya rasa persoalannya bukan...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Pencelahan sedikit Yang Berhormat, hendak betulkan, sedikit sahaja.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya sila, sila. Silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: *[Ketawa]* Ketika itu kita berhadapan dengan keadaan, kerajaan memutuskan pengenalan GST. Pada saya penting untuk kita melaksanakan segala dasar secara terbuka. Tiga peratus itu adalah rayuan terakhir memandangkan Kerajaan Barisan Nasional tidak mahu mendengar segala kritikan dan cadangan balas daripada pembangkang- pihak kita ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Macam hari ini lah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh.

Saya amat setuju dan sebenarnya kalau kita lihat kebanyakan daripada rakyat Malaysia, kalau kita lihat satu laporan daripada Nielson Malaysia pada 11 Jun 2018, dengan izin, dia punya Pengarah Pengurusan Nielsen Malaysia, Rafael Pereda telah berkata, *“While Malaysians were initially tentative towards the introduction of GST three years ago, when the tax were first announced, having experience the effect of the GST over the past three years, they appeared to welcome the move to effectively eliminate the tax. Perhaps due to the gradual increase in the cost of goods, and services tax that has occurred since it’s implementation as reflected in the CPI- Consumer Price Index”*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Lembah Pantai, minta izin sikit. Tadi saya cuba respons dekat Yang Berhormat Larut, bila Yang Berhormat Larut cerita tentang GST semasa berbahas, saya juga menyebut perkara-perkara positif tentang GST.

Cuma yang jarang disebutkan ialah dasar percukaian, tujuan utama adalah untuk dana hasil bagi menampung perbelanjaan kerajaan. Perkara yang tidak disebut oleh pihak di sebelah sana ialah semasa mereka dalam kerajaan, perbelanjaan kerajaan cukup tinggi, malah kutipan GST itu kebanyakannya boleh kata hampir senilai dengan defisit yang dibuat setiap tahun. Minta ulasan sedikit.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan pandangan itu, malah persepsi umum rata-rata kalau kita lihat apa yang berlaku sejak pelaksanaan GST pada 1 April 2015 hinggalah ke 1 Jun 2018. Rata-rata rakyat melihat kerenah dan perangai pentadbiran yang terdahulu yang terpalit dengan pelbagai masalah skandal seperti termasuklah 1MDB yang sahabat saya Yang Berhormat Jelutong acap kali bertanya, adakah isteri kepada Yang Berhormat Pekan membayar cukai GST terhadap beberapa barangan kemas...

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lain modal tidak ada kah? Lain modal, lain modal.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: ...Akan tetapi malangnya Yang Berhormat Rembau tidak dapat membalas. Mungkin beliau berasa sedikit segan untuk menjawab. Akan tetapi apa pun yang saya hendak sampaikan di sini dan saya harap apa yang telah berlaku kepada pentadbiran Barisan Nasional menjadi iktibar kepada kita, kepada pentadbiran Pakatan Harapan kerana rakyat sekarang memahami bahawa kuasa di tangan kita. Kuasa di tangan rakyat.

Kalau rakyat boleh mengangkat sesebuah kerajaan, rakyat boleh menurunkan sesebuah kerajaan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini *political speech* pula sudah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ini kerana GST itu rakyat tolak. Mungkin itu Yang Berhormat Pasir Salak salah faham...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Next round you will never know what's going to happen ya.*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Akan tetapi yang saya harap... [*Ketawa*] Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh seperkara tentang salah satu daripada masalah paling besar dengan GST yang ada disebut oleh beberapa Yang Berhormat yang lain di mana kita lihat- kalau kita lihat masalah janji untuk, dengan izin, *tax refund* dalam masa dua minggu kepada GST ini tidak tercapai yang mana ramai yang menunggu berbulan-bulan, jika tidak bertahun-tahun.

■1930

Saya rasa ini adalah satu indikator bahawa kegagalan pentadbiran Barisan Nasional pada waktu itu bermula dengan kegagalan mengimplementasikan atau melaksanakan GST dengan baik.

Seorang Ahli: Betul.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Maka saya berharap dengan pengenalan semula Cukai SST atau Cukai Jualan 2018 khusus rang undang-undang yang kita bahaskan ini, Kerajaan Pakatan Harapan akan mengambil iktibar dan menganggap apa yang berlaku kepada pentadbiran terdahulu sebagai satu teladan. Kita perlu memastikan maklumat terperinci disampaikan kepada pengguna, kepada rakyat sekiranya harga barang turun ataupun naik.

Saya harap pihak kementerian akan memastikan peruntukan yang cukup untuk menjamin penyampaian maklumat yang tepat kepada rakyat Malaysia untuk memastikan tidak ada salah faham walaupun saya percaya ramai yang telah mengetahui cukai jualan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin menggulung. Saya berharap bahawa dengan pelaksanaan Cukai Jualan 2018 ini, banyak daripada program-program membantu rakyat akan kita tingkatkan. Kita kurangkan masalah-masalah dan kita

pastikan kita tidak terbelenggu dengan skandal seperti pentadbiran yang terdahulu seperti 1MDB. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Boleh bagi peluang saya lima minit sahaja? Saya tidak pernah cakap lagi sesi ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin menamatkan...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Bagi lima minit sahaja, lima minit sahaja saya hendak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Perbahasan dan telah 20 Ahli Yang Berhormat. Saya meminta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

7.32 mlm.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 18 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Dasar, Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 iaitu rang undang-undang yang pertama dibentangkan oleh kerajaan baharu, Kerajaan Persekutuan baharu, Pakatan Harapan. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan daripada Pakatan Harapan yang menyatakan sokongan ke atas rang undang-undang ini, yang perlu supaya negara Malaysia tidak jadi bankrap.

Sekiranya tidak ada satu sistem percukaian seperti yang dinyatakan oleh beberapa Ahli Parlimen daripada sebelah sana. Kalau cukai tidak ada, macam mana kita akan jadi kerajaan untuk jalankan projek pembangunan, bayar gaji dan sebagainya? Mesti ada satu sistem percukaian didirikan dan mana-mana parti politik yang nyatakan itu tidak mahu, sistem ini pun tidak mahu, saya rasa itu bukanlah satu sikap yang bertanggungjawab kerana akhirnya kerajaan akan jadi bankrap.

Kita semua tahu bahawa yang penting ialah untuk mengelakkan atau menghindarkan negara atau kerajaan daripada jadi bankrap. Itulah sebabnya kita kena seimbangkan satu sistem percukaian yang memastikan bahawa kedudukan kewangan masih stabil. Pada masa yang sama, kita pun mahu ringankan beban kepada rakyat supaya ia tidak terlalu berat sampai mereka tidak boleh menanggung atau tidak boleh hidup seperti mana yang mereka biasa sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada beberapa komen yang diberikan oleh Yang Berhormat daripada Damansara, Yang Berhormat Jelutong dan juga daripada Yang Berhormat Lembah Pantai yang telah menyatakan perlunya sistem percukaian yang kita tahu sebagai satu sistem cukai penggunaan yang dilaksanakan sebelum ini oleh Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya merupakan satu beban kepada rakyat Malaysia biasa. Secara khususnya golongan B40. Sekiranya ada Ahli Parlimen yang masih menyatakan bahawa SST kalau dibandingkan dengan GST, SST adalah pro perniagaan sedangkan GST adalah pro apa?...

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: Pro rakyat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Itu yang saya tidak faham. Macam mana apa yang disebutkan sebagai satu cukai penggunaan oleh semua ahli ekonomi di dunia boleh dianggap sebagai pro perniagaan. Ini bercanggah dengan...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Mencelah, mencelah sikit.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habis dahulu. Ini bercanggah dengan teori asas ekonomi yang dipelajari di seluruh dunia kecuali melainkan mungkin Ahli Barisan Nasional mereka ada teori ekonomi tersendiri yang kita belum baca lagi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Sila bekas Menteri.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya dahulu Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Bekas Menteri.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sebab saya *refer* kepada saya tadi...

Tuan Lim Guan Eng: Ini kuasa saya untuk bagi laluan kepada siapa. Sila bekas Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, dari segi kajian untuk masyarakat yang miskin 70 peratus daripada hasil pendapatan mereka dibelanjakan untuk makanan dan selebihnya untuk kesihatan, pendidikan, keagamaan dan sebagainya. Jadi bagi golongan ini untuk mengurangkan bebanan mereka di dalam pemilihan makanan dan sebagainya, GST, sewaktu GST diperkenalkan untuk makanan, kesihatan, ubat-ubatan dan sebagainya *zero-rated*. Jadi macam mana Yang Berhormat kata dari segi golongan miskin ini tertekan akibat daripada GST ini?

Tuan Lim Guan Eng: Saya kesal Yang Berhormat Bera masih tidak mahu terima hakikat bahawa sememangnya GST merupakan satu beban kepada rakyat biasa. Kalau tidak Yang Berhormat Bera akan duduk sini, bukan sana... [*Dewan riuh*] Saya hendak tunjuk, saya hendak berikan...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya belum habis lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Not an answer.*

Tuan Lim Guan Eng: Saya belum habis, biarkan. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada celahan seperti ini, saya rasa itu tidak akan menyumbang ke atas perbahasan yang berbudi pekerti. Kita hendak bahas mengikut fakta dan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dulu lagi teruk, dulu bila duduk sini. Lagi teruk.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan berdasarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, ini *floor* jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Sistem meracau, meroyan di sini. Itu tidak sihat. Biarlah kita berbahas secara profesional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Profesional.

Tuan Lim Guan Eng: Barulah kita boleh meningkatkan tahap demokrasi di Dewan yang mulia ini. So, saya hendak tunjukkan, sebelum saya bagi kepada Yang Berhormat Rompin, biar jawab Yang Berhormat Bera dulu. Kita lihat macam mana rakyat susah di bawah GST. Barang dan perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada cukai GST, ini yang saya sebut *exemption*, adalah sebanyak 545 item di bawah GST. Sebanyak 545 item yang dikecualikan di bawah SST adalah 5,443 item iaitu 10 kali ganda lebih besar daripada GST, pengecualian yang diberikan. So, macam mana kita boleh sebut bahawa GST tidak membebankan rakyat. Sila Yang Berhormat Rompin.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Apabila saya mendengar hujah daripada Yang Berhormat Damansara dan rakan saya daripada Subang, ini menguatkan hujah saya bahawa apabila Yang Berhormat Damansara mengatakan Amerika, Hong Kong, *Singapore*, ini adalah negara-negara *purely capitalism country*. Apabila saya kata pro rakyat, kalau kita makan di Hilton, *six percent* berdasarkan makanan di Hilton.

Kalau kita makan di kedai mamak, *six percent* adalah di kedai mamak. Kalau kita beli baju di butik harganya RM1,000, *six percent* asasnya adalah di butik. Kalau kita beli baju di kedai *Mydin* GST nya adalah *six percent* berdasarkan harga di kedai *Mydin*. So, kita ambil orang kaya punya *tax, tax* jangan lupa, bukan sahaja kutip tetapi bagaimana kita *distribute tax* itu. Apabila pendapatan kerajaan menguncup, pembangunan akan kurang, peralihan kuasa berlaku dengan aman.

■1940

Sepatutnya rakyat tidak dihukum dengan memotong semua peruntukan. Sepatutnya kita berterima kasih kepada rakyat kerana rakyat menyerahkan kuasa kepada Pakatan Harapan dengan baik sekali. Kenapa kita potong semua peruntukan yang RM10 juta ke bawah umpamanya? Kalau hendak atas-atas itu, saya tidak ada halangan untuk kaji semula. Akan tetapi peruntukan yang RM10 juta ke bawah, baharu ini PIBG sekolah Cina di Rompin kata, macam mana peruntukan saya RM50,000 untuk baiki kantin tidak dapat dilaksanakan. Ditangguhkan kerana— saya faham kerajaan memang tiada duit sekarang ini. Itu hakikat sebenarnya, kerajaan tidak ada duit. Apakah *solution-nya*? *Solution-nya, you* menguncupkan pembangunan, *you* menguncupkan— adakah pembangunan hari ini RM30 bilion, kalau lima tahun lagi akan berlaku RM60 bilion. Ini kita harus lihat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak faham, apakah kaitan apa Yang Berhormat sebut tadi berkaitan dengan Rang Undang-undang Cukai Jualan?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Beri saya habis dulu. Seperti saya sebut tadi, lihatlah ini dari segi statistik, angka dan fakta. 545 item dikecualikan daripada cukai GST berbanding dengan 5,443 item di bawah SST, 10 kali ganda lagi besar. Itu yang saya sebut tadi iaitu pro-rakyat, bukan pro-peniagaan seperti di dakwa oleh...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti kejap. Nanti kejap. Apa yang di dakwa oleh Yang Berhormat Rompin. Saya juga ingin menyatakan di sini, bila kita laksanakan janji di bawah Manifesto Pakatan Harapan, kita pula dikritik bukan-bukan. Akan tetapi bila kita kononnya tidak dapat melaksanakan janji Manifesto Pakatan Harapan kerana kekangan kewangan, kita pula dikritik. Seakan-akan bila kita laksanakan janji tidak boleh, tidak laksanakan janji, kononnya tidak laksanakan janji pun tidak boleh. Buat pun salah, tidak buat pun salah. Itu yang saya rasa tidaklah munasabah. So, oleh sebab itu saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak Kerajaan Pakatan Harapan bertekad untuk laksanakan janji iaitu memansuhkan GST dengan digantikan dengan SST seperti mana diterbitkan, dinyatakan dalam Manifesto Pakatan Harapan. So, di sinilah bila disebut bahawa...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti kejap. Nanti kejap. Bila disebut bahawa Yang Berhormat Pematang Pauh, pada masa itu Yang Berhormat Lembah Pantai, pernah menyatakan bahawa GST harus dikurangkan kepada tiga peratus tetapi ini diambil keluar konteks ucapan beliau. Saya ada di situ juga dan kita pun sokong sama dia kerana kita cakap ini GST harus tidak dilaksanakan. Akan tetapi sekiranya kerajaan dahulu ini berdegil, berkeras kepala hendak laksanakannya, sekurang-kurangnya kurangkanlah, janganlah sampai enam peratus kerana kita simpati dan tahu macam mana rakyat susah. Akan tetapi di sini yang kita cadangkan, syorkan ialah satu sistem percukaian yang sungguh pun kurang telus dan efisien berbanding dengan GST tetapi jauh lebih ringan pengutipan cukainya berbanding dengan GST.

Seperti yang saya sebut, pengecualian GST hanya 545 item berbanding dengan SST yang mengecualikan 5,434 item. Itulah kedudukannya, di mana Kerajaan Pakatan Harapan dan pemimpinnya konsisten. Kita konsisten supaya yang paling penting sekali ialah kesejahteraan rakyat. Kalau kita rugi dari segi kutipan hasil, ya memang kita kutip kurang RM23 bilion tahun depan. Tahun ini kurang RM17 bilion. Kena faham perbezaan, RM17 bilion ialah tahun ini, tahun depan RM23 bilion. Jangan cuba putar belitkan apa yang saya sebut. Akan tetapi kita rela untuk kurangkan pengurangan kutipan cukai supaya kita dapat jaminan kesejahteraan rakyat. Oleh kerana kita tahu macam mana orang susah hidup. Mungkin mereka yang ada cincin lah, berlian lah, ada *handbag Hermes* lah, dapat belayar atas *super yacht* lah, yang mereka ini mungkin tidak faham. *[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Berikan Yang Berhormat Menteri peluang untuk menggulung.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Menteri ..

Tuan Lim Guan Eng: Bila kita hendak sebut tentang sistem percukaian untuk menggantikan GST, kita balik kepada sistem sebelum GST dilaksanakan yang mana jarang kita dengar rintihan ataupun aduan daripada rakyat. Apa salahnya? Ya lah, bagilah.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, Yang Berhormat Menteri. Tahniah kerana ada 5,443 senarai yang tidak dikenakan SST. Akan tetapi isunya, bukan jumlah yang tidak dikenakan SST tetapi yang lebih penting adalah apa produk yang tidak kena SST? Bagi orang kampung, bahan makanan dan sebagainya tidak kena GST, *good for them*. Akan tetapi kalau helikopter tidak kena SST, kapal tidak kena SST, apa untungnya kepada masyarakat luar bandar dan orang miskin? Jadi, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri senaraikan apa dia produk-produk yang tidak dikenakan SST supaya kita boleh jelas yang menguntungkan orang miskin B40 ataupun tidak, itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat Menteri. SST, Yang Berhormat Menteri kata yang terbaik. Kita tahu, sudah 170 negara di dunia ini telah mengamalkan GST. Jadi, saya hendak tahu berapa jumlah negara di dunia ini yang sudah mengamalkan GST, *reverse* kepada SST? Apa negara dia? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak ada fakta ini tetapi yang penting ialah kesejahteraan rakyat. Oleh kerana kesejahteraan rakyat, tidak pernah ada satu negara yang memilih seorang berumur 93 tahun menjadi Perdana Menteri mereka. [*Tepuk*] Tidak pernah. Akan tetapi di Malaysia ini pernah berlaku kerana rakyat hendak pastikan sebuah kerajaan berjiwa rakyat yang menjamin kesejahteraan rakyat. Itulah perbezaan.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: [*Bangun*]

Tuan Lim Guan Eng: Tadi saya hendak jawab— Nanti. Nanti. Duduk.

Seorang Ahli: Tidak ada kelas!

Tuan Lim Guan Eng: Duduk.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak diberikan laluan, sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: *Standing order*. Kita jawab, kita tidak akan mengeluarkan ayat-ayat kesat. Ikutlah *standing order*. Saya hendak jawab kepada Yang Berhormat Bera

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Setiu.

Tuan Lim Guan Eng: Tentang helikopter dan sebagainya. Siapa cakap helikopter tidak dikenakan SST?

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Satu minit Yang Berhormat Menteri, Setiu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Contoh lah. Itu contoh. Maknanya, kalau...

Tuan Lim Guan Eng: *No!* Siapa cakap helikopter atau *big ticket item* tidak dikenakan SST?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Keluarkan senarai itu.

Tuan Lim Guan Eng: Ia dikenakan SST. Mengapa cakap tidak dikenakan SST?

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Contoh.

Tuan Lim Guan Eng: Contoh itu salah. Helikopter dan *big ticket item* dikenakan SST.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Oleh sebab itu saya minta keluarkan senarai itu supaya kita tahu.

Tuan Lim Guan Eng: Senarai itu boleh di muat turun daripada *website* Jabatan Kastam Diraja Malaysia. [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Seorang-seoranglah cakap.

Tuan Lim Guan Eng: Rujuk kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Tuan Yang di-Pertua: 10 orang cakap mana boleh. Ya, silakan

Tuan Lim Guan Eng: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Setiu

Tuan Lim Guan Eng: Di sini kita lihat, kalau kita sebut tentang *big ticket item*, ia dikenakan SST. Kalau kita sebut macam mana orang biasa boleh dapat manfaat, saya sudah sebut tadi.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan Setiu. Ini bawah bumbung ini.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti. Nanti. Nanti.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Satu minit sahaja Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti dahulu, saya hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu, ikut peraturan mesyuarat. Kalau tidak diberikan laluan, duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau kita hendak sebut tentang lampin bayi, kita sebut, tadi saya sebut tentang kaum wanita. Tuala wanita yang dahulu dikenakan GST, sekarang di bawah SST, tidak kena langsung. Kerusi roda. Tongkat. Bukankah ini yang digunakan, yang perlu digunakan oleh orang-orang biasa? Kita tidak ada helikopter di sini.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Minta laluan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Setiu.

Tuan Lim Guan Eng: So, itulah perbezaannya. Biar saya habis ungkapan saya, boleh tidak?

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja. [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Lim Guan Eng: Duduk dahulu. Duduk. Saya ingin menyatakan bahawa bila kita laksanakan SST, ini bukan untuk memberikan manfaat kepada sesiapa melainkan kepada rakyat biasa sahaja. Kalau boleh kita tidak mahu kenakan cukai. Akan tetapi kalau tidak kenakan cukai, macam mana kita boleh jadikan kerajaan yang bertanggungjawab untuk menjalankan projek yang memberikan manfaat kepada rakyat?

■1950

So itulah kalau kita kena pilih, *we choose the lesser of two evils...*

Seorang Ahli: *You are the evils.*

Tuan Lim Guan Eng: ...Dan itulah SST. Di sini saya harap...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tadi kata hendak beri. Boleh?

Tuan Lim Guan Eng: Bahawa pihak pembangkang...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu boleh Menteri? Minta laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya Yang Berhormat Rembau dahulu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Selepas ini Setiu ya.

Tuan Lim Guan Eng: Rembau dahulu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Okey, okey.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan tadi. Penjelasan yang menyebutkan bahawa di bawah GST, 545 barangan dan perkhidmatan dikecualikan dan di bawah SST, sebab

SST ia tidak mengamalkan *negative list*, ia *positive list*, jadi bukan dikecualikan tetapi 5,443 yang *not exempted but it is not in the positive list of the SST*.

Akan tetapi sebenarnya— dan itu menunjukkan perbandingan sepuluh kali ganda barangan yang dicukaikan di bawah GST dibandingkan dengan SST. Akan tetapi perbandingan itu *misleading* sebab apa yang perlu kita tengok adalah pada bakul CPI. Ini kerana kalau kita tengok kepada setiap *line item*, ada banyak barangan dan perkhidmatan yang sebenarnya tidak ramai orang beli. Tidak menjadi keperluan asas, tidak menjadi barangan dan perkhidmatan yang semua orang beli. Jadi sekiranya kita tidak diberikan senarai 5,000 itu, kita tidak tahu, walaupun boleh dimuat turun dan sebagainya, baru sahaja dimuat turun, baru sahaja di *upload*. Apa yang penting adalah bakul CPI. Bakul CPI dia, perbezaan tidak sampai sepuluh kali ganda. Bakul CPI perbezaannya adalah 22 peratus sahaja— *38 percent under SST, 60 percent under GST*.

Jadi apa yang kita cadangkan di sini adalah untuk membantu supaya GST diturunkan kadar dan barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan ditambah kepada senarai *exclusion list*. Itu yang maksud kita tadi. Jadi, Yang Berhormat Menteri, berbalik kepada tuala wanita, berbalik kepada tongkat, berbalik kepada kerusi roda, berbalik kepada lampin bayi. *All these things Minister can be put in the exclusion list. Keep the GST. It is a better system. Expand the exclusion list. Because, Menteri sendiri mengakui bahawa tidak pernah buat simulasi on how to get the same outcome with GST.*

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu bahawa Yang Berhormat Rembau mati-mati hendak sokong GST.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Okey, boleh beri Setiu? Tadi...

Tuan Lim Guan Eng: Tidak apa. Itulah terserah kepada Yang Berhormat Rembau. Akan tetapi, di sini bukan sahaja kita sebut senarai yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Rembau. Motosikal di bawah 250cc, ini pun tidak dikenakan cukai kalau berbanding dengan GST. Dan basikal juga. Tadi ada Yang Berhormat Batang Sadong mengatakan basikal, berikan satu contoh. Saya pun tidak faham macam mana boleh jadi 16 peratus tetapi contoh itu pun salah kerana basikal juga tidak dikenakan SST. Akan tetapi di bawah GST, kena bayar cukai.

So di sini kita lihat, apabila kita lihat dalam aspek percukaian kosong peratus, lima peratus, enam peratus, kita kena ingat ia adalah cukai seperingkat, bukanlah cukai pelbagai peringkat. So, dengan ini dengan sendirinya menjadikan kadar sebenar, *effective rate*, kalau sepuluh peratus, ada enam peratus, kalau lima peratus, *effective*

rate adalah tiga peratus berbanding dengan GST. So dalam keadaan sedemikian, kita boleh lihat ia lebih ringan kalau berbanding dengan GST.

Tentu Yang Berhormat Rembau akan cakap, “*Oh, lebih senang kita masih kekal, masih peluk sehabis-habisnya itu GST tetapi turunkan kadar*”. Ini akan pergi kepada masalah kedua iaitu *input tax*, tuntutan balik yang tidak dibayar balik. Ini adalah satu isu yang amat besar. Mengapa tuntutan GST tidak dibayar balik dalam dua minggu seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang tetapi sampai dua tahun tidak dibayar balik? Adakah Yang Berhormat Rembau tahu sebabnya?

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya merujuk kepada pertanyaan saya kepada bekas Menteri Kewangan II dan di sini saya hendak Yang Berhormat jelaskan sepenuhnya tentang pembayaran balik *claim input tax* yang tidak dijelaskan oleh kerajaan dengan pegawai-pegawai yang ada di belakang sana. Sekiranya mengikut undang-undang, tidak bayar balik selepas 14 hari, maka kerajaan pada pihak yang salah.

Akan tetapi ada banyak kes yang saya difahamkan RM7 bilion, RM8 bilion setiap tahun adalah disebabkan pertikaian. Pertikaian daripada pihak kastam sendiri yang tidak mahu bayar balik *claim* tersebut sebab mereka mempertikaikan kesahihan tuntutan itu sebagai *input tax*. Itu disahkan oleh bekas Menteri Kewangan II yang menyatakan bahawa *this is normal*. Kalau sekiranya angkanya telah melonjak semenjak dua bulan, tiga bulan yang lepas, ini disebabkan stok-stok yang telah dibeli dalam *tax holiday* ataupun cuti percukaian yang ada tiga bulan ini, yang mana mereka terpaksa menuntut *input tax* kepada benda-benda yang sudah dibeli. *That is why the amount went up*.

Akan tetapi, berbalik kepada soalan asas, kalau masalahnya adalah proses *claim* pembayaran balik, *fix the process. C-A-T. The C is competent. You are competent, you can fix this*, Menteri. *[Dewan ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Adakah ini alasan yang diterima oleh Yang Berhormat Rembau mengapa *refund* GST tidak dipulangkan mengikut masa yang ditetapkan? *Is that the reason that you are been given? No, no, no. I just want to be fair to you. Is that the reason that you are been given? Is that the reason that you are been given?*

Seorang Ahli: Jawab, jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Saya...

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Menteri, Setiu. Tadi kata hendak beri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya amat terkejut dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Setiu, duduk dulu, duduk dulu.

Tuan Lim Guan Eng: ...Alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Rembau dan juga para Menteri di sini. Sekiranya anda tidak faham apakah sebab sebenarnya *GST refund* tidak dikembalikan, saya syak Yang Berhormat Jeli mungkin tahu. *[Dewan riuh]* Saya syak Yang Berhormat Jeli mungkin tahu.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Jawablah. Pusing nampak.

Tuan Lim Guan Eng: Ini adalah satu perkara yang serius. *[Dewan riuh]* Apa yang sepatutnya dibayar dalam masa dua minggu tetapi dua tahun tidak dibayar kerana wang dibayar sebagai pendahuluan, *advance* tidak dimasukkan dalam akaun amanah tetapi dimasukkan dalam *consolidated fund* sebagai *revenue*... *[Tepuk]* Dan kerana dianggap sebagai hasil, telah digunakan oleh kerajaan dahulu terlebih dahulu. *[Dewan riuh]* Itulah sebabnya bila Yang Berhormat sebut hendak merombak GST, saya hendak sebut di sini, bukan merombak GST tetapi merompak *refund GST!* *[Dewan riuh]*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Ini adalah satu perompakan yang serius di mana wang yang sepatutnya berada dalam akaun amanah tidak ada dalam akaun amanah. *[Dewan riuh]*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, no.*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Macam mana kerajaan sekarang boleh bayar kalau tidak ada dalam akaun amanah? Tuan Yang di-Pertua...

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat...

[Pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Baca jawapan itu.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Jawapan sudah sampai itu. Baca, baca jawapan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jawapan sudah sampai, baca.

Tuan Lim Guan Eng: Saya bertanya sama Yang Berhormat Rembau, adakah Yang Berhormat Rembau sedar tentang perkara ini atau tidak? *[Dewan riuh]* Jangan main-main dalam akaun kewangan...

[Pembesar suara dimatikan]

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat kalau buat tuduhan...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tahu atau tidak tahu? Jawab.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ...Kalau buat jawapan macam itu, mesti dibuktikan... *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Buktikan.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Mesti dibuktikan.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, saya akan buktikan esok bila saya bantangkan rang undang-undang pemansuhan GST.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Okey, satu, mesti dibuktikan. Kedua...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tahu atau tidak tahu?

Tuan Lim Guan Eng: *You should know, you should know the accounts.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Kedua, yang kedua Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: *If you read through the account, you should know.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: *As a Minister, you have a responsibility to look through the accounts. You have failed to do so.*

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: RM100 juta pun hilang, mana dia tahu.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Are you done? Are you done?*

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukanlah satu perkara yang mudah. *[Dewan riuh]* Itu bukanlah satu perkara sembarangan.

■2000

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Are you finished?*

Tuan Lim Guan Eng: *This is the collective responsibility of this biggest Barisan Nasional Cabinet.*

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: RM100 juta mana pergi?

Tuan Lim Guan Eng: Wang *refund* GST telah dirompak oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Are you finished? Are you finished?*

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Minta maaf kepada rakyat.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You can make all of the political statements that you want.*

Tuan Lim Guan Eng: *No, tomorrow you'll get the facts.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Are you finished? Okay.*

Tuan Lim Guan Eng: Duduk dahulu, duduk dahulu.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Esok tidak apa...

Tuan Lim Guan Eng: Duduk dahulu.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Esok...

Seorang Ahli: Duduk! [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Menteri peluang untuk menjawab dahulu. *Sit down, sit down.*

[*Dewan riuh*]

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *To be fair.*

Tuan Lim Guan Eng: Ini hak saya. Saya minta Yang Berhormat Rembau duduk dahulu.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Itu sahaja? [*Pembesar suara dimatikan*] [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ikut peraturan mesyuarat. Apabila seseorang Yang Berhormat berdiri berucap, kalau tidak diberikan laluan sila duduk. *Sit down.*

Seorang Ahli: Hei duduklah!

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Rembau duduk. Yang Berhormat Rembau duduk.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, ikut peraturan. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: *You all have to listen to the Chair.* Tuan Yang di-Pertua menyuruh Yang Berhormat Rembau duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Hei, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Lim Guan Eng: Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu pula Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: ...Apabila kita sebut tentang SST...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu pula Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: ...Kerana ia adalah cukai – nanti saya habis dahulu, saya bagi. Saya habiskan ini dahulu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Ini berkait dengan SST ini.

Tuan Lim Guan Eng: ...Kerana cukai ini adalah SST adalah cukai seperingkat. Tidak ada perlunya input *tax* untuk meminta *refund* dibuat. Berbanding dengan GST yang merupakan *multi-stage tax system*, cukai pelbagai peringkat di mana tuntutan GST diperlukan sehingga mereka tidak boleh menuntut balik menyebabkan cukai ini lambat-lambat harga naik begitu tinggi kerana pihak pengilang, pihak pembayar cukai tidak boleh dapat *refund* mereka. Dua tahun.

Kalau dua tahun tidak boleh dapat balik tentu ada satu masalah yang lebih besar daripada pertikaian tentang jumlah yang patut dibayar. Akan tetapi ini tidak diambil peduli oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu dan itulah sebabnya supaya kita ada satu sistem percukaian satu peringkat yang saya rasa lebih mudah, lebih jelas supaya masalah tuntutan tidak dibayar balik tidak akan timbul lagi dan ini bukanlah melibatkan satu jumlah yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat kesal bahawa dalam usaha untuk memainkan politik, pihak pembangkang sedia korbankan kestabilan dan kukuh kewangan negara kita. Pihak pembangkang tahu apabila GST dimansuhkan, kita perlu ada satu gantian. Tanpa gantian negara kita akan menghadapi defisit dalam baki semasa. Adakah ini tidak diambil berat oleh pihak pembangkang? Secara membuta tuli bangkang demi membangkang sahaja..

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: ...Saya rasa ini bukanlah satu sikap yang bertanggungjawab sebagai sebuah parti pembangkang...

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Menyampuk]

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut]: Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You yang abolished* bukan kita.

Tuan Lim Guan Eng: ...saya – kami tepati janji.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Okey terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut melaksanakan SST ini sebagai memenuhi janji parti Harapan semasa PRU tetapi saya tengok dalam janji PRU ini tidak sebut untuk melaksanakan GST cuma disebut nombor satu menghapuskan – tidak sebut pun hendak menghapuskan – hendak laksanakan SST. Cuma yang disebut untuk menghapuskan GST dan mengurangkan kos sara hidup dengan pelbagai inisiatif peduli rakyat. Jadi dalam Manifesto PH itu tidak sebut pun untuk dilaksanakan SST. Jadi kami bagi pihak PAS, kami menolak kedua-duanya GST dan SST. Cuma hendak tanya betul kah bahawa parti Harapan ini menjanjikan akan ganti SST kepada GST sebab dalam manifesto tidak disebut pun?

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Yang Berhormat mana?

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Yang Berhormat Setiu bacalah manifesto yang betullah. Mungkin anda membaca Manifesto Barisan Nasional. Bacalah Manifesto Pakatan Harapan yang betul. Sila, Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Saya hendak tanya *straight forward question* sahaja kepada Yang Berhormat Menteri tadi sebut pasal *unpaid claim* ini yang dibangkitkan tadi. *So, unpaid claim* ini pertama saya hendak tahu berapa jumlahnya? Nanti dahulu, kemudian saya hendak tahu juga berapa yang terlibat dengan yang dikatakan *fictitious transaction* yang sampai sekarang belum diputuskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia ataupun masih berada di mahkamah? Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Yang Berhormat Kepala Batas sabar sedikit bahawa saya akan mendedahkan segala-galanya apabila saya membentangkan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 . Akan tetapi ini adalah sebagai satu amaran awal bahawa anda telah gagal menjalankan amanah sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam perkara ini.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua...

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Lim Guan Eng: Saya -- sekurang-kurangnya biar saya habis baca ayat ini. Saya akan bagi, biar saya habis baca ini dahulu. Saya juga ingin menolak dakwaan daripada pihak pembangkang yang menyatakan apabila kita laksanakan SST bermakna cukai adalah sebanyak 16 peratus, ini tidak benar. Kalau boleh tunjukkan apakah jenis barangan yang akan dikenakan 16 peratus? Saya harap marilah kita kalau hendak kira -- nanti saya habiskan ini dahulu. Saya sudah janji kepada Yang Berhormat Rembau -- kalau kita hendak campur pun, kita mesti campur dengan nilai yang sama. Tidak boleh campur dengan nilai yang tidak sama. *We must add on with the equivalent.* Saya minta Ahli Parlimen daripada PAS bacalah betul-betul kerana kalau tidak baca betul-betul dari segi profesionalisme kewangan akan dipertikaikan. So, di sini saya terima secara ikhlas pandangan yang diberikan tetapi biarlah ia berdasarkan asas yang benar dan yang betul. Ya, sila Yang Berhormat Rembau.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Esok kita tunggulah berkenaan dengan butiran yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa duit itu tidak masuk kepada Tabung Amanah tetapi dimasukkan ke dalam akaun AMANAH tetapi dimasukkan dalam *consolidated fund*. Akan tetapi di sini *just* sepintas lalu apabila dimasukkan dalam *consolidated fund* boleh juga digunakan untuk pembayaran balik, dimasukkan semula. Itu tidak apalah, kita tunggu esok.

Cuma yang saya hendak tanya di sini adalah berikut -- kita tolak ke tepi perkara tersebut. Itu adalah berkenaan dengan kelemahan yang lepas yang kita masih lagi tunggu buktinya yang akan dibentangkan esok. Akan tetapi hari ini Yang Berhormat Menteri ada peluang untuk memastikan bahawa pembayaran balik itu berjalan dengan lancar. Maksud saya *the system itself. You fix the process, you keep the system.* Masih lagi tidak dijawab kenapa kalau sekiranya itu tolak ke tepi tuntutan yang lepas *because you have a lot of time to payback.* Akan tetapi hari ini kenapa tidak diamalkan sistem yang sebenar, yang sama? Apakah Yang Berhormat Menteri mengakui bahawa *you cannot also fix the system? You cannot also fix the claim system?*

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Rembau, kalau sekiranya Yang Berhormat Rembau telah jadi Menteri sekian lama tidak tahu tentang perkara ini, apakah ini menunjukkan -- apakah yang ini menunjukkan *this shows that the rot has set in...*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *I think you should just answer the question.*

Tuan Lim Guan Eng: ...Biar saya habis dulu. Mengapa [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Menteri menjawab. [*Dewan riuh*] Sila, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Rembau tidak mahu dengar saya habis penjelasan saya. Saya rasa tidak ada makna saya hendak bagi jalan kelak. *You want me to give, you must at least let me finish my explanation. You don't even let me finish my explanation, you jump up and down like this. That is not the way*, Yang Berhormat.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: ... *You jump up and down here before...*

Tuan Lim Guan Eng: *That is not the way. Ya lah because that is why we tell you that is not the way.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Menyampuk*] *Ya lah last time you worse.*

Tuan Lim Guan Eng: *That is not the way.*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *We learn from you.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Menyampuk*] *We give back your medicine.*

Tuan Lim Guan Eng: Inilah standard kita tidak payah ambil pedulilah, sudah. Apa yang penting ialah seperti Yang Berhormat ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Menyampuk*] *Belajar daripada you.*

Tuan Lim Guan Eng:...Sebut tadi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat lah guru kami.

■2010

Tuan Lim Guan Eng:...Bahawa wang ini masuk kepada *consolidated fund* tetapi masuk balik kepada akaun amanah.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *I understand. That point I settle down. The second point.*

Tuan Lim Guan Eng: Akan tetapi hendak sebut di sini bahawa jikalau dia dimasukkan kepada *Consolidated Fund* iaitu Kumpulan Wang Disatukan dan kemudian

dikeluarkan kepada akaun amanah, tidak ada masalah. Saya tidak akan tipu ini langsung, tetapi ini tidak dilakukan. Saya akan bagi butiran kerana tidak dimasukkan ke Tabung Amanah. Apabila diminta untuk dibayar balik, saya tengok akaun amanah tidak ada wang. Macam mana hendak bayar balik? Ini semua angkara siapa? Ini semua angkara Kerajaan Barisan Nasional yang rakus dan rasuah. Saya berasa sangat marah tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana perkara ini bukanlah wang kerajaan, ini ialah wang rakyat yang dirompak dan saya tidak dapat memulangkan wang mereka sendiri. Ini satu pengkhianatan kepada rakyat Malaysia. *[Dewan riuh]*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak jawab. *I haven't finished replying, sit down.* Saya hendak jawab Yang Berhormat daripada Rembau.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Boleh ya, lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rembau bagi kesempatan untuk Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: *Have according to the rules of debate. Let me finish my explanation and you can come out and ask for right of reply. So, Yang Berhormat Rembau patut faham, apabila kita sebut sistem yang dicanangkan oleh Yang Berhormat, mengapa kita tidak boleh amalkannya, seperti saya syorkan tadi. The road has set in to deep. You have to completely change the system from GST to SST. [Dewan tepuk]* Sila.

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Menteri masih lagi tidak menjelaskan kenapa *you have to replace the whole system*. Tidak, tidak. Oleh sebab sekarang ini kita ada hutang tertanggung iaitu input *tax claim*. Jumlahnya akan diumumkan kemudian, *detail* dia akan diumumkan kemudian. *I'm going on peace's here Yang Berhormat Menteri yang saya tahu, yang saya tahu input tax claim before 1st September 2018 and not yet pay to the DG of customs, shall be paid within six years of 1st September 2018.*

Tuan Lim Guan Eng: Jelaskan. Saya ialah cakap tentang input *tax* sebelum ini. Ini ialah untuk menutup akaun, *this is for closure, but I'm talking about before, I'm not talking about in future.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *How long do you have to be paid? How long?*

Tuan Lim Guan Eng: *You are talking about before yang tidak dibayar, itu satu jumlah yang sangat besar.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Saya hendak tahu, how long do you have to pay, the input tax claim that have not been refunded yet?*

Tuan Lim Guan Eng: *I'm talking about input tax that have not been refunded yet before.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Ya, ya but how long do you have to pay?*

Tuan Lim Guan Eng: *Two weeks, until the law is two weeks.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, no. Now, now, now after this. What guarantee are you giving. How long?*

Tuan Lim Guan Eng: *That's why I want to tell you, where we got the money.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Now because, how long? How long?*

Tuan Lim Guan Eng: *Because is not in the trust account.*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *That is your job, pasal Minister.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *How long do you have to pay. How long are you going to take to pay. [Dewan riuh]*

Tuan Lim Guan Eng: *You are talking about which one? We are talking about the closure or what?*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *The input tax claim...*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Tuan Yang di-Pertua, ini bukan Parlimen Amerika.*

Tuan Lim Guan Eng: *Let me address that. Under the GST, this is under the GST.*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Yes, under the GST.*

Tuan Lim Guan Eng: *Kita semua tentang SST sekarang. Bolehkah kita berbalik. Ini kerana jikalau kita campur tangan GST...*

Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *No, no, no, saya hendak tanya benda yang basic sahaja.*

Tuan Lim Guan Eng: *Tidak habis-habis, so marilah kita tumpukan kepada SST. Mengapa ia adalah lebih baik jikalau kita banding dengan GST. Itulah perkara pokoknya dan seperti yang saya sebut kerana ia hanyalah cukai seperingkat. Ia mudah, peluang penyelewengan pun dapat disekat. Supaya rakyat tidak rugi lagi, seperti mana yang mereka rugi sebelum ini.*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak ucapkan terima kasih kepada banyak syor-syor yang dibuat oleh Ahli Parlimen. Supaya proses *engagement* diadakan dengan semua *stakeholders*. Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mulakan proses ini dan saya akan minta mereka untuk mempertingkatkan. Kita masih sedia untuk terima cadangan-cadangan yang dibuat oleh mereka. Seperti yang saya sebutkan tadi, bahawa tujuan kami ialah untuk memastikan bahawa kesejahteraan rakyat dapatlah dikekalkan. Tentu kos sistem, kos latihan, kos *compliance* ini adalah sesuatu yang kita ambil berat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos untuk melaksanakan GST adalah sebanyak RM376 juta. Di mana ianya terdiri daripada kos untuk membangunkan sistem pengkomputeran GST sebanyak RM98 juta. Selain itu kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk subsidi perisian perakaunan GST kepada SME. Geran latihan sebanyak RM60.5 juta, publisiti sebanyak RM38 juta dan program pengauditan sebanyak RM29.5 juta.

Berbanding SST, kos yang ditanggung oleh kerajaan adalah hanyalah sebanyak RM4.5 juta iaitu berkaitan dengan kos bagi membangunkan sistem MySST di Jabatan Kastam Diraja Malaysia. So, jikalau kita lihat secara perbandingan, adalah ketara sekali. Ia jauh lebih rendah, berbanding dengan GST.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tegaskan di sini ialah bahawa, kita ada banyak syor-syor, ada cadangan yang dibuat oleh pelbagai pihak dan semua pun saya telah merayu bahawa demi kepentingan negara, saya merayu pihak pembangkang untuk menyokong rang undang-undang ini. Akan tetapi nampaknya, pihak pembangkang akan menggunakan kuasa majoriti dalam Senat untuk menidakkan kuasa mandat yang diberikan oleh rakyat pada PRU yang ke-14. Saya harap Ketua Pembangkang bolehlah menghormati keputusan rakyat. Ini kerana, inilah prinsip demokrasi, yang kalah kena terima keputusannya, yang menang haruslah diberikan peluang untuk memerintah untuk lima tahun ini. [*Dewan tepuk*]

Saya tahu apa yang saya sebut atau jawab tidak akan mendapat atau tidak akan meyakinkan pihak pembangkang. Yang penting ialah untuk meyakinkan rakyat Malaysia bahawa kita akan pastikan seberapa yang boleh. Kita tidak akan buat jaminan seperti yang dibuat oleh kerajaan dahulu bahawa SST akan menyebabkan harga turun, tidak. Kita tidak akan nyatakan bahawa SST akan buat harga turun, tidak. Akan tetapi yang kita sebut, sekiranya harga naik, impaknya ialah separuh, berbanding dengan GST. [*Dewan riuh*] Kita akan berusaha seberapa yang boleh untuk memastikan harga itu terkawal.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, minta pencelahan sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh itu saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada semua yang memberikan ucapan dan saya mohon untuk menyokong. *[Dewan tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab sekarang jam 8.18 malam...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Peraturan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sebentar.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Usul pagi tadi hanya setakat 8.30 malam, jadi kita harus panjangkan tempoh. Jadi saya minta Menteri mengemukakan Usul...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Bawa Usul lagi sehingga selesai.

Tuan Yang di-Pertua: Sehingga selesai.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

8.19 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 8 Ogos 2018.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Peraturan mesyuarat.

■2020

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 54(1) dan dibacakan bersama juga 54(2); saya memohon agar rang undang-undang yang sedang dibahas ini diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Akan tetapi, ada Usul oleh Yang Berhormat Beluran. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan kepada majlis Usul Yang Berhormat Beluran seperti yang dikemukakan tadi untuk diputuskan. Ada penyokong tidak Yang Berhormat Beluran?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2), Usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta agar Usul ini dibelah bahagi. *[Dewan riuh]*

[Lebih 15 orang Ahli bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Belah bahagi? Okey, Usul ini dibelah bahagi. Silakan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut peraturan mesyuarat lebih dari 15 orang, jadi kita belah bahagi.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■2030

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah menerima keputusan belah bahagian. Jumlah yang bersetuju seramai 51 orang. *[Dewan tepuk]* Ahli yang tidak bersetuju seramai 111 orang. *[Dewan tepuk]* Ahli yang tidak mengundi seramai 4 orang. *[Dewan tepuk]* Jadi, usul Yang Berhormat Beluran tidak disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan semula usul kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 109 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 8 Ogos 2018.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.40 malam]